

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN

BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2006

Jawatankuasa:-

Jadual:-

Maksud B. 44

(Halaman 14)

Maksud B. 45

(Halaman 38)

Maksud B. 46

(Halaman 95)

Maksud B. 48

(Halaman 133)

USUL-USUL:

Usul Anggaran Pembangunan 2006

Jawatankuasa:-

Maksud P. 44

(Halaman 14)

Maksud P. 45

(Halaman 38)

Maksud P. 46

(Halaman 95)

Maksud P. 48

(Halaman 133)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat

(Halaman 13)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib,
PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) -
MCA

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK.
(Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
9. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
10. “ Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) – UMNO
11. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
12. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
13. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
14. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
15. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO

16. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
17. " Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
18. " Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) – MCA.
19. " Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop
20. " Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) – UMNO
21. " Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
22. " Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
23. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
24. " Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) – UMNO
25. " Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
26. " Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
27. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
28. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. " Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB
30. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. " Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. " Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
33. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) – GERAKAN
2. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA

4. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Taph) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO

26. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Mah Siew Keong, (Telok Intan) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato’ Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB

10. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato’ Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
22. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato’ Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato’ Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. “ Dato’ Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. “ Dato’ Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. “ Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) – PBB

12. Yang Berhormat Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. “ Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
14. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
19. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - PAS
20. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
21. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
22. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
23. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
25. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
26. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
27. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
28. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
29. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
30. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
31. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
32. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
33. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
34. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
35. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
36. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
37. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
38. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
39. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
40. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
41. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
42. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
43. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
44. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
45. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
47. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
48. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
49. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
50. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
51. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
52. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS

53. Yang Berhormat Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
54. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
55. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
56. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
57. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
58. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
59. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
60. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
61. “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
62. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
63. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
64. “ Dato’ Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
65. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
66. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
67. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
68. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
69. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
70. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
71. “ Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
72. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
73. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
74. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
75. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
76. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
77. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
78. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
79. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
80. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
81. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
82. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
83. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
84. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
85. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
86. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
87. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
88. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
89. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
90. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO

91. Yang Berhormat Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
92. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
93. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
94. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
95. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
96. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
97. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
98. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
99. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
100. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
101. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
102. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
103. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
104. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
105. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
106. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
107. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
108. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
109. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
110. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P.,S.P.M.S. (Gua Musang) – UMNO
111. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
112. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
113. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
114. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
115. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
116. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
117. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
118. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
119. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
120. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
121. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
122. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
123. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
124. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
125. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

1. Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop

DEWAN RAKYAT

Setiausaha Dewan Rakyat

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS

PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Kamisah binti Sayuti
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Saadiah binti Jamaludin
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Hairan bin Mohtar
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 30 November 2005

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Haji Hassan bin Malek [Kuala Pilah]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan usaha bagi mengaktifkan semua persatuan belia di kampung-kampung agar pelbagai aktiviti belia dapat diadakan bagi menghindari mereka terjebak dalam gejala sosial. Ganjaran dalam bentuk apakah yang patut diberikan kepada mereka yang aktif.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kuala Pilah kerana sering membangkitkan isu-isu berkenaan dengan Kementerian Belia dan Sukan. Kementerian ini menyedari bahawa masih terdapat persatuan belia khususnya di peringkat akar umbi yang tidak bergerak aktif atas sebab yang tertentu. Usaha untuk mengaktifkan semula persatuan belia yang lesu ini amat perlu bagi membolehkan persatuan belia terbabit memainkan peranan sewajarnya dalam agenda pembangunan belia dan masyarakat setempat.

Antara usaha yang dijalankan kementerian pada tahun 2005 ini untuk mengaktifkan persatuan belia khususnya di peringkat akar umbi termasuklah melaksanakan program latihan kepimpinan iaitu kursus pembangunan kepimpinan peringkat asas, program pembangunan kemahiran kepimpinan peringkat pertengahan, program pembangunan kemahiran kepimpinan peringkat tertinggi, program kepimpinan persatuan beruniform dan kursus kepimpinan khas melibatkan 600 orang peserta. Sementara itu penyaluran bantuan kewangan untuk melaksanakan aktiviti juga turut disalurkan kepada persatuan-persatuan belia. Menyalurkan bantuan kepada persatuan belia di peringkat daerah.

Tuan Yang di-Pertua, bantuan kewangan disalurkan kepada 12 persatuan belia lesu untuk peringkat daerah yang dikenal pasti untuk menerima RM3,000 bagi membolehkan persatuan bergerak semula melalui pelaksanaan aktiviti yang sesuai. Dalam hal berkaitan pemberian pengiktirafan kepada pemimpin belia atau persatuan belia yang aktif lagi cemerlang kementerian ini mengiktiraf peranan dan sumbangan mereka melalui Anugerah Belia Negara dan Anugerah Perdana Pertubuhan Belia. Anugerah Belia Negara diberikan kepada pemimpin belia atau individu belia mengikut kategori-kategori tertentu iaitu kategori kepimpinan, kategori kesukarelaan, kategori kemahiran, kategori keusahawanan, tokoh belia lelaki, tokoh belia wanita dan anugerah khas daya juang Malaysia Boleh. Terima kasih.

Datuk Haji Hassan bin Malek: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Saya mengucapkan terima kasihlah kerana pihak kementerian mengambil berat tentang perkara ini dan disusuli juga dengan program-program oleh kerajaan negeri khususnya kepada Kerajaan Negeri Sembilan yang telah menggubal, merunding dan sedang menggubal rancangan pembangunan belia untuk negeri Sembilan khususnya. Soalan saya bagaimana pula bagi pihak kementerian, apakah rancangan bersepadu pihak kementerian untuk membangunkan belia di negara ini secara umumnya. Terima kasih.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, rancangan bersepadu Kementerian Belia dan Sukan dalam membangunkan belia negara dapat dilihat melalui pendekatan 3K iaitu - kepimpinan, keusahawanan dan kemahiran. Pendekatan ini juga dinyatakan dalam teras pembangunan belia yang termaktub dalam Rancangan Malaysia Kelapan iaitu untuk melengkapkan belia dengan

sikap pengetahuan dan kemahiran perlu bagi membolehkan mereka menghadapi halangan dan menyesuaikan diri dengan pembangunan ekonomi yang pesat serta arus globalisasi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam program kepimpinan, Institut Latihan Kepimpinan Belia di Port Dickson, kementerian kami menjalankan banyak kursus. Dari segi program keusahawanan, kementerian kita menjalankan kursus di institut keusahawanan belia negara, Ipoh (*Incape*) dan program kemahiran memberi fokus terhadap latihan kemahiran vokasional dan kementerian kami menjalankan kursus kemahiran belia di IKBN dan institut kemahiran belia tinggi, belia persatuan. Terima kasih.

Tuan Ismail bin Mohamed Said: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Setiausaha Parlimen. Jawapan daripada pihak kementerian cukup cantik, cukup hebat, beberapa latihan kepimpinan kemahiran dan sebagai selalu dinyatakan dibuat dan dilaksanakan. Dan persatuan belia diminta untuk mengaktifkan persatuan belia, bagi belia tidak terjebak dalam masalah sosial dan sebagainya. Dan apabila kita meneliti dan khususnya bagi negeri Pahang, pagi tadi saya telah berhubung dengan Pengarah Belia negeri Pahang, terhadap peruntukan-peruntukan untuk mengaktifkan persatuan belia. Kalau dahulu setiap daerah diberikan peruntukan.

Persatuan belia boleh memohon kepada daerah dan diberikan peruntukan sejumlah RM100 ribu kepada negeri tetapi malangnya melalui borang PB1, Pengarah Belia dan Negeri telah menghantar permohonan-permohonan bagi pihak persatuan-persatuan belia seluruh negeri Pahang, namun demikian malangnya satu sen pun belum dapat kepada pengarah belia negeri untuk diagihkan untuk kepada kesatuan belia...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Ismail bin Mohamed Said: Jadi, apakah tindakan yang sepatutnya dapat mengaktifkan persatuan belia kalau fulusnya tidak ada.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krau. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan peruntukan saya tidak ada maklumat kerana soalan adalah berkenaan dengan persatuan lesu. Walau bagaimanapun, saya ingin memberitahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa setakat ini dan masa sekarang kementerian sedang menguruskan bantuan untuk semua persatuan kerana terdapat kekurangan peruntukan dari segi peruntukan untuk belia pada tahun ini. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengesyorkan kepada Yang Berhormat bagi Kuala Krau, kalau ada apa-apa permohonan yang ditujukan kepada Yang Berhormat bolehlah dikemukakan kepada saya dunia saya akan memastikan bahawa peruntukan sewajarnya turun kepada negeri Pahang. Terima kasih.

2. Datuk Richard Riot Jaem [Serian] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan rancangannya untuk menyeragamkan elaun-elaun ketua-ketua kampung di seluruh negara yang dianggarkan berjumlah 11 ribu orang.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Lafe]: Terima kasih sahabat saya dari Serian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Usaha untuk menyelaraskan elaun-elaun ketua kaum, ketua-ketua kampung di seluruh negara telah bermula semenjak 2002 apabila Kementerian Kewangan meluluskan cadangan unit penyelarasan pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri supaya kadar menerima elaun ketua kaum atau ketua kampung ditetapkan sebanyak RM150.00 sebulan. Keputusan tersebut telah dimaklumkan kepada kerajaan-kerajaan negeri oleh Kementerian Kewangan pada 26 Ogos 2002 untuk diterima pakai oleh semua negeri.

Namun demikian, kementerian mendapati perbezaan kadar semasa elaun ketua-ketua kampung yang dibayar di antara negeri-negeri adalah agak ketara iaitu sebanyak RM450.00 sebulan dan kerana terendah adalah RM600.00 setahun atau RM50.00 sebulan. Manakala kadar tertinggi pula ialah RM6 ribu setahun ataupun RM500.00 sebulan. Jadi, perbezaan yang ketara itu jika dibiarkan berlanjutan boleh menjejaskan prestasi ketua-ketua kampung dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Jadi memandangkan ketua-ketua kampung memainkan peranan penting dalam pembangunan luar bandar di seluruh negara maka kementerian bercadang

untuk menyelaraskan kadar elaun berkenaan dengan harapan ketua-ketua kampung akan lebih komited dalam melaksanakan tanggungjawab mereka pada masa hadapan. Jadi, cadangan untuk menyelaraskan kadar elaun ketua kampung sebanyak RM400.00 sebulan atau RM4,800 setahun telah dicadangkan dalam mesyuarat di antara kementerian dengan *Exco-exco* luar bandar dalam mesyuarat *Ex-club* pada 16 Ogos tahun ini. Jadi, kementerian akan meneliti dengan lebih mendalam cadangan ini setelah mendapat maklum balas daripada kerajaan-kerajaan negeri dan cadangan muktamad akan dikemukakan kepada kerajaan untuk persetujuan. Sekian.

Datuk Richard Riot Jaem: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagai seorang wakil rakyat dari kawasan luar bandar saya amat mengalu-alukan hasrat kerajaan untuk menyeragamkan elaun ketua kampung ini dan saya percaya Tuan Yang di-Pertua, berita ini adalah berita baik bagi semua ketua kampung di seluruh negara. Soalan saya, sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa elaun RM450.00 ini akan diberikan kepada ketua kampung, tetapi beliau tidak menyebutkan bilakah tarikh sebenar elaun itu akan berikan, itu sahaja. Terima kasih.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Yang Berhormat terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi, buat masa sekarang kementerian sedang menunggu maklum balas daripada agensi-agensi pusat iaitu Perbendaharaan, ICU, EPU dan selepas itu sekiranya kita dah dapat maklum balas kita akan membuat memorandum untuk di hantar kepada kabinet untuk kelulusan. Sekian.

Tuan Baharum bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mengalu-alukan pihak kementerian untuk memberikan elaun ini kepada ketua-ketua kampung di seluruh negara kerana kawasan saya juga merupakan kawasan luar bandar. Jadi soalan tambahan saya, saya hendak tanya ialah selain daripada elaun RM400 yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, adakah ketua-ketua kampung ini juga akan dibayar elaun-elaun lain seperti elaun perjalanan, menghadiri kursus ataupun lain-lain elaun seperti mana pegawai-pegawai kerajaan yang lain? Terima kasih.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Ahli Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab, untuk makluman Dewan yang mulia ini setakat ini kita ada tiga kategori ketua kampung. Ini tidak ambil kira di Sarawak di mana kita ada dua tiga peringkat. Jadi tiga kategori ini adalah satu kumpulan yang menjadi kumpulan sasar kementerian. Yang kita sasarkan sekarang ialah ketua-ketua kampung yang juga merupakan pengerusi JKK. Yang kedua adalah ketua kampung tetapi mereka tidak semestinya jadi pengerusi JKK. Yang ketiga, ada negeri-negeri yang ada ketua kampung tetapi tidak mempunyai JKK.

Jadi setakat ini kementerian menyasarkan kumpulan yang pertama iaitu kumpulan yang terbanyak setakat ini mereka yang memegang jawatan ketua kampung dan juga pengerusi JKK. Mereka inilah yang akan disasarkan dahulu supaya mendapat elaun RM450 iaitu RM400 daripada Kerajaan Persekutuan dan yang lebihnya Kerajaan Negeri akan bayar. Elaun-elaun lain itu terpulanglah kepada Kerajaan Negeri kerana mereka yang akan bertanggungjawab untuk melantik mereka ini dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

3. Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah justifikasi mengenakan cas sebanyak RM5,000 untuk mata pelajaran Bahasa Inggeris bagi Skim Latihan Siswazah menganggur untuk seorang pelatih bagi tempoh 6 bulan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, penetapan kadar yuran bagi seorang pelatih untuk semua program latihan termasuk program Bahasa Inggeris bagi skim latihan graduan adalah berdasarkan tempoh latihan iaitu kira-kira enam bulan. Bagi program sijil bahasa Inggeris peruntukan bantuan kewangan seorang pelatih adalah RM6,000 iaitu RM3,000 sebagai yuran pelatih selama tempoh enam bulan dan baki RM3,000 lagi sebagai elaun pelatih. Latihan yang dijalankan adalah secara intensif dari pukul 9.00 pagi hingga 5.00 petang dan melibatkan dua tenaga pengajar.

Di samping itu, penyedia latihan juga perlu menyediakan kemudahan latihan yang mencukupi seperti komputer dan lain-lain kemudahan latihan yang bersesuaian.

Penyedia latihan juga dikehendaki mendapatkan tempat-tempat latihan iaitu majikan yang bersesuaian bagi pelatih menjalani latihan praktikal di premis majikan dan mereka juga perlu mengawal selia latihan praktikal ini supaya berjalan dengan sempurna. Pemilihan majikan untuk latihan praktikal adalah penting supaya pelatih dapat mempelajari suasana kerja sebenar dan yang paling penting majikan dapat mengambil mereka sebagai pekerja. Terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya maklum bahawa bukan sahaja kursus bahasa Inggeris tetapi juga terdapat 10 kursus yang lain yang membawa kepada jumlah kesemuanya 11 kursus yang ditawarkan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, jika 11 modul kursus ini memberikan kesan yang konstruktif dan juga positif kepada pelatih-pelatih apakah yang memberhentikan ataupun yang menafikan pihak kementerian daripada mencadangkan supaya modul-modul ini diperkenalkan di sekolah, pra sekolah, sekolah rendah, dan juga di peringkat institusi pengajian tinggi awam dan swasta supaya sebaik sahaja graduan ini keluar daripada institut-institut pengajian tinggi mereka sudah boleh berkomunikasi di dalam bahasa Inggeris dengan berkesan, lebih baik keterampilannya, lebih wibawa dan sebagainya.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya pohon Yang Berhormat Timbalan Menteri senaraikan kursus-kursus itu kalau bolehlah dengan yuran pelatihnya berapa elaunnya berapa yang 11 tadi itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Memang kesan yang begitu positif terdapat apabila dibuktikan skim latihan graduan satu dan juga dua yang telah bermula pada 2001 lebih daripada 85% mereka ini akan mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan dan lebih daripada itu setelah lebih pada enam bulan.

Mengenai dengan cadangan supaya diadakan modul-modul di peringkat pra sekolah, sekolah dan pra universiti itu memang satu cadangan yang baik dan kita telah pun berbincang dengan pihak kementerian sama ada pendidikan dan juga pengajian tinggi. Walau bagaimanapun, kita hanya berupaya memberikan setakat cadangan kerana pihak Kementerian Sumber Manusia hanya melibat melatih pekerja-pekerja walhal pihak pra sekolah, sekolah dan juga pra kolej, kolej, pra universiti ataupun universiti mereka bukanlah kerja, sekadar penuntut-penuntut sahaja.

Pada soalan ketiga iaitu bertanya mengenai yuran-yuran lain seperti yuran pelatih, elaun pelatih, maka saya akan sebutkan di sini iaitu:

BIL.	PERKARA	JUMLAH
1.	Sijil Pembangunan Eksekutif jumlah bantuan kewangan sama ada yuran pelatih ataupun elaun pelatih	RM 4,880
2.	Sijil <i>Web Publishing</i> dan juga <i>Web Publication Development</i> (termasuk kedua-dua yuran tadi)	RM 6,030
3.	Sijil Perakaunan Perniagaan	RM 7,500
4.	Sijil <i>Microsoft Certified System Engineer</i>	RM 8,118
5.	Sijil <i>Cisco Certified Network and Professional</i>	RM12,150
6.	Sijil Pemasaran	RM 4,880
7.	Sijil Keusahawanan	RM 4,880
8.	Sijil <i>Linux System Administrator</i>	RM 8,020
9.	Sijil Perancangan Kewangan dan Pengurusan Harta	RM 5,140
10.	Sijil pemandu Pelancong dan juga pengurusan Acara	RM 4,880

Terima kasih.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar jawapan Timbalan Menteri tadi. Bagi saya rakyat terpaksa membayar *cost of repair*

yang terlalu tinggi terhadap siswazah kerana itu bukan bidang kuasa Kementerian Sumber Manusia yang sebenarnya. Itu adalah bidang tugas Kementerian Pelajaran.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri oleh kerana melibatkan terlalu banyak *cost of repair* ini bukannya lebih baik apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu itu dipandang serius oleh kerajaan secara total? Dan apakah pandangan Yang Berhormat sekiranya saya menyatakan bahawa apa yang telah dihuraikan oleh Yang Berhormat tadi mengenai kursus-kursus itu sebenarnya bertindih dengan apa yang telah diajar di universiti dan sepatutnya diajar di universiti bukannya diambil alih oleh Kementerian Sumber Manusia?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, kita boleh bersetuju dengan pendapat itu. Sebagaimana yang telah diterangkan tadi bahawa kajian secara keseluruhan perlu dibuat. Bukan sahaja oleh satu atau dua kementerian tapi keseluruhannya supaya mata pelajaran-mata pelajaran ataupun sijil-sijil yang telah saya sebutkan tadi juga dapat di himpun dan juga dilaksanakan di peringkat Kementerian Pendidikan ataupun Kementerian Pengajian Tinggi.

Walau apa pun mengenai dengan kos itu sama ada apa jua kementerian kos tetap kos bayaran tetap juga bayaran. Yang jelas bahawa kita juga sedang memperkemaskan segala-gala kelemahan atau kekurangan bagi memastikan bahawa graduan apabila keluar mudah mendapat pekerjaan. Terima kasih.

4. Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan adakah kerajaan bercadang melaksanakan model Protokol Kyoto dilaksanakan di mana setiap negara dihadkan jumlah bahan cemar udara yang boleh dilepaskan secara pukal menerusi perdagangan bahan cemar udara dan jerebu.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' S. G. Sothinthan]: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim ataupun *United Nations Framework Convention On Climate Change*, negara peserta dibahagikan kepada dua kategori iaitu negara peserta NX1 ataupun negara maju dan negara peserta bukan NX1 ataupun negara membangun. Protokol Kyoto pula digubal di bawah *United Nations Framework Conventions On Climate Change* di mana hanya negara-negara peserta NX1 yang dikenakan had pelepasan gas-gas rumah hijau ataupun "*greenhouse gases*". Malaysia sebagai negara peserta bukan NX1 tidak dikenakan sebarang had pelepasan "*greenhouse gases*".

Walau bagaimanapun, di bawah artikel 12 Protokol Kyoto satu mekanisme di mana negara peserta bukan NX1 boleh turut menyertai aktiviti-aktiviti *clean development mechanism* bagi membantu negara peserta NX1 menepati had pelepasan yang telah ditetapkan dan dalam masa yang sama aktiviti berkenaan dapat membantu negara peserta bukan NX1 menepati objektif pembangunan lestariannya.

Malaysia sebagai ahli peserta kepada Protokol Kyoto turut menyertai pelaksanaan *clean development mechanism* dan telah pun menubuhkan infrastruktur yang berkemampuan untuk melakukan projek-projek *clean development mechanism*. Melalui aktiviti *clean development mechanism* kredit karbon yang dihasilkan boleh dijual kepada negara peserta NX1 dengan harga yang akan dipersetujui oleh kedua-dua pihak penjual dan pembeli.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri di atas jawapan tadi. Saya telah membuat pertanyaan ini berikutan dengan masalah yang sering dihadapi oleh negara iaitu keadaan jerebu. Jerebu ini adalah hasil daripada kegiatan pembakaran di negara jiran. Setiap kali ia berlaku seolah-olah negara kita tidak boleh berbuat apa-apa kerana sumber pencemarannya adalah daripada luar negeri iaitu daripada Indonesia.

Persoalannya di sini ialah Malaysia dan Indonesia ialah kedua-dua buah negara yang menandatangani *Kyoto Protocol*. Seperti mana yang dijelaskan oleh Timbalan Menteri tadi Malaysia ini adalah negara membangun bersama dengan Indonesia jadi kita ini dalam senarai yang kedua. Persoalannya di sini apakah pihak kerajaan bercadang untuk berbincang dengan Kerajaan Indonesia untuk menggunakan *Kyoto Protocol* ini untuk menangani hal masalah jerebu yang sering melanda negara kita? Itu soalan saya. Terima kasih.

Dato' S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, memang kita ada mekanisme lain untuk menangani masalah jerebu di peringkat negara-negara jiran di rantau ASEAN dan kita ada juga *ASEAN transboundary haze agreement* di mana ia pun adalah satu protokol yang memberi ruang bagi kita untuk berbincang masalah-masalah ini, dan *Kyoto Protocol* ini, sebenarnya bukanlah ruang untuk kita membincangkan masalah jerebu di peringkat *Kyoto Protocol*.

Jadi kita mempunyai satu *framework* yang lain iaitu *the ASEAN transboundary haze agreement* iaitu di mana mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN berkaitan dengan alam sekitar, kita berjumpa sekali setahun untuk membincangkan masalah ini dan pada mesyuarat bulan September yang lalu ini saya rasa telah membawa satu perbincangan yang amat baik di mana kita telah pun mengadakan satu mekanisme yang lebih efektif dan kita akan cuba amalkan pada awal tahun depan iaitu pada bulan Mac atau April untuk menangani dan kita akan lihat bagaimana kesannya mekanisme yang bakal dilaksanakan iaitu di mana satu *panel of experts* telah pun diwujudkan untuk menilai keadaan sebelum permulaan musim kemarau untuk menilai keadaan cuaca pada bulan-bulan yang akan datang dan mengambil tindakan yang lebih awal sebelum berlakunya musim kemarau pada bulan Mei hingga September. Terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, *Kyoto Protocol*, dengan izin, objektif adalah untuk *stabilization of greenhouse gases, consideration in the atmosphere at a level would prevent dangerous anthropologic interference with the climate*. Tapi dalam Malaysia walaupun kita tidak terikat dengan panduan tetapi apakah yang dibuat oleh kementerian supaya di seluruh negara - macam jerebu adalah satu aspek di antaranya - yang kerap kali kita dengar *pollution* itu terlampau tinggi hingga menyebabkan *cancerous effect* kepada populasi Malaysia ini. Bukan sahaja *open burning* adalah satu di antara perkaranya. Jadi khusus apa yang dibuat, apa yang dipantau, apakah tindakan yang telah diambil supaya perkara-perkara ini tidak terjadi? *The Kyoto Protocol is one aspect of it* tapi yang sedia ada, *clean development mechanism, how effective* perkara ini? Terima kasih.

Dato' S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa mungkin objektif *Kyoto Protocol* ini mungkin disalah tafsir oleh setengah pihak. Sebenarnya, *Kyoto Protocol* ini dilaksanakan sebenarnya untuk pastikan bahawa negara-negara yang maju, memainkan peranan untuk menurunkan *Greenhouse gas* mereka.

Jadi, di mana kelonggaran diberikan untuk negara-negara membangun supaya mereka dapat melaksanakan program-program pembangunan mereka dan juga supaya kita dapat mengimbang di mana negara-negara maju akan mengurangkan *Greenhouse gas Malaysian* mereka pada tahap tahun 1990 itu akan dikurangkan 5% lagi untuk membolehkan juga negara-negara membangun sedikit ruang untuk mereka membangun. Jadi, inilah sebenarnya tujuan diadakan *Kyoto Protocol* ini supaya kita dapat membangun dan mereka dapat mengimbangkan pembangunan kita. Dan kita bersama-sama dapat memastikan bahawa tidak ada banyak kesan daripada *climate change* kepada iklim dunia ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang berhormat dari Kinabatangan.

Seorang Ahli Yang Berhormat: Boleh satu soalan lagi Tuan Yang di-Pertua?

5. Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) adakah Kerajaan berhasrat untuk membina Pusat Serenti di pulau-pulau untuk penagih dadah; dan
- (b) bilangan dan usaha kerajaan dalam membanteras serta mencegah ketagihan dadah terutamanya jenis syabu di daerah Kinabatangan.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Keselamatan Dalam Negeri pada masa ini tidak berhasrat untuk membina pusat serenti di pulau-pulau bagi menempatkan penagih-penagih dadah. Langkah ini

tidak selaras dengan matlamat program rawatan dan pemulihan yang dijalankan dan usaha untuk mengintegrasikan semula semua penagih-penagih dadah di dalam masyarakat.

- (b) Jumlah penagih yang dikesan di daerah Kinabatangan, Sabah pada tahun 2004 ialah seramai 32 orang, manakala dalam tempoh Januari hingga September tahun ini, jumlah penagih yang dikesan ialah seramai 17 orang yang terdiri daripada 16 orang penagih baru dan seorang penagih berulang. Tindakan yang diambil untuk membanteras serta mencegah ketagihan dadah terutamanya jenis di daerah Kinabatangan pada amnya adalah sama seperti usaha yang dilaksanakan di seluruh negara iaitu melalui strategi pendidikan, pencegahan, dan publisiti serta strategi menguatkuasakan undang-undang.

Melalui strategi penguat kuasa undang-undang pula, tindakan yang diambil ialah menangkap penagih dan pengedar, mencegah kemasukan dadah dan risikan. Pada tahun 2004, 11 orang telah ditangkap di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952, termasuk seorang telah ditangkap di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 iaitu tangkap sampai bicara di bawah LPK ini. Manakala pada tahun 2005, seramai 22 orang telah pun ditangkap di daerah Kinabatangan. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau mengikut logik akal, Tuan Yang di-Pertua, *[Disampuk]* saya ingin mengkategorikan bahawa agensi pelaksana kita telah gagal melaksanakan amanah dan tanggung jawab yang diberikan. Pertama, mencegah bagaimana penyeludupan dadah dari negara asing datang ke negara kita. Sebab negara kita bukan pengeluaran dadah, Tuan Yang di-Pertua! Kita tidak ada tanam kopi, tanam itu, ini dan sebagainya, ganja pun tidak ada. Tetapi dadah berlonggokan di negara kita. Bermakna, kita telah gagal mencegah kemasukan benda ini.

Kedua, kita telah gagal bagaimana memulihkan penagih-penagih yang menagih dadah di negara kita. Contohnya kegagalan kita, dulu kita ada dua tiga pusat serenti. Sekarang berkembang, bertambah-bertambah menjadi tiga puluh, empat puluh. Ini pencapaian apa, Tuan Yang di-Pertua? *[Menyampuk]*. *[Ketawa]*. Saya mahu tanya.

Jadi, kenapa persoalan ini, saya ketengahkan? Saya mahu kerajaan timbang dan mengetepikan soal-soal remeh-temeh supaya kita tangani masalah dadah ini. Sudah lebih dua puluh tahun. Saya bertanya, buat *research* dengan orang kampung, Tuan Yang di-Pertua. Bukan dengan ahli-ahli profesional. Dia kata, kerajaan gagal, sebab anak-anak saya Datuk, banyak yang ketagih dadah. Dadah ini mudah diperolehi. *[Disampuk]* Jadi, apa masalahnya kita tidak boleh cegah? Kenapa kita baru tangkap dadah kalau datang ke negara kita?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Kenapa tidak tangkap waktu masuk sempadan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ini yang kita mahu tahu, apa masalah dia Tuan Yang di-Pertua? Kenapa sudah sampai diedar sana sini, baru dapat ditangkap. Kenapa tidak dapat ditangkap waktu dia mahu masuk?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ya, baik.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *Entry point* apa masalah dia? Jadi saya minta kerajaan mempertimbangkan persoalan ini sebab daripada seratus orang yang dipulihkan, cuma 10% yang balik jadi baik, 90%...

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: ...jadi penagih lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Beri soalan Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Minta kerajaan timbang perkara ini supaya penagih-penagih tegar dihantar di pulau-pulau dengan apa keadaan sekalipun. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, baik. Yang Berhormat, lain kali suara Yang Berhormat, begitu... *microphone* ini. [Menunjuk isyarat] [Dewan riuh ketawa]. Bila bercakap lain kali, jauhkan sikit corong.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Memang ini macamlah Tuan Yang di-Pertua, suara. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya bersetuju segala pandangan yang diberi dengan penuh semangat. Mudah-mudahan apa yang dicakap kita laksanakan bersama. Kita akui bahawa negara kita bukan negara pengeluar dadah. Tetapi juga kita kena menerima hakikat bahawa negara kita memang sempadannya luas. Saya juga pernah pergi melawat kawasan, di Sabah sahaja, memang luas.

Sebab itu kita sedang berusaha untuk menguatkuasakan lagi kawalan-kawalan di sempadan. Penyeludupan memang berlaku. Oleh itu kita dapati bahawa dari segi penguatkuasaan, kita telah banyak tangkap. Maka kalau kita lihat negara kita ini merupakan negara yang paling ketat undang-undang dadahnya sehingga boleh gantung sampai mati jika disabitkan 39B(1)(a). Dan kita juga ada satu undang-undang tangkap tanpa dibicara, di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) - LLPK. Tahun lepas sahaja, hampir 2,700 orang kita tangkap tanpa bicara ini. Kemudian tahun ini sahaja saya ingat sudah hampir 1,700 orang yang ditangkap tanpa bicara. Ini yang kita tangkap pengedar-pengedar.

Jadi saya percaya, segala pandangan Yang Berhormat, kita akui memang merupakan musuh nombor satu negara dan ianya hanya boleh berjaya sekiranya kita mendapat kerjasama semua pihak. Dan kalau kita bergantung pada kerajaan semata-mata tentu sukar berjaya. Tetapi saya percaya dengan komitmen daripada Parlimen semua, maka kita akan memerangi dadah. Matlamat kita hendak mengurangkan dadah pada tahun 2015. Dan tahun ini kita nampak ada sedikit pengurangan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat untuk menghantar ke pulau, memang telah banyak kali kita bincang, Yang Berhormat. Dalam peringkat jawatankuasa, tetapi nampaknya, cadangan-cadangan buang ke pulau ini masih lagi tidak dapat kelulusan kerana kita masih lagi percaya bahawa penagih dadah, depa sakit. Orang yang sakit ini kita kena rawat kerana matlamat kita hendak mengembalikan mereka ke dalam masyarakat.

Dari segi undang-undang kita telah pun pinda undang-undang pada tahun 2002 yang mana tegar ini, kalau dia kali ketiga kita dapat tangkap dia, setelah dua kali melakukan kesalahan dadah atau diletakkan di pusat serenti, maka hukuman lebih berat iaitu lima tahun penjara akan dikenakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya memang faham, Yang Berhormat Timbalan Menteri ini sentiasa tegas, dan serius di dalam menangani masalah dadah di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha pihak kementerian untuk menangani masalah dadah di negara kita, adakah pihak kementerian sedar bahawa di dalam sebuah *website* yang dipanggil syaitan.com. yang motonya *bringing hell to your doorstep*. Kumpulan ini dipanggil kumpulan *Black Metal Mayham*. Kumpulan ini berasal daripada Norway, akan mengadakan persembahan di negara kita pada 4 Februari di Back Room Kuala Lumpur Malaysia yang mana kumpulan ini bertuhankan syaitan. Dia kata, *there is no God like syaitan*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Semalam sudah di.. [Dewan gamat].

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Semalam. Ini saya hendak bawa ke Kementerian Keselamatan Dalam Negeri Tuan Yang di-Pertua, memandangkan ia telah pun diiklankan di dalam akhbar kita yang kumpulan ini akan mengadakan persembahan pada 4 Februari tahun hadapan.

Jadi saya minta pihak Kementerian Dalam Negeri memberikan perhatian kerana kumpulan ini bukan sahaja bertuhankan syaitan, tetapi mereka juga menjadikan dadah sebagai perkara utama, agenda utama di dalam persembahan-persembahan yang mereka adakan di negara-negara di kota-kota besar di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya pihak kementerian perlu memberikan satu garis panduan yang tegas supaya kumpulan ini tidak dibenarkan langsung mengadakan persembahan di negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk saya bawa ke hadapan Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih. Pandangan Yang Berhormat kita akan ambil perhatian. Tetapi Yang Berhormat sila maklum bahawa hendak memberikan kebenaran konsert ini bukan di bawah bidang kuasa Keselamatan Dalam Negeri. Dan juga hendak benarkan dia masuk ke dalam negara kita juga bukan di bawah bidang kuasa Keselamatan Dalam Negeri. Walau bagaimanapun, pandangan dan saranan Yang Berhormat saya akan ambil perhatian dan saya akan bawa kepada pihak yang berkenaan. Terima kasih.

6. Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah kementerian bercadang untuk memberi apa jua insentif ataupun bantuan kepada PIBG di semua sekolah untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti tertentu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penubuhan PIBG di sekolah-sekolah adalah di bawah Peraturan-peraturan Pendidikan (Persatuan Ibu Bapa dan Guru 1998). Di bawah Peraturan 5(1) telah dinyatakan dengan jelas akan tujuan penubuhan PIBG di sekolah-sekolah, iaitu:

- (i) mengadakan sesuatu forum, serta perkhidmatan bagi kebajikan dan kemajuan murid-murid dalam sekolah dalam meningkatkan imej sekolah;
- (ii) membantu dan menambah usaha sekolah dalam memenuhi kehendak dan keperluan kebendaan murid-murid dalam kegiatan mereka;
- (iii) membolehkan ibu bapa dan guru-guru dalam sekolah bertukar-tukar fikiran dan maklumat mengenai pendidikan;
- (iv) memberi peluang kepada ibu bapa dan guru dalam sekolah berunding antara satu sama lain berkenaan dengan cara memperbaiki taraf pendidikan anak-anak mereka pada amnya; dan
- (v) akhirnya membolehkan ibu bapa dan guru dalam sekolah untuk berusaha menambah kewangan sekolah dan meningkatkan kemudahan fizikal bagi tujuan kemudahan pembelajaran dan pengajaran.

Penubuhan PIBG adalah untuk membantu pihak sekolah bukan sahaja dari segi kepakaran dan idea, malahan untuk membantu pihak sekolah menambah kewangan sekolah dan meningkatkan kemudahan fizikal bagi tujuan meningkatkan pengajaran dan pembelajaran.

Sehubungan dengan itu adalah dirasakan kurang sesuai jika persatuan diberikan bantuan, sedangkan tujuan penubuhannya adalah untuk membantu pihak sekolah dalam pelbagai bidang seperti yang telah digariskan dalam Peraturan-peraturan Pendidikan PIBG 1998. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Batu Kawan.

Tuan Huan Cheng Guan: Terima kasih Tuan Yang di-pertua. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Memang kita tidak nafikan bahawa peranan PIBG memang amat penting untuk sekolah. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pun nyatakan bahawa penubuhan PIBG adalah di bawah Peraturan Pendidikan 1998. Maka saya rasa secara langsung, mahu atau tidak, Kementerian Pelajaran memang mempunyai tanggung jawab terhadap kegiatan dan aktiviti PIBG.

Dan saya lihat bajet untuk Kementerian Pelajaran memang banyak, ha. Apakah salahnya, kalau katakan kita beri peruntukan sebanyak RM2,000 , RM3,000 kepada setiap PIBG di seluruh Malaysia. Saya anggarkan buat masa kini terdapat lebih kurang 10,000 sekolah di seluruh Malaysia. Kalau katakan kita beri peruntukan RM2,000 untuk setiap PIBG, itu pun bermakna cuma RM20 juta sahaja. Bukan banyak, sikit sahaja. RM20 juta sahaja. [Ketawa]. Tampuk, tampuk, Jerai kata tampuk.

Maka saya mintalah, soalan saya senang sahaja. Saya mintalah kementerian kalau boleh terimalah cadangan yang dikemukakan ini. Harap juga Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bawalah perkara ini untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas cadangan tersebut tadi. Memang Kementerian Pelajaran amat-amat menghargai peranan Persatuan Ibu Bapa dan Guru di sekolah-sekolah. Saya akan bawa balik cadangan untuk pertimbangan dan kajian oleh kementerian. Terima kasih.

Batu Kawan: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bukit Mertajam.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: DAP anti PIBG la..

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang Menteri Jawab.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, Institusi PIBG di mana-mana tempat dalam dunia pun, peranan PIBG adalah sebagai *complimentary* kepada pihak atau pun Kementerian Pelajaran dan memang Kementerian Pelajaran, walau pun nampaknya dapat belanjawan yang begitu besar tetapi perbelanjaan pun begitu besar. Baru-baru ini, kami pun telah memperluaskan semua kemudahan yang kami berikan kepada semua sekolah dari segi makmal komputer, dari segi perluasan pemberian buku teks, dari segi menambahkan peruntukan ko-kurikulum dan sebagainya.

Memang kami harapkan bahawa melalui PIBG, ibu bapa dapat satu saluran untuk menyumbang kepada pembangunan sesebuah sekolah, tetapi malangnya penduduk di satu-satu tempat di Malaysia bukan semua yang sama mampu. Jadi saya rasa cadangan yang telah diberikan mungkin kita boleh beza daripada kawasan pedalaman atau pun kawasan yang telah maju, yang kurang maju. Jadi, saya akan bawa balik cadangan Ahli Yang Berhormat Batu Kawan untuk perhatian yang sewajarnya. Terima kasih.

7. Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan rasional kenapa tempoh kursus ijazah pertama di IPTA dan IPTS bertambah dari 3 ke 4 tahun sekarang. Sila nyatakan juga asas dan kandungan kursus yang dijalankan sepanjang tempoh tambahan itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat .

Penetapan satu tempoh kursus ijazah pertama di IPTA dan IPTS, adalah bergantung kepada jumlah kredit yang ditetapkan untuk bergraduan. Perbezaan jumlah kredit yang diperlukan ternyata berbeza di antara program yang dijalankan seperti Sains Sosial berbeza dengan Sains Perubatan, berbeza dengan Kejuruteraan, teknikal dan sebagainya. Perbezaan ini juga berlaku untuk memenuhi keperluan-keperluan khusus yang telah ditetapkan oleh badan-badan profesional. Oleh sebab itu, tempoh kursus ijazah pertama di IPTA dan di IPTS adalah bergantung kepada keupayaan pelajar mengatur bilangan kredit yang perlu diambil pada setiap semester.

Pada kebiasaannya, seorang pelajar boleh bergraduan di antara 6 hingga 8 semester dengan bidang pengajian yang berbeza. Ada kursus pengajian yang boleh ditamatkan dalam 3 tahun iaitu 6 semester dan dalam kes lain boleh ditamatkan dalam 4 tahun atau 8 semester.

Pada tahun 2005, Kementerian Pengajian Tinggi telah meluluskan penambahan tempoh pengajian bagi satu kursus iaitu kursus Sarjana Muda, Sains dan Teknologi Makanan melalui Mesyuarat Majlis Pendidikan Tinggi Negara bilangan 2/2005 pada 27 Jun, 2005. Kelulusan tersebut diberikan kerana terdapat maklum balas

daripada Institut Teknologi Makanan Malaysia supaya tahap kursus yang ditawarkan di universiti tempatan diselaraskan dengan tahap piawaian kursus yang ditawarkan di luar negara. Ini memerlukan penambahan jam tadi dari 100 kepada 120 yang memerlukan penambahan tempoh pengajian dari 6 semester ke 8 semester.

Kandungan kursus tersebut diperluaskan supaya para pelajar dapat mendalami pengetahuan dalam bidang berkaitan Sains dan Teknologi Makanan di samping mereka diberi pengukuhan dari aspek kemahiran berkomunikasi, berfikir secara saintifik, kritikal, *analytical* dan matang. Penambahan tempoh pengajian ini juga berguna bagi membina kemahiran kerjaya pelajar melalui latihan industri yang lebih panjang.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kapitan

Tuan Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan saya, saya mohon penjelasan dari pihak Kementerian mengapa tidak diwajibkan bahawa kesemua kursus yang dikendalikan di IPTS dan IPTA mengandungi *Industrial training* atau *practical training*. Ini adalah bertujuan bagi memberi peluang kepada mereka - penuntut-penuntut - mendapat ilmu tambahan yang penting bagi membolehkan mereka *familiar* - dengan izin - dengan suasana sebenarnya di tempat kerja nanti.

Saya juga memohon penjelasan daripada Kementerian tentang kalau masa atau tempoh pengajian dilanjutkan daripada 3 ke 4 tahun, tidakkah ia akan menjejaskan tarikan negara kita sebagai "*educational hub*" di rantau ini. Dan kos bagi membiayai pengajian itu semesti akan bertambah kerana tambahan tempoh kajian, juga ia akan membebankan penuntut-penuntut negara kita sendiri. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat. Dalam satu pengiraan jam kredit, mengikut amalan biasa, setiap pelajar atau mahasiswa memerlukan mereka menghadiri kuliah iaitu "*contact hours*" dan ada selepas itu diikuti dengan latihan amali, seperti pergi ke makmal, studio, bengkel atau *field work* iaitu latihan industri, selain daripada latihan praktikal yang diperlukan untuk mereka jalani semasa bergraduan. Selain daripada itu pembelajaran maya dan juga tutorial perlu dilaksanakan.

Sebab itulah dalam pengiraan jam kredit, satu semester mereka memerlukan 20 kredit jam untuk mereka tamatkan dan mereka memerlukan satu tahun 40 kredit. Sekiranya penambahan jumlah kredit daripada 100 kredit kepada 120 bermakna mereka memerlukan tambahan sama ada panjangkan tahun, yang kedua. Panjangkan minggu dalam satu semester atau pun panjangkan pembelajaran dalam satu minggu.

Jadi, kita mengambil pendekatan supaya mereka mengambil peluang untuk tidak dibebankan dengan perkara-perkara yang saya sebutkan tadi dan mereka boleh menambah semester dalam satu pengajian dan ini melibatkan latihan praktikal. Saya sebut tadi, bahawa tempoh pengajian ini juga berguna dengan adanya latihan industri yang lebih panjang untuk mereka melengkapkan diri dalam bidang pengajian.

Berkenaan dengan tempoh masa yang dipanjangkan memanglah itu risiko kepada kita hendak menjaga kualiti. Kita terpaksa memastikan bahawa kehendak penilai antara bangsa dan badan-badan profesional dan mereka melihat atau memberi input kepada Kementerian keperluan industri itu sendiri untuk para graduan. Tujuan kedua ialah untuk mereka mendapatkan pengiktirafan di peringkat dunia, sekiranya mereka hendak buat *Masters* atau *Ph.D* di luar negara, Jadi inilah kualiti yang kita jaga demi masa depan para pelajar kita di universiti. Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, seperti mana yang kita tahu, mengikut sistem semester kita menetapkan jumlah kredit, tapi penambahan kredit ini daripada 100 kepada 120, saya berpendapat ia masih rendah lagi kerana di negara lain, minimum kredit adalah 130 untuk pelajar itu menamat pengajian. Jadi, soalan saya di sini adalah di negara lain seperti di Amerika Syarikat, pengambilan kredit setiap semester bergantung kepada pelajar itu sendiri iaitu *flexibility*. Jika seseorang pelajar ingin mengambil 21 kredit, seperti mana yang saya buat dulu, memang boleh juga tapi minimum kredit *hours* adalah 12 jam. Adakah kerajaan atau Kementerian juga ingin cuba melaksanakan *flexibility* ini supaya seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat

Setiausaha Parlimen tadi, tempoh lebih panjang lagi adalah berguna untuk melengkapkan diri? Terima kasih.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Sistem yang kita bangunkan ialah MQF, (*Malaysian Qualification Framework*) atau pun Sistem Kerangka Kelayakan Malaysia yang berdasarkan kepada amalan-amalan *the best practices* di luar negara seperti Kesatuan Eropah iaitu yang diterajui oleh United Kingdom dan Ireland. Yang Berhormat belajar di luar negara, US? Australia juga kita *refer*, New Zealand dan Afrika Selatan, dalam membangunkan Kerangka Kelayakan Malaysia. Sebab itulah, kita telah pun mengambil pendekatan seperti yang saya sebutkan tadi, kita mengira kredit itu sebagai pengukuran kuantitatif yang melambangkan *volume* atau beban pembelajaran untuk mencapai hasil pembelajaran yang ditetapkan dan dalam kegiatan pembelajaran, mereka ada kuliah, ada tutorial, ada seminar, ada kerja amali, belajar sendiri, mencari maklumat, ada kajian, ada kerja lapangan, ada persediaan untuk peperiksaan, mengambil peperiksaan dan ini bergantung kepada keupayaan pelajar-pelajar kita. Sebab itu *flexibility* memang ada dan kita mengambil pendekatan menambah tempoh pengajian dengan satu, dua semester lagi supaya pelajar-pelajar ini dapat bukan sahaja menelaah buku, membuat kajian tetapi juga berinteraksi demi kepentingan siasah dan *towering personality* mereka yang kita perlukan supaya mereka bergraduan, dapat diterima oleh majikan-majikan kerana pada hari ini "*time hire education survey*" pun, "*time hire education supplement*" pun melihatkan 10% kepada *market survey* atau *employee survey* majikan yang hendak mengambil mereka untuk bergraduan. Sebab itulah *flexibility* bergantung kepada keupayaan pelajar itu sendiri untuk menjalankan pembelajaran mereka di IPTA.

8. Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan tahap kemampuan perhutanan kayu balak dapat menampung keperluan penggunaan negara dan jumlah keluasan yang telah diwartakan sebagai kawasan hutan simpanan tetap.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' S.G. Sothinathan]:

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya rancangan pembangunan semula hutan-hutan itu dilakukan secara komersial. Tetapi bagi memastikan bahawa kita mempunyai satu sistem bekalan kayu kayan yang berkekalan, sumbernya adalah hanya melalui daripada hutan simpan kekal. Oleh itu Majlis Perhutanan Negara telah pun menentukan pelbagai dasar pembalakan di kawasan-kawasan hutan simpan kekal yang dapat memastikan bahawa hutan simpan kekal ini dapat membantu dalam mengimbang ekosistem negara kita.

Di antara dasar-dasar seperti yang telah ditentukan oleh Majlis Perhutanan Negara ialah seperti menentukan spesifikasi untuk pembinaan jalan di kawasan pembalakan, mengadakan prosedur pembalakan yang mempunyai impak yang rendah dan juga menentukan kadar pemetongan di mana pada satu ketika dahulu ukuran diameter pokok-pokok yang dibenarkan untuk ditebang ialah daripada 45 hingga 50 sentimeter, tetapi ini ditingkatkan kepada 55 hingga 65 sentimeter bergantung pada jenis pokok yang akan ditebang dan juga menentukan bahawa kawasan-kawasan di mana kecerunannya adalah melebihi 40 darjah tidak ada sebarang pembalakan dibenarkan. Begitu juga bagi kawasan-kawasan yang melebihi 1000 meter daripada dasar laut, tidak ada sebarang pembalakan yang dibenarkan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat mengatakan masalah ekosistem itu tidak akan terganggu-gugat disebabkan oleh hutan-hutan simpanan, adakah Yang Berhormat sedar bahawa walaupun disebut hutan-hutan simpanan tetapi kerajaan-kerajaan negeri kadang-kadang melanggar peraturan hutan-hutan simpanan dengan membuka hutan-hutan simpanan itu untuk kegunaan-kegunaan tertentu, itu satu.

Yang keduanya, hari ini kita mencukupi, Yang Berhormat kata mencukupi harga kayu, tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa kilang-kilang kayu terpaksa ditutup disebabkan oleh kekurangan kayu-kayu balak dan kos harga kayu sekarang ini meningkat. Jadi, tadi perancangan untuk memulihkan dan menanam semula, Yang Berhormat mengatakan secara komersial, saya bimbang satu hari nanti anak-anak cucu kita tidak akan ada kayu kayan pada zaman mereka. Jadi apakah kerajaan tidak boleh menguatkuasakan bahawa syarikat mana yang mendapat konsesi kawasan kayu

balak itu, syarikat itu juga yang wajib menanam semula dalam kawasan yang mereka mendapat konsesi itu supaya generasi masa hadapan akan mendapat kayu kayan untuk kehidupan mereka dan pokok-pokok untuk kegunaan sebagai ekosistem yang kita cakapkan tadi. Ini kerana pada hari ini kita tengok rumah-rumah *rafter* sudah menggunakan besi dan tidak lagi menggunakan kayu kerana kos kayu lebih tinggi daripada kos besi. Apakah pandangan dan pendapat daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' S. G. Sothinathan: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya itulah sebabnya bagi kawasan-kawasan pembalakan ini kita ada dua aspek iaitu kawasan tanah milik kerajaan biasanya di mana penebangan dilakukan selepas itu ia dimajukan untuk pelbagai aktiviti pembangunan. Tetapi di situ kita tidak boleh membuat apa-apa kerana tujuan pembalakan adalah untuk membolehkan kawasan itu dimajukan untuk aktiviti seperti perindustrian, perumahan dan sebagainya. Tetapi bagi hutan simpan kekal ini, di mana setiap selepas pembalakan dilakukan mesti ada program rehabilitasi iaitu kita bagi untuk *selective logging* dan selepas itu melalui *selective logging* ini pun kalau ada apa-apa kerosakan pada hutan tersebut, maka terpaksa ada proses rehabilitasi.

Ada juga kilang-kilang yang ditutup kerana bekalan kayu semakin hari semakin berkurangan. Ini adalah kerana pembekal daripada tanah-tanah kerajaan sudah berkurangan. Tetapi yang menjadi *steady flow of the supply*, dengan izin adalah melalui hutan simpan kekal kerana hutan simpan kekal ini diurus dengan baik dengan adanya dasar-dasar yang telus dan juga yang boleh diguna pakai oleh semua pihak.

Untuk mengatasi kekurangan kayu ini, kita juga membuat pelbagai penyelidikan untuk menggunakan bukan sahaja kayu getah yang telah menjadi satu kejayaan kepada negara kita tetapi juga telah membuat banyak penyelidikan dalam penggunaan batang pokok kelapa sawit. Jadi, di situ pun kita telah menemui pelbagai kejayaan dan ini sedang diusahakan untuk dikomersialkan bagi mengatasi masalah kayu kayan di negara kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahaja masa untuk pertanyaan Jawab Lisan pada pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.05 pagi

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Lafe]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), mesyuarat Dewan pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 10.30 malam dan setelah itu mesyuarat hendaklah ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok hari.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' S. G. Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2006
DAN
USUL
ANGGARAN PEMBANGUNAN 2006
Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2006 dan Anggaran Pembangunan 2006 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[Hari Kelima belas]**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Maksud B.44 [Jadual]

Maksud P.44 [Anggaran Pembangunan 2006]

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.44 dan Kepala Pembangunan P.44 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Saya minta Timbalan Menteri untuk menyambung jawapannya.

11.08 pagi

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, cadangan dan membangkitkan isu-isu mengenai kementerian saya. Saya akan memberi jawapan ke atas soalan-soalan yang dibangkitkan mengikut satu-satu isu atau perkara dengan mengambil kira semua pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat. Oleh kerana terdapat isu-isu yang sama dan berkaitan saya memberi jawapan secara serentak.

Pada malam semalam, semuanya bergaya dengan menyampaikan pantun semasa perbahasan. Saya juga memulakan dengan satu pantun,

Padi menguning dituai sudah

kerja tak henti dari pagi,

Syor diterima tangan bertadah,

budi baik kekal dikenangi.

Berbalik kepada ...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]* Ada lagi? Ada lagi?

Dato' Wong Kam Hoong: Banyak lagi. Mengenai soalan daripada Pasir Putih iaitu cadangan untuk mewujudkan memorial di peringkat daerah, cadangan Yang Berhormat adalah baik dan akan diambil perhatian. Setakat ini pihak kementerian bertumpu kepada penubuhan projek memorial, pustaka peringatan, rumah kelahiran tokoh dan galeri-galeri ditubuhkan di negeri-negeri dan di tempat-tempat yang terdapat tapak-tapak tokoh kelahiran seperti tempat kelahiran bekas Perdana Menteri Allahyarham Tunku Abdul Rahman, Allahyarham Tun Abdul Razak dan Tun Dr. Mahathir serta rumah kelahiran Allahyarham Tan Sri P. Ramlee.

Tentang aktiviti peringkat negeri dan daerah, beliau meminta satu agensi di semua peringkat daerah. Jumlah aktiviti seni dan budaya di peringkat negeri dan daerah untuk setakat bulan ini bagi tahun 2005 ialah 1,105 aktiviti. Tentang jurulatih di peringkat daerah yang tidak mencukupi, saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu pada 22 Disember 2005, kementerian ini akan memberi pengiktirafan kepada 500 orang penggiat seni yang merupakan kumpulan perintis Kumpulan Jurulatih Seni Budaya Negara. Kumpulan ini terdiri dari ahli-ahli daripada semua negeri

termasuk peringkat daerah. Bilangan ini akan ditambah dari masa ke semasa. Jumlah 500 orang jurulatih ini tidak termasuk 200 orang jurulatih NGO yang membantu dalam aktiviti latihan.

Tentang pengisian Istana Budaya dalam pementasan teater yang dulunya aktif tetapi sekarang sepi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pementasan persembahan di Istana Budaya merangkumi pelbagai genre iaitu teater, muzik dan tari berjalan lancar. Bagi tahun 2004 sebanyak 21 persembahan telah dipentaskan yang terdiri dari 15 persembahan tempatan dan enam antarabangsa yang melibatkan 117 hari persembahan dengan jumlah penonton seramai 65,000 orang. Bagi tahun 2005 sebanyak 25 pementasan telah diadakan yang terdiri daripada 18 persembahan tempatan dan juga tujuh luar negara dengan jumlah 106 hari persembahan dan bilangan penonton seramai 74,000 orang.

Tentang apakah perancangan Kementerian untuk meningkatkan aktiviti teater, Istana Budaya sentiasa berusaha untuk meningkatkan aktiviti persembahan. Bagi tahun 2006 sebanyak 23 persembahan telah dirancang yang terdiri daripada 18 persembahan tempatan dan lima luar negara dengan jumlah hari persembahan selama 200 hari dan anggaran jumlah penonton seramai 85,000. Pemasaran bagi program-program ini dibuat melalui pelbagai saluran media, bahan cetak dan boleh juga dicapai melalui laman web.

Yang Berhormat bagi Parit bertanya tentang fakta bagaimana yang menjadi fokus kajian penyelidikan pengesahan fakta sejarah ...

Tuan Pengerusi: Hendak beri laluan kepada Bera?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak Kementerian kerana Istana Budaya memang giat dengan aktiviti-aktiviti teaternya, tetapi kalau kita lihat di daerah-daerah nampaknya kegiatan teater dan juga kegiatan budaya hanya dibantu oleh majlis-majlis daerah sahaja. Mungkin ada persatuan teater atau persatuan budaya diletakkan di bawah majlis daerah dan kadang-kadang tidak ada bantuan kewangan dan sebagainya. Jadi saya hendak tanya, selain daripada teater di Istana Budaya ini apakah peranan yang boleh dimainkan oleh pihak Kementerian dalam menghidupkan teater-teater di peringkat-peringkat daerah kerana terlalu sepi kita lihat di daerah-daerah.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Bera. Tadi saya telah jawab di sepanjang tahun 2005, Kementerian saya ada banyak aktiviti termasuk persembahan teater di peringkat daerah dan juga di peringkat desa. Istana Budaya adalah satu istana untuk persembahan, maka agensi-agensi lain di Kementerian saya akan menjalankan aktiviti untuk menyemarakkan aktiviti teater di kawasan masing-masing.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan sikit, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Pengerusi. [Ketawa] Pantun dahulu? Okey.

*Lagu bernama Inang Teratai,
diiringi tarian yang bergaya,
Bersama kita adalah pesara kerajaan dari Jerai
Yang telah berbakti untuk negara.*

[Memandang ke arah galeri awam] Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, cepat sikit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya minta penjelasan, Yang Berhormat. Tadi kita katakan teater, tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa setiap negeri di dalam negara kita Malaysia ini mempunyai lagu-lagu kenegeriannya, lagu-lagu aslinya. Macam negeri Kedah dia ada lagunya, macam Negeri Sembilan dia ada lagunya. Begitu juga dengan Sabah dan Sarawak. Melaka ada lagu Dondang Sayang.

Jadi, apakah pihak kementerian juga akan memperkenalkan ataupun sekurang-kurangnya mengeluarkan CD dan dipasarkan kepada pelancong dan juga rakyat negara kita untuk mengenali, kalau dia datang ke negeri Kedah lagu Dondang Sayang... apa, ya? Ini adalah penting kerana tanpa lagu hidup kita sepi dan tidak bererti, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Lagu negeri mana tadi? Kedah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kedah? Kedah bukan Dondang Sayang, Tuan Pengerusi. Kedah lagu ...[Disampuk]. Bukan lagu Makyong, Makyong lagu negeri Perlis.

Tuan Pengerusi: Kedah lagunya Ayam Didik. Ayam Didik. [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Barangkali ada pesara yang tahu, saya terlupa namanya. [Ketawa sambil memandang ke arah galeri awam] Ada, Kedah ada lagunya. Satu lagi kita dengan lagu keroncong, Tuan Pengerusi. Lagu keroncong sudah hilang di serombong radio pada hari ini. Sedangkan keroncong adalah lagu yang mengeroncongkan hidup kita, menyeronokkan hidup kita, Tetapi tidaklah seperti *heavy metal* atau *black metal*. Terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai.

*Pohon nan tinggi lagi rendang
Di bawah insan sama bermesra
Adat pusaka kekal dipegang
Warisan tetap dipelihara [Tepuk]*

Tuan Pengerusi, kementerian saya merakamkan...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kalau dapat pantun itu sekali-sekala sahaja. [Ketawa] Tumpukan kepada jawapan.

Dato' Wong Kam Hoong: Okey, Tuan Pengerusi. Saya hendak balas pantun daripada Yang Berhormat bagi Jerai. Terima kasih. Lagu-lagu ini lagu tradisional, lagu suku kaum, lagu-lagu yang dinikmati seperti Dondang Sayang, Baba Nyonya dan sebagainya adalah dalam bentuk VCD. Ini telah dan akan diedarkan kepada kelab kesenian sekolah, IPTA, IPTS dan juga NGO-NGO, untuk makluman Yang Berhormat bagi Jerai. Ini satu cadangan yang baik.

Berbalik kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Parit tentang fakta bagaimana yang menjadi fokus kajian penyelidikan pengesahan fakta sejarah negara.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Celahan sedikit, Dato' Timbalan Menteri. Boleh?

Dato' Wong Kam Hoong: Sila.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Dato' Timbalan Menteri.

*Laut berarus di waktu pagi
Amatlah banyak ikan tenggiri
Mulut tidak hangus berkata api
Begitu juga kalau berjanji*

Jadi, kalau tadi Yang Berhormat sudah berjanji hendak edarkan kepada sekolah-sekolah tetapi perlu juga Yang Berhormat ingat bahawa lagu-lagu berbentuk CD ini perlu distandardkan formatnya. Umpamanya Dondang Sayang tadi, sekarang ini Dondang Sayang ini telah ditakluki pula oleh Dondang Sayang irama baru dipanggil Dondang Sayang Mambo. Jadi kalau pergi ke Melaka, mulanya itu eloklah, [Membuat bunyi irama Dondang Sayang] tetapi bila sudah masuk hujung itu, ia sudah masuk mambo. Bila sudah mambo ini, sudah ada pengaruh budaya Barat dalam Dondang Sayang kita. Jadi standard yang piawai itu, lagu-lagu pusaka yang piawai itu perlulah ditekankan oleh pihak kementerian. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih. Kementerian saya akan menunaikan apa yang saya katakan di sini – kerbau dipegang talinya, manusia dipegang janjinya. *[Disampuk]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta penjelasan sedikit, Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Baguslah Yang Berhormat sudah mula dengan pantun tetapi biarlah pantun itu pantun yang ada warisan.

Saya hendak tekankan di sini masalah kementerian ini tentang pengawasan tindakan ke atas persembahan. Kita tidak nafikan bahawa segala kesenian dan warisan ini adalah merupakan khazanah untuk warisan generasi akan datang. Kita lihat pada hari ini pengaruh budaya sosial yang semakin melarat. Kita tidak nafikan ini adalah pengaruh penjajahan 400 tahun lebih, kita menderita dan amat sukar untuk kita mengikisnya oleh kerana pengaruh ini begitu luas.

Soalnya sekarang ialah tentang penyertaan kumpulan-kumpulan kesenian muzik dari luar ini yang seolah-olah tidak ada satu kepastian, tindakan yang begitu positif sebagaimana kumpulan *Black Metal* yang kita tidak tahu asal usul mereka dan kita tidak tahu apakah tujuan mereka di sebalik persembahan mereka. Saya tidak menafikan dahulu pernah datangnya *Deep Purple* di tempat kita, kumpulan yang menjadi kegilaan masyarakat dan banyak lagi. Tetapi apakah kebaikan keadaan mereka ini, sedangkan kumpulan-kumpulan kesenian kita masih banyak. Kami di kampung-kampung tubuh balik kumpulan kesenian budaya, wakil-wakil rakyat terutamanya terpaksa, tetapi ke mana mereka ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Jadi, apakah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan akan ada satu rangka program jangka panjang untuk mengembalikan balik semangat budaya yang menjadi warisan kita sejak turun-temurun, sejak Kesultanan Melayu Melaka lagi, begitu banyak khazanahnya, sama ada pantun baik, apa juga baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Jadi, apakah program jangka panjang kementerian ini yang begitu penting? Saya percaya kementerian ini wujud oleh kerana ia amat penting. Perdana Menteri mahu melihat warisan budaya kita tidak terhakis. Jadi, apakah program jangka panjang kementerian? Terutama sekali kumpulan-kumpulan yang tidak mendatangkan manfaat kepada kita ini seperti mana yang saya sebut tadi, kumpulan *Black Metal* dan banyak lagi, entah daripada mana datangnya mereka ini, tiba-tiba muncul. Ini bukan soal mengaut keuntungan semata-mata tetapi memberi pengajaran...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah, timbalan menteri boleh jawab.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: ...kebaikan kepada generasi muda kita yang akan datang. Ini amat mustahak, Tuan Pengerusi, supaya generasi akan datang melihat...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Yang Berhormat sudah bercakap dengan panjang lebar.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: ...apakah tindakan dan langkah-langkah yang diambil oleh kementerian. Terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya akan menjawab tentang perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat serentak dengan jawapan kepada Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Yang Berhormat bagi Parit membangkitkan fakta bagaimana yang menjadi fokus kajian penyelidikan pengesahan fakta sejarah negara. Untuk makluman Yang Berhormat, kajian ke atas pembetulan fakta-fakta yang ditimbulkan oleh para penulis Barat iaitu berhubung sejarah negara meliputi zaman-zaman berikut.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading, menteri baru jawab.

Dato' Wong Kam Hoong: Nanti dahulu, saya habiskan...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pasal dia jawab sudah lari daripada apa yang kita sedang bahaskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak lari, ada tengok dia larikah? Tidak adalah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kita pun ada persoalan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tergelincir, tergelincir.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia berdiri di sana, tidak lari.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak apalah, Tuan Pengerusi, dia timbalan menteri kena berdepanlah dengan kita.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia berdiri, mana ada lari.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia memang berdiri di sana, dia memang berdepan dengan kita.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okey, boleh bagi saya laluanlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Boleh, boleh.

Dato' Wong Kam Hoong: Saya jawab dahulu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *You* boleh jawab sekalilah.

Dato' Wong Kam Hoong: Ini sahaja, okey. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih timbalan menteri. Saya bukan orang Melaka, Tuan Pengerusi, pandai berpantun...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Orang Sri Gadinglah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Orang Johor.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pandai berpantun, pandai berseloka. Jadi, saya terus masuk kepada....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Soalan, pertanyaan. *[Ketawa]* Bangsa yang tidak mahu mengenang sejarah adalah bangsa yang tidak akan dapat dipertahankan ketamadunannya. Kalau kita pergi ke negara-negara yang maju, negara maju ini kebanyakannya negara yang tua, negara-negara yang mempunyai sejarah yang panjang. Kita akan merasa kagum kerana bangsa-bangsa ini, ia ada muzium seni dan budayanya. Kalau kita pergi ke muziumnya ini, kita akan dapat meniti, menyoroti. Tuan Pengerusi faham erti menyoroti? Maknanya menyorot atau mengimbas sejarah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya haraplah jangan beri ceramah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak beri ceramah, Tuan Pengerusi, ini semua dalam bentuk pertanyaan yang saya gubah, yang saya sampaikan dengan cara cukup baik kerana ini Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan yang ada kaitan dengan kesenian dan kebudayaan. Jadi, kita menyampaikan pun dengan cara berseni, Tuan Pengerusi. Hanya orang-orang yang halus budi keseniannya yang dapat melahirkan begini, Tuan Pengerusi. Saya harap Tuan Pengerusi dapat bersabar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya memang cukup sabar. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tetapi kita cuma ada Balai Seni, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Belum terlambat dan tidak ada kesalahan mana-mana pihak di sini kerana kita negara muda, negara baru. Saya hendak ucap tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri kerana di bawah kepimpinan

Perdana Menteri yang kelima ini, diwujudkan kementerian ini. Sebelum ini tidak wujud, Tuan Pengerusi.

Perkara-perkara yang berkaitan dengan kesenian dan warisan ini dahulu ditempel-tempel dalam Kementerian Pelajaran, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pelancongan, ia tidak khusus, tetapi di bawah era Yang Amat Berhormat Dato' Seri....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, sekarang saya hendak tahu apakah soalnya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak masuk ini, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, tolong masuk cepat sedikit. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kita bermesyuarat sampai pukul 10.30 malam, Tuan Pengerusi. Hebat Parlimen Malaysia, tidak ada Parlimen di dunia yang bersidang pukul 10.00 pagi sampai pukul 10.00 malam, 12 jam. Memang kira tahniah kepada Ahli-ahli Parlimenlah yang sabar...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini semua terkeluar daripada tajuk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak terkeluar, Tuan Pengerusi, hendak ulas ini. *[Ketawa]* Jadi saya cadangkan sebelum terlambat dan kita tidak ada kesalahan mana-mana. Jadi tolong kumpulkan. Kita tiru langkah-langkah negara yang lebih tua dan lebih maju daripada kita, tidak ada salahnya meniru di sini kerana kita hendak menyimpan segala khazanah. Jadi longgokkan lagu-lau kita, sajak-sajak kita dan pantun-pantun kita.

Macam lagu, Tuan Pengerusi, misalan ambil contoh. Kita kadang-kadang dengar lagu, katalah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Katalah lagu Tudung Saji.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading, cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, saya ambil contoh, saya ambil contoh.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Lagu Tudung Periuk

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Katalah Tudung Peruk. *[Disampuk]* Katalah lagu Sayang Sungai Sarawak, umpamanya, kita boleh dengar lagunya tetapi kita tidak tahu siapa pencipta lagu ini, siapa penulis lirik lagu ini. Lagu-lagu yang cantik-cantik dan yang indah-indah, kita tidak tahu, Tuan Pengerusi. Tetapi kalau dapat dikumpulkan, kita tahulah sendiri. Katalah lagu P. Ramlee, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah. Saya memang...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, dia pun sedap hendak dengar ini, Tuan Pengerusi. Saya sedang memberikan kuliah kepada timbalan menteri ini *[Ketawa]* macam mana hendak...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya takut cara Yang Berhormat sampaikan, kita pun tidak tahu jawab, menteri pun tidak tahu jawab nanti. Cukuplah, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kalau dia tidak tahu jawab pun tidak apa, Tuan Pengerusi, pasal ini benda yang baru. Ini cadangan, Tuan Pengerusi, supaya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau Yang Berhormat sudah tahu dia tidak tahu jawab, jangan buang masa kami semua.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi, saya amat menghargai masa, Tuan Pengerusi, tetapi inilah masa yang ada kepada kita untuk kita melahirkan buah fikiran bagi menguatkan kementerian kita. Tuan Pengerusi, ucapan saya dalam tahun 2005 ini, pada tahun 3005 nanti, 100 tahun akan dibongkar balik. Oh, ada orang Parlimen bangkitkan perkara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, tanyalah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini hendak masuklah. Soalan belum sampai, Tuan Pengerusi. Jadi saya harap, macam pakaian Johorlah, Tuan Pengerusi orang Johor, busana Johor. Macam mana yang dikatakan baju cekak musang, macam mana yang dikatakan baju teluk belanga, bagaimana yang dikatakan berdagang luar, bagaimana yang dikatakan berdagang dalam. Banyak budak muda sekarang tidak faham, Tuan Pengerusi. Kalau ada sejarah ini, dipamerkan kemudian ditulis sejarahnya bila. Tuan Pengerusi, saya hendak minta maaf, ada sedikit lagi maklumat. Dari segi lagu, Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat. Bagi semua pihak Ahli Yang Berhormat, saya meminta maaf, cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya terpaksa patuh dengan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Macam mana gagah pun saya, saya kalah dengan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi memang...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak-banyak terima kasihlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Memang Tuan Pengerusi handallah. Saya tidak boleh lawan Tuan Pengerusi punya kehandalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Buku ini ada di tangan saya, *[Menunjukkan buku Peraturan Mesyuarat]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya tahulah. *[Ketawa]* Tuan Pengerusi sudah pegang buku, saya sudah takutlah, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, duduk, duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya takut, Tuan Pengerusi. Jadi terima kasihlah Tuan Pengerusi. Jadi kita sambung, bila kita boleh dapat sambung? Sesi akan datanglah kita sambung lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jemput dia pergi...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tetapi kalau dapat Yang Berhormat Menteri ada di sini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat jemput dia pergi ke Sri Gading, cukuplah. Jemput timbalan menteri ke Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kalau dapat Yang Berhormat Menteri, kita sedap berdialog dengan dia kerana dia ada pengalaman luas dari segi warisan dan sejarah, Tuan Pengerusi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, baik. Yang Berhormat Timbalan Menteri, teruskan. Panjang lagi?

Dato' Wong Kam Hoong: Baru mula sahaja. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kena fahamlah kita semua.

Dato' Wong Kam Hoong: Saya fahamlah. Memang saya memandang berat pandangan-pandangan daripada Yang Berhormat bagi Sri Gading dan juga Yang Berhormat bagi Larut iaitu sebagai seorang yang berketurunan Cina, saya faham khazanah budaya dan seni Melayu amat kaya. Sampai sekarang walaupun saya di

kementerian ini, saya masih belajar daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat di sini yang berketurunan Melayu. Memang kementerian saya akan memandang serius.

Dalam program-program kementerian saya seperti Program Menggalakkan Seni Budaya, Program Menyemarakkan Seni Budaya dan sebagainya, kita mengembalikan amalan-amalan yang hampir pupus seperti bergotong-royong di peringkat kampung, adat kenduri dan sebagainya. Baru-baru ini sahaja kita ada satu program Yayasan Seni di kawasan Perdana Menteri kita iaitu di Pinang Tunggal, ada adat kenduri dan sebagainya dan beramai-ramai keluar untuk menyertai program ini. Jangan bimbanglah, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan. Penjelasan boleh, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan jawab soalan, tidak payah hujah-hujah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Saya tidak ada menyeleweng Tuan Pengerusi. Dalam hendak menghidupkan kebudayaan sesuatu tempat, orang daerah lebih faham tentang kebudayaan dia. Apakah kementerian ada menyediakan peruntukan untuk menghidupkan balik kebudayaan setempat itu dengan bantuan daripada kementerian. Bagi satu peruntukan di peringkat daerah. Setujukah dengan saya dan saya mengalu-alukan pemimpin-pemimpin masyarakat daripada Cawangan Bukit Perah, DUN Sri Menanti, Parlimen Kuala Pilah. Selamat Datang ke Parlimen.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Permintaan Yang Berhormat Jasin boleh disalurkan kepada Cawangan Negeri Melaka. Kita ada program yang semua ini dibiayai oleh kementerian saya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sedikit pandangan yang bernas, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini belum keluarkan, belum tentu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sudah tentu bernas.

Dato' Wong Kam Hoong: Nanti boleh? Saya pantanglah, tersangkut di sini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sedikit sahaja. Hendak bagi selesai sikit. Pertamanya saya hendak perbetulkan balik, lagu negeri Kedah adalah lagu 'Cinta Sayang' bermakna *love*. Lagu Cinta Sayang, orang-orang Kedah ini dia mencintai dan menyayangi. Sebab itulah di Kedah orang baik-baik - Ala Cinta Sayang.... [*Menyanyi*]

Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sekarang ini apabila kita menyambut Hari Kemerdekaan, kita menyambut hari-hari kebesaran ataupun ada keramaian-keramaian hari jadi KDYMM Tuanku dan sebagainya, banyak masa itu diberikan kepada penyanyi-penyanyi ala moden, penyanyi-penyanyi *rock*, penyanyi-penyanyi lagu-lagu moden. Tetapi kita jarang sekali mendendangkan lagu-lagu kenegerian dan juga tarian-tarian kebudayaan. Memang ada tetapi tidak cukup kerana terlalu sedikit ruang diberikan banyak kepada penyanyi-penyanyi yang menang Akademi Fantasia dan sebagainya yang menjadi idola kepada anak-anak muda.

Kita menyerapkan budaya keseronokan secara lain daripada Barat, ideologi Barat kepada anak-anak muda. Apa salahnya di waktu itulah kita memperkenalkan kerana pada masa itu banyak pelancong (*tourist*) yang datang ke negara kita. Saya minta kementerian memperbanyakkan lagi menggunakan kerjasama Kementerian Pelancongan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat, cukup. Cukup, cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya taat dan setia.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup. cukup, cukup. Terima Kasih lah. Terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Ya, terima kasih atas pandangan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, teruskan jawapan.

Dato' Wong Kam Hoong: Okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Buat sementara jangan benarkan sesiapa minta penjelasan.

Dato' Wong Kam Hoong: Terpuhlamlah kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya boleh seperti Yang Berhormat berbuat demikian.

Dato' Wong Kam Hoong: Ya, tentang fakta bagaimana yang menjadi fokus kajian atau penyelidikan pengesanan fakta sejarah negara, kajian ke atas pembetulan fakta-fakta yang ditimbulkan oleh para penulis Barat berhubung sejarah negara meliputi zaman-zaman berikut:

- (i) zaman prasejarah sebelum tahun 1400 – contohnya soal kebumiputeraan orang Melayu adalah orang tempatan yang wujud sejak awal;
- (ii) zaman menjelang Kesultanan Melayu Melaka – contohnya sejarah Malaysia pra-Kesultanan Melaka Abad 12 sehingga 14 Masihi; dan
- (iii) zaman Kesultanan Melaka iaitu satu persepsi sejarah dan budaya juga zaman Kesultanan Johor–Riau iaitu pentadbiran Kesultanan Johor-Riau.

Kajian isu-isu bersifat polemik prakolonial dan pasca kolonial masih lagi diteruskan dari semasa ke semasa.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: *[Bangun]*

Dato' Wong Kam Hoong: Yang Berhormat bagi Larut membangkitkan usaha-usaha kraf tangan dalam memajukan industri batik dan songket.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya membangkitkan perkara ini semalam, saya hendak tanya sedikit Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah fakta ini termasuk soal pada zaman kemerdekaan kerana soal perjuangan mendapat kemerdekaan ini juga dipertikaikan oleh sesetengah pihak. Ini juga harus menjadi fokus.

Yang keduanya, adakah pihak kementerian menentukan suatu *time frame* untuk kajian ini sama ada lima tahun, sepuluh tahun dan sebagainya. Saya faham ini memakan masa yang panjang mungkin penyelidik kena pergi ke luar negara, ke muzium-muzium di Portugal atau muzium di London dan sebagainya.

Satu lagi perkara yang berkaitan, Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah berkenaan dengan yang relevan dalam hal ini ialah berkenaan dengan menghargai pemimpin yang berjuang menuntut kemerdekaan. Di sesetengah negara, kita perhatikan, saya ambil contoh Pakistan dan India misalnya. Ke mana-mana kita pergi di Pakistan ini ada gambar pejuang kemerdekaan mereka iaitu Almarhum Mohamed Ali Jinnah. Di mana-mana ... di Parlimen atau di bangunan kerajaan dan sebagainya.

Begitu juga di India gambar Mahatma Ghandi ada di mana-mana. Tetapi di negara kita gambar pemimpin perjuangan kita hanya wujud semasa mula-mula kita merdeka iaitu misalnya gambar Almarhum Tunku Abdul Rahman semasa dia menjadi Perdana Menteri selepas itu sudah tidak wujud. Kita hendak cari gambar Tunku kecuali pergi ke muzium atau pergi ke tempat-tempat berkenaan.

Begitu juga gambar pemimpin-pemimpin yang lain termasuk pemimpin peringkat negeri umpamanya Tun Temenggung Jugah di Sarawak atau Tun Mustafa dan Tun Fuad Stephen dan sebagainya. Selain daripada membaca buku, gambar ini penting kerana bagi pelawat asing mereka akan bertanya siapa dia ini. Lima puluh tahun akan datang atau seratus tahun yang akan datang orang tidak tahu.

Adakah pihak kementerian berhasrat untuk mempamerkan gambar-gambar pemimpin perjuangan kemerdekaan di tempat-tempat yang saya maksudkan. Terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat. Tentang zaman kemerdekaan iaitu fokus akan diberikan kepada zaman kemerdekaan juga dan Arkib

Negara kita akan menjalankan fokus kepada kajian iaitu penulisan tentang pakar-pakar zaman kemerdekaan dengan secepat mungkin.

Tentang memperagakan gambar-gambar dan sebagainya iaitu identiti-identiti pejuang-pejuang kemerdekaan dan juga tokoh sejarah, tokoh negara dan sebagainya kita akan kaji. Saya akan membawa balik ke kementerian untuk mengkaji cadangan daripada Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Santubong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sampai pukul 10.30 malam tadi hendak bercakap tetapi malangnya tidak dapat peluang. Saya memang hendak *reserve* hari ini untuk bertanya. Terima kasihlah Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberi peluang kepada saya.

Saya hendak bertanya satu perkara susulan daripada pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Parit. Di negara lain umpamanya di Egypt, banyak benda-benda di Egypt dicuri oleh pihak British dan dibawa ke Muzium British, dijual kepada pihak individu-individu persendirian. Mereka sekarang mengambil pergerakan mencari barang ini di seluruh dunia supaya dibeli dan dibawa balik ke Egypt. Adakah Malaysia juga berbuat sedemikian kerana pada zaman empayar Johor-Riau semasa penubuhan Kerajaan-kerajaan *Straits Settlement* di sini dan juga di Sarawak – James Brooke umpamanya, banyak dokumen-dokumen yang telah dibawa balik oleh pihak British ini dan ada dokumen-dokumen ini telah dijual kepada pihak-pihak *private collectors* dan apakah tindakan kementerian kerana saya lihat di sini hanya RM500,000 untuk kerja keluar negara.

Adakah sumbangan ini mencukupi untuk kerja-kerja ini supaya bahan sejarah yang menunjukkan bahawa Malaysia ini bukan wujud pada tahun ini sahaja bahkan beratus-ratus tahun dahulu dan juga di negara Portugis ada kesan-kesan sejarah kita yang dibawa balik oleh pihak ini dan kita boleh dan sepatutnya membeli semula, barulah kita kenal dengan sejarah kita sendiri kalau benda-benda ini dibawa balik. Banyak benda yang dicuri, dirompak dan sebagainya daripada negara kita dibawa ke negara ini dan kita sepatutnya mengambil tindakan. Ini susulan daripada Yang Berhormat bagi Parit katakan tadi. Soalan saya dirizab sejak semalam.

Tuan Pengerusi, kita hendak katakan Wawasan 2020. Wawasan 2020 tidak lengkap kalau kita hanya berkisar soalan ekonomi, berkisar soalan pendidikan kalau budaya itu tidak disemaikan dalam masyarakat kita. Pada tujuh tahun yang lepas, sebagaimana yang telah saya sebutkan semalam juga, saya pernah berbincang dengan Kementerian Penyiaran pada masa itu, Tok Mat sendiri yang mengatakan bahawa tiap-tiap kawasan yang tertentu seperti di Johor, mungkin juga di Terengganu dan juga di Pulau Pinang, di Sarawak mungkin juga di Sabah akan dibina teater kerana teater ini ialah suatu nukleus untuk pembangunan budaya tetapi sampai sekarang pun tidak ada.

Pada masa itu, saya dijanjikan peruntukan RM7 juta untuk membuat teater di Sarawak. Saya mencari tanah supaya boleh dibuat dengan sumber kewangan sebanyak RM7 juta. Tetapi sampai sekarang kita tidak melihat pergerakan ini dibuat supaya infrastruktur prasarana untuk pembangunan pergerakan kesenian ini dibangkitkan di seluruh negara. Kemajuan tidak mencukupi dengan sumber kewangan dan *intellectuality* kalau tidak kesenian itu disemai dalam masyarakat kita. Jadi, saya mahu tanya. Terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Tentang *relic* dan dokumen yang terletak di negara asing khususnya di muzium atau arkib-arkib khususnya di negara-negara bekas penjajah negara kita seperti Belanda, Portugis, UK dan sebagainya, kementerian kami sedang dalam usaha untuk mengesan *relic* atau dokumen yang bersejarah itu.

Tetapi kalau hendak beli balik atau mengambil balik, kita perlu membayar dengan harga yang tinggi. Kalau kita boleh tuntutan balik sebagai khazanah negara kita tanpa bayaran, maka ini akan memerlukan satu tindakan yang lebih rumit. Saya harap peruntukan lebih akan diberikan untuk kementerian saya supaya kita boleh dapat balik *relic* dan dokumen-dokumen yang berada di negara asing.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bagun]

Dato' Wong Kam Hoong: Tentang teater...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Santubong.

Dato' Wong Kam Hoong: Tidak dengar. Tidak dengar.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih. Terima kasih. Kita jangan pandang soal kewangan ini sebagai suatu rintangan kepada kita Yang Berhormat. Kita sepatutnya berbincang kepada Kabinet, pinta daripada kerajaan. Sebagai contoh, kalau pihak Indonesia berhubung dengan Borobodor saya sudah melawat Borobodor sebab saya suka melawat tempat-tempat macam ini.

Saya sudah melawat Borobodor, banyak khazanah-khazanah dahulu bahkan apa yang nampak bulat di Borobodor itu dijual, dibawa ke Amerika. Orang curi benda ini dan sekarang sudah dikesan, minta kerjasama United Nation supaya sokong tindakan ini, minta kerjasama daripada NGO-NGO tempatan di mana negara-negara kecurian ini berlaku dan dia dapat balik dan dia hantar semula ke negara asal.

Begitu juga di Angkor Wat, banyak benda seperti kepala dicuri, badan dicuri, tangan dicuri, macam-macam dicuri dan dibawa ke Amerika, dibawa ke England, dibawa ke Eropah, dia orang ambil semula. Negara ini negara miskin, Kemboja umpamanya kalau dibandingkan dengan kita, Kemboja itu *nothing* dengan izin. Tetapi usaha mereka boleh *surpass* kita punya *effort*. Ini yang saya hendak sebutkan. Sejarah kita, kecurian yang dibuat oleh pihak penjajah dahulu mesti dikesan dan diambil balik walau apa cara sekali pun. Terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau ada bukti bahawa ini adalah suatu kecurian, maka kita boleh tuntutan balik tanpa bayaran. Tentang teater di setiap negeri, taman budaya di Kompleks Taman Budaya, ada teater masing-masing. Umpamanya untuk negeri Sarawak, sebab untuk kita mendirikan taman budaya, terlebih dahulu kerajaan negeri mesti menyumbangkan tanah kepada kementerian kami. Maka setakat ini negeri Sarawak masih belum menyumbang sebidang tanah untuk tujuan ini. Saya harap Yang Berhormat boleh membantu dalam hal ini.

Tuan Wilfred Madius Tangau: [Menyampuk]

Dato' Wong Kam Hoong: Okey, *all right*. Kita mengusahakan bersamalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tuaran.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam soal kecurian artifak-artifak ataupun warisan, baru-baru ini saya bersama dengan Yang Berhormat bagi Sri Aman di Cambodia dalam satu persidangan perbincangan AIPO, soal *ecotourism*, satu isu yang kita telah bincangkan di antara Ahli-ahli Parlimen Negara ASEAN berhubung dengan soal pihak yang mencuri artifak warisan ini.

Dan wakil dari Singapura, kita tidak bersetuju dengan tuntutan dari Indochina – cadangan mereka iaitu mereka meminta supaya satu peraturan ataupun satu persetujuan dibuat di mana pihak yang telah mencuri atau negara yang mencuri itu hendaklah bukan sahaja membayar balik, menghantar balik tetapi memberi sumbangan kewangan untuk mengembalikan artifak asal itu. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, bagaimanakah kementerian ataupun Kerajaan Malaysia melihat perkara ini?

Apakah pendirian kita dalam soal ini, sebab semasa dalam perbincangan kita pun tidak melihat, kita tidak mendapat apa-apa panduan dari segi pendirian negara kita. Jadi, apakah kita akan menyokong tuntutan daripada negara-negara Indochina, dari Thailand, dari Cambodia, Vietnam dan juga Myanmar? Sama ada kita mahu menyokong tuntutan mereka supaya negara atau pihak-pihak yang telah mencuri ini memberi sumbangan kewangan an kalau itu gagal, hendaklah pihak-pihak agensi antarabangsa membantu balik negara itu untuk mengembalikan artifak-artifak warisan yang telah dicuri itu. Minta mohon penjelasan, terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih, Yang Berhormat. Kementerian saya sedang berusaha, saya telah katakan tadi iaitu khazanah warisan yang hilang atau dicuri di negara-negara lain, kita akan mengambil tindakan sewajarnya untuk mendapat

balik replika, dokumen dan khazanah warisan supaya mereka dapat mengembalikan kepada negara kita.

Tentang Yang Berhormat bagi Larut bertanya usaha-usaha Kraf tangan Malaysia dalam memajukan industri batik dan songket. Usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kraftangan Malaysia di peringkat domestik adalah:

- (i) promosi bertema;
- (ii) promosi *in-store* di pusat membeli belah, destinasi pelancongan dan hotel-hotel; dan
- (iii) penyertaan dalam pameran perdagangan.

Hasil daripada usaha promosi di peringkat domestik sebanyak RM33 juta telah dijana pada tahun 2003 dan telah meningkat kepada RM39.7 juta pada tahun 2004 untuk batik.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Maran

Dato' Wong Kam Hoong: Saya habiskan ini dahulu. Di peringkat antarabangsa pula produk batik dan songket dijual di pameran perdagangan dan promosi *in-store*. Di samping itu juga diperkenalkan teknologi baru seperti penggunaan mesin dan bantuan komputer untuk menghasilkan rekaan batik. Mesin ini mempercepatkan pengeluaran kain batik. Kraf tangan juga telah membeli mesin '*jacquard power loom*' dan diubahsuai untuk mempercepatkan pengeluaran kain songket.

Mesin ini boleh dimanfaatkan oleh pengusaha. Kraf tangan Malaysia juga telah mewujudkan Pusat Inovasi Batik di Kelantan dan Pusat Inovasi Tenunan Malaysia di Terengganu sebagai pusat rujukan kepada pengusaha. Antara aktiviti yang dijalankan adalah bengkel pembangunan produk dan lain-lain.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri. Saya hendak tanya sedikit tentang kraf tangan. Ini juga merupakan budaya bangsa, khususnya orang Melayu ataupun Islam iaitu tentang tulisan jawi ataupun tulisan khat. Saya perhatikan tidak banyak usaha yang dibuat oleh kementerian ini dalam kita mempertahankan martabat tulisan jawi. Kalau beberapa minggu yang lepas kita dihebohkan dengan pelajar-pelajar tidak boleh membaca, menulis dan mengira dan saya sebenarnya semalam hendak bercakap tentang perkara ini.

Saya ingin bertanya dengan kementerian dan mungkin ini terlibat sama dengan Kementerian Pelajaran, sejauh mana pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan ini cuba mempertahankan martabat tulisan jawi yang saya kira telah semakin hapus. Kalau kita lihat dahulu kita ada akhbar jawi dan hari ini kalau kita lihat *Utusan Melayu* atau *Utusan Zaman* hanya ada seminggu sekali sahaja. Saya minta supaya kementerian ini memberikan penjelasan kepada kita, apakah usaha-usaha yang telah dibuat oleh pihak kementerian dalam mempertahankan budaya tulisan jawi ini khusus orang-orang Melayu, orang-orang Islam di mana kalau kita lihat ramai daripada pengusaha-pengusaha yang terlibat dalam mengeluarkan, menghasilkan kraf tangan yang berupa khat, tulisan ini dan nilainya amat tinggi, bukan sahaja di kalangan kita orang Melayu, orang Islam tetapi di seluruh dunia. Bahkan ini boleh kita lihat dalam bentuk-bentuk bangunan, di masjid, di bangunan-bangunan kerajaan dan di bangunan-bangunan terutama di negara-negara Arab dan sebagainya.

Jadi, saya bimbang kerana sebagai orang Islam, sebagai orang Melayu, tulisan jawi adalah merupakan tulisan utama dan merupakan tulisan bagi al-Quran, Hadis yang perlu diketahui oleh seluruh orang Islam ataupun orang Melayu. Saya bimbang kita persoalkan masalah keruntuhan moral, akhlak pelajar-pelajar, disiplin pelajar yang merosot, sedangkan banyak ilmu, banyak pengetahuan, pendidikan yang boleh kita dapat daripada al-Quran dan Hadis.

Kalau pelajar-pelajar kita tidak boleh membaca jawi, sudah tentulah mereka tidak akan dapat lebih banyak ilmu, walaupun dalam tulisan rumi juga terdapat ilmu-ilmu yang lain. Saya minta supaya kerajaan memberikan perhatian khusus kepada kementerian ini. Tidak guna kita pertahankan budaya-budaya yang dari segi tarian,

nyanyian dan sebagainya; kalau kita tidak boleh mempertahankan nilai-nilai maruah kepada pelajar-pelajar, anak-anak muda kita. Saya minta supaya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Sedikit lagi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan masa untuk Yang Berhormat berucap.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Bolehkah kementerian memberitahu kita adakah kajian dibuat dari segi buta huruf jawi di kalangan masyarakat di negara kita, terutama di kalangan pelajar? Dan apakah program khusus yang dibuat oleh kementerian ini bagi mempertahankan martabat tulisan jawi di negara kita? Terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Tentu pasti saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Maran iaitu sifat-sifat kemelayuan, iaitu budaya Melayu dulu-dulu tulisan jawi merangkumi buku-buku, dokumen-dokumen pentadbiran kesultanan, juga ukiran, lukisan tenunan, songket dan sebagainya ada lagi dalam tulisan jawi. Kementerian kami ada perancangan untuk menyemarakkan dan memartabatkan tulisan jawi dan juga akan menghidupkan balik minat golongan remaja untuk membaca atau menulis dalam bahasa jawi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Penjelasan, Yang Berhormat. Fasal batik, Yang Berhormat. Saya menyokonglah tentang tulisan khat ini. Tadi Yang Berhormat sebut pasal kraf tangan. Kalau ikut pada tahun 2001, industri kraf tangan menjana pendapatan sebanyak RM1.8 bilion, angka ini akan bertambah. Dan, kalau ikut di sini bahawa Kuala Lumpur mungkin boleh menjadi kota batik dunia, Yang Berhormat.

Kita sekarang ini dilihat Kuala Lumpur menjadi tumpuan kota fesyen Asia yang pelbagai fesyen. Jadi, Malaysia perlu mempunyai satu industri fesyen, khususnya perusahaan batik bertaraf antarabangsa dan mampu mengetengahkan unsur *Malaysiana* untuk meletakkan Malaysia dalam kalender fesyen dunia. Mengikut pereka fesyen terkenal, Rizalman Ibrahim, dia pernah berkata untuk mencapai taraf antarabangsa, Malaysia perlu menampilkan kelainan yang boleh memikat dunia untuk mengiktirafkan fesyen tempatan.

Hakikatnya, Malaysia mempunyai pelbagai warisan seni budaya seperti batik dan songket yang mampu diangkat tetapi tidak ramai yang menyedarinya kecuali alhamdulillah, Allahyarham Datin Seri Endon Mahmood, isteri Perdana Menteri. Semalam saya bertanya apakah kesinambungan usaha yang dibuat oleh isteri Perdana Menteri ini, Allahyarham sebagai wanita pertama dalam keadaan beliau mengalami kesakitan, masih mampu berusaha untuk mengetengahkan seni budaya kita, batik kita, songket kita.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah kita tidak memandang serius ke atas segala usaha Allahyarham Kak Endon ini, kalau kita tidak membangkitkannya, siapa lagi? Tadi Yang Berhormat menyebut memorial yang telah didirikan, alhamdulillah, itu pun satu daripada sejarah. Apakah kementerian Yang Berhormat juga akan mewujudkan satu memorial sebagai tanda kenangan untuk Kak Endon sebagai mengenang segala jasa yang telah beliau lakukan. Terutama sekali sebagai menandakan lagi usaha di kalangan wanita...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat. Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ini serius, Tuan Pengerusi. Saya minta kepada Yang Berhormat Menteri ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Memang serius, takkan tidak serius Yang Berhormat bangkit, semua serius.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, terima kasih. Jadi, saya mintalah, apakah kesinambungan kementerian sebagai mengenang segala jasa Kak Endon, wanita pertama di negara kita ini yang telah banyak berjasa. Mungkin hendak namakan kraf tangan - Perbadanan Kraftangan Endon atau Batik Endon, Songket Endon dan dipasarkan. Ini kerana mengikut pereka fesyen Rizalman Ibrahim,

kita boleh kalau kita menyedari perkara ini, 'mahu seribu daya, tidak mahu seribu dalih'. Terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Sebagai usaha kesinambungan untuk mengenangkan sumbangan-sumbangan yang dihulurkan oleh Allahyarham Datuk Seri Kak Endon, Kementerian saya akan dan telah diluluskan oleh Kabinet iaitu satu muzium tekstil didirikan di sebelah Bangunan Sultan Abdul Samad dan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, mungkin perkara ini Yang Berhormat bagi Larut tidak tahu.

Dato' Wong Kam Hoong: Saya belum jawab habis!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan, bukan perkara itulah. [Ketawa]

Dato' Wong Kam Hoong: Ya, ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Larut tidak tahu, dia tidak tahu ada perkara ini.

Dato' Wong Kam Hoong: Sekarang saya maklumkan. [Disampuk] Sekarang saya maklumkan. [Ketawa] Dan, muzium tekstil ini akan dinamakan atas nama Allahyarham Kak Endon.

Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu membangkitkan hakisan seni budaya dan nilai-nilai moral remaja akibat pengaruh globalisasi. Sebagai pengukuhan jati diri generasi muda adalah merupakan tanggungjawab semua Kementerian. Dari aspek pengukuhan seni budaya fokus Kementerian adalah seperti berikut:

- (i) program merakyatkan seni dan budaya;
- (ii) kempen budi bahasa dan nilai-nilai murni;
- (iii) kempen galakan membaca;
- (iv) program bimbingan seni dan budaya untuk generasi muda;
- (v) program pemuliharaan kesenian tradisional; dan
- (vi) bantuan kewangan kepada NGO seni budaya untuk pelaksanaan aktiviti tersebut.

Yang Berhormat bagi Bukit Bintang membangkitkan beberapa isu...

Dato' Razali bin Ismail: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Ada apakah perkara yang ingin...

Dato' Razali bin Ismail: Yang berkaitan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang berkaitan dengan?

Dato' Razali bin Ismail: Dengan hakisan budaya. Tadi telah disebut tentang isu hakisan ini. Saya ada sedikit kehairanan sebab Kementerian yang menentu dan meluluskan lesen ialah Kementerian lain, sedangkan Kementerian yang sedang dibicarakan sekarang ini ialah Kementerian yang menentukan nilainya pula. Hak mengeluarkan lesen berada di tangan orang lain, hak yang menilai, yang menentukan nilai budaya lain pula kedudukannya. Jadi, bagaimanakah kita hendak mendamaikan di antara kedua Kementerian ini?

Dato' Wong Kam Hoong: Untuk menentukan sama ada satu-satu persembahan sesuai untuk dipersembahkan di negara kita, di Kementerian kami ada sebuah agensi iaitu agensi PUSPAL. Anggota-anggota agensi PUSPAL terdiri daripada polis, pihak berkuasa tempatan, imigresen dan sebagainya untuk menapis persembahan yang tidak sesuai untuk dipersembahkan di negara kita. Maka, agensi PUSPAL ini menjadi satu agensi penapis supaya persembahan atau *show* yang sesuai sahaja dapat dipersembahkan di negara kita.

Now tentang tempat-tempat bersejarah negara, peruntukan sedikit perlu ditambah. Bagi tempat-tempat bersejarah iaitu di Kuala Lumpur perlu dipulihara. Untuk

makluman Yang Berhormat Bukit Bintang, bagi tahun 2005, Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM36 juta sementara bagi tahun 2006 sebanyak RM32 juta telah diperuntukkan untuk tujuan ini.

Peruntukan sebanyak RM10 juta untuk tahun 2005 dan RM10 juta untuk tahun 2006 juga disediakan untuk penyelidikan dan menyelamatkan bangunan warisan termasuk milik persendirian. Usaha bagi pemuliharaan dan pengkalan sememangnya menjadi salah satu agenda utama bukan sahaja di Kuala Lumpur tetapi lain-lain bandar dan tapak warisan di seluruh negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, bangunan bersejarah yang sedang dan akan dipulihkan adalah bangunan Sultan Abdul Samad, Masjid Jamek, Masjid India, Hotel Majestic, Bangunan Perhimpunan China.

Tuan Fong Kui Lun: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

Tuan Fong Kui Lan: Minta penjelasan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Pengerusi, dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Oleh kerana Kuala Lumpur sebagai satu bandar raya yang bersejarah dan banyak bangunan-bangunan yang dikategorikan juga sebagai bersejarah seperti mana yang dikatakan tadi ada bangunan seperti *temple-temple*, dan juga itu kuil-kuil di Jalan Tun H.S. Lee.

Adakah peruntukan jika tidak mencukupi, saya harap Kementerian boleh memohon lebih peruntukan memastikan tapak-tapak bersejarah ini boleh dipelihara oleh Kementerian. Sejauh manakah Kementerian telah diambil langkah untuk memastikan bangunan bersejarah tidak akan dirobohkan oleh pembangunan. Jika ada apakah tindakan susulan akan diambil oleh Kementerian? Terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Bintang. Memang kekangan kewangan adalah satu faktor di mana kita Kementerian kami tidak menjalankan dengan lebih menyeluruh.

Saya juga yakin selepas iaitu pembentangan Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan iaitu Kementerian akan dapat lebih peruntukan dan dari segi pentadbiran dan sebagainya, pemeliharaan dan pemuliharaan warisan akan menjadi satu usaha utama di Kementerian saya dan akan dijalankan dengan lebih lancar.

Tentang program kebudayaan antara kaum bagi membentuk kebudayaan Malaysia baru, Kementerian memberi fokus kepada aktiviti yang mewujudkan perpaduan kaum. Antara aktiviti berkenaan adalah seperti berikut, Rumah Terbuka Malaysia iaitu ada enam rumah terbuka Malaysia iaitu Hari Raya, Tahun Baru China, Deepavali, Krismas, Tadau Keamatan dan Gawai, Dayak. Di samping itu juga ada program bimbingan seni yang melibatkan pelbagai kaum, program merayakan seni dan budaya yang merangkumi pelbagai kaum dan kawasan juga.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tentang soalan iaitu ramai yang tidak gemar membaca buku-buku di kalangan orang dewasa dan remaja, Kementerian saya akan mengadakan kempen galakan membaca dan ini telah dijalankan hampir 10 tahun dan kurang mendapat impak kerana kekangan kewangan. Publisiti tidak meluas dan sokongan yang diterima dari rakyat Malaysia kepada program-program yang dijalankan adalah minimum.

Untuk menggalakkan membaca, satu kempen baru iaitu "Kempen Membaca Kebangsaan" akan diberi pendekatan baru dengan menjalankan pelbagai aktiviti dan program melibatkan pelbagai golongan sasaran seperti kanak-kanak, keluarga, pegawai kerajaan, pemimpin, masyarakat di luar bandar dan di dalam bandar.

Program yang dicadangkan adalah seperti berikut;

- (i) *Roadshow* kempen galakan membaca kebangsaan.
- (ii) Kempen galakan membaca peringkat sekolah.
- (iii) Kempen galakan membaca peringkat Kementerian dan Jabatan.

(iv) Program bacaan kegemaran saya.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Maran bangun. Panjang lagi ke Yang Berhormat?

Dato' Wong Kam Hoong: Ya ada banyak, saya baru sampai kelima sahaja. Ada 15.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau Yang Berhormat terangkan semua dasar, panjanglah Yang Berhormat. Maran, nak bagi jalan?

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan, khususnya Kementerian. Dahulu Perpustakaan Negara ini di bawah Kementerian Pelajaran, sekarang diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.

Usaha yang dibuat oleh Kementerian dan juga Perpustakaan Negara memang menggalakkan dan saya kira usaha kerajaan menambahkan perpustakaan negeri, perpustakaan daerah dan juga perpustakaan desa semakin bertambah. Cuma saya nak perhatian kerajaan, Kementerian, saya perhatikan banyak daripada bangunan-bangunan perpustakaan ini sama ada di peringkat desa, daerah dan juga negeri, tidak didaftarkan sebagai bangunan kerajaan ataupun Jabatan Kerja Raya.

Akibatnya penyenggaraan, peruntukan penyenggaraan tidak ada disediakan. Saya pernah terlibat dengan perpustakaan ini dan saya perhatikan banyak perpustakaan-perpustakaan di daerah-daerah ini keadaannya rosak. Bagaimana kita hendak mewujudkan satu suasana membaca, minat membaca di kalangan pembaca kalau tidak disediakan peruntukan yang cukup. Sebab itulah saya mencadangkan supaya pihak Kementerian mengambil perhatian perkara ini dan kalau boleh memasukkan semua bangunan-bangunan perpustakaan ini di peringkat desa dan juga daerah ini di bawah bangunan kerajaan supaya peruntukan khusus disediakan bagi penyenggaraan bangunan ini.

Kalau boleh saya minta supaya makluman semua Ahli Parlimen dan kawasan, Kementerian nyatakan berapa jumlah perpustakaan negeri, berapakah jumlah perpustakaan daerah, perpustakaan desa dan lain-lain perpustakaan yang kita faham berada di berbagai-bagai tempat termasuklah di institusi-institusi pengajian tinggi, di Kementerian-Kementerian dan sebagainya. Sejauh mana kemudahan-kemudahan disediakan di perpustakaan-perpustakaan tersebut. Terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat Maran. Untuk Rancangan Malaysia Kesembilan, RM90 juta adalah dikhususkan untuk perpustakaan awam negeri dan juga untuk tahun 2006, sebanyak RM85 juta dikhususkan untuk 400 buah perpustakaan desa yang baru. Balik kepada iaitu Yang Berhormat Seputeh ...

Tuan Teng Boon Soon: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tebrau bangun Yang Berhormat.

Tuan Teng Boon Soon: Penjelasan. Terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Ada banyak lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tak payah bagi jalanlah kalau tidak hendak.

Tuan Teng Boon Soon: Sekejap saja. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak menyentuh tentang galakan membaca. Di Amerika, mereka gunakan *talk show* misalnya *Opera Winfrey*, dalam *talk show* nya, dia ada mengemukakan, dia *recommend* kan buku-buku tertentu untuk menarik minat orang ramai terhadap buku-buku tertentu bermakna buku-buku itu bernilai dan mempunyai kandungan-kandungan yang istimewa untuk ditatap oleh pembaca-pembaca umum.

Adakah Kementerian bercadang menggunakan cara yang serupa itu, iaitu *talk show* ataupun menggunakan *dignitaries* ataupun orang terkemuka untuk menarik

perhatian pemuda-pemudi tentang buku-buku tertentu supaya mereka mencungkil minat mereka untuk membaca.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih lah Yang Berhormat daripada Tebrau. Saya tidak akan jawab secara spesifik, cukup saya katakan iaitu kementerian saya akan mengusahakan pendekatan apa jua pun iaitu supaya kempen ini dapat dijalankan dengan berjaya. Tentang soalan daripada Yang Berhormat bagi Pasir Puteh iaitu kraftangan Malaysia memberi didikan di peringkat kawasan Parlimen supaya lebih banyak produk dihasilkan. Untuk makluman Yang Berhormat, Kraftangan Malaysia memberi latihan kemahiran kraf kepada tenaga kerja di bawah program-program berikut yang diadakan di negeri Johor iaitu:

- (i) projek satu daerah satu industri sebanyak 50 projek;
- (ii) pentahapan usahawan dari kategori mikro ke kecil dan dari kecil ke sederhana;
- (iii) program inkubator di premis Kraftangan Malaysia, dan
- (iv) program pembangunan kraf warisan, bilangan projek akan ditambah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Di samping itu, program latihan secara formal dalam enam bidang iaitu batik, kayu, tenunan, seramik, logam dan rotan juga dikendalikan oleh Kraftangan Malaysia di Institut Kraf Negara.

Yang Berhormat bagi Pasir Puteh juga cadangkan untuk mewujudkan satu memorial di peringkat daerah. Cadangan Yang Berhormat adalah baik dan akan diambil perhatian. Setakat ini pihak kementerian menumpu kepada penubuhan projek memorial, pustaka peringatan, rumah kelahiran tokoh dan galeri-galeri ditubuhkan di negeri-negeri dan tempat-tempat yang terdapat tapak-tapak tokoh kelahiran seperti tempat kelahiran Bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman, Tun Razak dan Tun Dr. Mahathir serta rumah kelahiran P. Ramlee.

Tentang peluang golongan muda menjadi anggota penapisan filem. Penapisan filem adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Penapis Filem Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Perlantikan ahli Lembaga Penapisan Filem bukan di bawah bidang kuasa kementerian saya. Yang Berhormat bagi Pasir Puteh juga membangkitkan iaitu penglibatan seni mempertahankan diri dan seni lukis. Cadangan Yang Berhormat diterima baik, aktiviti seni mempertahankan diri dan seni lukis memang dilaksanakan oleh kementerian di negeri-negeri melalui program yang dikenali sebagai Kumpulan Tunas Budaya.

Beliau juga mencadangkan memasukkan aktiviti berzanji dalam seni suara. Aktiviti berzanji pula memang dilaksanakan oleh kementerian melalui program kenduri adat yang dilaksanakan di semua negeri di seluruh negara. Beliau juga mencadangkan iaitu peruntukan sebanyak RM50 ribu kepada ahli Parlimen untuk aktiviti seni dan budaya. Cadangan ini baik juga, tetapi ini boleh dilihat, tindakan masa panjang bagi mewujudkan mekanisme pentadbiran di peringkat kawasan Parlimen. Dengan wujudnya mekanisme tersebut, bukan kebudayaan akan lebih terserlah. Tentang cadangan untuk menyemarakkan aktiviti seni, di peringkat negeri aktiviti kebudayaan dan kesenian dilaksanakan oleh kementerian melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian di negeri-negeri berkenaan dengan kerjasama kerajaan negeri...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Penjelasan sedikit...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat..

Dato' Wong Kam Hoong: ... dan NGO seni Budaya di negeri berkenaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Pengerusi, sekejap sahaja. Berkenaan dengan warisan kesenian tadi, saya juga pohon supaya pihak kementerian memberikan perhatian kepada pengiktirafan-pengiktirafan yang diberikan kepada penggiat-penggiat ataupun pemimpin-pemimpin kita yang menggalakkan, mempromosikan seni kita pada hari ini. Umpamanya banyak pengiktirafan ini diberikan oleh Kepulauan Riau, Sumatera, Indonesia dan sebagainya. Baru-baru ini Ketua Menteri Melaka telah dianugerahkan Datuk' Setio Junjungan Kito' oleh masyarakat seni

budaya daripada Kepulauan Riau Sumatera. Jadi ini perlu diberikan satu rakaman, perlu dijadikan satu rakaman sebagai pengiktirafan yang boleh diberikan penghargaan juga oleh pihak kementerian, terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasihlah Yang Berhormat. Dalam Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan, kementerian akan beri pengiktirafan kepada pengamal tokoh seni yang masih hidup. Mungkin diberikan elaun juga, jangan bimbanglah Yang Berhormat. Tentang mempertingkatkan galakan membaca, ini saya sudah jawab.

Yang Berhormat bagi Gerik mencadangkan untuk mewujudkan memorial perang untuk memberitahu generasi muda. Cadangan Yang Berhormat adalah baik dan akan diambil perhatian. Setakat ini pihak kementerian menumpukan kepada penubuhan memorial mengenai tokoh-tokoh negara. Negara kita mencapai kemerdekaan tidak melalui proses peperangan. Justeru, kementerian saya memang telah merancang untuk menubuhkan pustaka sejarah demokrasi, untuk menggantikan memorial perang. Projek ini masih dalam kajian untuk mengenal pasti bahan-bahan untuk dipamerkan.

Tentang berapa ramai yang mengunjungi Memorial Tun Dr. Mahathir di Langkawi, bangunan adalah merujuk kepada tokoh yang telah meninggal dunia. Di Langkawi adalah Galeri Perdana yang khusus dibina untuk Dr. Mahathir. Galeri ini adalah di bawah kelolaan Lembaga Pembangunan Langkawi, iaitu LADA. Oleh itu, kementerian tidak mempunyai statistik mengenai pelawat-pelawat yang datang berkunjung sama ada dari dalam dan luar negeri.

Beliau juga menyentuh tentang penubuhan Muzium Etnologi Dunia Melayu. Apakah status projek ini? Untuk makluman Yang Berhormat, adalah benar Muzium Etnologi Dunia Melayu (MEDM) dirancang di Taman Pantun UKM. Namun demikian, sebelum projek pembinaan dimulakan, kementerian telah menerima cadangan untuk menempatkan di Percint 5 Putrajaya. Walau bagaimanapun, projek ini akan diteruskan pada Rancangan Malaysia Kesembilan sebagai sebahagian daripada cadangan Projek Kompleks Muzium Negara yang turut mengandungi Muzium Alam Semula jadi di dalam kawasan Muzium Negara sekarang.

Yang Berhormat bagi Gerik juga menyentuh tentang kakitangan Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri tidak mencukupi. Pada masa ini, kementerian ada 14 buah jabatan kebudayaan dan kesenian negeri. Jumlah besar jawatan bagi jawatan kebudayaan dan kesenian negara adalah 226 jawatan, 50 di ibu pejabat dan 176 di negeri. Kementerian akan mengemukakan permohonan tambahan jawatan sebanyak 288 jawatan lagi kepada pihak JPA. Jumlah tersebut mengambil kira pegawai di peringkat negeri yang dapat memantau aktiviti di peringkat zon dan daerah. Setakat ini permohonan di peringkat daerah belum lagi dikemukakan, kerana penambahan pegawai dalam bilangan yang besar secara sekali gus sukar dipertimbangkan oleh JPA. Kementerian dari semasa ke semasa akan sentiasa menilai keperluan sumber manusia bagi memastikan sumber manusia mencukupi untuk melaksanakan program pembangunan seni dan budaya negara.

Beliau juga membangkit tentang Festival Filem Malaysia iaitu kenapa tidak diadakan berselang seli di Kuala Lumpur dan bandar lain. Penganjuran Festival Filem Malaysia diakui mendapat sambutan apabila mendapatkan di negeri-negeri. Oleh kerana faktor kewangan dan logistik, festival filem kini hanya tertumpu di Kuala Lumpur sahaja. Penganjuran di negeri-negeri boleh diadakan sekiranya mendapat sokongan dan komitmen dari kerajaan negeri. Tentang bilakah kementerian akan menubuhkan Arked filem, mengenai itu FINAS sedang bekerjasama dengan Jabatan Arkib Negara untuk menyimpan filem-filem tempatan di Arkib Negara. FINAS telah menyerahkan filem tempatan yang ada dalam simpanan FINAS kepada Jabatan Arkib Negara. Pusat *audio visual* sedang diusahakan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dengan kos RM25 juta oleh Jabatan Arkib Negara.

Yang Berhormat bagi Rembau mencadangkan supaya pengusaha negara Malaysia mengambil alih perpustakaan di peringkat daerah dan negeri. Untuk makluman Yang Berhormat, kertas kabinet mengenai memorandum ke arah menyelaraskan khidmat dan pengurusan perpustakaan Awam Negeri kecuali Sabah dan Sarawak telah diluluskan. Perancangan bagi pelaksanaan dalam peringkat perbincangan dengan jabatan dan kementerian, yang terlibat.

Tentang latihan kraf di peringkat daerah perlu dipertingkatkan, jawapan ini adalah sebagaimana jawapan saya untuk Yang Berhormat Pasir Puteh. Yang Berhormat Rembau juga menanyakan apakah KeKKWa bercadang untuk menjadikan pakaian baju batik dalam Dewan ini.

Kementerian saya mengambil perhatian atas cadangan ini untuk dijadikan pakaian baju batik sebagai pakaian rasmi dalam Dewan ini, sekarang dalam rancangan kementerian saya iaitu di samping *coats* atau sut, atau pakaian nasional maka kita sedang reka beberapa fesyen yang sesuai untuk masyarakat kita dijadikan sebagai pakaian rasmi di Dewan yang Mulia ini.

Dato' Firdaus bin Harun: *[Bangun]*

Dato' Wong Kam Hoong: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Rembau.

Dato' Firdaus bin Harun: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Penjelasan, sebelum itu satu rangkap pantun dahulu,

*Tinggi-tinggi si matahari,
Anak kerbau mati tertambat.
Untuk merakyatkan seni dan budaya,
Infrastrukturnya mestilah hebat.*

Mestilah ada...

Seorang Ahli: Apa dia punya maksud?

Dato' Firdaus bin Harun: ...mestilah ada di semua peringkat. Jadi saya mencadangkan tentang penubuhan di peringkat daerah ini. Bukan pasal apa, sekarang ini kita lihat separuh daerah ada majlis kebudayaan tetapi tidak hidup. Jadi kalau ada mungkin bukan *full fledged* punya pejabat, tetapi pegawai di peringkat negeri tadi sama ada dia penggerak, di assignkan, ditugaskan jaga sesuatu daerah, jadi dengan cara itu aktiviti-aktiviti seni budaya dan sebagainya akan dapat dihidupkan dan diselaraskan lebih berkesan. Tetapi dalam masa yang sama saya cadangkan supaya penubuhan pejabat ini penting sebab kalau tidak boleh secara keseluruhan. buat berperingkat-peringkat, buat macam *style* Pejabat Pelajaran buat PPD. Mula-mula satu pejabat pendidikan itu dia *cover* 3 daerah, akhirnya mana kawasan-kawasan yang banyak sekolah yang macam ini misalnya banyak yang warisan seni mungkin boleh, ada satu pejabat untuk sesuatu daerah. Dengan cara itu secara berperingkat-peringkat akhirnya semua daerah akan ada pejabat. Kalau hendak dipantau dan pejabat negeri mungkin kurang berkesan. Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih, kementerian saya akan memberi perhatian cadangan Yang Berhormat. Memang kita semua yang mesti memandang berat iaitu budaya dan warisan negara.

*Itik-itik renang di paya,
Lari dihalau oleh angsa.*

*Bangsa dikenali budaya,
Hilang budaya hilang bangsa.*

Beberapa Ahli: *[Bersorak] [Ketawa]*

Dato' Wong Kam Hoong: Tentang soalan daripada Yang Berhormat Tangga Batu iaitu "*Black Metal circle*". Tahun 1981 remaja kita dilanda masalah "*Black Metal*", beliau juga cadangkan diadakan penguatkuasaan yang lebih ketat.

Yang Berhormat, ini adalah masalah negara yang perlu di tangani oleh semua pihak dan kementerian dan bukanlah semata-mata di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Dari segi penguatkuasaan kementerian ini hanya boleh memantau kemasukan kumpulan daripada luar negara melalui PUSPAL, iaitu satu agensi menapis sama ada persembahan-persembahan yang masuk ke dalam negara kita sesuai atau tidak untuk masyarakat kita.

Baru-baru ini, kementerian ini diminta memberi nasihat mengenai pengisian kandungan televisyen.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Dato' Wong Kam Hoong: Yang Berhormat Bukit Mertajam...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Penjelasan, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya...

Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya membangkitkan secara spesifik di mana usaha untuk memasukkan budaya Barat ini yang benar-benar tidak sesuai dengan budaya kita - bukan tidak sesuai lagi tapi bercanggah.

Kalau ikutkan daripada logo kumpulan yang akan masuk ke negara kita pada 4 Februari ini, logonya ini lambang Kristian yang terbalik. Mereka ini bukan sahaja anti Christ/Kristian tetapi juga anti Islam, anti semua agama yang turun dari langit, anti *Buddhist* dan anti *establishment*. Jadi bagaimanakah satu surat khabar negara kita boleh meluluskan iklan yang menulis kumpulan ini akan berada di negara kita dan apakah PUSPA - agensi yang telah disebutkan oleh pihak Timbalan Menteri - tadi benar-benar telah memerhatikan perkara ini?

Saya nasihatkan supaya pihak kementerian melayari *website* syaitan.com dengan motonya, "*Bringing hell to your doorstep*" dan ini akan berlaku di negara kita. Kalau kita tidak mengambil tindakan awal, mereka ini akan masuk dan akan menular dan akan memusnahkan generasi kita, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya sudah panjangkan kepada Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri dan saya akan berterusan untuk membangkitkan perkara ini di Dewan yang Mulia ini sehingga ada keputusan yang tetap yang mengatakan kami rakyat Malaysia Parlimennya sekali menolak 100% kumpulan ini daripada datang ke negara kita. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Jangan bimbanglah. Yang Berhormat juga tunjukkan kepada saya lirik lagu ini. Amat meluatlah! Tetapi permohonan belum sampai ke peringkat PUSPAL, saya akan menahankan *show* ini diadakan di negara kita.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Adakah pihak kementerian akan menganjurkan satu siasatan bagaimana iklan ini boleh dikeluarkan di dalam akhbar di negara kita? Adakah pihak kementerian akan mengambil inisiatif untuk menyiasat perkara ini dan bagaimana perkara ini boleh berlaku? Ini yang penting, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih, saya ucap terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Tolong bagi saya itu, okay?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Ya, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Wong Kam Hoong: *Orait* terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail: *[Bangun]*

Timbalan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Kuala Terengganu. Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak bagi jalan?

Dato' Wong Kam Hoong: Ya.

Dato' Razali bin Ismail:

*Jika tuan pergi ke Klang,
Belikan saya semangkuk rojak.
Jangan ikutkan resmi kiambang,
Cantik di permukaan akar tidak jejak.*

Ini adalah merupakan satu perkara yang berkaitan dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Tangga Batu sebentar tadi iaitu dalam kita hendak memastikan kemajuan budaya dan kesenian kita itu, kita tidak mahu keindahan di permukaannya sahaja, yang paling penting *fundamental* itu. Ini adalah merupakan satu mesej yang

saya kira harus diambil kira dengan begitu serius sekali oleh kementerian yang berkenaan ini. Kalau ada respons apa-apa daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dato' Wong Kam Hoong: Apa yang lebih penting, ringgit atau warisan negara kita? Maka saya bersetuju dengan Yang Berhormat iaitu budaya negara kita, warisan dan sebagainya lebih penting daripada iaitu duit ringgit itu.

*Kalau encik hendak makan laksa,
Belilah dari Kampung Deli.
Suka duka sama dirasa,
Warisan tidak dijual beli.*

Beberapa Ahli: [Bersorak] [Ketawa]

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih. Yang Berhormat Bukit Mertajam menanyakan tentang pemain-pemain orkestra dari luar negara yang diberi gaji tinggi. Istana Budaya mempunyai orkestra simfoni kebangsaan di mana sebahagian besar pemuzik-pemuziknya adalah terdiri daripada pemuzik tempatan yang berbakat besar.

Sebagai pelapis dan bagi mendidik generasi muda, Istana Budaya juga turut mempunyai orkestra simfoni remaja yang terdiri daripada golongan muda dalam lingkungan umur 6 hingga 25 tahun dari pelbagai kaum.

Tentang bimbingan seni di peringkat daerah yang meliputi pelbagai kaum, untuk makluman Yang Berhormat program bimbingan seni untuk generasi muda memang menjadi teras kepada program kementerian iaitu program merakyatkan seni dan kempen budi bahasa dan nilai-nilai murni. Melalui program merayakan seni, aktiviti yang berbentuk bimbingan kepada semua kaum di negara ini diterapkan dalam program berkenaan. Bimbingan seni juga diterapkan dalam program kempen budi bahasa dan nilai-nilai murni yang dilaksanakan oleh kementerian di daerah-daerah di seluruh negara.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Kepong bangun Yang Berhormat Timbalan Menteri. Hendak pantun juga Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Boleh juga menurut Dewan Bahasa dan Pustaka,

*Bahasa berwibawa,
Sastera bermutu.
Kualiti dipelihara,
Martabat di mercu.*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tetapi Yang Berhormat,...

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi,...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ini yang kebudayaan dan kesenian ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Teruskan?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau Yang Berhormat hendak dengar pantun boleh juga.

*Kalau tuan pergi ke paya,
Jangan bawa serkap jarang,
Kalau tuan ingin bertanya,
Jangan cakap panjang-panjang.*

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak cakap panjang-panjang, itu sangat ringkaskan itu. Kebudayaan, kesenian itu di sini kita nampak ada peruntukan lebih RM79 kalau tidak silap saya juta dan di sini pun juga ada disebutkan pada tahun 2006 itu, Yang Berhormat bilangan aktiviti kesenian yang dilaksanakan 550 dan bilangan aktiviti kebudayaan yang dilaksanakan 240. Adakah ini termasuk yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi untuk bakat-bakat muzik dan sebagainya? Untuk aktiviti luar kebudayaan dan kesenian saya nampak banyak, ya. 550 dan 240..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat, Yang Berhormat faham pantun saya juga kan?

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya.

Dato' Wong Kam Hoong: Adalah Yang Berhormat cuma tentang permohonan perpustakaan negeri. Perpustakaan negeri Malaysia turut menyalurkan peruntukan permohonan dan mengurus kepada perpustakaan negeri. Tentang memperolehi buku dalam pelbagai bahasa, perpustakaan negeri juga memperolehi buku-buku atau bahan rujukan dalam bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, bahasa Cina dan Tamil mengikut majoriti penduduk. Beliau juga mencadangkan iaitu satu dasar perpustakaan perlu diwujudkan. Untuk makluman Yang Berhormat, dasar negara bagi perpustakaan dan perkhidmatan maklumat 1989 telah digunakan sebagai panduan bagi pembangunan perpustakaan di seluruh negara.

Yang Berhormat bagi Bentong menyentuh beberapa perkara iaitu beliau harap menjadikan muzium sebagai pusat pembelajaran. Beliau juga bertanya apakah aktiviti untuk meningkat muzium kita seperti di Muzium Negara dan Muzium Negeri. Usaha-usaha ke arah memantapkan Muzium Negara sebagai pusat pembelajaran sememangnya sentiasa diberikan perhatian. Sebagai sebuah institusi separa akademik, muzium ini berperanan dalam menyalur dan menyebarkan pengetahuan kepada masyarakat dan juga golongan pelajar. Aktiviti yang dijalankan dapat dirumuskan sebagai *in reach* dan *out reach* program.

Pada tahun 2006, telah dirancang satu program pameran bergerak iaitu *Educational Traveling Kid*, dengan izin, yang membawa tema-tema tertentu yang juga menjurus kepada *syllabus* pembelajaran sekolah. Program-program pameran bergerak ini akan pergi ke sekolah-sekolah untuk memperagakan pameran dan juga artifak koleksi. Selain itu, diadakan juga aktiviti-aktiviti seperti ceramah, kuiz dan aktiviti yang menarik minat pelajar. Program lain ialah mewujudkan *discovery room* di Muzium Negara dengan konsep dan pendekatan *interactive* di mana pengunjung boleh berinteraksi dengan bahan pameran artifak serta koleksi yang ada supaya dapat dirasai dan di *explore* secara fizikal. Contoh seperti artifak arkeologi seperti kapak batu, tembikar tanah, dulang dan sisa-sisa makanan zaman prasejarah.

Pameran sementara secara berkala juga turut diadakan dengan tema-tema yang lebih bersifat pembelajaran dan menghiburkan. Tahun 2006 contohnya, kita merancang untuk mengadakan pameran bertaraf *blockbuster* seperti pameran *dinosaur* dan juga *Alexander the Great*. Muzium Negara juga akan diubahsuai secara keseluruhannya dari pelbagai aspek pameran yang menjadikan lebih informatif, *conducive*, *vibrant*, serta menarik minat golongan pelajar.

Yang Berhormat bagi Jerai menanya mengenai Bangunan Central Market yang telah dijual bangunan ini kepada pihak asing. Walaupun kerajaan telah menjual kepada syarikat swasta iaitu Syarikat Central Market Sdn. Bhd. tetapi kerajaan menetapkan syarat supaya bangunan bersejarah tersebut tidak diubahsuai yang boleh mengubah struktur asal dan nilai budayanya.

Yang Berhormat bagi Hulu Langat membangkit berapakah kedai atau pusat kraf tangan dibuka di seluruh negara. Untuk makluman Yang Berhormat, di seluruh Malaysia terdapat 796 buah kedai atau pusat kraf tangan. Pusat penjualan kraf tempatan yang tulen yang terbesar adalah di Kompleks Kraf Kuala Lumpur, Jalan Conlay dan Kompleks Kraf di Teluk Yu, Langkawi. Beliau juga menanyakan apakah sekatan atau perlindungan ke atas kain batik sarung. Harga kain batik import adalah lebih murah dan kualitinya lebih baik, apakah hasil tempatan tidak dapat bersaing?

Untuk makluman Yang Berhormat, kain sarung batik dari negara lain contohnya Indonesia, tidak dibenarkan masuk ke Malaysia. Kain-kain sarung batik yang dibawa masuk mungkin dibuat dalam bentuk kain ela. Sememangnya diakui harga kain batik dari negara Indonesia, Thailand dan sebagainya lebih murah. Ini

disebabkan kos pengeluaran yang lebih murah terutamanya dari segi kos buruh. Ini disebabkan terdapat ramai daripada penduduknya terlibat dalam industri ini. Namun demikian, bukan semua harga batik tempatan yang mahal. Pembeli boleh beli batik dengan harga batik yang berpatutan dan kualitinya juga baik. Batik tempatan masih diminati ramai kerana ia mempunyai identiti tersendiri.

Yang Berhormat bagi Lipis mencadangkan supaya kementerian memikirkan balik ejaan bahasa Melayu untuk memasukkan huruf E...

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: *[Bangun]*

Dato' Wong Kam Hoong: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kalabakan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Tuan Pengerusi, seperti mana yang diterangkan oleh kementerian bahawa kain-kain batik ini datang dari negara luar dengan bergulung, dengan dijual secara berela. Tetapi ini tidak benar kerana kita semua sedia maklum bahawa semua batik-batik daripada Indonesia memang diharamkan. Memang kerajaan haramkan untuk mempertahankan batik keluaran negara kita tetapi masalahnya bahawa di kawasan sempadan di keseluruhannya, batik ini masuk dengan begitu banyak sekali, dengan tidak ada kawalan sama sekali.

Bahkan bukan sahaja di sempadan di sebelah Tawau, Sabah dan lain-lain di Chow Kit kita nampak batik Indonesia banyak. Kenapa pihak kementerian tidak mengarahkan Kastam untuk mungkin menggeledah semua penjual-penjual kain ini untuk rampas batik-batik yang ada yang tidak membayar cukai ini. Ini patut dibuat oleh kementerian. Saya tidak tahu kementerian mana pun tetapi arahan mesti dibuat supaya Kastam bertindak merampas semua batik-batik yang datang dari luar supaya kita dapat mempertahankan batik dari negara kita. Penjelasan

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat bagi..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalabakan.

Dato' Wong Kam Hoong: ...Kalabakan iaitu dari negeri Sabah di mana ada sempadan dengan Indonesia. Memang di pintu masuk ada banyak barang-barang yang masuk secara haramlah ke negara kita, kementerian akan sampaikanlah mesej itu kepada pihak Kastam supaya pintu masuk...

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Tambahan Yang Berhormat, tambahan. Yang sebenarnya batik-batik ini banyak juga dirampas oleh pihak Kastam apabila mereka masuk. Tetapi masalahnya batik-batik ini bukan dihapuskan bahkan mereka lelong batik ini. Sepatutnya tidak boleh dilelong kerana kalau kita lelong peniaga-peniaga akan pergi untuk mengambil lelongan ini kemudian mereka mengimport beratus ribu batik. Apabila ditangkap, mereka kata, ini dahulu kena lelong, belum siap, belum habis dijual. Jadi, ini pun mesti mahu diambil kira juga.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasihlah Yang Berhormat, Kastam bukan di bawah kementerian saya tetapi saya setuju dengan Yang Berhormat iaitu tidak masuk akallah kalau telah dirampas mesti dimusnahkan supaya ini tidak dapat diedarkan di pasaran negara kita. Dahulu di kementerian saya, saya Setiausaha Parlimen, di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna iaitu barang-barang yang dirampas mesti dimusnahkan. Jadi ini satu amalan yang baiklah supaya untuk menangani kemasukan kain batik secara haram.

Tentang cadangan Yang Berhormat bagi Lipis, peranan kementerian adalah untuk memperkayakan bahasa dari segi pedagogi dan struktur bahasa itu sendiri iaitu bahasa rasmi, kementerian ini masih merujuk kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka. Yang Berhormat bagi Tanjong membangkitkan tentang pencalonan Georgetown dan Melaka untuk senarai warisan dunia dan beliau menanyakan tindakan untuk memelihara bangunan warisan di Georgetown dan insentif kepada pemilik bangunan warisan.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Lipis, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, sikit sahaja. Walaupun bidang ini masih dalam bidang atau dalam kuasa Dewan Bahasa dan Pustaka, tetapi sebagai sebuah kementerian, rasa saya pihak kementerian boleh mempelopori perkara ini kerana ini sangat berkaitan dengan bahasa. Ini kerana, ejaan bahasa Melayu ini sebenarnya memang sangat berlandaskan kognitif. Jadi bila ada kekecualian macam itu, menyebabkan berlakunya kecelaruan sebenarnya dalam bahasa Melayu. Sebab itu kalau kita tengok banyak sebutan - peka sudah menjadi "peka". Kampung saya sendiri Mela menjadi "Mela". Jadi habis ya? Perkataan 'e' tanda itu telah tidak ada orang sudah jadi tidak tentu arah. Sebab itu bahasa kita menjadi celaru. Jadi saya mintalah kerana Kementerian Kebudayaan, sebab 'kebudayaan' itu, sebab telah diwujudkan supaya mempelopori perkara ini dan memberitahu kepada Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis. Saya angkat perkara ini ke mesyuarat kementerian kita. Memang saya pun terkeliru dengan pendekatan baru. Zaman saya ada 'e' tanda. Sekarang ini kita tengok erat tapi kita dengar "erat", lengkap jadi "lengkap", kadangkala meja jadi "meja". Ha, itulah. Sebab itu kita mesti memulangkan perkasaan iaitu bahasa Melayu.

Jadi berbalik kepada soalan Yang Berhormat bagi Tanjong, pencalonan Georgetown dan Melaka sedang dibuat pembaikan bagi dokumen pelan, pengurusan warisan bersepadu antara Pulau Pinang, Melaka, seperti yang diminta oleh pihak pusat warisan dunia UNESCO mengambil kira Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005 dan Akta Perancang Bandar dan Desa 1976. Sebelum ini, kedua-dua benda ini diurus mengikut Akta Enakmen Negeri dan garis panduan warisan masing-masing. *Brochure* pencalonan akan dihantar semula sebelum 1 Februari 2006 iaitu tarikh tutup yang ditetapkan UNESCO. Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005 memberi peruntukan perlindungan, pemuliharaan dan pembangunan warisan yang komprehensif merangkumi pemberian insentif kepada pemilik warisan serta penyediaan tabung warisan bagi projek pemuliharaan bangunan dan bandar warisan termasuk Georgetown.

Tentang pencalonan Georgetown dan Melaka untuk senarai warisan dunia...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjang lagikah Yang Berhormat?

Dato' Wong Kam Hoong: Ya. Saya akan... Tentang Kota Gelanggi didakwa kewujudannya di Johor, apakah kota ini benar-benar wujud? Untuk makluman Yang Berhormat, kajian mengenai Kota Gelanggi telah dijalankan dengan melibatkan ahli-ahli arkeologi dan pakar-pakar berkaitan dalam bidang-bidang berkaitan dari IPTA. Hasil kajian arkeologi ini tidak menemukan bukti fizikal dan saintifik mengenai kewujudannya di tapak atau kawasan seperti yang didakwa. Kemungkinan kewujudan ini di tempat atau kawasan yang lain masih memerlukan kajian selanjutnya.

Untuk jawapan kepada Yang Berhormat bagi Muar, beliau menanyakan adakah kementerian saya mempunyai modal insan mencukupi untuk memberi penerangan mengenai sejarah bangunan negara. Kementerian dan negara mempunyai modal insan mencukupi yang pakar mengenai sejarah bangunan dan sejarah seni bina negara yang bertugas di bawah Jabatan Muzium dan Antikuiti, muzium-muzium negeri dan di universiti. Beliau juga menanya sama ada warga emas yang berpengalaman diberi peluang. Untuk makluman Yang Berhormat, warga emas yang berpengalaman telah dan akan terus diberi peluang menawarkan pengetahuan mereka sebagai karyawan tamu, fasilitator seminar dan pemandu pelancong.

Dato' Razali bin Ismail: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Kuala Terengganu.

Dato' Wong Kam Hoong: Ya.

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin tarik perhatian tentang sejarah tadi. Apakah kita mempunyai cukup tenaga *personnel* kita dari segi melihat sejarah dalam perspektif *Malaysian centric* ataupun dari perspektif Malaysia itu sendiri. Jadi di sini juga saya ingin cadangkan kalau mungkin sudah ada dalam pemikiran, iaitu memberi bantuan-bantuan tertentu kepada persatuan-persatuan sejarah yang terdapat di setiap negeri dan juga membantu *research* ataupun

penyelidikan seperti mana yang telah disebut *archeological research* sebentar tadi disokong baik. Tetapi bagaimana pula tentang beberapa buku-buku sejarah yang kedapatan sekarang ini yang kadang-kadang tidak menjuruskan kepada elemen *Malaysian centric* itu. Apakah ada usaha-usaha untuk membantu, menggubal, menulis semula bahan-bahan sejarah agar dia bersifat acuan Malaysia, *Malaysian centric*. Apa pandangan Yang Berhormat sendiri?

Dato' Wong Kam Hoong: Kalau tanya pandangan saya, memang saya bersetuju dengan Yang Berhormat iaitu sejarah negara kita lebih cenderung kemalaysiaan atau kita patut lihat dari segi *holistic*. Sebab baru-baru ini sebelum kemerdekaan, buku-buku atau penulis-penulis sejarah adalah dari negara barat. Sebab itu bila mereka menulis sejarah, mereka lebih cenderung atau memihak kepada pemikiran-pemikiran dari negara barat. Itu ada dalam rancangan Kementerian saya untuk memastikan sejarah ditulis atau dirakamkan secara *holistic*. Tentang kedudukan Memorial Tun Dr. Ismail di Muar Johor, ia telah dipohon peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Kerja-kerja awalan seperti penyediaan lukisan perspektif dan penjagaan kawasan telah dilakukan. Masalahnya pada masa ini ialah untuk mengeluarkan penghuni bangunan berkenaan dan mencari bangunan ganti untuk penghuni tersebut adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Johor.

Tentang tarian zapin di Johor sama ada itu pengiktirafan dibagi kepada negeri Johor di atas usaha tersebut. Kementerian memang menyokong dan di mana mungkin akan membantu semua negeri untuk membangunkan seni budaya masing-masing. Kejayaan negeri Johor memang diakui oleh kementerian ini. Persembahan zapin telah dipentaskan di Istana Budaya, sementara Yayasan Warisan Negeri Johor telah diberi anugerah di bawah program Anugerah Seniman Negara sebagai badan kerajaan yang amat aktif dan berjaya.

Yang Berhormat bagi Muar juga menyarankan apakah rancangan kementerian saya mengenai filem yang dibuat dari buku-buku. Dalam pelbagaikan tema dan jenis filem, FINAS memang menggalakkan penerbitan filem sama dari sumber buku-buku atau novel-novel. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM50 juta sebagai tabung pusingan mulai tahun ini kepada penglibat industri filem tempatan.

Itulah jawapan saya kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat semasa perbahasan di peringkat jawatankuasa kementerian saya. Maka saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada cadangan-cadangan, nasihat-nasihat, teguran dan sebagainya daripada Yang Berhormat masing-masing. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM309,165,000 untuk Maksud B.44 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM309,165,000 untuk Maksud B.44 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM150,600,000 untuk Maksud P.44 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2006 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM150,600,000 untuk Maksud P.44 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2006.

Maksud B.45 [Jadual]

Maksud P.45 [Anggaran Pembangunan 2006]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Bekalan B.45 dan Kepala Pembangunan P.45 di bawah Kementerian Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat bagi Larut dahulu.

12.52 tgh.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Bekalan 45, Kementerian Belia dan Sukan di bawah Butiran 02000. Sebelum itu saya ingin mengucapkan tahniah kepada atlet kita yang sedang berada di Manila yang telah mencapai pingat-pingat emas. Walaupun masih terlalu awal untuk kita mengetahui kedudukan sebenarnya, walaupun sasaran Majlis Sukan Negara telah pun ditetapkan.

Saya ingin menyentuh tentang Sukan Komanwel yang akan diadakan di Melbourne, Australia pada tahun 2006 dengan peruntukan sebanyak RM500 ribu. Apakah peruntukan ini sekadar untuk program-program latihan ataupun untuk membiayai kos-kos yang lain kerana setakat RM500 ribu, saya tidak nampak ia adalah satu peruntukan yang mencukupi.

Keduanya adalah tentang Sukan Asia di Doha, di Qatar pada tahun hadapan yang berjumlah RM2 juta. Apakah peruntukan ini juga semata-mata untuk menghantar delegasi ke sana ataupun untuk tujuan latihan semata-mata? Selain daripada Paralimpik sebanyak RM3 juta, syabas kerana kontinjen kita telah mencapai satu kejayaan yang cukup menggembirakan dalam kejohanan-kejohanan yang lalu.

Kemudian saya melihat SUKMA untuk tahun hadapan yang akan diadakan di Kedah di mana Kedah menjadi tuan rumah dengan peruntukan sebanyak RM1.5 juta tetapi baru-baru ini Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar Kedah telah pun mengambil pendekatan untuk mengurangkan kos pembiayaannya kerana tidak mahu perbelanjaan begitu lebih dan akhirnya ada kompleks-kompleks sukan yang didirikan akan tinggal seperti "gajah putih". Bermakna Kedah telah mengambil satu langkah untuk jimat belanja.

Seterusnya saya ingin bertanya tentang wang sebanyak RM1 juta yang akan dibelanjakan untuk petugas-petugas di luar negara. Apakah tugas yang sebenar mereka? Adakah mereka ini pergi ke sana semata-mata untuk mengiringi pasukan? Adakah untuk makan angin atau *shopping*? Kita tidak mahu pembiayaan mereka ini di luar daripada tugas dan tanggungjawab kerana kita tahu tanggungjawab kontinjen dalam sesuatu penyertaan itu amatlah penting dan memerlukan wang yang banyak kerana kita tahu apabila persiapan di negara-negara asing, kita tidak boleh menjangka masalah-masalah yang berlaku sebagaimana Sukan SEA baru-baru ini timbul masalah makan, masalah tempat tinggal yang tidak selesai dan sebagainya.

Saya juga ingin mencadangkan di sini kepada pihak kita supaya memastikan media-media kita ini mendapat bukan sahaja kemudahan, bahkan segala laporan tentang kejohanan yang berlangsung itu, laporan yang tepat, yang segera untuk memudahkan mereka menghantar balik segala maklumat menang atau kalah prestasi atlet kita untuk pengetahuan masyarakat Malaysia iaitu masyarakat tempatan kita. Jadi mungkin ini salah satu yang boleh dilakukan oleh pihak menteri.

Dato' Ghazali bin Ibrahim: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Padang Terap bangun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, sila.

Dato' Ghazali bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Apabila bercakap tentang sukan, saya hendak minta komen Yang Berhormat, sekarang ada Sukan SEA, SUKMA di Kedah, alhamdulillah kalau dia dapat pingat emas banyak. Jadi sekiranya berlaku kekurangan pingat ataupun kemerosotan mutu sukan dalam semua bidang sukan, siapa yang harus dipersalahkan sebagai pemimpin bidang sukan? Kementerian menuding jari kepada persatuan sukan, persatuan pula menuding jari kepada Kementerian Belia dan Sukan, berserabut dekat situ. Siapa sebenarnya yang bertanggungjawab apabila untuk memastikan prestasi bidang kesukanan kita, Kementerian Belia dan Sukan ataupun persatuan sukan masing-masing? Bila sudah menang, pangkatlah, kementerian kata, "Oh, kerana dialah yang hebat", menuding jari pula. Kalau kalah tuding jari kepada Kementerian Belia dan Sukan. Minta komen Yang Berhormat tentang hal ini. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat saya tidak tahu Yang Berhormat pegang jawatan dalam badan sukan

mungkin tidak ada, mungkin di peringkat daerah. Inilah budaya kita sejak akhir-akhir ini, kita saling menuding jari, sebenarnya salah kita semua. Kita mesti melihat di mana kelemahan kita. Kalau badan sukan mengatakan bahawa dia tidak dapat peruntukan yang cukup, bagaimana kita hendak mengatasi masalah ini? Kalau ada badan sukan pula dia ada kemampuan untuk mencari untuk mencari dana-dana sendiri, kita mesti lihat kesemua ini.

Jadi oleh sebab itu marilah kita sama-sama jangan lagi menuding jari untuk mencari kesalahan sesiapa. Tidak ada maknanya kita menegak benang yang basah. Kalau itulah kelemahan kita, kita cari jalan bagaimana untuk mengatasinya. Kalau katakan barang-barang sukan di peringkat daerah sebagai contohnya, mahupun di peringkat kebangsaan, kita mesti cari jalan, duduk semeja berbincang kerana saya sendiri melihat ada badan-badan sukan di peringkat kebangsaan sendiri terutamanya, belum kita bercakap soal negeri dan daerah, tidak ada pangkalan mereka, tidak ada pejabat mereka. Mereka terpaksa menumpang, setengahnya terpaksa menumpang di bangunan MOM (Majlis Olimpik Malaysia) sebagai contoh dan kadang-kadang mereka gagal membayar sewa.

Ini sebagai salah satu contoh identiti sesebuah badan. Ini peringkat kebangsaan apatah lagi di peringkat negeri yang terpaksa menyewa tempat latihan, umpamanya atlet kita terpaksa menyewa kadang-kadang stadium-stadium. Kadang-kadang stadium-stadium pula digunakan untuk tujuan-tujuan yang lain dan ini perlu kita lihat. Jadi marilah kita kembali balik supaya semangat untuk kita sama-sama berpadu bagi menjayakan sukan kita daripada kita menuding jari untuk mencari kesalahan sebab ini lebih baik. Tuan Pengerusi, saya ingat timbalan menteri ada, dia boleh jawab.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bera Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, siapa Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bera, belakang Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Oh ya, sila.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat bagi Larut. Saya cuma hendak tanya, sambung dengan soalan daripada sahabat saya daripada Padang Terap tadi. Setuju atau tidak Yang Berhormat, maknanya di dalam kes bola sepak misalnya, FAM semata-mata tidak boleh dipersalahkan, kementerian juga sepatutnya dipertanggungjawabkan dan saya hendak tanya pihak Yang Berhormat dari segi FAM, berapa banyakkah sumbangan dan bantuan serta sokongan yang diberikan oleh pihak kementerian bagi membantu meningkatkan prestasi bola sepak?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat, tentang itu Yang Berhormat boleh bertanya kepada timbalan menteri tetapi untuk pertandingan liga kita membelanjakan untuk tahun ini sahaja tidak kurang daripada yang kita dapat penaja RM8.5 juta, ihsan daripada Telekom Malaysia. Yang sudah-sudah kita belanja pun RM30 juta atau RM40 juta ringgit, subsidi yang kita berikan kepada setiap negeri. Banyak yang tidak tahu bahawa itulah usaha FAM mendapat penajaan bagi membantu negeri dan pasukan-pasukan yang bertanding dalam liga kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya....

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kalabakan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Bila kita cerita pasal sukan, ada dua masalah yang dihadapi oleh pemain-pemain kita. Pertamanya ialah disiplin, kedua makanan mereka tidak seimbang kerana apabila kita punya pemain lepas tengah malam balik rumah, mereka ini makan *maggi*, tiap-tiap malam makan *maggi*. Jadi bukankah satu cadangan yang baik jika kementerian memastikan bahawa semua

persatuan sukan ini memastikan bahawa pemain-pemain ini makan banyak vitamin untuk menyeimbangkan makanan supaya mereka ini dapat bersaing bukan kerana rakyat kita ini tidak boleh, mereka ini semua boleh, bahkan mereka mungkin boleh jadi pemain bola sepak nombor satu negara dalam dunia kalau kita jaga mereka punya pemakanan ini, itu pertama.

Yang keduanya ialah disiplin. Persatuan-persatuan sukan yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga sukan-sukan mesti menjaga pemain-pemain mereka kerana kita dapati bahawa pemain berkeliaran di bandar-bandar besar sampai jauh malam, mabuk dan lain-lain. Ini memudaratkan permainan mereka apabila mereka bersukan. Setujukah Yang Berhormat?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Kalabakan kalau mereka ini berada di akademi, tetapi masalah kita ialah apabila kita keluar daripada akademi ataupun dikumpulkan maknanya *dicentralizekan*, mereka akan cari tidak ada satu pengawasan. Siapa yang hendak larang mereka kalau hendak makan nasi lemak atau roti canai kerana mereka sudah keluar daripada pusat program khusus.

Tetapi berbeza apa yang dilakukan di Doha, di Qatar yang pernah saya cakap di sini, mereka jaga. Selepas mereka keluar daripada bercuti katakan, pulang ke keluarga mereka, pihak berkenaan akan pastikan mereka akan mengikut pemakanan yang dilatih di pusat berkenaan dengan keluarganya sendiri diberitahu, inilah *guidelines* dan bimbingan yang perlu mereka teruskan. Tidak boleh lagi mereka keluar dan mereka ikut secara suka mereka.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup, cukup Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya sentuh tentang kompleks sukan RM2 juta ringgit yang hendak didirikan di setiap kawasan Parlimen dan kawasan DUN. Saya ucapkan terima kasih kerana ini ada satu usaha kementerian hendak memperbanyakkan lagi kemudahan-kemudahan sukan. Cuma saya hendak minta di sini kalau boleh apa salahnya, kerana kalau kompleks yang didirikan secara *centralize*, maknanya satu kawasan Parlimen satu, DUN satu tetapi apabila kita memikirkan siapakah yang akan menguruskannya dan yang akan menjaganya walaupun pihak kementerian akan melihat penubuhan sebuah kelab tetapi apakah kelab ini mampu dengan dana yang terhad, RM50,000 atau RM100,000. Kemudian tidak ada badan-badan sukan yang mampu menggunakannya untuk menyewakannya, jadi sudah tentulah kompleks ini akan ketinggalan.

Jadi saya ingin mencadangkan kalau boleh pihak kementerian merujuk kepada wakil-wakil di manakah wang RM2 juta ini boleh dipecah-pecahkan. Apakah keutamaan yang perlu dilakukan? Adakah perlukan padang? Kalau padang RM100,000 untuk satu padang, mungkin kita boleh buat 10 atau apakah perlunya dewan-dewan kecil untuk *court* badminton. Jadi oleh yang demikian kalau kita *centralizekan* mereka, ini akan menimbulkan masalah kerana saya percaya di kawasan-kawasan Sabah dan di Sarawak, masalah perhubungan untuk mereka pergi ke kompleks yang didirikan di tempat yang agak berjauhan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Jadi apa salahnya kalau boleh kementerian dapat merundingkan semula dan mengkaji semula pembinaan kompleks ini mengikut kehendak, selera, keperluan di tempat Parlimen dan DUN masing-masing. Apakah RM2 juta ringgit ini perlu sebuah kompleks sukan yang kita tahu ada pelbagai kemudahan atau RM2 juta ringgit ini diberi peluang kepada wakil-wakil rakyat itu untuk mengutamakan apakah kemudahan yang perlu diberikan kepada pertubuhan. Kalau katakan padang bola sepak kurang, kita buat padang bola sepak kerana kita tahu sebuah padang bola sepak, *basicnya* dan asasnya hanya sekitar RM100,000. Jadi kalau RM100,000 untuk 10 padang, sudah RM1 juta...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Itulah cadangan saya Tuan Pengerusi, saya ucapkan berbilang terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Majlis mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Tidak apalah Yang Berhormat, nanti Yang Berhormat boleh mulakan petang nanti. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.03 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita masih berada di Kementerian Belia dan Sukan. Yang Berhormat Ipoh Timor sila sambung.

2.33 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang pertama saya mahu ucap tahniah kepada Sabahan, Rosfredy Tokan Petros menang *gold* medal dalam taekwando di *SEA Games* yang ke-23. Syabaslah [*Tepuk*] dan saya dapati bahawa dalam tae kwan do kita sudah dapat satu emas, empat *bronzes* dan harap boleh dapat satu emas medal – Cheh Chiew Chan dan haraplah ini boleh terjadi supaya *contribute* kepada total jumlah *gold* medal dalam *SEA Games* yang ada di Manila. Tetapi apa yang aneh dalam *SEA Games* Manila yang bersejarah 46 tahun ialah patut menjadi satu iktibar kepada kita sendiri. Tuan Rumah *SEA Games*, *Philippines* di mana permainan yang sangat boleh kata *the first number one game* di *Philippines* ialah bola keranjang dibatalkan, tidak diadakan dalam *SEA Games* kali yang pertama 46 tahun. Kenapa ini boleh berlaku dan adakah ini iktibar kepada kita oleh sebab kalau kita tidak berjaga-jaga apa yang berlaku kepada *SEA Games* juga boleh berlaku di Malaysia.

Oleh kerana semacam apa yang berlaku di Filipina oleh kerana pergaduhan antara Persatuan *Basketball Association of Philippines* dan *Philippines Olympic Council* yang tidak persetujui oleh kerana *Philippines Olympic Council* tidak mengiktiraf *Philippines Basketball Association* dan tidak dapat pengiktirafan *Federation of International Basketball Association* dan tak boleh mengadakan *basketball competition* di *Philippines* dan ini pun ada diadili oleh rakyat Malaysia, Dato' Yeow Joo Hock as *IBA Asia's Secretary General* dan dia juga ada memberi amaran bahawa jangan terlibat semua dalam Filipina itu dengan izin, dengan cepat bahawa *please take note of the serious deplication should any FIBA affiliated members participate in any basketball event of sanction by FIBA*.

Tetapi apa yang berlaku ialah mengenai tae kwan do, nasib baik kita adalah *participant taekwando* sudah satu *gold*, empat *bronzes*, harap lagi satu *gold*, nyaris kita pun tak boleh dapat penyertaan dalam tae kwan do oleh kerana dalam Malaysia pun ada pergaduhan antara *Malaysian Taekwando Association* dengan *sport commissioner* mengenai *World Taekwando Federation (WTF)* dan *International Taekwando Federation*. Kenapa ini boleh berlaku, saya dapati bahawa ini kali yang terakhir. Kalau masalah ini tidak selesai masa depan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah ini semua ada berkaitan dengan bajet?

Tuan Lim Kit Siang: Oh Ya, mengenai *sport*, Kementerian Sukan. Kalau tak bersangkut-paut apa bersangkut-paut? *This sport, promoting sport* dan ini kali terakhir oleh kerana *Sport Commissioner* Tan Sri Alias Omar sudah tarik balik pengiktirafan kepada *Malaysian Taekwando Association* dan di bulan Mei dalam satu proses nampaknya tidak adil dan hakikatnya ialah bahawa *Malaysian Taekwando Association* tidak ada tempat yang besar tetapi *World Taekwando Association* mengiktirafkan *Malaysian Taekwando Association* dan usaha untuk mengadakan satu *Malaysian Taekwando Federation*. *What is the other one now?* [*Sambil bertanya*] Gaduh-gaduh ya, gaduh-gaduh dan sebelum itu masalah ialah kalau ini tidak diselesaikan, masa depan mungkinlah Malaysia tidak boleh hantar peserta-peserta taekwando kepada *international competition* dan bagaimana kita boleh *promote sport* kalau begitu?

Ini ialah bertentangan dengan tujuan kementerian yang berkenaan dan dalam usaha-usaha ini April 2006 akan ada *ASEAN Taekwando Championship*. Mungkin kita harap boleh dapat dua emas (*gold*) dalam Julai, *World Junior Championship* di Vietnam akan diadakan. Ogos 2006 di Melbourne, *Commonwealth Tae kwan do Championship* dan Asia Games di Duha, Disember 2006. Kalau masalah ini tidak diselesaikan semua mungkin kita tidak boleh ambil bahagian dan semacam apa yang berlaku di Filipina ialah *laughing stock* akan berlaku di Malaysia, 2008 untuk *Olympic Beijing* pun kita boleh ambil bahagian oleh sebab *World Taekwando Federation* barulah mengiktiraf *Malaysian Taekwando Association* yang tidak diiktirafkan oleh *Sport Commissioner* Tan Sri alias Omar.

Saya harap perkara ini saya tak mahu ambil bahagian cakap panjang lebar mengenai latar belakang kenapa ini berlaku tetapi kita tahu Tan Sri Alias Omar, dahulu Dato Bandar *very high handed* sebagai Dato' Bandar, kita tak mahu cerita mengenai perkara ini. Saya harap dia tidak akan pun begitu *high handed* sebagai *Sport Commissioner* patut adil, adil dalam perkara ini.

Apa yang kita mahu lihat ialah bahawa usaha diadakan, ada *Malaysian Taekwando Association* dan juga satu persatuan yang baru-baru ditubuhkan ialah *Malaysian Taekwando Federation* yang tidak diiktirafkan. Kita tahu bahawa Yang Berhormat Menteri seorang black belt fit that taekwando tetapi itulah *International Taekwando Federation*, bukan *World Taekwando Federation* dan kita tak mahu sesiapa fikir oleh sebab Yang Berhormat Menteri ada terlibat dalam ITF dan adalah sebab itu *derecognition* diadakan *world* mengenai *Malaysian Taekwando Association*...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Tuan Lim Kit Siang: Ya dan saya harap, dalam perkara ini perkara ini boleh di selesai bahawa *Sport Commissioner*, Yang Berhormat Menteri, *Malaysian Trade Taekwando Association*, *Malaysian Taekwando Federation* semua boleh duduk satu mesyuarat selesaikan perkara ini supaya kita boleh hantar taekwando-taekwando *practioner* kita untuk *international competition* dan tidak perlu kita dalam Parlimen sesi akan datang saya balik di sini untuk bangkit perkara lagi semacam ini. Saya harap tak perlulah kita bangkit perkara ini mengenai kelakuan *Sport Commissioner* Tan Sri Alias Omar, mahu balik kepada masa dia menjadi Dato' Bandar bagaimana dia berhenti Dato' Bandar tak mahulah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah cukup Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Kita tak mahu. Saya harap perkara ini boleh di selesai dan untuk kebaikan negara, untuk kebaikan taekwando supaya kita boleh terus mendapat *gold* medal di dunia. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kuala Terengganu.

2.41 ptg.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 020200 iaitu Pembangunan Sukan dan juga 020300 iaitu Pembangunan Belia. Satu perkara yang saya mulakan dengan belia ini, saya kira belia harus mendapat perhatian yang begitu serius sekali daripada kementerian ini, bukan sekadar hanya kepada sukan sahaja sebab pelapis kepimpinan itu bermula daripada akar umbinya, bermula daripada latihan-latihan dan pemugaran segala modal insannya ataupun kapasiti *development* di kalangan pemimpin-pemimpin ini.

Saya juga difahamkan bahawa kepimpinan di Malaysia ini sebenarnya sudah berada di taraf global, di peringkat antarabangsa. Tinggal lagi sejauh manakah kementerian ini benar-benar *capitalize* menggunakan memanfaatkan potensi-potensi kepimpinan di peringkat antarabangsa yang sudah pun kita miliki. Misal kata di Melaka itu sudah ada satu institusi di mana belia telah diiktiraf di peringkat antarabangsa, malah pemimpin kita, malah di antaranya ialah seorang Yang Berhormat Menteri Besar Selangor sendiri adalah merupakan kepimpinan belia di peringkat antarabangsa. Sejauh manakah kementerian ini mengambil usaha-usaha untuk terus menggalakkan

dan merangsangkan pembangunan belia ini sebab yang penting kepada kita ialah melahirkan pelapis-pelapisnya.

Perkara yang kedua yang hendak disebut di sini ialah dari segi apa yang disebut sebagai dengan izin *territorial attitude* ataupun *territorial mentality* dari segi pembangunan sukan ini. Saya dapati banyak sangat kegiatan dan pertubuhan sukan kadang-kadang tidak dapat bekerjasama di antara satu sama lain, misalnya *Global Taekwondo Federation (GTF)*, *Malaysian International Taekwondo Federation (MITF)*, *MTA Malaysian Taekwondo Association (MTA)*, seolah-olah persatuan-persatuan ini ibarat menganuti mentaliti ketam, *the crab mentality*. Mana-mana saja nak naik itu dia tarik balik. Ini adalah merupakan *the crab mentality* yang sepatutnya Kementerian Sukan ini mengambil iktibar daripada mentaliti main sepak raga bola yang berbentuk bulatan itu di mana setiap pemainnya hendak sentiasa melihat bola itu sentiasa *afloat*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kota Bharu.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Penjelasan, penjelasan *crab mentality* itu eja dia macam mana? *Crab* ke *crap*.

Dato' Razali bin Ismail: *Crab*, ketam istilah dalam Bahasa Melayu tadi itu. Jadi ini adalah merupakan perkara yang penting, yakni saling sokong-menyokong di antara satu sama lain. Dalam konteks ini ialah *sport development art* itu iaitu 1997 itu harus memainkan peranan untuk mendamaikan, untuk memastikan kemajuan sukan. Dalam konteks MTA sekarang ini yang telah pun digantung segala aktiviti-aktivitinya yang ini juga melibatkan perkaitannya dengan peringkat antarabangsa iaitu *World Taekwondo Federation (WTF)*.

Ini menyebabkan terhalangnya kegiatan-kegiatan taekwondo dalam acara-acara yang barangkali akan diceburi oleh pemain-pemain ahli-ahli taekwondo Malaysia di peringkat antarabangsa seperti mana yang telah disebut sebentar tadi. Ini adalah satu perkara yang harus diberi perhatian dan saya juga hendak bertanya kepada Kementerian Sukan ini apabila pada Ogos yang lalu berlangsung satu acara di Khazastan iaitu *Asian Junior Taekwondo Championship* pada Ogos 2005 iaitu apabila sekumpulan anak-anak muda telah dihantar ke sana tetapi tidak dapat bersaing. Ini adalah semata-mata kerana Persatuan MTA itu telah pun dipetisejukkan.

Sedangkan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa itu ialah MTF. Tanpa keizinan Persatuan *Malaysian Taekwondo Association* itu mereka sudah tidak dapat bertanding. Dan saya kira kementerian tahu tentang akibat daripada pembubaran MTA ini tak dapat bertanding di sana tetapi persoalannya kenapa juga kenapa kementerian mengeluarkan satu peruntukan menghantar belia-belia kita menimbulkan satu kegusaran di antara ibu bapa terpaksa bertemu anak-anak mereka dan bertanya apa yang akan berlaku kepada anak-anak mereka yang terumbang-ambing terkapai-kapai di luar negara iaitu di Khazastan tanpa boleh bertanding.

Apakah kementerian tidak sedar tentang risiko-risiko apabila MTA telah dibubarkan? Dalam konteks ini Tuan Pengerusi saya ingin sebut bahawa *sports hinderance* ataupun menghindari kegiatan-kegiatan sukan ini harus dikawal supaya agensi sukan kita dapat berfungsi sebaik mungkin agar tidak terhalang segala kegiatan-kegiatan sukan demi kemajuan dan menaikkan imej kita di peringkat antarabangsa. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

2.46 ptg.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya akan membangkitkan perkara yang sama, apakah sikap kementerian terhadap perkara-perkara *events* yang boleh menjejaskan segala usaha kementerian tentang pembangunan belia di bawah butiran 020300. Saya telah menyebutkan bahawa pada 4 Februari nanti ada satu kumpulan yang bernama "Mayham" yang akan membawa neraka ke pintu rumah kita dan kumpulan ini sebenarnya telah memberikan kesan yang begitu negatif kepada pembangunan pemuda pemudi dan remaja kita. Jadi saya pohon supaya Kementerian Belia di samping mengaturkan ribuan program yang telah disebutkan oleh Setiausaha Parlimen pagi tadi akan dijejaskan pula oleh satu *event* yang akan menular masuk ke jiwa remaja kita pada 4 Februari. Saya mohon

kementerian juga akan mengadakan tindakan-tindakan yang tegas supaya *concert* ini tidak akan diadakan di Kuala Lumpur.

Perkara kedua berkaitan dengan pembangunan belia, Tuan Pengerusi, seperti yang disebutkan oleh Kuala Terengganu tadi ialah kita semua tahu di Negeri Melaka ada sebuah bangunan yang tersergam indah Bangunan *World Assembly of Youths*...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta penjelasan sedikit pasal *concert* tadi.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Pengerusi berikan 2 minit sahaja tadi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Apakah Tangga Batu bersetuju supaya tindakan segera diambil ke atas *concert* Black Metal supaya jangan sampai ada berlakunya demonstrasi yang boleh mengeruhkan lagi keadaan? Apakah Yang Berhormat bersetuju supaya perkara ini diatasi seberapa segera kerana ini adalah satu budaya yang tidak sihat untuk remaja yang ada pada hari ini dengan budaya sudah banyak kita lalui pada masa ini? Apakah Yang Berhormat bersetuju supaya jangan sampai bertindak bantahan dan juga demonstrasi yang mungkin yang kita tidak mahu berlaku?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Saya percaya Jawatankuasa Bertindak *will say "No" to Black Metal*, akan bertindak untuk mengadakan demonstrasi supaya kerajaan tidak meluluskan konsert yang bakal dijadualkan pada bulan Februari nanti kalau tindakan tidak diambil di peringkat kita ni.

Tuan Pengerusi, di Melaka ada sebuah bangunan tersergam indah di bawah dagu kita. Bangunan ini telah dibina dengan nilai RM8 juta iaitu Bangunan *Assembly of Youths* dan *World Youth Foundation*. Bangunan ini sebenarnya dibina atas inisiatif pemimpin belia sedunia ini Dato'. Mohd. Ali Rustam. Jadi apakah kementerian tidak nampak perkara ini sebagai satu perkara yang perlu dijaga dan ditungku sebaik mungkin supaya tidak berlaku sindrom kehilangan seperti Mokhtar Dahari, Saw Swee Leong yang hari ini kita hanya menyebut nama mereka? Sukan telah mengalami penyakit ini hari ini apabila kita kehilangan pengamal-pengamal sukan yang begitu unggul di satu ketika dahulu dan satu hari nanti jika Kementerian Belia Dan Sukan mempunyai sikap acuh tak acuh kepada pertubuhan-pertubuhan belia di negara ini seperti yang berlaku hari ini ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sudah 3 minit.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah 3 minit.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Sudah 3 minit? ... seperti yang berlaku hari ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita akan menghadapi masalah yang serupa. 20 tahun lagi atau 30 tahun lagi kita akan tanya mana dia pemimpin belia hari ini seperti Dato' Mohd. Ali Rustam, seperti Mohd. Khir Toyo dan yang lain-lain lagi. Jadi saya minta Kementerian Belia dan Sukan supaya berikan perhatian khusus kepada pembangunan belia ini. Hari ini belia tanya mana dia Menteri Belia dan Sukan, turun tengok sedikit Pertubuhan Belia sekurang-kurangnya akta yang disebutkan 5 atau 10 tahun kebelakangan ini diselaraskan dan dibincangkan di Parlimen ini supaya belia semua mempunyai semangat baru untuk membangunkan belia negara kita untuk membela masa depan kita. Terima kasih Tuan Pengerusi.

[Beberapa Ahli Yang Berhormat bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kelana Jaya.

2.50 ptg.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan tentang butiran 020200 Pembangunan Sukan.

Tuan Pengerusi, di bawah bidang pembangunan sukan oleh kerana kerajaan ingin membantu untuk pembangunan sukan maka dilantiklah Pesuruhjaya Sukan (*Sports Commissioner*) dan saya percaya lantikan itu dibayar ganjaran ataupun elaun kepada Pesuruhjaya Sukan itu. Sebenarnya pelantikan Pesuruhjaya Sukan itu adalah untuk membantu pembangunan sukan. Saya hendak minta penjelasan daripada

kementerian sama ada dalam zaman tanpa Pesuruhjaya Sukan dan zaman sekarang ada Pesuruhjaya Sukan apakah taraf dan tahap pencapaian pembangunan sukan di negara kita? Kerana saya lihat Pesuruhjaya Sukan peranannya adalah untuk membantu menyelesaikan masalah perselisihan faham antara Persatuan dan pembangunan sukan, bukannya untuk mewujudkan masalah kepada persatuan. Minta penjelasan kerana pada hari ini banyak kelab-kelab didaftarkan oleh Pesuruhjaya Sukan. Dan apakah pendaftaran kelab-kelab tersebut itu dapat membantu pembangunan sukan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Apakah Yang Berhormat setuju supaya Menteri Belia dan Sukan melihat kembali tugas dan peranan Pesuruhjaya Sukan ini terutama sekali kita hendak memantapkan lagi badan-badan sukan? Bukan kita hendak ke belakang tetapi lebih *advanced*. Apakah Yang Berhormat setuju supaya peranan Pesuruhjaya Sukan ini benar-benar mencapai matlamat yang dikehendaki dasar sukan negara kita? Terima kasih.

Tuan Loh Seng Kok: Terima kasih Yang Berhormat Larut. Saya bersetuju dengan pandangan tersebut bahawa ada perlunya untuk melihat peranan yang dimainkan oleh Pesuruhjaya Sukan kerana peranan beliau ialah untuk membantu menyelesaikan masalah yang wujud dalam arena sukan dan bukannya untuk menimbulkan masalah. Oleh itu Tuan Pengerusi, di bawah Pesuruhjaya Sukan ini berapakah ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Padang Terap.

Tuan Loh Seng: Saya hendak habiskan yang ini dahulu.

Dato' Ghazali bin Ibrahim: Sikit saja.

Tuan Loh Seng Kok: Okey, sila.

Dato' Ghazali bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih sahabat saya dari Kelana Jaya. Bercakap tentang Pesuruhjaya Sukan, kalau ia tidak memberi kesan yang baik kepada bidang sukan malahan kewujudannya memberi masalah kepada bidang kesukanan, kalau dikaji semula tidak memberi kesan boleh tak kita cadangkan supaya ia dimansuhkan sahaja jawatan ini kalau ia tidak memberi kesan kepada bidang sukan kita? Bagaimana pendapat Yang Berhormat?

Tuan Loh Seng Kok: Itu terpulanglah kepada kajian dahulu, Yang Berhormat bagi Padang Terap. Kalau kita lihat negara-negara yang tidak ada Pesuruhjaya Sukan, pencapaiannya agak tinggi berbanding dengan negara kita. Sekarang kita ada Pesuruhjaya Sukan apakah pencapaian kita dalam bidang sukan? Apakah resipi yang perlu kita lihat pencapaian negara-negara lain tanpa Pesuruhjaya Sukan? Saya rasa kita boleh kaji perkara ini. Dan pendaftaran oleh Pesuruhjaya Sukan di mana badan-badan kebangsaan sepatutnya hanya boleh menerima badan-badan sukan di peringkat negeri sahaja menjadi ahli kepada Badan Sukan Kebangsaan dan bukannya dari peringkat bawahan kerana sekiranya semua kelab yang didaftarkan menjadi ahli persatuan kepada Badan Sukan Kebangsaan maka persatuan di peringkat negeri akan menghadapi masalah untuk membangunkan sukan yang tertentu.

Dengan itu saya minta penjelasan daripada pihak kementerian apakah yang berlaku kepada Persatuan Taekwondo Malaysia itu akan berlaku kepada persatuan seperti *Football Association of Malaysia (FAM)* kerana FAM tidak menerima kelab-kelab menjadi ahli kepada badan sukan di peringkat kebangsaan untuk FAM. Minta penjelasan dalam hal ini.

Perkara kedua saya hendak sentuh dalam pembangunan sukan adalah tentang ahli-ahli sukan cacat anggota yang melibatkan diri dalam paralymphic. Tuan Pengerusi, Kita banyak melihat bahawa ada perbezaan layanan yang diterima oleh ahli-ahli sukan yang cacat anggota dan yang sempurna. Masalah-masalah banyak timbul. Kebanyakan yang dihadapi oleh atlet atau ahli sukan cacat anggota di mana dari segi elaun bulanan, tempat latihan, pengangkutan, jurulatih, insentif yang diterima, penambahan makanan, pekerjaan, pendidikan, kebajikan perubatan memang jauh berbeza. Saya ambil contoh ahli-ahli sukan cacat anggota tidak menerima sebarang elaun latihan sementara ahli-ahli sukan yang lain diberi elaun latihan secara bulanan mengikut kedudukan dunia mereka. Bahkan pasukan simpanan di bawah Program

Gemilang juga diberi elaun bulanan tetapi ahli-ahli sukan cacat anggota tidak ada elaun bulanan.

Tempat latihan, kita ada bina stadium di Bukit Jalil, ada banyak kemudahan dan ada asrama tetapi asrama di Bukit Jalil itu tidak disediakan kemudahan-kemudahan untuk ahli-ahli sukan cacat anggota. Mereka menggunakan kerusi roda masuk tandas tetapi tandas terlalu sempit. Hendak pasang lampu, suis terlalu tinggi. Maka macam mana kita hendak menggalakkan ahli-ahli sukan yang cacat anggota itu untuk mencapai taraf yang lebih tinggi sedangkan mereka ini juga dapat mengharumkan nama negara kita? Mereka telah memenangi banyak pingat emas, perak dan gangsa di peringkat antarabangsa.

Dan dari segi pengangkutan tidak ada elaun diberi kerana pengangkutan awam tidak sesuai untuk orang-orang cacat maka terpaksa mereka mengambil teksi untuk pergi ke tempat latihan dan mereka tidak diberi jurulatih. Berbanding dengan ahli sukan yang biasa mana mereka mendapat elaun untuk melantik ataupun mendapat jagaan jurulatih-jurulatih.

Mengenai insentif memang kerajaan ada memberi insentif kepada mereka yang memenangi emas dan perak di peringkat antarabangsa tetapi bagi ahli-ahli sukan cacat anggota ini yang telah mencapai kemenangan seperti contohnya yang telah memenangi pingat-pingat di dalam *International Stoke Mandeville Wheelchairs Sports Federation (ISMWSF) di Christchurch, New Zealand* tidak diberi apa-apa insentif hingga ke hari ini yang telah berlangsung pada tahun 2003 di mana ada 14 ahli sukan cacat anggota telah memenangi pingat emas di pertandingan antarabangsa tersebut.

Dan satu contoh lagi di pertandingan *Paralympic World Powerlifting Championship* tahun 2002 di Kuala Lumpur di mana hanya ada seorang ahli sukan cacat anggota memenangi pingat gangsa, tetapi sampai hari ini tidak menerima insentif yang telah dijanjikan. Apakah yang telah berlaku?

Dan dari segi pekerjaan ada ahli sukan cacat anggota telah disuruh berhenti kerja selepas menghadiri pertandingan antarabangsa. Sebagai contoh Encik Mariappan Parumal telah diminta untuk meletakkan jawatan setelah beliau pulang dari pertandingan antarabangsa Sukan Paralympic 1996. Bagaimana kita harus menjaga ahli-ahli sukan cacat anggota tersebut?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh gulung Yang Berhormat.

Tuan Loh Seng Kok: Ya, saya akan gulung.

Dan dari segi pendidikan kita ada membina sekolah yang tertentu untuk ahli sukan yang sempurna anggotanya di Bukit Jalil tetapi di manakah kolej pendidikan yang sesuai untuk orang-orang cacat yang juga aktif dalam arena sukan? Tidak ada.

Kebajikan perubatan. Ahli-ahli sukan biasa mendapat kebajikan perubatan di mana diberi elaun, bayaran balik tetapi untuk ahli-ahli sukan cacat anggota tidak diberi kebajikan perubatan. Banyak perkara yang timbul di sini.

Saya rasa pihak kementerian harus melihat dari segi pembangunan sukan untuk ahli-ahli sukan yang biasa, yang sihat dan juga ahli-ahli sukan yang cacat anggota seharusnya diberi pengiktirafan juga kerana mereka dapat mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa.

Dengan itu saya mohonlah pihak kementerian dapat memberi perhatian terhadap perkara-perkara yang saya sebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kota Bharu.

2.59 ptg.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan perkara-perkara 020200 Pembangunan Sukan dan 020100 Pentadbiran Belia. Kementerian Belia dan Sukan ini mempunyai tugas yang besar. Pelanggannya mengikut bajet adalah semua belia yang berumur 15 ke 40 tahun. Ini bererti majoriti rakyat Malaysia di bawah jagaan Kementerian Belia dan Sukan. Jadi ia juga mempunyai banyak program-program perancangan. Dan kita telah dengar daripada Ahli-ahli Yang Berhormat tadi mengenai masalah-masalah yang disebutkan

dan saya buat kesimpulan bahawa ini berpunca kerana duit tidak cukup, duit tidak ada. Kita sebagai wakil rakyat pun kita tahu dalam peruntukan yang diberi untuk sosial *amenities* RM50 ribu. Bagi satu kawasan yang ada 200,000 orang misalnya, ini tidak ada benda yang kita boleh buat.

Ini jelas masalah kita sama ada bola sepak ataupun perkara-perkara yang disebutkan tadi seperti para Olimpik apa semua tadi berpunca oleh kerana tidak ada duit. Saya timbulkan perkara ini walaupun saya sudah timbulkan dahulu Tuan Pengerusi kerana ini penting. Kementerian *must address* ataupun dengan izin memikirkan cara. Kalau peruntukan RM500 *milion* yang ada dan kalau separuh daripada itu untuk pengurusan, gaji dan sebagainya tidak ada banyak lagi yang boleh digunakan untuk pembangunan.

Persoalannya bagaimana dan saya rasa 10 tahun dahulu sukan kita ada *social welfare* ada loteri. Melalui itulah duit yang kita gunakan untuk sukan untuk pembangunan belia dan sebagainya. Semasa kita swastakan loteri itu, saya bertanya kepada Menteri pada masa itu kalau dah kita swastakan loteri, *where are you going to get the money* dengan izin. Katanya kita fikirilah cara lain. Takkanlah negara sekaya kita ini tidak boleh memikirkan.

Tetapi pada hari ini Tuan Pengerusi saya tidak nampak pemikiran itu. Kalau negara lain mempunyai bajet yang begitu besar kerana sama ada bola sepak, sama ada loteri, sama ada perkara-perkara yang haram itu semua digunakan untuk pembangunan sukan. Tidak digunakan sebab negara kita, kita haramkan tapi kita bagi pada individu A B C dan D. Bila saya tanya kepada kerajaan berapakah syarikat-syarikat judi ini yang beri balik kepada sukan, yang beri balik kepada masyarakat. Jawapannya 10% of the profit. Apa pun profit yang diumumkan. Persoalannya *why* 10%. Kalau negara lain kalau di England misalnya 100% of the betting goes to charity (keuntungan).

Sebab itu saya ingin menyeru kepada kerajaan, kita banyak sumber lain kita tidak boleh, *advertisement* tidak boleh, *tobacco no*, apatah lagi arak *no*, apa lagi yang *big spanders* tidak ada. Jadi bagaimanakah bola sepak kita, bagaimanakah sukan dan belia kita hendak cari duit? Biarlah kita ikut negara lain. Ikutlah Singapura kah, ikutlah England kah, Hong Kong, Japan, Amerika.

Tuan Lau Yeng Peng: [Bangun]

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Jangan kita pandai cari formula sendiri sedangkan pada hari ini saya tidak nampak...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Puchong bangun.

Tuan Lau Yeng Peng: Saya tertarik dengan pendapat Yang Berhormat Kota Bharu bahawa *profit* ataupun keuntungan daripada syarikat-syarikat perjudian ini harus diberi yang banyak lagi kepada pembangunan sukan negara tetapi pada masa yang sama kita ada banyak pendapat ataupun banyak organisasi dan sebagainya yang mengatakan bahawa ini mungkin tidak sesuai kerana dari segi agama dan sebagainya tidak sesuai untuk pembangunan sukan kerana ini adalah duit atau pendapatan yang haram. Mohon penjelasan Yang Berhormat Kota Bharu.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Duit ini dia .. ialah sumber duit itu saya ... [Ketawa] Dia ..kegunaan itu lebih penting pada saya. Lagipun sekarang ini pun kita ada perjudian di negara ini. Apa yang kita jadi takut sangat? Kita ada perjudian bukan masalah kita tidak ada. Kalau hendak tutup perjudian di atas alasan agama itu soal lain. Itu perkara dasar. Tetapi saya hanya mengatakan kalau sudah ada perjudian mengapa *why don't we use it for the public*. Bukan untuk orang-orang tertentu. *That is the question*. Saya bukan bercakap mengenai teologi ataupun mengapa dosa pahala *no, no, no*. Saya berkata mengapakah ratusan juta tidak kita bagi kepada rakyat. *That is the question*.

Itu saya harap dapat menjawab soalan Yang Berhormat Puchong. Tetapi perkara ini Tuan Pengerusi amat penting kerana kita tahu sukan hari ini dan sukan pada bila-bila masa pun *is the professional sport*. Kalau kita mahu kepada tahap dunia global ataupun glocal ataupun apa-apa perkataan ia memerlukan pelaburan, *research*, *development* yang begitu banyak. Kita tidak boleh buat sebagai hobi. Kalau hobi serah sahaja kepada Larut. Dia jaga bola sepak. Dia pandai. Tetapi dia juga memerlukan

sokongan kerajaan. Larut boleh jaga bola sepak tidak perlu kita cari apakah kita perlu Menteri jaga ataupun orang itu jaga.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Beberapa Ahli: *[Ketawa] [Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak perlu Yang Berhormat. Dia kata tidak perlu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh? Penjelasan sedikit. Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Sebenarnya FAM tidak dapat satu sen pun daripada Kementerian Belia dan Sukan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Haa, dia tidak perlu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kita bila syarikat rokok tidak jadi penaja kita rugi RM30 hingga RM40 juta. Tidak boleh hendak bantu persatuan-persatuan negeri. Jadi itulah apa pandangan Yang Berhormat memang kita tidak dapat satu sen pun.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Itulah yang saya katakan Tuan Pengerusi. Kalau FAM pun kita tidak boleh bantu, sukan bola sepak sesuatu sukan yang begitu penting kepada negara kita. Itulah satu-satunya sukan yang selain daripada badminton mungkin yang boleh kita katakan kita ada potensi. Itu pun kita tidak ada duit. So, we must address dengan izin soalan kewangan ini.

Kita fikirlah kalau kita hendak kembalikan loteri kepada publik kita bagi balik kepada publik. *Football lottery* apa pun kerana kalau kita tidak bagi pun sindiket judi buat loteri juga. Sindiket *gambling horse racing* pun buat juga dan *this gambling people* yang dapat ratusan juta setahun jaga orang-orang tertentu juga *for protection*.

Seorang Ahli: Yes.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Apakah kita mahu terima hakikat ini bahawa industri yang ratusan juta ini kita buat macam tidak ada kerana kita takut apa? Takut PAS. Ada seorang Menteri beritahu saya kita takut kepada PAS. PAS yang ada enam kerusi pun kita takut?

Beberapa Ahli: *[Ketawa]* Allah.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Tidak kanlah Sri Gading takut pada PAS. Tidak takut. Kita tidak takut. Kita buat pada rakyat kita buat untuk kepentingan negara. Kita tidak mahu sindiket, kita tidak mahu tauke, along. Kita mahu ketelusan dalam segala industri termasuk dalam sukan. Saya harap kementerian dan Menteri yang saya kenal baik dapat menjawab soalan ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bera. Sudah lama bangun ya Yang Berhormat.

3.07 ptg.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Sudah lama. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Terus kepada soalan ya. Yang lain tidak payah bangkit. Berkaitan dengan bajet Kementerian Belia dan Sukan. Lain tidak payah.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Kita mahu ucap selamat datang sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payahlah, tidak payahlah. Itu tidak payah. Tidak ada masa. Teruskan kepada soalan.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Saya ingin merujuk kepada Butiran 020200 iaitu mengenai pembangunan sukan. Pihak kementerian telah pun mengumumkan untuk merakyatkan sukan. Ini merupakan satu perkara yang sedap didengar dan dinanti-nantikan oleh semua pihak terutamanya belia-belia di luar bandar. Tetapi masalah yang besar di dalam hendak merakyatkan sukan ini ialah kurangnya gelanggang permainan dan kurangnya padang permainan di luar bandar.

Setakat ini untuk menyediakan gelanggang permainan dan padang permainan di luar bandar diserahkan kepada pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan juga untuk menyediakan gelanggang permainan diserahkan kepada Majlis-majlis Daerah. Ini menimbulkan masalah sebab pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah biasanya akan menumpukan lebih perhatian kepada projek-projek pembangunan fizikal yang lain seperti jalan raya, projek jalan kampung, api, air dan sebagainya. Saya harap pihak kementerian mengambil alih tugas untuk membina padang-padang bola, untuk membina gelanggang-gelanggang sukan yang selama ini dipegang oleh pihak kementerian-kementerian lain.

Saya juga ingin menyentuh tentang kompleks sukan yang diumumkan oleh pihak kementerian iaitu setiap DUN akan diberikan kompleks sukan masing-masing. Saya berpendapat dengan rakan saya daripada Yang Berhormat Larut bahawa dari segi praktikalnya kita perlu melihat kembali adakah perlu DUN mempunyai kompleks-kompleks sukan sendiri ataupun kita perbanyakkan padang-padang bola dan juga gelanggang-gelanggang permainan seperti badminton, gelanggang takraw dan sebagainya. Ini lebih dirasai oleh ramai pihak kalau kita buat perkara seperti ini kerana jika didirikan kompleks sukan bernilai RM2 juta atau RM2.5 juta tadi masalah yang akan timbul ialah dari segi masalah penjagaan, masalah *maintenance*.

Saya sendiri, selaku Pengerusi Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil tahu bahawa *maintenance* merupakan satu masalah yang paling besar di dalam menjaga stadium. Stadium Bukit Jalil membelanjakan RM1 juta sebulan untuk *maintenance*. Dan bagaimanakah kompleks-kompleks sukan yang dibina tadi akan dijaga dengan dan dijaga dengan baik? Siapakah yang akan menjaga, siapa yang akan memberi bantuan untuk maintain, untuk menjaga kompleks-kompleks sukan itu? Adakah pihak Majlis Daerah? Adakah kompleks sukan ini diserahkan kepada Majlis Daerah? Atau pun dibentuk satu badan yang akan menjaga kompleks sukan ini? Kalau satu badan ditugaskan untuk menjaga kompleks ini..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Batu Pahat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Saya habiskan dulu. Kalau satu badan dilantik untuk menjaga kompleks sukan ini, bagaimana mereka nak mencari kewangan untuk maintain kompleks-kompleks sukan ini. Adakah diberi sewa? Jika diberi sewa, bermakna belia-belia daripada kampung yang saudara Yang Berhormat bagi Kota Bharu sebut tadi tidak ada kewangannya, bagaimana pula mereka nak menyewa kompleks-kompleks sukan ini? Akhirnya, kompleks sukan ini tidak akan disewa oleh golongan-golongan belia dan pada masa yang sama, masalah *maintenance* akan menjadi satu masalah dan akhirnya jadilah kompleks ini gajah putih yang tidak akan disewa oleh sesiapa. Okey, Yang Berhormat bagi Batu Pahat.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat bagi Bera. Saya cuma nak minta penjelasan yang diutarakan oleh Yang Berhormat tadi, adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada pihak kementerian supaya membatalkan semua cadangan untuk membina kompleks tersebut. Kalau katakan nak membatalkan bagaimana janji-janji yang telah dibuat yang dinyatakan di dalam kawasan-kawasan yang telah diberitahu dekat kawasan kita.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Kita mungkin. Saya tidak katakan kita batal dari segi kewangan tadi. Mungkin kita boleh *convert*. Boleh kita ubah. Katakan RM2 juta, RM2.5 juta. Nak diberi-beri satu-satu DUN. Saya ada tiga DUN. Saya mungkin dapat RM7.5 juta. Beri duit kepada kita untuk kita bina padang-padang bola dan gelanggang-gelanggang permainan badminton, takraw dan apa sahaja di kampung-kampung. Duit tadi kita tak payah bina kompleks, kita buat gelanggang-gelanggang yang boleh dibuat untuk menyeluruh kepada semua kumpulan-kumpulan sasar belia. Lebih banyak.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jerai bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya monitor daripada luar, dan saya dapati pandangan Yang Berhormat bagi Bera itu agak logik dan munasabah. [Disorak].

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, pada permulaannya bolehkah Yang Berhormat bagitahu apa yang dia sampaikan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Pasal kompleks sukan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebelum ini?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebelum ini?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sebelum ini, dia bercakap pasal sukan. *[Ketawa]*. Di bawah Kementerian Sukan. Jadi, Yang Berhormat bagi Bera, saya bersetuju kerana kadang-kadang masalah lokasi, Tuan Pengerusi. Saya faham ada peruntukan RM2 juta lebih. Tetapi kalau kita betul-betul hendak menyampaikan matlamat kesukanan kepada rakyat, kadang-kadang macam kawasan Parlimen saya luas, berbatu-batu jauh. Tambah macam Lipis, cukup besar, lebih besar daripada Negeri Sembilan. Kena naik *helicopter* dalam kawasan dia.

Jadi kalau kita pecahkan, contohnya, daripada RM2 juta ini kita pecahkan satu kompleks katakan dalam RM150,000 lah. Kita boleh dapat lebih kurang dalam sepuluh atau dua belas kompleks dan kita *locate*kan di kawasan-kawasan. Jadi maknanya, di kampung-kampung yang besar kita buat satu Dewan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau nak berucap, nanti berucaplah. Biar Yang Berhormat bagi Bera habiskan ucapannya. *[Ketawa]*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, ini saya nak beri pandangan kepada Yang Berhormat bagi Bera. Ini pandangan yang cukup bernas, Tuan Pengerusi. Menyelamatkan wang rakyat dan rakyat akan terlibat dalam kesukanan. Dia ada tempat nak tumpu. Jadi mat rempit yang naik motor, dia akan himpun di situ. Bersukan di situ. Kita buat di situ juga, Arau kata. Jadi, apakah pandangan Bera dari segi idea dan pandangan saya yang begitu bernas yang dikatakan Arau.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat dua minit sudah habis. *[Ketawa]*.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih, satu celahan yang amat bernas! Jadi, saya kira, barulah jikalau perkara ini dilakukan, kita perluaskan, kita perbanyakkan padang permainan. Kita perbanyakkan kompleks gelanggang permainan dan sukan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulunglah, Yang Berhormat. Boleh gulung.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Barulah hasrat untuk merakyatkan sukan tadi, berjaya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Barulah apa yang dikatakan oleh saudara Tangga Batu tadi, tempat untuk belia-belia kita mempunyai tempat, aktiviti dan sebagainya dapat dilakukan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup, Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Ada dua lagi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Penjelasan kepada Yang Berhormat. Mungkin kita minta kajian dibuat kerana kita boleh *up grade*kan, Tuan Pengerusi. Kemudahan-kemudahan sukan yang ada, kalau padang tu mungkin tak berapa elok, kita gunakan duit ini, RM2 juta ini, *up grade*kan, *standard*kan padang yang ada. Kita *up grade*kan dewan-dewan yang mungkin kita boleh jadikan dewan yang lebih standard. Daripada kita hanya buat satu kompleks RM2 juta. Katakan di Kulai.

Jadi kita *up grade*kan kemudahan sukan yang ada. Ini lebih baik. Kita pagarkan tempat-tempat yang mana lembu masuk, kambing masuk, yang tidak dipergunakan. Tadi Yang Berhormat menyebut, bahawa Stadium Bukit Jalil. Kalaulah bukan kerana bola sepak, perlawanan bola sepak, yang pungut perlawanan akhir Piala Malaysia RM1 juta lebih, mana pendapatan stadium ini, selain daripada bola sepak? Stadium Bukit Jalil.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Saya setuju dan yang banyak memang bola sepaklah. Saya terus kepada soalan-soalanlah kerana masa dah habis. Yang pertama ialah dari segi peranan akademik sukan. Kita tahu ada dua akademik sukan di Bukit Jalil dan di Johor. Dan setakat ini saya nak tanya, sejauh manakah kejayaan akademik sukan ini melahirkan jaguh-jaguh sukan negara? Berapa ramai jaguh-jaguh sukan negara yang ada sekarang, dilahirkan oleh akademik sukan ini? Dan akhir sekali, Tuan Pengerusi ialah mengenai IKBN - 030200.

Saya dapati bahawa IKBN juga tidak mesra OKU. Tidak mesra Orang Kurang Upaya. Saya sebutkan di sini bahawa di tempat saya ada seorang pemuda India yang terlibat dalam kemalangan jalan raya. Berminat untuk mengikuti kursus elektrik. Saya minta sokongan daripada pihak Setiausaha Parlimen KBS, Kementerian Belia dan belia menyokong. Tetapi bila ke sana, beliau tidak dapat meneruskan pembelajaran kerana IKBN tidak menyediakan tempat-tempat bagi Orang Kurang Upaya.

Saya harap jangan pihak KBS merasakan kerana ada institut latihan lain, yang khusus untuk Orang Kurang Upaya, maka IKBN tidak bertanggungjawab, tidak perlu menunaikan tanggungjawab untuk Orang Kurang Upaya ini. Saya berharap supaya IKBN juga mesra OKU. Jadi, akhirnya saya ingin mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan pelajar-pelajar daripada International University College of Technology Twintech. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Memang kedatangan kesemua dialu-alukan. Kalau tidak takkan ditempatkan di tempat yang begitu istimewa. [Ketawa]. Ha, baik, Yang Berhormat bagi Kuala Kedah.

3.19 ptg.

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya mohon merujuk kepada Butiran 050800 - SUKMA XI 2006 - Kedah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, 5 minit.

Tuan Hashim bin Jahaya: Tuan Pengerusi, sebenarnya SUKMA ini telah dilaksanakan selama dua puluh kali di Malaysia, Sukan Malaysia dan saya mohon penjelasan daripada kementerian, setakat ini sebanyak dua puluh kali SUKMA dilaksanakan, apakah hasilnya kepada pembangunan sukan negara. Mengikut Butiran ini peruntukan RM1.5 juta telah diperuntukkan kepada SUKMA XI 2006 negeri Kedah. Saya memohon penjelasan daripada kementerian, apakah fokus SUKMA ke XI ini?

Apakah hala tuju kementerian, apakah sasaran kementerian terhadap sukan yang telah dilaksanakan selama berpuluh-puluh tahun dan kali ini kali yang ke dua puluh satu. Saya juga mohon penjelasan daripada kementerian, adakah cukup RM1.5 juta yang diperuntukkan kepada Kerajaan Negeri Kedah untuk melaksanakan satu program yang begitu besar peringkat negara SUKMA XI yang memerlukan prasarana dan peruntukan yang besar.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Kedah yang telah bersusah payah prihatin dengan kehendak sukan negara, dan telah berusaha bersungguh-sungguh menyediakan prasarana dalam keadaan negeri Kedah yang begitu agak daif sedikit dari negeri-negeri lain, tetapi dengan peruntukan RM1.5 juta ini saya merasakan ..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan, Yang Berhormat, penjelasan

Tuan Hashim bin Jahaya: Sekejap, sekejap, 5 minit. Saya merasakan bahawa peruntukan ini tidak begitu mencukupi dan memohon kepada kementerian supaya ditambah dengan cara yang lain supaya selain daripada kepakaran daripada kementerian dan juga di segi bentuk kewangan cara-cara lain yang boleh mendorong Kerajaan Negeri Kedah melaksanakan program ini supaya berjaya dan saya minta supaya dikaji semula dan juga ditambah dan selepas itu... ya, sila, sila

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada dua, Yang Berhormat bagi Jerai dan Yang Berhormat bagi Padang Terap.

Tuan Hashim bin Jahaya: Yang Berhormat bagi Jerai, Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat bagi Jerai. Yang Berhormat bagi Jerai senior

Tuan Hashim bin Jahaya: *[Ketawa]* Oh, *claim* senior pula!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya minta Yang Berhormat bagi Kuala Kedah jangan guna perkataan daif, jangan guna kita ni miskin Kedah, kerana kita mengeluarkan makanan bagi rakyat Malaysia, mengurangkan import beras luar negara, kita negeri yang bermaruah, apakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya?

Tuan Hashim bin Jahaya: Saya bersetuju, bukanlah itu maksud saya. Sukan ini bukan setakat makan beras sahaja, kita perlu kepada bahan kewangan dan pelbagai lagi. Jadi, itulah yang kita pohon kepada kementerian supaya selain daripada peruntukan RM1.5 juta ini mungkin kementerian boleh mencari jalan lain untuk menolong Kerajaan Negeri Kedah membantu supaya menjayakan program sukan ini.

Selepas itu, saya juga memohon kepada kementerian memberi penjelasan, apakah selepas SUKMA 21 ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ..

Tuan Hashim bin Jahaya: Ya, sila-sila

Dato' Ghazali bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya dari Kuala Kedah. Terima kasih juga kerana membangkitkan bab SUKMA di Kedah pada bulan enam atau bulan lima nanti. Cuma, setujuakah Yang Berhormat dengan saya bahawa sampai sekarang ini ;peruntukan wang daripada kementerian dan Kerajaan Pusat kepada Kedah belum sampai lagi, boleh atau tidak kita mendesak, mempercepatkan pemberian wang untuk melaksanakan projek prasarana dan projek-projek lain untuk mempromosikan SUKMA dengan kadar segeralah, kalau lambat nanti bermasalah untuk penganjuran SUKMA. *Problem* ini, Yang Berhormat Kuala Kedah.

Tuan Hashim bin Jahaya: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Padang Terap. Sebenarnya program SUKMA ini tidak mendapat promosi yang sepatutnya oleh kementerian ini. Oleh yang demikian, saya memohon supaya kementerian ini memberi fokus kepada kejayaan SUKMA ke 21 di Negeri Kedah, selain daripada memohon peruntukan yang lebih dan juga ehsan daripada Kerajaan Persekutuan supaya membantu Kerajaan Negeri Kedah melaksanakan program ini supaya berjaya. Saya difahamkan bahawa kementerian belum menurunkan lagi apa-apa peruntukan dan RM 1.5 juta ini dipohon supaya dicepatkan kepada Kerajaan Negeri Kedah secepat mungkin kerana program ini akan dilaksanakan lebih kurang lima bulan selepas tahun 2005.

Satu lagi perkara ialah berkenaan dengan selepas sukan SUKMA ini dilaksanakan. Saya memohon kepada kementerian supaya mengkaji setiap kali sukan SUKMA dijalankan apakah hasilnya kepada negara dari segi peningkatan mutu sukan selepas itu susulan kepada prasarana yang telah dibina di negeri-negeri yang telah mengadakan sukan SUKMA apakah nilainya, bolehkah ditambah nilainya dengan program-program selain daripada yang telah dilaksanakan supaya lebih berguna dan lebih manfaat daripada sukan negara...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat, cukup 5 minit.

Tuan Hashim bin Jahaya: Saya mohon menyokong Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Puchong.

3.24 ptg.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, akhirnya dapat jugalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat nak minta penjelasankah? Kedah sudah cakap

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Lau Yeng Peng: Puchonglah, Selangor. Boleh ya? Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya nak terus kepada Butiran 020200 iaitu Pembangunan Sukan. Tidak dapat dinafikan, sukan merupakan satu sektor yang boleh mengharumkan nama negara tapi tak sering kali. Saya nak berkongsi dengan kementerian bahawa satu kes yang saya difahamkan, baru-baru ini seorang pemain golf wanita, terunggul negara kita, namanya Lim Siew Ai yang telah memasuki *Ladies Professional Golf Association* (LPGA) di USA, seperti Tuan Pengerusi pun seorang pemain golf yang unggul..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya tak macam Yang Berhormat.

Tuan Lau Peng Seng: Baru-baru ini beliau ingin mendapat satu sokongan atau pun bantuan daripada MAS di United States - saya tak taulah di New York atau di US tetapi di *reject* oleh MAS, tak boleh *sponsor* tiket untuk pulang ke negara sedangkan pemain golf ini telah mengharumkan nama negara. Beliau adalah merupakan seorang pemain golf yang pertama yang ada di LPGA dan kita boleh tengok di skrin ESPN *live 1st round, 2nd round* beliau *leading* dalam berapa *tournament* tetapi tak ada *sponsorship* daripada MAS. Malang sekali, bila beliau tak dapat tiket *sponsor* daripada MAS, dia pergi ke SIA, SIA yang beli! Tetapi atas semangat ketaatan kepada negara dan juga semangat kesetiaan kepada negara Malaysia, dia tolak tawaran daripada SIA.

Itu bagi saya satu cerita yang sedihlah. Sedih dan malang. Saya berharap Kementerian Belia dan Sukan (KBS) ini mesti mengambil tindakan yang cepat dan tepat dan menghubungi persatuan-persatuan golf di Malaysia bagaimana untuk berhubung dengan pemain ini. Kita tahu Tuan Pengerusi, tak senang kita nak masuk LPGA ini, kerana mereka terpaksa memasuki satu *Q school*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sepatutnya sebelum ini bawa untuk pengetahuan Menteri, tak payah tunggu sampai hari ini.

Tuan Lau Peng Seng: Sekarang saya bercakap dengan Timbalan Menteri. Mungkin dia akan bawa kepada Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebelum ini patut boleh bawa.

Tuan Lau Peng Seng: Satu tindakan susulan yang secepat mungkin, tepat dan cepat mesti diambil supaya nama baik negara kita dapat dikekalkan. Itu satu perkara saya nak bagikan, saya harap satu tindakan yang secepat mungkin boleh dapat dipercepatkan.

Kedua mengenai pembangunan sukan iaitu kelemahan pembangunan bola sepak. *[Disampuk]* Sudah ya, Jangan gaduh nanti, ya. Saya sebagai seorang bekas pemain bola sepak, saya pernah mewakili universiti saya selama empat tahun..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat main *position* apa Yang Berhormat?

Tuan Lau Peng Seng: Saya main *midfielder, attacking midfielder*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya *goal keeper*.

Tuan Lau Peng Seng: *Goal keeper, right*. Saya pun anehlah, *surprise*. Semi pro atau pro ni, bola sepak sepatutnya menaikkan, meninggikan mutu permainan bola sepak negara tetapi prestasinya sebaliknya. Di manakah zaman-zaman kegemilangan kita semasa Mokhtar Dahari, Soh Chin Aun, Santokh Singh, Armugam, mana dia? Shukor Salleh, Sukumaran, di mana dia? Kerana bagi saya ada dua masalah yang utama. Pertamanya ialah proses pemilihan di peringkat bawahan. Saya berpendapat bahawa kementerian mesti mengambil satu tindakan drastik untuk memperbaiki proses pemilihan di peringkat daerah atau sebaliknya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Tuan Lau Peng Seng: Sikit saja. Sikit, sikit

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Nanti, dalam inilah. Dalam inilah saya mahu masuk, kalau dah sikit lepas. Saya setuju dengan Puchong dan sebenarnya bukan Puchong saja, semua orang menceritakan tentang kelemahan dan menurunnya

mutu permainan bola sepak dalam negara kita ini. Kita nak salahkan kementerian pun kadang-kadang tak boleh. Apabila kita tak boleh salahkan kementerian kita kena salahkan AFN.

Beberapa Ahli Dewan: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: ..Eh FAMlah, sebut pun tak betul, macam mana ni.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Ketawa]* Yalah, jadi siapa yang sebenarnya bertanggungjawab. Ini, antara dua ni, dia bertolak-tolak, bertolak-tolak. Bagi kita, *you* tolak ke mana-mana itu tak penting, yang penting macam mana nak tingkatkan mutu permainan bola sepak, keluar jadi macam Puchong katalah. Dulu kita punya zaman kegemilangan, hebat-hebat, tak payah pemain luar. Ini import pemain luar macam-macam negara, lagi merudum dia punya mutu, apa pasal? Jadi kita macam bodohlah, panggil orang dari luar....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Puchong, masa dah cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tak ini, bukan.... Tuan Pengerusi ini Yang Berhormat bagi Puchong punya cerita ni, cerita betul.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tetapi masa dah cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Siapa cukup? Saya cukup, dia tak cukup tak apa..Terima kasih.

Tuan Lau Peng Seng: Saya bersetuju dengan apa yang dipanggil oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading. Perkara kedua, semangat.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak payah kedua Yang Berhormat, sudah cukup masa.

Tuan Lau Peng Seng: Sikit, sikit lagi ya. Di manakah semangat kita? Kita mesti menanamkan semangat patriotisme kita. Wang ringgit bukanlah cara yang baik untuk meningkatkan prestasi sukan. Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi ialah mengenai Program Rakan Muda dan juga Kompleks Sukan Negara iaitu 02000.

Saya hendak tahu daripada kementerian, bagaimana status atas geran ini mengenai Rakan Muda. Bagi saya, programnya macam mati pun tak nak, hidup pun tak nak. Saya nak tahu apakah kejayaan atau keberkesanannya. Bagi saya, kalau boleh program ini ubahlah sikit, kita jangan ada orang kata 'doct ta' maksudnya kita *organize* satu program daripada kementerian terus kepada rakyat, kita mesti buat satu kajian, satu analisis apakah selera orang muda sekarang, apakah minat mereka sekarang. Dari sanalah kita *organize*kan program-program tertentu untuk semua kaum di Malaysia ini, dan akhir sekali, akhir sekali,

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Berapa kali akhir Yang Berhormat?

Tuan Lau Yeng Peng: Akhir sekali, saya nak tahu sedikit perkembangan ataupun status kompleks Rakan Muda di kawasan saya, di kawasan Puchong. Yang Berhormat Timbalan Menteri pernah lawat di kawasan sana dan telah umumkan bahawa ini akan dibuka pada bulan Julai ini. Tetapi sampai sekarang masih tak buka, apakah sebenarnya berlaku, apakah masalah sebenar berlaku? Dan saya hendak tahu sikit mengenai apakah tarikh dan masa yang muktamad untuk kompleks sukan ini dibuka kepada orang ramai khususnya di kawasan Puchong. Itu saya turut menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bentong.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Dato' Liow Tiong Lai [Bentong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cepat saja, dua, tiga perkara yang penting, minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang pertama Butiran 00100 Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN). Kita semua faham bahawa kerajaan telah memperuntukkan RM1 bilion dalam meningkatkan kemahiran negara kita. Dan untuk membina sebuah IKBN menelan kos di antara RM65 juta hingga RM150 juta. Tetapi dari segi pengambilan pelajar kita tak tahu lagi kerana menurut angka-angka yang saya dapat, kita hanya boleh mengambil lebih kurang 7 ribu pelatih setahun.

Dan kita ada di sini dalam satu masalah ini, satu Institut Kemahiran Belia Negara, Kuala Perlis, sudah hampir satu tahun beroperasi dan mempunyai hampir 100 pegawai dan kakitangan tetapi pelajarnya hanya 100 orang. Apa sudah jadi? Saya nak minta pengesahan sama ada berita ini benar kerana berita ini disiarkan dalam internet di mana IKBN Kuala Perlis hanya mempunyai 100 pelajar dan mempunyai ramai kakitangan yang makan gaji buta sajalah kerana ada pegawai-pegawai tetapi tak ada pelajar. Dan sementara itu, ada pula IKBN yang ramai pelajar, tak cukup kakitangan pengajar. Saya rasa banyak masalah *mismatch* yang berlaku dalam IKBN.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Puchong bangun.

Dato' Liow Tiong Lai: Apa pula Yang Berhormat bagi Puchong? Nanti saya tak ada masa pula, nanti Yang Berhormat bagi Ayer Hitam nak tanya pula. [Ketawa]. Nanti, kejap-kejap, saya habis perkara saya, saya bagi masa semua pun boleh tanya ya. Saya rasa ini perkara penting, apa yang berlaku dalam IKBN saya dengar lebih kurang 90,000 belia memohon, tetapi ada 7,000 kekosongan tempat. Tetapi rasa masalahlah, apa yang berlaku di Kuala Perlis ini, minta satu penjelasan.

Dan kemudian dari segi masalah, IKBN yang disiplin, masalah disiplin dalam IKBN. Saya rasa pelajar-pelajar ini masuk ke IKBN untuk belajar, bukan untuk bergaduh. Dan insiden di mana kira-kira 450 pelatih IKBN Dusun Tua yang merusuh sesama mereka kerana masalah antara pelajar, senior dan masalah pelajar *junior* dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk memastikan perkara ini tidak berlaku lagi di IKBN. Dan apakah langkah untuk meningkatkan disiplin di IKBN? Saya rasa ini perkara penting.

Perkara ketiga yang saya nak bangkitkan berhubung dengan jumlah pelajar dan peratusan mereka yang dapat kerja selepas tamat kursus. Kita difahamkan memang lepas IKBN, cerahlah masa depan mereka, mereka boleh diambil masuk ke pasaran pekerjaan tetapi statistik menunjukkan masih lagi pelajar yang mendapat kerja lebih kurang 50% sampai 60%, adakah ini benar? Dan minta penjelasan kementerian, apakah langkah yang diambil untuk memastikan pelajar-pelajar yang habis IKBN boleh mendapat kerja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagi ke tak bagi Yang Berhormat? Tak bagi jalan tadi, ha nak bagi?

Dato' Ghazali bin Ibrahim: Sikit saja.

Dato' Liow Tiong Lai: Sikit saja ya, tak ada masa.

Dato' Ghazali bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Bentong. Menyentuh tentang kursus-kursus di IKBN, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa kursus yang ditawarkan di IKBN pada hari ini tidak begitu sesuai dengan keadaan semasa. Di Kedah misalnya, kursus batik, bila keluar kursus batik, apa tak boleh kerja apa pun. Yang kedua kursus jahitan, jadi bolehkah Yang Berhormat bersetuju dengan saya supaya kementerian mengkaji semula kursus-kursus yang bersesuaian dengan permintaan semasa sekarang ni. Kalau macam kursus yang tak relevan bermakna banyak kekurangan berlaku.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat bagi Padang Terap kerana membangkitkan kokurikulum dalam IKBN ini. Kita menyeru kementerian sentiasa meneliti, menyemak kokurikulum yang ada dalam IKBN kerana kita perlu menyaingi masalah permintaan semasa dalam pasaran dan saya yakin sekiranya kursus-kursus ini tidak relevan lagi, kita kena hapuskan dan ganti dengan kursus-kursus yang lebih, kita minta penjelasan dari Timbalan Menteri, jelaskan kursus-kursus yang terkini yang diperkenalkan dalam IKBN.

Tuan Pengerusi, satu lagi isu berhubung dengan peruntukan yang diberi kepada Ahli-ahli Parlimen, kita ucap terima kasihlah kepada Kementerian Belia dan Sukan kerana telah memperuntukkan satu peruntukan RM20 ribu kepada aktiviti kecergasan *national fitness*, aktiviti *National Fitness Center* untuk memastikan rakyat negara kita cergas. Tetapi saya nak merayu kepada Kementerian sekiranya boleh kita berilah secara langsung peruntukan ini dan bukannya melalui jabatan ataupun pejabat-pejabat belia dan sukan kerana memberi banyak masalah kepada Ahli-ahli Parlimen untuk memberi peruntukan ini. Ha, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam hendak tanya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, masa Yang Berhormat dah habis.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Pengerusi, sekejap, sekejap. Tuan Pengerusi, ini penting kerana ini mengenai program NFC. Walaupun pengumuman telah dibuat pada Ahli Parlimen tetapi kesemuanya dengan hati yang sedih mengatakan bahawa yang memutuskan peruntukan itu adalah pegawai. Pegawai dah belanja baru beritahu Ahli Parlimen, nah, inilah yang sisa bakinya. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat, kalau tak ada janganlah umum pada Ahli Parlimen, gimik saja. Kalau ada tunjukkan keikhlasan bagi kepada kita semua, kita akan tentukan mana program kita lebih arif. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila gulung Yang Berhormat.

Dato' Liow Tiong Lai: Ya, terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, saya mintalah Timbalan Menteri dapat sampaikan kepada Menteri, Setiausaha Parlimen tolong ya, pastikan peruntukan yang diberi kepada Ahli Parlimen itu benar-benar digunakan oleh Ahli Parlimen dan bukan digunakan oleh pegawai. Kerana apa yang berlaku sekarang, pegawai menggunakan peruntukan ini, kita tak tahu langsung, Ahli Parlimen kita tak tahu apa yang berlaku dalam pejabat kita. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Banyak lagi nak berucap.

3.39 ptg.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ha, Yang Berhormat bagi Jerai lah. [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya tak berapa...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, kena ikut peraturan, masa cukup kena berhenti.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya selalu taat kepada Tuan Pengerusi. Tak pernahlah saya langgar masa. Pertama Tuan Pengerusi, saya tak mahu kelam kabut, saya nak cepat, nak pi 050800 - SUKMA XI2006 Kedah. SUKMA Kedah Tuan Pengerusi, yang kita pohonkan kepada Kerajaan Pusat ialah sebanyak RM83 juta. Jadi saya berharap kerana ini adalah maruah negeri, maruah negara dan juga sukan inilah untuk kita nak ambil pelatih untuk mewakili negara kita ke peringkat antarabangsa. Jadi saya berterima kasih kepada kerajaan dan kementerian kerana dibuat di tiap-tiap negeri, bermaknanya bila ada SUKMA di tiap-tiap negeri itu, sudah tentu negeri itu akan dapat bantuan dari segi kemudahan-kemudahan.

Jadi macam SUKMA mai di Kedah, kami sambut dengan penuh kegembiraan, rakyat Kedah menunggu-nunggu, pak tani, nelayan, penoreh getah menunggu-nunggu SUKMA. Sudah tentu Kedah akan menunjukkan satu persembahan, *facilities* atau kemudahan-kemudahan yang terbaik kepada persatuan-persatuan dan ahli-ahli sukan kerana kami bangga dengan beras, kami juga bangga dengan kebolehan kami untuk mengadakan majlis sukan tersebut. Tetapi kalau peruntukan tidak cukup, Tuan Pengerusi, macam mana kita hendak buat? Kita tidak boleh ambil duit Negeri Kedah untuk lain kerana rakyat memerlukan untuk lain. Yang sukan ini saya minta, kita minta lebih RM83 juta, kemudian kerana kita hendak buat akuatik *center* yang kos lebih kurang RM30 juta, tetapi yang kerajaan hendak bagi RM51 juta. Tambahlah sedikit lagi, orang Kedah hendak belajar berenang dan sebagainya. Jadi, kalaulah ada ini, maka Kedah maju, 2010 akan berjaya.

Jadi saya minta kalau boleh Timbalan Menteri yang arif menyampaikan pesanan kehendak rakyat Kedah kepada Yang Berhormat Menteri dan di dalam kabinet. Dan tolong hantar duit cepat sedikit, Tuan Pengerusi, kerana kalau duit tidak turun, pemain turun kami hendak buh atas mana? Jadi modal kena ada. Kalau modal tidak ada, kita hendak buat kompleks macam mana? Kita hendak *upgrade* kompleks macam mana? Jadi saya harap, kalau boleh hak yang bertanggungjawab di kementerian ini tolonglah. Kedah bukan negeri miskin, Kedah negeri yang ada duit, tetapi kami berkorban untuk rakyat - menanam padi, sebelah tanam kelapa sawit. Walaupun kami rugi, tidak apa. Demi rakyat Malaysia, demi Datuk Speaker, demi Timbalan Menteri dan menteri semua, hendak makan nasi. Kami korban, sedangkan kami tanam pokok kelapa sawit, berbilion pendapatan kami.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak payah kaitkan dengan Speaker, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tetapi itu tak payah ceritalah, itu kementerian lain, Tuan Pengerusi.

Satu lagi Tuan Pengerusi, saya harap ni,... saya hendak tanya tentang belia niaga. Saya nampak di sini adalah sedikit pembangunan ekonomi belia tiga juta lebih. Belia keluar universiti ini banyak yang tidak ada kerja. Dalam Islam dinyatakan 9 daripada 10 pintu rezeki itu adalah berniaga. Hadhari, betul tidak Yang Berhormat bagi Pasir Puteh? Kita hendak rujuk. Yang Berhormat bagi Arau, betul? Yang Berhormat bagi Arau pun arif juga pasal dia kalahkan ulama daripada PAS ini, Harun Din. Jadi apa salahnya kita bagi peruntukan banyak sedikit kepada Kementerian Belia, gunakan peruntukan ini, *build up entrepreneurs*, *build up* anak-anak kita yang keluar universiti, pergi berniaga? Kita hendak mencipta ataupun kita hendak *create* budaya niaga bukan mudah. Kalau hari ini, Tuan Pengerusi, saya ada *millions of dollars* pun, kalau saya hendak berniaga, saya tidak reti, tidak boleh. Jadi budaya niaga ini adalah satu perkara yang bukan mudah, harus disuntik di peringkat bawah.

Jadi Kementerian Belia kena memainkan peranan, anak-anak kita yang keluar universiti ini. Mai, hang tidak ada kerja, nah! Ambil modal sedikit pergi berniaga, jual burger ke apa ke, tidak usah kira, kerana kita hendak suntik budaya niaga. Kadang-kadang mak long, mak ngah di kampung pun tidak tahu berniaga, la ni depa berniaga di pasar tani, dah reti dah! Dahulu gelang satu pun tidak ada, la ni gelang sampai ke siku dah! Fasal berniaga! Dahulu gigi berkarat, la ni gigi pun elok sudah.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Gigi baru!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Gigi baru, apabila senyum pun nampak manis walaupun umur 60 lebih tahun. Fasal apa? Bila berniaga dia ada duit, apabila ada duit, dia perelokkan diri dia. Tidak begitu Yang Berhormat bagi Arau?

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Betul!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Satu lagi, Tuan Pengerusi, saya hendak sokong balik ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, penghabisan Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, penghabisan, saya hendak sokong balik hak Yang Berhormat bagi Bera kata tadi.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Yang Berhormat bagi Bera.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat bagi Bera. Tentang Dewan itu. Saya amat bersetuju, tadi Yang Berhormat bagi Puchong dan juga Yang Berhormat bagi Sri Gading naik angin pasal sukan, pasal bola. Kita hendak *train* macam mana pelajar-pelajar kita, generasi muda hendak main bola? Padang pun tidak ada! Padang sekolah pun tidak ada, fasal hendak perbesarkan sekolah sudah padang tidak ada. Di belah Kedah, tunggu musim kering ini, depa pecah dua tin gong, main atas padang, atas bendang. Main atas bendang dengan kasut bola tidak ada. Itu yang tapak kaki keras macam apa itu, boleh jadi macam kertas pasir. Pasal hendak main bola, tempat tidak ada. Jadi saya ingat, dengan peruntukan ini juga, selain daripada kita buat dewan, kita boleh buat padang bola di kampung. Kalaulah kampung itu buat

satu kampung ini buat satu, tidak payah kita import dah! Kita akan eksport daripada Jerai kita eksport *players to overseas*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik, cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *To England, they can even play in England, Manchester United, no problem,* Tuan Pengerusi! Dengan izin.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup! Baiklah Yang Berhormat cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Because why? We have all the good facilities* - dengan izin - *and kasut also!*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah!

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Yang Berhormat bagi Kota Bharu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat bagi Kota Bharu *also*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, minta penjelasan?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat bagi Jerai. Tidak apalah

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ramai minta penjelasan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, sila duduk!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia orang minta penjelasan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Parit, sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, saya berharap Kementerian Belia dan sukan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tengok benda ini, hak yang RM2 juta itu bahagi kecil-kecil jadi tidak apa. Kita ahli Parlimen boleh menolong kementerian macam mana kita hendak buat dengan kawasan kita. SUKMA, tolong tambah duit, belia niaga pertingkatkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, saya taat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila Yang Berhormat bagi Parit.

3.45 ptg.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh di bawah Maksud Bekalan 45 ini, Butiran 020500 Pembangunan Ekonomi Belia. Dalam Bajet ini nampaknya diperuntukkan sebanyak RM3 juta. Jadi kalau hendak di bahagikan seluruh negara RM3 juta ini pada saya terlalu kecil. Terlalu sedikit yang boleh diagihkan.

Saya ingin minta penjelasan daripada kementerian, bagaimana program ini dilaksanakan nanti? Dan adakah pemantauan, termasuk dari segi pemantauan tentang pelaksanaan program ekonomi belia ini? Adakah ini menggantikan projek Belia Niaga yang telah tergendala berapa tahun dahulu? Dan keupayaan pegawai di peringkat daerah itu sendiri mestilah dikaji kerana kita tidak mahu misalnya mereka yang

mendapat faedah pinjaman ataupun geran ini nanti tidak menggunakan sepenuhnya. Kita tidak mahu terjadi seperti projek Tekun di mana termasuk di Kawasan Parlimen Parit, bahawa pinjaman yang diberikan itu tidak dimanfaatkan sepenuhnya, malah setengahnya tidak membayar.

Ada pula yang membayar, tidak pula di pungut dengan cara yang betul oleh pegawai berkenaan sehingga kehilangan beratus ribu ringgit. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, saya menyokong program ini seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Jerai tadi untuk membantu belia-belia berniaga, tetapi pemilihan peserta itu mestilah teliti dan juga pemantauan ke atas perjalanan warisan perniagaan mereka. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kuala Krau.

3.47 ptg.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 020300 iaitu Pembangunan Belia. Saya melihat kepada peruntukan ini kalau dibandingkan pada tahun 2005 kepada 2006 semakin menurun iaitu sejumlah RM3 juta berkurangan. Saya ingin tahu apakah kewajaran dan juga implikasi kekurangan bajet kepada pembangunan belia ini.

Tentang untuk mengupayakan atau untuk mengaktifkan persatuan-persatuan belia di kampung-kampung, bahawa pada dahulu kementerian ada memperuntukkan kepada belia negeri iaitu sejumlah RM100 ribu setahun atau RM50 ribu bagi tempoh 6 bulan, di mana persatuan-persatuan belia boleh memohon peruntukan untuk mengaktifkan persatuan belia di bawah aktiviti menggunakan borang PB1, tetapi pada tahun 2005 ini, di mana permohonan telah sejumlah lebih pada 100 ribu sehingga pada hari ini masih lagi belum diterima oleh Pengarah Belia Negeri Pahang dan persatuan-persatuan belia di kampung juga belum menerima peruntukan bagi program aktiviti belia di kampung-kampung.

Perkara kedua iaitu tentang bantuan keupayaan, saya ingin tahu apakah kewajarannya bantuan ini disalurkan kepada Majlis Belia Daerah dahulu, barulah disalurkan kepada persatuan-persatuan belia yang berkenaan.

Tentang Butiran 001100 iaitu IKBN di kawasan Daerah Temerloh ada pembangunan bagi IKBN Lanchang. Saya ingin tahu bilakah IKBN Lanchang ini dapat disiapkan kerana ini telah banyak kali tertangguh dan saya ingin tahu apakah kursus-kursus yang akan ditawarkan di IKBN Lanchang Temerloh. Serta saya ingin tahu adakah proses pengambilan tanah bagi pembinaan IKBN ini telah dapat diselesaikan.

Perkara ketiga iaitu 00600 mengenai kompleks sukan. Di Bandar Jengka ada kompleks sukan. Kalau dahulunya dikendalikan melalui Majlis Sukan Negeri tetapi sekarang ini kompleks tersebut tidak diselenggarakan, terabai dan tidak dapat digunakan dengan sempurna oleh belia-belia di kawasan Bandar Jengka tersebut. Oleh itu saya mohon kepada kementerian, apakah mana-mana badan di bawah kementerian ini patut mengambil perhatian dan juga dapat memberikan peruntukan bagi penyelenggaraan Kompleks Sukan Bandar Jengka ini.

Perkara yang keempat iaitu pembangunan ekonomi belia yang telah disebut boleh rakan-rakan. Saya percaya bahawa dahulu belia-belia begitu aktif berniaga tetapi sekarang ini sudah tidak nampak mana-mana belia atau tokoh-tokoh belia untuk berniaga. Oleh itu saya mohon supaya kementerian ini juga mengkaji dan memberikan latihan yang secukupnya bagi belia-belia di bawah pembangunan ekonomi supaya belia-belia ini dapat berniaga. Terima kasih.

Timbalan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

3.51 ptg.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sabak Bernam ingin membangkitkan menyentuh Butiran 020200, 020300. Pertamanya, saya harap perkara ini diberi perhatian yang khusus iaitu koordinasi antara Kementerian Belia dan Sukan dengan Kementerian Pelajaran. Kita dapati tiap-tiap tahun lebih 100 ribu pelajar tingkatan 5 lepasan SPM dan mereka ini selepas sahaja keluar daripada sekolah, mereka terdedah kepada pelbagai aktiviti positif dan negatif.

Oleh kerana itu Kementerian Belia dan Sukan harus mengadakan satu penyelarasan supaya belia lepasan SPM ini khususnya dapat segera diberikan perhatian, didaftarkan sebagai ahli belia melalui persatuan belia yang diperkasakan oleh kementerian melalui pelbagai program dan aktiviti. Kita bernasib baik kerana kita ada program PLKN sebagai satu alternatif tetapi kita mesti ingat bahawa berapa ramai yang masuk PLKN dan berapa ramai lagi yang terdedah kepada kehidupan harian yang kita dapati bahawa sekarang ini mereka terjebak dalam gejala hedonisme, hiburan.

Kalau ini dibiarkan lama maka ramai di antara mereka akan terjebak dengan gejala negatif, padahal pada ketika ini Kementerian Belia dan Sukan tadi ia mempunyai program umpamanya IKBN. Tetapi kita ingin bertanya setakat manakah IKBN ini berkesan? Apakah *indicator* keberkesanan kepada IKBN ini melalui pelbagai program ataupun kursus kemahiran yang ada di situ. Mana lebih berkesan? Program IKBN ataupun program yang dilaksanakan oleh kementerian lain seperti IKM dan Pusat Giat MARA ataupun IBU, Institut Bina Negara ataupun Usahawan. Ini harus dilihat secara lebih khusus kerana saya ingin ulangi bahawa belia-belie kita sangat terdedah kepada gejala negatif.

Kalau kita hendak lihat umpamanya gejala merokok, kita dapati hampir serta-merta belia-belie lepasan SPM ini apabila keluar daripada sekolah mereka berhimpun, berkumpul di mana-mana sahaja, rokok itu menjadi satu trend ataupun budaya. Apakah cara untuk kita mengekangnya selain daripada memastikan bahawa program pencelahan yang bermakna oleh Kementerian Belia dan Sukan ini daripada siang sampai ke malam harus diadakan.

Dalam konteks ini kita berharap Kementerian Belia dan Sukan harus menilai semula perkhidmatan pegawai dan kakitangannya untuk mereka berkhidmat 24 jam sampai malam kerana belia sekarang nampaknya mereka kurang tidur malam, mereka terlibat dalam berbagai-bagai aktiviti, sukan dan aktiviti yang lain. Kalau sukan kita dapati permainan futsal ataupun badminton itu biasa dilakukan malam. Oleh kerana itu mungkin kementerian ini juga boleh berbincang dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan supaya perpustakaan dibuka pada waktu malam supaya budaya ilmu di kalangan belia-belie ini dapat diterapkan.

Tuan Pengerusi, saya ingin sambung kepada perkara-perkara, minta maaf Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, boleh gulung, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Sekejap-sekejap Tuan Pengerusi, ia bila saat genting macam ini ia memang mudah hilang. Ini 02400 Rakan Muda, kita sangat berterima kasih kepada kementerian ini kerana bersungguh-sungguh untuk memastikan program Rakan Muda ini berjaya. Malah pegawai Rakan Muda ini dibenarkan untuk Ahli Parlimen mencadangkan. Jadi dalam konteks ini kita berharap pegawai Rakan Muda ini dapat dimanfaatkan oleh Ahli-ahli Parlimen ini sebagai pembantu kepada Ahli-ahli Parlimen. Saya yakin bahawa Ahli-ahli Parlimen kita ini boleh memainkan peranan yang lebih khusus kalau mereka diberikan suatu bentuk peruntukan untuk membantu kementerian ini dalam program dan aktiviti.

Yang terakhir sekali, kementerian ini harus mengadakan suatu penjelasan koordinasi dengan kementerian lain yang sangat relevan dengan Kementerian Belia dan Sukan dalam konteks kegiatan ekonomi, contohnya, Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Industri Asas Tani dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Sebenarnya kita yakin kalau belia-belie ini di peringkat kampung mereka ini dibantu dari segi ekonominya, mereka inilah yang boleh menggerakkan persatuan-persatuan belia yang sekarang ini sebenarnya terus malap. Sebab yang penting sekali, Tuan Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat sekalian, belia-belie ini harus ada identiti diri.

Kalau mereka tidak ada pekerjaan, tidak ada kerjaya, maka tidak ada identiti diri bagi diri mereka.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Oleh kerana itulah maka Sabak Bernam sangat berharap supaya perkara ini dapat diberi perhatian kerana kaitannya ialah dengan program dan aktiviti di peringkat MASA. Oleh kerana itu dan akhir sekali Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Berapa kali akhir Yang Berhormat ya?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Saya baru sebut akhir sekali sahaja, dengan maaf, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: [Ketawa] Sudah, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Satu sahaja, ini mengenai sukan MASA ini iaitu sukan bola sepak dan sepak takraw. Ini sebenarnya sukan di mana rakyat Malaysia ini memang ramai terlibat dan boleh menjadi cemerlang. Oleh kerana itu perkara-perkara ini harus diberikan perhatian oleh kementerian melalui pertubuhan-pertubuhan di mana ramai di antara Ahli Parlimen kita pun menjadi pengerusi kepada persatuan sukan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya cukup Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Pengerusi, wassalamualaikum w.b.t.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya hendak bagi cuma 4 orang lagi bercakap, lepas itu kementerian sedia untuk menjawab. Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, lepas itu Yang Berhormat bagi Ledang, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh dan Yang Berhormat bagi Rembau, lepas itu tidak ada sudah.

3.58 ptg.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya terus kepada Butiran 020300 mengenai Pembangunan Belia. Seperti mana yang kita ketahui sekarang mengenai pembangunan belia, sebenarnya kita menghadapi satu masalah yang besar di mana di negara kita, kita mempunyai 6,500 orang mahasiswa dan sekiranya kalau kita hendak menitik beratkan tentang pembangunan belia, mereka ini merupakan golongan sasaran yang tidak boleh ditinggalkan oleh kementerian. Maka dalam konteks ini saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya mengambil satu pendekatan yang proaktif untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti yang mana telah menyekat mereka berpersatuan termasuk juga mengambil bahagian dalam aktiviti Rakan Muda IPT kalau secara mengikut undang-undang. Saya meminta supaya kementerian mengambil tindakan dan memaklumkan kepada kementerian yang berkenaan supaya perkara ini dapat disegerakan.

Kalau tidak mereka buat aktiviti, mereka hendak menyertai aktiviti kita tidak dapat menghalalkan perbuatan mereka dan saya meminta kementerian ini mengambil perhatian yang serius tentang perkara ini dan 650 ribu orang pemimpin ini merekalah bakal menerajui kepimpinan di pertubuhan-pertubuhan belia kelak. Ini adalah satu aset penting bagi negara. Kalau kita tidak melatih, saya rasa itu adalah satu masalah, satu kehilangan kepada negara kita. Biarlah kita memberi latihan kepada mereka dan akhirnya negara kita yang juga akan menerima manfaatnya.

Yang kedua dari segi pengagihan peruntukan di bawah sektor pembangunan belia. Saya memang difahamkan bahawa dari segi peruntukan yang disalurkan kepada persatuan-persatuan itu tidak seberapa. Daripada jumlah yang telah disalurkan itu ada pihak yang mempertikaikan dari segi pengagihan. Saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya melihat satu mekanisme untuk menyalurkan peruntukan itu berdasarkan kepada keaktifan sesuatu persatuan itu dan apakah kualiti program yang kan dianjurkan oleh persatuan itu. Saya rasa itu adalah cara atau pendekatan yang lebih elok, lebih adil bagi kesemuanya.

Saya juga ingin membangkitkan perkara tentang sayap-sayap pemuda yang memang di bawah persatuan-persatuan berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan. Sebenarnya kalau kita melihat bukan sahaja pertubuhan-pertubuhan belia sayap-sayap pemuda itu turut memainkan satu peranan yang penting dalam masyarakat Cina juga.

Saya berharap apa juga bentuk akta yang akan digubal oleh pihak kementerian ini patut mengambil kira termasuk juga penyaluran peruntukan kepada mereka kerana selama ini sejak sebelum merdeka lagi mereka sudah ada. Kita berharap perkara ini dapat diambil perhatian dan biarlah peruntukan itu dapat diagihkan secara saksama. Seperkara lagi yang ingin saya bangkitkan di sini adalah mengenai latihan kemahiran IKBN.

Saya ingin mengesyorkan kepada pihak kementerian bahawa kita mengambil satu tindakan yang pro aktif untuk kita menghidupkan semula ataupun kita menganjurkan kursus lebih aktif, lebih optimum lagi dengan menggunakan kemudahan-kemudahan yang telah dilaburkan di IKBN. Saya rasa begitu sayang sekali kalau atau kemudahan memang sudah sedia ada itu memang canggih tetapi tidak digunakan dengan sepenuhnya.

Dalam konteks ini saya mencadangkan kepada kementerian supaya kita mengkaji kemungkinan untuk menganjurkan kursus-kursus pendek kepada mereka yang bekerja dan mereka juga boleh mendapat pengiktirafan daripada MLVK dalam apa jua bentuk bahasa. Orang yang tidak faham orang mungkin dari segi teori tidak faham tetapi dari segi praktikalnya mungkin ianya lebih berpengalaman. Saya rasa kita boleh melihat konteks ini bagaimana kita hendak mempertingkatkan daya saing pemuda daya saing belia kita. Saya rasa itu adalah perkara yang penting untuk memastikan negara kita berdaya saing di dunia. Dengan kata-kata ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat bagi Ledang yang lain ikut giliran.

4.03 ptg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran pembangunan daripada 100 hingga 2000.

Tuan Pengerusi saya mohon penjelasan daripada Kementerian Belia dan Sukan sebab saya di hujung-hujung takut tidak jawab ini iaitu tentang Kompleks Rakan Muda Tangkak yang terletak di kawasan Parlimen Ledang yang saya difahamkan bukan difahamkan memang saya sedia maklum LI telah di keluar walaupun bukan LA tetapi setakat ini tiada kata pembatalan dan sebagainya jadi kami tertunggu-tunggu bak kata orang,

*Kalau padi katakan padi
Tidak kami tertampi-tampi
Kalau sudi beri katakan sudi
Tidak kami ternanti-nanti*

Begitu juga Tuan Pengerusi tentang Kompleks Sukan Komuniti yang katanya hendak diletakkan di DUN Serom yalah kami setuju. Tetapi Tuan Pengerusi pada saya yang penting ialah pembelaan kepada kemudahan-kemudahan sukan yang pernah kami bangkitkan dahulu. Sebab sebagai contoh di Muar lah Tuan Pengerusi, di Muar ada Stadium Muar sudah jadi projek gajah putih tidak ada siapa yang hendak membelanya katanya kerana terletak di bawah kementerian, di bawah Majlis Perbadanan dan sebagainya.

Tetapi saya lebih terdorong kepada satu pendekatan di mana kami hendakkan pembelaan kepada setiap kemudahan sukan yang sedia ada. Sebagai contoh saya sebut tadi di Muar, daripada Stadium Muarnya sampailah ke padang bola sepak di kampung-kampung, padang-padang badminton dan sebagainya yang dalam keadaan uzur yang sekali gus menyebabkan suasana sukan, suasana pemuda remaja tidak terus dengan sempurna.

Kalau suatu masa nanti kita ada Kompleks Sukan Komuniti siapa hendak urus? Akhirnya akan menjadi satu hujah pula di mana apabila tidak ada sesiapa mengurus dia bukan lagi di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Tidak ada suatu kesinambungan sumbangan ataupun perkhidmatan daripada Kementerian Belia dan

Sukan ke atas prasarana yang disediakan seperti stadium dan sebagainya jadi kami ingin pembelaan itu semua. Jika tidak nanti golongan yang minat sukan, golongan remaja dan sebagainya melihat sebagai sesuatu yang tidak serius.

Samalah kalau saya hendak bandingkan dengan Program Rakan Muda. Saya hendak sebut di sini sayalah inilah kali pertama saya sebut dalam Parlimen sayalah di antara pegawai kerajaan yang terlibat secara terus di dalam pembikinan draf Program Rakan Muda. Walaupun mungkin saya hanya duduk dalam mesyuarat tidak menyumbang apa-apa tetapi saya nampak saya melihat kepada maksud sebenar Program Rakan Muda itu sangat-sangat baik, sangat cemerlang, mendapat peruntukan yang besar, mendapat perhatian kabinet dan adalah satu keputusan kabinet bukan hanya keputusan Kementerian Belia dan Sukan. Keputusan kabinet pun tidak bersambung maknanya program itu tersekat apabila bertukar pupuk pimpinan di peringkat kementerian.

Adalah satu yang mengecewakan sebab dalam Program Rakan Muda itu ada berbagai-bagai jurusan daripada Cinta Alamnya Rakan Muda, daripada Kesenian dan Budayanya Rakan Bridged, Rakan Mudanya, Keusahawanan macam-macam tetapi akhirnya dia tersekat di situ jadi satu program yang kecil adalah penggerak Rakan Muda di peringkat Parlimen, di peringkat DUN dan sebagainya. Tetapi hanya menjurus kepada satu kumpulan kecil sedangkan ia adalah satu gagasan besar. Kalau hendak bercerita Rakan Muda tidak cukup masa. Saya fikir yang penting pembelaan kepada segala kemudahan sukan yang sedia ada di seluruh negara. Saya Tuan Pengerusi menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh ya.

4.07 ptg.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi. Saya turut dapat peluang untuk membincangkan dalam Jawatankuasa ini bagi Butiran Kementerian Belia dan Sukan P.45 ini iaitu Butiran 020200, 020400 dan satu lagi 040200.

Tuan Pengerusi, kalau kita melihat kepada perkembangan belia dan remaja ini kalau kita balik kepada objektif asalnya ialah suatu benda yang cukup luhur, cukup baik, membina suatu masyarakat belia yang bersatu padu, berdisiplin, berakhlak tinggi, bergerak maju dalam bidang ekonomi, sosial dan menjadikan belia yang cergas. Maka kita lihat golongan belia inilah antara 15 hingga 40 ini yang cukup-cukup diminati untuk kita menjadikan tunggak kepada kekuatan pembangunan negara, dalam ertinya bidang pembangunan, sosial, ekonomi dan sukan.

Saya melihat kepada satu pepatah kerana saya mirip kepada pepatah ini ialah yang disebut [Dalam Bahasa Arab] satu benda yang dibuat perancangan yang untuk benda yang baik tetapi dibuat dengan tidak cara yang baik kita akan tewas.

Maka dengan sebab itulah kita hendak supaya kita tidak bangga dengan pencapaian Saudara Mokhtar Dahari Almarhum dan juga kejayaan yang dilakukan oleh Syukur Salleh dan Arumugam yang disebut rakan-rakan kita tadi. Tetapi kita hendak supaya kebanggaan belia-belia pada hari ini, pencapaian dalam sukan yang tinggi maka dengan sebab itulah disebut dalam pepatah Arab [Dalam Bahasa Arab] tidaklah satu kebanggaan kepada kita, kita tunjukkan kejayaan-kejayaan yang lepas semata-mata tidak menjadi pengukuran dan cabaran kepada kita hari ini.

Maka dari segi masyarakat Hadhari perlulah dalam sukan ini kita tunjukkan betul-betul. Kalau kita katakan hendak buat Kompleks Sukan Rakan Muda di setiap daerah, kita buat tetapi bagi saya, saya sokonglah Larut tadi dan beberapa rakan kita kalau boleh RM2 juta ini kita fikir betul-betul kalau tidak mahu membuat Kompleks Sukan Rakan Muda kita boleh buat berbagai-bagai tempat sukan kita. Pembelaan kepada yang sedia ada bagi saya ini lebih afaid daripada yang baru, afaid ini lebih penting lebih afaid.

Kalau kita tengok pada Yusof Qardawi dalam perancangannya ialah apa yang afaid diaulakan. Kadang-kadang benda yang wajib dengan yang sunat di dahulukan kalau benda itu yang mustahak. Maka saya rasa untuk Rakan Muda ini salah satu daripadanya ialah 020400 Penyelarasan Rakan Muda.

Kita hendak melahirkan belia remaja yang berakhlak mulia. Rakan Muda saya masih ingat masa dahulu saya pernah dijemput dalam Jawatankuasa Modul Rakan Muda. Saya telah masukkan elemen-elemen dari segi spiritualnya ialah nilai-nilai murni. Saya tidak sebut agama, saya tidak sebut Islam tetapi nilai-nilai murni, nilai-nilai universal yang boleh memberi dorongan yang kuat kepada remaja kita. Maka hari ini bukan sahaja kita hendak mengatakan Rakan Muda itu tidak berjaya. Bagi saya Rakan Muda berjaya cuma elemen-elemen nilai-nilai murni itu harus diterapkan sesuai dengan Islam Hadhari yang ditonjolkan oleh pucuk pimpinan kita.

Yang akhir sekali Tuan Pengerusi Majlis Sukan Negeri Kelantan - 050700. Saya melihat Majlis Sukan Negeri Kelantan apabila Yang Berhormat saya DUN Selising dilantik sebagai Pengerusi. Tidak cukup wang. Bagaimana kita hendak maju? Dalam tidak cukup wang pun, baru ini, alhamdulillah, kita berjaya dalam pertandingan bola sepak. Kalau diberi peruntukan secukupnya, insya-Allah, kita akan berjaya. Sebab itu *money* ialah cukup penting. *Money very important*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Kalau *no money no job*. Tidak ada duit, tidak ada kerja. Itu kata orang putih. Tetapi *no money no job*. Tidak ada duit, tidak ada kerja.

Jadi, sebab itulah bagi saya kita hendak supaya peruntukan yang diberi RM20,000 untuk kesihatan, untuk kita membuat riadah di peringkat Parlimen itu tambah RM50,000, apa salahnya untuk melahirkan belia-belia yang cergas. Ini kerana, kita buat cara ini boleh mengatasi gejala-gejala negatif yang berlaku di kalangan remaja. Saya rasa, saya menyokong penuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Rembau. Selepas itu kementerian menjawab.

4.11 ptg.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Kepala 020000 – Pembangunan Belia dan Sukan. Saya cadangkan supaya pihak kementerian mengkaji semula penempatan pegawai-pegawai belia dan sukan di peringkat daerah ini. Ini penting kerana di peringkat daerahlah akan menentukan sama ada sesuatu persatuan belia itu bergerak atau tidak. Tambahan pula, kita baru-baru ini dimaklumkan bahawa ada lebih RM7 juta para belia dan beliawanis kita yang tidak menyertai persatuan belia. Jadi, saya ingin bertanya kepada kementerian adakah sudah dibuat kajian kenapa para belia ini tidak mahu menyertai persatuan? Adakah kerana pemimpin persatuan belia itu banyak yang sudah veteran, yang sudah lebih 40 ataupun adakah kerana mereka tidak ada kemahiran kepimpinan atau adakah kerana tidak ada kepelbagaian aktiviti?

Ini penting sebab kita sedia maklum tiap tahun ada lebih 400,000 hampir setengah juta pelajar yang lepasan SPM dan tidak semua mereka yang ada pergi ke IPTA. Kalau pergi IPTA, pergi ke institut latihan, pergi ke pasaran kerja pun, saya ingat lebih-lebih 50%. Yang lebih itu macam mana? Sebab itulah saya sarankan kementerian supaya buat kajian, kalau belum buatlah. Kalau sudah buat kajian, bagaimana hasil kajian itu? Apakah tindakan-tindakan susulan. Ini penting sebab saya berpendapat melalui persatuan belialah mungkin kita boleh bantu kerajaan untuk menyelesaikan masalah-masalah sosial, masalah lepak, masalah dadah dan sebagainya sebab dengan adanya mereka menyertai persatuan belia ini, secara tidak langsung mereka dapat menghindarkan diri dari terjebak dalam kegiatan-kegiatan yang tidak diingini.

Jadi, berbalik kepada penempatan pegawai tadi, saya cadangkan kalau boleh pegawai belia dan sukan di peringkat daerah, yang sekarang ini saya ingat grednya S27, mungkin sama kumpulan B yang dahulu. Kalau boleh biarlah pegawai itu yang sekurang-kurangnya 10 tahun pengalaman dalam sekurang-kurangnya pertubuhan sukarela supaya dengan pengalaman yang ada, komitmen yang ada, minat yang ada, sanggup kerja malam dan hujung minggu sebab biasanya persatuan belia ini dia buat program hujung minggu, Sabtu dan Ahad. Tetapi kalau pegawai kerja ikut waktu pejabat sahaja, saya ingat susahlah kita hendak menggerakkan persatuan belia sebab pegawai belia dan sukan ini, mahu dan tidak mahu adalah pemimpin belia di peringkat daerah.

Banyak persatuan sekarang ini dia tidak bergerak sebab mungkin kepimpinannya bermasalah, tidak mahir menguruskan. Kemudian tidak ada pula

sokongan, dukungan kuat daripada pegawai-pegawai belia dan sukan yang sedia ada. Sebab itulah kalau boleh saya harap pihak kementerian menimbangkan selain daripada mengambil lulusan diploma sebagai pegawai belia dan sukan daerah, mungkin boleh timbang yang lulus SPM tetapi ada pengalaman 10 tahun dan sebagainya, giat dalam kegiatan sukan, pertubuhan belia, kurikulum dan sebagainya supaya ditimbangkan untuk menjadi pegawai di peringkat daerah.

Kemudian, saya hendak pergi kepada Kepala 030000 Pembangunan Sumber Manusia Institut Kemahiran Belia Negara. Jadi, beberapa rakan tadi ada mencadangkan supaya dipergunakan sepenuhnya. Saya bersetujulah sebab apa di kawasan saya pun ada satu IKBN di Chembong. Jadi, IKBN ini kerajaan sudah belanja RM50, RM60 juta. Saya hendak cadangkan supaya IKBN ini dijadikan sebagai pusat pembelajaran sepanjang hayat masyarakat setempat dengan diadakan kursus-kursus hujung minggu, kursus-kursus yang bersesuaian, kursus bahasa, kursus *wiring*, kursus *plumbing*, kursus *landscaping* dan sebagainya supaya dengan itu kita dapat mewujudkan tenaga mahir yang terlatih dalam pelbagai bidang, sebab bidang-bidang yang saya sebutkan tadi adalah bidang-bidang yang saya fikir *marketable*. Kereta pun banyak sekarang ini, sudah lebih lima juta di jalan raya. Jadi, keperluan untuk hendak *wiring* rumah, untuk buat *landscaping* dan sebagainya, daripada mereka habiskan masa tidak tentu hala...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung, Yang Berhormat.

Dato' Firdaus bin Harun: Jadi, saya cadangkan supaya di hujung minggu selain daripada kursus sepenuh masa di peringkat sijil, kursus jangka pendek, seminggu, dua minggu untuk mereka yang lepasan SPM dan juga untuk yang sudah bekerja tetapi ingin menambah ilmu dalam bidang-bidang tertentu. Dengan itu saya menyokong, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

4.16 ptg.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu izinkanlah saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat jawatankuasa ini, khususnya yang menunjuk keprihatinan mereka terhadap pembangunan belia dan sukan negara.

Tuan Pengerusi, dari kalangan 18 orang Ahli Yang Berhormat yang berbahas tadi, terdapat banyak pandangan dan cadangan yang bernas dan ada juga yang bertindih. Jadi, saya terpaksa menjawab secara berkelompok, khususnya isu-isu yang hangat, yang saya kira saya dapat menjawab sekali gus.

Yang Berhormat bagi Larut membangkitkan beberapa persoalan tentang bajet ataupun perbelanjaan Sukan Komanwel untuk tahun depan yang akan berlangsung di Melbourne. Suka saya mengambil kesempatan ini untuk menjawab beberapa persoalan yang berkaitan dengan soal pokok ini iaitu jumlah perbelanjaan yang tertera dalam bajet tahun 2006 sebenarnya cuma mencakupi perbelanjaan kontinjen kita.

Maksudnya, ini akan mencakupi saraan hidup, pakaian, tambang dan sebagainya untuk kontinjen kita. So, demikian juga dengan perbelanjaan yang diperuntukkan bagi Sukan Asia yang berlangsung di Doha tahun depan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [Bangun]

Datuk Ong Tee Keat: Nanti dulu. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Larut juga menyentuh tentang perlunya penyediaan pejabat-pejabat bagi sesetengah persatuan sukan yang kononnya masih lagi menghadapi masalah, kononnya tiada ruang pejabat untuk menjalankan ataupun untuk menguruskan pentadbiran. Suka saya memaklumkan Yang Berhormat, bahawa kebelakangan ini pihak kementerian telah pun berusaha untuk menyediakan kemudahan pejabat untuk persatu-persatuan sukan, khususnya persatuan-persatuan yang masih belum lagi mempunyai kemudahan ruang pejabat dan pentadbiran yang dimaksudkan di Bukit Jalil.

Saya berharap ini bukan sahaja merupakan satu-satunya langkah yang positif untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tetapi juga di samping itu ia akan dapat memberangsangkan persatuan-persatuan sukan yang berkenaan dalam usaha membangunkan sukan negara.

Yang Berhormat juga menyentuh tentang satu cadangan yang nampaknya mendapat sambutan dari beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang lain iaitu Kompleks Sukan Komuniti (KSK) yang dijangka memakan belanja dua juta ringgit untuk setiap lokasi itu. Yang Berhormat mengesyorkan supaya wang itu dapat diguna pakai untuk menyediakan kemudahan sukan yang lain umpamanya padang, gelanggang dan sebagainya di setiap kawasan DUN ataupun kawasan Parlimen.

Suka saya memaklumkan Yang Berhormat serta dewan yang mulia ini setakat ini buat peringkat yang pertama kesemuanya terdapat 33 kawasan yang telah pun dikenal pasti di mana KSK ataupun Kompleks Sukan Komuniti itu akan disediakan dan dari kalangan 33 lokasi yang dimaksudkan, setakat ini 11 telah pun bermula sedangkan yang bakinya masih lagi kita mengusahakan ataupun masih kita cuba hendak mengenal pasti tapak yang sesuai dengan kerjasama pihak kerajaan negeri. Jadi berbalik pada cadangan Yang Berhormat tadi saya kira apa sahaja yang kita rasa ada berkaitannya dengan pembangunan sukan khususnya di peringkat akar umbi kita bukan sahaja akan ambil kira pandangan dan cadangan kita tetapi juga perlu kita meneliti cara-cara pelaksanaannya sebab apabila Yang Berhormat bangkitkan soal ini saya percaya bahawa Yang Berhormat berniat baik tetapi pelaksanaan itu nampaknya bukan semudah yang kita fikir sebab ianya mungkin membabitkan...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Datuk Ong Tee Keat: Sekejap ya Yang Berhormat sebab ianya mungkin akan membabitkan pihak yang lain umpamanya pihak berkuasa tempatan, ya sila.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang mana itu Yang Berhormat?

Datuk Ong Tee Keat: Yang Berhormat bagi Larut dahulu Yang Berhormat, nanti saya balik kepada...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih. Sebenarnya saya hendak pergi kepada bajet di antara Sukan Komanwel dengan Asia. Saya tidak tahu apakah kontinjen Sukan Asia ini lebih besar? Saya akan masuk sekali Yang Berhormat ya. Sukan Asia di Doha pada tahun hadapan lebih besar dengan kontinjen sukan Komanwel. Saya tahu penyertaan negara-negara di Sukan Asia lebih besar daripada Sukan Komanwel tetapi Sukan Komanwel pun juga penting sebab itu saya melihat RM500, 000 dan RM2 juta untuk tujuan Sukan Asia. Tentang kompleks sukan yang saya sebutkan tadi, saya beri pandangan kepada Yang Berhormat oleh sebab bukan kita tidak mahu menerima kompleks yang hendak didirikan oleh kementerian, itu satu langkah yang baik kerana ini merupakan *centralize*. Bermakna di situ akan ada gelanggang-gelanggang takraw walaupun takraw kalah..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Ketawa]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ada gelanggang badminton, gelanggang futsal tetapi yang saya bangkitkan di sini Yang Berhormat apakah kita melihat wang ini kerana masalah padang tidak ada, padang itu kita kos RM100, 000. Mungkin kita boleh buat 10 padang - dewan pelbagai guna untuk satu court badminton RM150, 000 mungkin kita boleh buat dalam 10. Jadi kita dapat mencambangkannya di banyak kampung kerana kita melihat kalau kita *centralize* belia-belia atau remaja-remaja hendak datang mungkin masalah pengangkutan waktu malam dan sebagainya.

Kemudian kalau boleh juga kita boleh meningkatkan (*upgradekan*) kemudahan yang ada. Umpamanya contoh, padang yang ada mungkin tidak begitu standard, kita boleh buat tempat duduk, tangga ayam macam mini stadium, kemudian kita pagarkan mana-mana padang menjadi satu yang lebih standard dan bermutu tinggi. Sebab saya pernah beri pandangan ini kepada Majlis Perbandaran Taiping apabila Kompleks Rakan Muda di Kemunting bernilai RM17 juta, lengkap. Tahniah saya ucapkan, itu yang pertama di Perak dibuat berhampiran dengan kawasan saya, walaupun di

kawasan Parlimen Taiping tetapi tidak ada stadium bola, tidak ada padang bola maka MPT merasakan perlu diwujudkan satu stadium bola dengan bernilai RM20 juta, untuk apa? Lebih baik wang RM20 juta ini digunakan untuk mengupgraden lagi kemudahan-kemudahan sukan yang masih belum ada mutunya di seluruh daerah. Jadi semua dapat merasakan.

Jadi itulah pandangan saya kalau boleh pihak kementerian menimbang balik mungkin pandangan dari Ahli-ahli Parlimen dan DUN hendak menggunakan RM2 juta tadi daripada satu kompleks yang kita dapat dengan kita lihat *maintainancenya* mungkin sukar untuk dijaga walaupun akademiknya cukup di kelab-kelab ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: ...tapi diberi peluang kepada kami untuk memilih di mana keutamaan yang kami inginkan, itu pandangan saya, terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, untuk menjawab soalan Yang Berhormat Larut, saya sebenarnya saya hendak maklumkan Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini sesungguhnya memang terdapat ura-ura untuk menaik taraf kemudahan-kemudahan sukan khususnya yang sekarang ini masih lagi dikendalikan oleh pihak berkuasa tempatan, itu pun pernah berulang kali dibangkitkan oleh Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini dan pihak kementerian memang peka terhadap apa yang disuarakan dan itulah sebabnya sekarang ini terdapat ura-ura ataupun cadangan menjurus ke arah itu tetapi sama ada...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Datuk Ong Tee Keat: ...nanti Yang Berhormat...sama ada wang peruntukan sebanyak RM2 juta itu akan dapat diagih-agihkan atau tidak, saya tidak berani hendak cakap pada ketika ini sebab biasanya seperti mana yang kita sedia maklum bahawa peruntukan sedemikian rupa tertakluk kepada kelulusan Perbendaharaan. Itu memang setakat ini saya tidak berani hendak cakap, tetapi apa yang sudah dan tengah diusahakan iaitu 11 lokasi telah pun dikenal pasti, itu saya kena maklumkan Yang Berhormat.

Berbalik kepada Yang Berhormat Sri Gading, nanti saya akan beri laluan.....ada lagi satu soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Larut iaitu perbelanjaan untuk kontinjen kita ke Komanwel berbanding dengan sukan Asia Doha tahun 2006. Untuk makluman Yang Berhormat sesungguhnya setiap kali kalau kita buat satu perbandingan khususnya dari segi saiz kontinjen kita yang menyertai Sukan Asia dan Sukan Komanwel. Kita dapati bahawa Sukan Komanwel itu jumlah acara yang dipertandingkan itu biasanya kurang berbanding dengan Sukan Asia dan seterusnya bilangan atlet yang kita hantar ke Komanwel Games biasanya juga kurang dari segi bilangannya berbanding dengan kontinjen kita ataupun atlet kita ke Sukan Asia dan itulah sebabnya terdapat satu jurang perbezaan yang agak ketara dari segi perbelanjaan yang dimaksudkan tadi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Timbalan Menteri. Kompleks Sukan Komuniti (KSK) ini kita tidak bantah, malahan kita berterima kasih. Cadangan kita sebenarnya memberikan kekuatan kepada kementerian. Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri jangan salah faham, kita tidak bertembung di sini, kita sebenarnya sehati sejiwa. Apa yang dipandangkan ataupun yang dicadangkan oleh Ahli Parlimen memberi kekuatan kepada kementerian. Kita sedar bahawa di mana-mana di kampung-kampung dalam negara kita ini kemudahan sukan untuk belia tidak ada. Dahulu kita tumpang sekolah, padang sekolah, Kementerian Pelajaran bina bangunan atas padang.

Mereka tidak ada padang, sebab itu apabila kita memperkatakan tentang mutu sukan di negara kita, dia tidak boleh naik sebab latihan di peringkat awal tidak ada dan bakat-bakat yang terpendam di kampung-kampung tidak dapat hendak kita cungkil. Jadi itu sebabnya kita beri pandangan dan ambil lagi dua juta, dua juta you buat KSK sila teruskan. Tambah lagi dua juta untuk tiap-tiap kawasan Parlimen agaknya 10 padang tahun ini. RM200,000 satu padang, bukan hendak macam stadium, tidak ada,

padang sahaja asal budak boleh menyepak bola sepak. RM100, 000 ke RM200,000 kerana kita tidak ada tanah lagi, kita kena beli tanah.

Ya? Itu sebab RM200 ribu atau RM300 ribu peruntukan kalau RM2 juta lagi tambah baru RM4 juta. RM4 juta kali berapa kita punya Parlimen, dan jangan lupa kementerian *you* ini namanya Kementerian Belia dan Sukan . Menjadi tanggungjawab kementerian ini untuk memajukan sukan. Budak-budak kalau ada permainan seperti ini, terelaklah dia daripada lepak dan perkara-perkara yang tidak bermanfaat

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan. Oh, sorry, sorry.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya benarkan saja kalau Tuan Pengerusi benarkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat saya tak benarkan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan mesyuarat*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini pun, Tuan Pengerusi, jadi pihak kementerian jangan beranggapan apa yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Parlimen seolah-olah macam kita ini berlaga. Tidak! Kita hendak berikan kekuatan kepada kementerian atas *portfolio you* memajukan sukan dan belia. Kita bercakap hari ini fasal *you* jawab fasal sukan, mari kita sama-sama! Dengan adanya suara di Parlimen ini *you* buat kertas kerja minta peruntukan tambahan. Soalan, ini adalah soalan. Jadi minta, minta. Jadi jangan *you* nak nafikan ataupun *you* nak mempertidakkan ataupun *you* nak me.... - apa lagi bahasa yang sama? *[Disampuk]* *You* nak *demand you* nak timbang-timbang tak ada, *you* terima ajalah, *you* buat. *You* buat supaya akhirnya dalam negara kita ada kemudahan sukan. KSK ini terhad, *indoor games* punya, main ping-pong dan lain-lain ini, di depan kedai Cina pun boleh main anu ini.

Ini Dato', Dato',... *[Sambil mengarahkan pandangan ke arah Kerusi]* Oh, dah tukar pengerusi? Selamat datang Tuan Pengerusi yang baru.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan tambahan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yalah, tambahkanlah, jadi tambahan. Jadi KSK ini *you* teruskanlah cuma tambah yang ini supaya besok kampung-kampung, kampung-kampung semua sekali budak-budak muda ini ada padang tempat dia main bola. Main bola ini memang minat, Tuan Pengerusi, tapi nak buat cuma FAM dia kata sepak takraw kalah, saya sepak takraw tak pernah kalah, kita dapat emas. Ini dekat Manila pun,...

Seorang Ahli: Kalah di Manila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Astaghfirullahalazim! Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu sahajalah.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi. Sebenarnya apa yang saya jawab tadi itu tak bertembung dengan apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading. Sebenarnya saya hendak ucapkan terima kasih. Mudah-mudahan dengan adanya sokongan Yang Berhormat khususnya mereka yang prihatin tentang sukan kementerian ini akan dapat bajet atau perbelanjaan tambahan khususnya untuk menyediakan banyak lagi kemudahan sukan di peringkat akar umbi.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada satu lagi...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Lau Yeng Peng: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Minta penjelasan Yang Berhormat.

Datuk Ong Tee Keat: Nanti, Yang Berhormat, saya nanti akan jawab apa yang dibangkitkan tadi.

Tuan Lau Yeng Peng : Mengenai KSK.

Datuk Ong Tee Keat : KSK? Sila.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang tadi Yang Berhormat sudah menjawab bahawa ada tiga bukti KSK telah dikenal pasti dan 11 dalam proses pembinaan. Jadi saya difahamkan bahawa Kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri juga telah memberi maklumat ataupun memberikan makluman tertentu kepada pihak Kerajaan Negeri, ADUN, pihak PBT dan juga Ahli Parlimen. Saya hendak tanya, siapa yang menentukan lokasi dan juga proses pengalihan ataupun mendapatkan satu keputusan untuk membuat KSK? Itu soalan yang paling spesifik. Saya hendak tahu siapakah yang menentukan kerana sekarang ini banyak kekeliruan berlaku. ADUN kata dia boleh *decide*, okay? Ahli Parlimen kata dia boleh *decide*, so apakah untuk mengurangkan kekeliruan ini? Boleh Yang Berhormat menjelaskan keadaan sekarang ini?

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi. Sebenarnya 33 lokasi yang saya maksudkan itu, itu dikhaskan kepada anggota pentadbiran iaitu menteri sahaja dan menteri-menteri besar, dan saya sendiri pun saya tak terangkum dalam senarai itu. Yang Berhormat,... [Disampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Timbalan Speaker pun tak adalah?

Datuk Ong Tee Keat: Belum lagi, bukan tidak dapat. Belum lagi, sebab ini fasa yang pertama dan kita sedia maklum bahawa ini tertakluk kepada kelulusan Perbendaharaan, yang diberikan oleh Perbendaharaan. Jadi Yang Berhormat sabarlah buat sementara waktu. Ya, Yang Berhormat bagi Kota Bharu.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Saya rasa soalan tadi penting kerana mengikut kenyataan kerajaan, kenyataan Yang Berhormat tadi, kelulusan 33 itu kenapa dibuat? Jadi kalau hendak kata kelulusan itu tetapi tertakluk lagi kepada Perbendaharaan, itu bukan keputusan. Persoalannya, jadi yang *first phase* telah diluluskan. Jadi kalau yang *first phase* diluluskan persoalan kami ialah saya juga menunggu di Kota Bharu. *What do we do?* Berapa lama? Kita sudah janji dengan orang ramai, RM2 juta sana, RM2 juta sini, *complex* sana, boleh buat itu, boleh buat ini. Jadi saya hendak tahu prosesnya bagaimana dan bila ketetapan perkara-perkara ini?

Datuk Ong Tee Keat: Ya, sebenarnya Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat jangan salah anggap sebab bila saya sebut fasa yang pertama sememangnya apa yang masih lagi tertunggak adalah status tanah di sesetengah tempat masih lagi belum diputuskan. Tapi saya tak bermaksud bahawa perbelanjaan ataupun bajet itu belum disediakan lagi. Yang saya maksudkan tadi bila saya menjawab soalan Yang Berhormat bagi Puchong, sebenarnya saya memang faham bahawa ada banyak lagi kawasan-kawasan Parlimen dan kawasan DUN yang belum lagi terima bantuan yang berkenaan. Dan itu pun kenalah kita menjalankannya secara berperingkat, bukannya sekali gus. Itu yang saya maksudkan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [Bangun]

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi,...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat saya berdiri di sini.

Datuk Ong Tee Keat: Nanti, nanti, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: KSK.

Datuk Ong Tee Keat: Nanti Yang Berhormat, sebab ada lagi yang saya hendak jawab. Kalau tidak, tak ada kesudahannya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tak apa, tak apa!

Datuk Ong Tee Keat: Yang Berhormat Larut juga menyentuh soal peruntukan Kementerian kepada FAM.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, ini KSK. Yang Berhormat dah lompat pergi ke FAM dah.

Datuk Ong Tee Keat: Ada. Yang Berhormat Jerai nanti saya akan jawab sebab bila sampai giliran Yang Berhormat saya akan pasti akan bagi jawapan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Em, tak apalah Yang Berhormat Menteri...

Datuk Ong Tee Keat: Yang Berhormat bagi Larut menyentuh tentang peruntukan yang diberi oleh Kementerian Belia dan Sukan kepada FAM dan itu pun dibangkitkan bersama oleh Yang Berhormat bagi Bera tadi. Suka saya maklumkan Dewan yang mulia ini sesungguhnya setiap tahun terdapat satu geran yang berjumlah RM300 ribu yang dikhususkan kepada FAM itu diberi sebagai satu geran tahunan.

Di samping itu terdapat juga program-program pembangunan sukan yang berupa Program Tunas Cemerlang di mana pihak kementerian dengan kerjasama Kementerian Pelajaran dan juga FA ataupun Persatuan Bola Sepak di peringkat negeri, kita telah pun menyediakan 42 pusat di sekolah-sekolah. Dan setakat ini terdapat 95 orang jurulatih yang telah pun ditugaskan untuk melatih tunas-tunas baru kita dalam bidang sukan bola sepak. Setakat ini anggaran bilangan atlet itu menjangkau 1,300 orang dan ini pun merupakan satu-satunya program yang dilaksanakan secara bersepadu oleh pihak kementerian dengan kerjasama Kementerian Pelajaran dan FA untuk membangunkan sukan bola sepak yang sekarang ini kita sedia maklum bahawa ia memerlukan usaha untuk memperkasanya.

Program itu pun memakan belanja sebanyak RM337 ribu setiap tahun untuk membiayai elaun-elaun jurulatih dan sebagainya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat ...

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi,...Nanti.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ada keliru sedikit Yang Berhormat. Yang ditimbulkan bukan Liga tetapi yang disebut tadi ialah wang yang diberi untuk pertandingan tidak termasuk pembangunan, ya?

Datuk Ong Tee Keat: Tidak, yang saya sebut ini sebab ...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Pembangunan?

Datuk Ong Tee Keat: Bila saya menyentuh peruntukan bukan sahaja peruntukan yang berupa geran tetapi juga peruntukan dalam bentuk yang lain. Khususnya *development program*.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *No, no.* Yang tadi timbul bukan *development program* ...

Datuk Ong Tee Keat: Tidak, saya sekali gus jawab.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Okey. Tapi maknanya untuk pertandingan tidak adalah?

Datuk Ong Tee Keat: Ya, tak ada. *Development program* itu sebab ada orang bangkitkannya selepas Yang Berhormat tadi. Jadi saya ambil kesempatan ini untuk menjawab sekali gus. Sebagai salah satu acara sukan dalam 8 sukan teras, bola sepak sememangnya diberi penekanan yang sewajarnya. Itu pun saya sudah sebut tadi dan di samping itu terdapat juga satu lagi program yang telah pun berlangsung tahun ini di mana RM2 juta telah pun diperuntukkan khas untuk sukan bola sepak dan ini semata-mata untuk membiayai kursus-kursus kejurulatihan. Jadi kalaulah ada sesiapa yang mempersoalkan tentang bantuan kerajaan khususnya kementerian ini terhadap sukan bola sepak inilah serba sedikit yang saya dapat maklumkan kepada Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Larut juga menyentuh tentang pemakanan bagi atlet-atlet kita dan itu pun dibangkitkan bersama oleh Yang Berhormat Kalabakan tadi. Suka saya maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa pada peringkat ini untuk semua atlet sepenuh masa ataupun *full time athlete* dengan izin menu yang disediakan untuk mereka itu tetap diambil kira pertimbangan *nutrition* ataupun zat-zat yang diperlukan oleh setiap orang atlet. Demikian juga dalam hubungan ini *cafeteria* yang dikelolakan oleh pihak MSN juga dikehendaki mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan, khususnya mengenai menu untuk atlet-atlet kita. Tetapi apa yang menjadi masalah sekarang ini adalah dari segi disiplin peribadi (*self discipline*) dengan izin di kalangan atlet-atlet kita. Sebab biasanya terdapat masa cuti dan sebagainya untuk seseorang atlet dan kalaulah seseorang atlet itu tidak mematuhi dengan sepenuhnya menu-menu yang disediakan ataupun yang dikehendaki oleh

pihak MSN, maka sebarang usaha kita untuk menjaga pemakanan mereka akan terjejas.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada satu lagi permasalahan ataupun satu isu yang nampaknya agak popular dan ianya terus dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Ipoh Timur membangkitkan tentang isu pembatalan pendaftaran *Malaysian Taekwondo Association* (MTA). Suka saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa setakat ini isu pembatalan pendaftaran MTA ini masih lagi dalam proses perbicaraan Mahkamah. Walaupun demikian saya selaku Timbalan Menteri Belia dan Sukan yang mewakili kementerian ini tetap ingin menjawab beberapa soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timur dan juga beberapa orang ahli yang lain termasuk juga Yang Berhormat bagi Kelana Jaya.

Sesungguhnya isu pokok yang terbabit dalam permasalahan ini adalah berkisar kepada pindaan Perlembagaan MTA yang pada satu ketika dahulu pernah disyorkan supaya pindaan berkenaan dapat juga menerapkan kelab-kelab ataupun akademi-akademi *taekwondo* yang didaftarkan sebelum ini tetapi banyaknya kelab-kelab ataupun akademi *taekwondo* yang didaftarkan sebelum ini banyaknya berdaftar dengan ROB bukan ROC dan ini telah pun disyorkan tetapi malangnya ia tidak menjadi kenyataan. Itu yang saya difahamkan.

Walaupun demikian sepintas lalu saya boleh maklumkan kepada Yang Berhormat tentang isu pokok ini tetapi apa yang saya hendak tegaskan di sini adalah pihak kementerian sebenarnya memberikan *free hand* dengan izin ataupun kebebasan kepada Pesuruhjaya Sukan untuk menangani isu-isu yang berkaitan dengan bidang kuasa dan bidang tugasnya seperti mana yang dikehendaki dalam Akta Pembangunan Sukan. Itu pun mungkin dapat juga menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kelana Jaya sebentar tadi iaitu sebenarnya jawatan Pesuruhjaya Sukan ini disediakan di bawah Akta yang berkenaan. Itu pun ia dapat kelulusan dari Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat bagi Ipoh Timur ...

Tuan Loh Seng Kok: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kelana Jaya.

Tuan Loh Seng Kok: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih di atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tidak dapat dinafikan bahawa memang Pesuruhjaya Sukan diberi tugas mendaftarkan badan sukan tetapi di dalam peruntukan Akta Pembangunan Sukan 1997 tafsiran yang diberikan badan sukan adalah mana-mana persatuan itu menjadi Badan Pengelola (*governing or representative body*) dengan izin, pada sesuatu sukan, maka badan sukan yang didaftarkan itu seharusnya mempunyai kuasa untuk mengelolakan sukan itu. Oleh kerana pada hari ini kita nampak selepas penggantungan MTA itu banyak kelab telah didaftarkan di mana semuanya adalah lebih mirip kepada ada unsur-unsur perniagaan di dalamnya. Apakah kelab-kelab tersebut patut menjadi badan gabungan kepada satu persatuan di peringkat kebangsaan. Apakah logiknya sebuah kelab di bawah kelab biasa menjadi kelab gabungan terus kepada badan sukan di peringkat kebangsaan tanpa menjadi ahli kepada peringkat daerah ataupun peringkat negeri. Apakah logiknya. Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, seperti mana yang saya sebutkan tadi pada peringkat ini kes ini masih lagi dibicarakan dalam mahkamah. Walaupun demikian sepintas lalu saya maklumkan Dewan yang mulia ini tentang latar belakangnya secara ringkas. Walaupun demikian apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kelana Jaya tadi iaitu mengenai kewajaran menerapkan kelab-kelab ataupun akademi *taekwondo* itu saya tidak berhajat hendak bercakap panjang lebar pada ketika ini walaupun saya ada maklumatnya. Saya berharap apa yang kita perlu tumpukan sekarang ini adalah beberapa perkara atau beberapa kejadian yang berlaku pada ketika yang berkenaan.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, penjelasan.. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tak mahu mempertikaikan mengenai pemindaan Perlembagaan untuk menyerap parti-parti yang di bawah ROB dan ROS, sama ada betul tak betul tapi masalah bukannya kita perlu selesaikan masalah ini supaya tidak berlaku di Malaysia apa yang berlaku di Filipina mengenai bola keranjang? Ini menjadi satu *joke*. Dan adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar mengenai surat yang terakhir

daripada *World Taekwondo Federation* (WTF) yang mustahak untuk menentukan sama ada kita akan mengambil bahagian dalam Olimpik, Asia Games, Sukan Asia, sukan SEA Games, oleh kerana inilah badan yang menentukan sama ada kita boleh ambil bahagian dalam sukan-sukan ini. Dan pendirian ialah, dua hari dahulu, saya 28 November, 2005, dengan izin,

"It is a great disappointment and frustration to learn that the Sports Commissioner of Malaysia has gone ahead with the registration of the Malaysian Taekwondo Federation on October 14, 2005. This despite our steadfast and repeated standpoint to the Malaysian Authorities concerned that the World Taekwondo Federation recognises the Malaysian Taekwondo Association as the soul governing body of the sport of Taekwondo in Malaysia.

I would like to advise you and the relevant Malaysian Authorities that notwithstanding the registration of the empty act by the Sports Commissioner, the decision of the WTF to stand by the MTA has not changed at all to this day. At this juncture, I would like to indicate that not having the official recognition of the WTF, which is the world governing body of Taekwondo may bring about dire ramifications to the development of Taekwondo and the standing of Malaysia at the international competitions. Once again, I would like to address the disconcerting issue by firmly emphasizing the need to bring all concerned parties together in the hope of finding a swift and amicable solution, and I look forward to receiving your favourable reply in the near future..."

Itu surat itu. Itulah cadangan saya pun.

Boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri atau menasihatkan Yang Berhormat Menteri supaya memanggil satu mesyuarat di mana Menteri, Timbalan Menteri, MTA, MTF, boleh bersama-sama *Sports Commissioner* duduk untuk selesaikan masalah ini supaya kita boleh terus bertanding dalam *Taekwondo competitions* di dunia dan supaya apa yang berlaku dalam Oktober, yang berlaku dalam Ogos, kita hantar satu pasukan untuk ambil bahagian dalam *Asian Junior Meet* di Kazakhstan dan kita bayar RM65,000 untuk rombongan itu, 14 orang pergi Kazakhstan untuk mengambil bahagian dalam *Asian Junior Taekwondo Meet*, tetapi oleh kerana tidak diakui, akhirnya semua balik. RM65,000 buang, *wasted!* Kita tak mahu ini berlaku. Kenapa perkara ini tak boleh diselesaikan? Kes mahkamah itu kita tak mahu bincang. Kita mahu selesaikan perkara ini. Kalau dalam kes Taekwondo kita tak boleh selesaikan, bukankah ini satu *signal* bahawa mungkin di bidang-bidang *sports* yang lain - 50 *sports* yang lain - pun mungkin akan menghadapi masalah? Bolehkah perkara ini ada satu *political will* untuk selesaikan?

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, saya memang setuju dengan apa yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timur tadi. Apa yang penting sekarang ini adalah bagaimana kita dapat mengatasi kemelut yang telah pun berterusan selama ini sejak pembatalan pendaftaran MTA. Tetapi di sini terdapat juga kekangannya sebab seperti mana yang saya sebutkan tadi, kes ini memanglah setakat ini masih lagi diperbincangkan dan kalaulah, kalaulah ...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya hendak tanya, kalau Peraturan Mesyuarat 36 (2), perkara yang dibawa ke mahkamah tak boleh kita bincang di sini, saya tak tahu apakah ini membabitkan perkara 36 (2)? Ini telah pun ke mahkamah, jadi apakah kita ingin berbincang di sini? 36(2) Peraturan Mesyuarat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Semuanya yang berkaitan, Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya, Jemaah Menteri...

Tuan Lim Kit Siang: Ini kita bukan bincang kes dalam mahkamah, ini bukan 36(2)...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya bertanya, saya cuma bertanya.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya beri pandangan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, saya pun beri pandangan, sama-sama, betullah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sama-sama beri pandangan, keputusan dibuat tidak berkaitan. Cukuplah.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, sebenarnya saya tidak berhajat hendak mempertikaikan kewajaran itu, itu pun saya dah sebut, tapi apa yang kita kena hadapi sekarang ini adalah bagaimana kita dapat mengatasi kemelut itu dan di sini terdapat beberapa kejadian yang sepintas lalu, saya rasa kenalah saya jelaskan. Sebab, sebelum penggantungan atau pun pembatalan pendaftaran MTA itu sememangnya pihak Pesuruhjaya Sukan, Tan Sri Elyas Omar, pernah membuat pengatur untuk berbincang perkara ini dengan pihak yang terbabit iaitu MTA, tapi ini pulak nampaknya terjejas memandangkan bahawa pihak MTA telah pun mengheret pihak kerajaan ke mahkamah. Jadi, di sini terdapat satu kekangan.

Yang keduanya, saya juga dapati bahawa pihak MTA iaitu pihak yang terkilan dalam kes ini tidak mengemukakan sebarang rayuan terhadap keputusan Pesuruhjaya Sukan kepada pihak pejabat Menteri. Sebab, biasanya kalau mengikut Akta Pembangunan Sukan, mana-mana pihak yang terkilan, yang dikehendaki untuk tunjuk sebab atau pun *show cause* yang diberikan surat tunjuk sebab biasanya berhak untuk mengemukakan rayuan kepada pihak Menteri, tapi dalam keadaan ini, malangnya ini tak berlaku.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh minta penjelasan sikit Yang Berhormat. Ini pasal Pesuruhjaya Sukan ni. Saya pun kadang-kadang tidak faham, di manakah kedudukan Pesuruhjaya Sukan ini, kerana dia sepatutnya menyelesaikan masalah bila kita pindahkan badan-badan sukan ini daripada Pendaftar Pertubuhan, tetapi kalau Pesuruhjaya Sukan juga mencampuri urusan rumah tangga - saya tidak mahu membabitkan pendaftaran dalaman, peraturan pertandingan. Kita memang ada peraturan pertandingan kita, tapi bagaimana Pesuruhjaya Sukan boleh membuat kenyataan bahawa ia bukan profesional? Ha, ini saya ingin menyambung sedikit tentang kedudukan Pesuruhjaya Sukan ini. Kalau ini berterusan, bagaimana kita hendak meyakinkan bahawa badan-badan sukan yang ada ini berada di landasan yang betul? Urusan peraturan pertandingan adalah hak mutlak sesebuah badan tersebut. Kenapa pula Pesuruhjaya Sukan boleh mengatakan sesuatu tindakan yang diambil oleh badan sukan itu tidak profesional. Minta sikit pandangan Yang Berhormat.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, sememangnya inilah yang mengandungi unsur-unsur yang saya rasa berkaitan dengan Peraturan Mesyuarat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat iaitu *subjudice*, sebab sama ada wajar atau tidak Pesuruhjaya Sukan membuat keputusan itu, sekarang ianya masih lagi dalam proses perbicaraan. Jadi, saya tak akan sentuh, sama ada wajar atau tidak.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kalau tanya saya, senang saja. Tidak wajar. Sebab apa? Kita bila ada peraturan pertandingan, Yang Berhormat Timbalan Menteri, itu hak persatuan. Okay, kita kata pertandingan ini, apabila kelab itu menarik diri, itu hak persatuan. Mengikut peraturan, kalau *you* tarik diri, *you* kena *fine*. Bagaimana pula Pesuruhjaya Sukan boleh mengatakan itu tidak profesional, kerana itu adalah hak badan sukan berkenaan menentukan peraturan pertandingan?

Ini tidak kena mengena dengan apa yang dibangkitkan soal Taekwondo, tapi saya bagi contoh. Jadi, saya melihat perlunya Yang Berhormat Timbalan Menteri memperbetulkan supaya ia tidak melarat kepada badan-badan lain. Kalau sudah ada orang lain mencampuri peraturan pertandingan yang diwujudkan oleh sesebuah badan sukan itu untuk pertandingan, saya tidak faham apa lagi yang akan dicampur tangan oleh Pesuruhjaya Sukan. Bukan kita batal pendaftaran, kita tidak campur tapi urusan peraturan dalaman kami. Apabila kita ada sesuatu peraturan pertandingan, kenapa pula orang luar mesti campur. Jadi di sini saya minta...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini dah lebih sudu daripada bubur.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tidak sepatutnya ada pihak lain, bukan kalau meminta pandangan okey kita boleh bagi laporan kenapa kita menggantungkan sesebuah kelab gabungan umpamanya, okey kita boleh bagi tapi bukan dengan mengatakan ini tidak profesional. Bagaimana dengan peraturan-

peraturan di peringkat antarabangsa kalau begitu? Itulah yang saya menyampaikan pada Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya pun nak menambah, kalau dibenarkan Tuan Pengerusi. Pesuruhjaya Sukan ini nak membantu nak memperkembangkan sukan atau nak menyusahkan?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kali ini taekwando, esok bola sepak, bola sepak dicampuri, sepak takraw, badminton, so Pesuruhjaya Sukan ini nak membantu ataupun nak menyusahkan? Sebab kita nak tanya juga Tuan Pengerusi ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Eh, langgar Peraturan Mesyuarat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jangan dia gunakan kuasa dia kemudian jadi kita nak kena tanya dia bidang kuasa dia, Kementerian juga harus mengawal benda-benda seperti ini.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat, saya bagi contoh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dia baru saja ditubuhkan, badan-badan sukan lebih lama daripada dia.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Siapa yang berucap? Sekarang siapa yang berucap?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat, sebagai contoh Persatuan Bola Sepak Malaysia. Sebelum kita mengambil tindakan ke atas mereka yang menarik diri, dia tahu sudah, ini dendanya kalau dia menarik diri. Jadi apa salahnya tindakan yang diambil, sebagai contoh. Kalau begitu, saya tidak nampaklah apakah peranan kebaikan kita melantik satu badan untuk sama ada mendatangkan kebaikan atau boleh menjejaskan lagi peranan sebenar Kementerian Belia dan Sukan. Ini pandangan dan saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat kalau itu tersilap boleh diperbetulkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudahlah, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, saya nampak Yang Berhormat mungkin campur aduk peranan Pesuruhjaya Sukan dengan pihak Kementerian. Sesungguhnya Pesuruhjaya Sukan tidak mengikut telunjuk mana-mana pihak termasuk juga pihak Kementerian sebab beliau diberi kuasa untuk menjalankan tugasnya di bawah Akta Pembangunan Sukan dan bukannya mengikut telunjuk mana-mana pihak ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tidak Yang Berhormat, saya tak sebut ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kalau dia menyeleweng siapa nak betulkan?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya tak kata Menteri atau Timbalan Menteri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, kalau dia menyeleweng siapa nak betulkan?

Datuk Ong Tee Keat: Nanti, nanti saya akan ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kita setuju kalau dia bebas, kalau dia betul tapi pihak Kementerian yang bertanggungjawab atas sukan negara kalau tak boleh betulkan dia menyeleweng atau dia salah, atau dia silap, siapa yang nak betulkan?

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bawa pergi Parlimen sajalah dia, hadapkan kepada kita.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, kes ini saya sudah sebut tadi sebab ianya masih lagi dibicarakan tapi apa yang saya hasratkan sama juga dengan Yang Berhormat iaitu kita berharap keadaan ataupun kemelut sedemikian rupa dapat menjejaskan pembangunan sukan taekwando khususnya menjelang penyertaan kita dalam temasya-temasya sukan yang berprestij nanti.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita tak mahu sebut mengenai kes itulah, oleh kerana kes dalam mahkamah. Tapi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju bahawa kes itu tidak menghalang satu penyelesaian kemelut itu. Oleh kerana perkara ini bukan sahaja melibatkan taekwando, pun melibatkan masa depan dan penyertaan berkenaan sukan kita sendiri.

Oleh kerana kalau tak silap saya Presiden NOC, *National Olympic Council*, Tengku Imran, kita harap dia boleh menjadi ahli anggota IOC, *International Olympic Council* oleh kerana bekas anggota Malaysia Tan Sri Hamzah kalau tak silap dua tahun dahulu sudah bersara, dan adalah harapan bahawa Tengku Imran boleh dapat kerusi dalam IOC tetapi masalah-masalah semacam ini kalau tidak selesai mungkin boleh menjadi satu halangan.

Oleh kerana ini menjadi satu isu antarabangsa mengenai wajar tak wajar campur tangan kerajaan melalui Pesuruhjaya Sukan dalam hal ehwal sukan, dan bukannya benar sebenarnya bahawa seorang anggota IOC dan WTF *vice* presiden Dr. Nat Indrapana telah buat tawaran untuk *mediation* selesai perkara ini tetapi nampaknya tidak dapat sambutan yang menggalakkan daripada suruhanjaya sukan atau Kementerian atau WMTF. Bukankah perkara ini kalau mahu diselesaikan kita perlulah tengok cara-cara *mediation*, kalau boleh saya rela untuk *offer my good services* untuk *mediation* untuk selesai masalah ini, supaya taekwando dan lain-lain kita boleh jangan buang masa dalam perkara ini tetapi untuk melatih anak-anak kita boleh menjadi jaguh, *champion* di dunia.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, sebelum saya beralih kepada perkara-perkara lain yang dibangkitkan, saya memanglah hendak melafazkan hasrat saya supaya kemelut ini dapat kita selesaikan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, teruskan kepada perkara-perkara lain.

Datuk Ong Tee Keat: Sebab ada perkara-perkara ataupun maklumat yang tertentu buat ketika ini memanglah saya memang keberatan hendak maklumkan Dewan yang mulia ini, bukan kerana apa sebab ianya *subjudice*, itu yang saya khuatirlah. Yang lain tu saya kira, pada pandangan saya sebenarnya sama juga, hasrat saya sama juga dengan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Ipoh Timor dan Yang Berhormat Kuala Terengganu membangkitkan satu isu yang sama iaitu atlet-atlet taekwando *junior* kita, remaja kita yang pergi ke Kazakhstan tetapi tak dapat bertanding dan perkara ini sukalah saya maklumkan Yang Berhormat, ini merupakan satu-satunya kejadian di luar dugaan kita dan ianya amat mendukacitakan. Sesungguhnya rombongan ini ataupun kontinjen ini yang terdiri daripada pelajar-pelajar dari Sekolah Sukan Bukit Jalil. Mereka telah pun siap sedia untuk bertanding dalam Kejohanan Taekwando se Asia yang berlangsung di Kazakhstan. Pada ketika itu, kita memang sedia maklum bahawa terdapat kekangan yang diakibatkan oleh isu NTA tadi.

Itulah sebabnya pihak Kementerian yang melalui MSN telah pun berbincang dengan pihak OCM sebelum sebarang peruntukan diberikan untuk membiayai perbelanjaan kontinjen itu. Itu pun kami dapat jaminan dari pihak OCM iaitu OCM akan dapat menguruskan sebarang kemelut jika ada dengan pihak penganjur. Seterusnya wang peruntukan sebanyak RM65 ribu itu telah pun kita luluskan. Malangnya pihak penganjur telah pun bertindak di luar dugaan kita, dan itu kesudahan Yang Berhormat Ipoh Timor dan Yang Berhormat Kuala Terengganu telah pun membangkitkannya, saya tak akan ulangi sekali lagi. Tapi saya rasa terpanggil untuk memaklumkan, untuk menjawab Yang Berhormat berdua tentang latar belakang perkara ini.

Tuan Lim Kit Siang: Dalam perkara ini, di mana RM65 ribu di *wasted* rombongan pergi, perlu balik tanpa penyertaan dalam *competition* Asia Junior itu, bukan ini sebenarnya satu *direct consequence* tindakan ini, kemelut taekwando WTA ini *direct consequence* dan bukan OCM sahaja yang boleh ada apa-apa kuasa untuk

mempengaruhi keputusan oleh kerana akhirnya ialah sama ada kita akan menerima *National Governing Body* yang diiktiraf oleh WTF ialah MTA. Itu masalah dan sebab itu lebih penting bahawa perkara ini diselesaikan.

Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri rela untuk bincang perkara ini dengan Yang Berhormat Menteri Khasnya oleh kerana pandangan-pandangan yang ada diberi dalam Parlimen ini dan kalau perlu mungkin saya pun rela berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri tengok bagaimana boleh selesai masalah ini.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, saya tetap akan menyusuli perkara ini, bukan sahaja membawa perkara ini kepada perhatian pihak-pihak yang terbabit, tetapi juga akan cuma menanganinya dengan kerjasama pelbagai pihak. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor memanglah tunjuk keprihatinan beliau dan saya ucapkan terima kasih. Tetapi setakat ini, saya rasa pihak yang terbabit, merekalah golongan yang patut proaktif dalam usaha mengatasi kemelut yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu tadi iaitu isu bersabit dengan satu konsert yang membawa tema neraka kepada rumah tangga individu. Suka saya maklumkan Yang Berhormat bahawa pihak kementerian tetap mengambil berat tentang adanya ura-ura untuk menganjurkan konsert sedemikian rupa, sebab ia sememangnya bertentangan dengan budaya kita yang sedia ada, dan juga kita tidak berharap gejala-gejala sosial yang berlarutan selama ini akan meningkat dengan adanya konsert-konsert sedemikian rupa.

Yang Berhormat bagi Kelana Jaya membangkitkan tentang jawatan, perlu atau tidak jawatan Pesuruhjaya Sukan. Suka saya maklumkan Yang Berhormat bahawa sesungguhnya jawatan ini diwujudkan dengan adanya Akta Pembangunan Sukan dan kalaulah kita buat satu bandingan dengan negara-negara yang lain, sebenarnya jawatan Pesuruhjaya Sukan ini bukanlah sesuatu yang tidak pernah dilantik di negara-negara yang lain seperti mana yang didakwa oleh Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Sesungguhnya di sesetengah negara terdapat juga pendaftar sukan, yang diberi kuasa dan tanggungjawab untuk mendaftarkan dan mengawal selia pendaftaran badan-badan sukan. Dalam hubungan ini, suka saya maklumkan Yang Berhormat bahawa tugas dan peranan seseorang Pesuruhjaya Sukan itu sebenarnya adalah untuk membantu pembangunan sukan dan bukan sebaliknya. Apabila Yang Berhormat menyentuh tentang isu MTA tadi itu, saya sudah sebut dan saya berharap ini tidak sekali-kali dianggap sebagai tindak-tanduk untuk menghalang pembangunan sukan. Sebaliknya saya difahamkan bahawa apabila Pesuruhjaya Sukan membuat keputusan untuk membatalkan pendaftaran MTA itu, itu pun dibuat atas pertimbangan pembangunan sukan Taekwondo.

Sebab kalaulah kelab-kelab yang saya sebutkan tadi itu, ia tidak dapat diterapkan, maka ini juga dianggap oleh beliau sebagai satu-satunya yang menghalang pembangunan sukan Taekwondo, sama ada...

Tuan Loh Seng Kok: [Bangun]

Datuk Ong Tee Keat: Nanti dahulu, Yang Berhormat...sama ada pendapat itu wajar atau tidak, itu memang berbeza-beza mengikut kaca mata masing-masing. Ada yang kata wajar, ada yang kata tidak. Saya tidak berhajat hendak memberi komen terhadap perkara ini buat ketika ini.

Yang Berhormat bagi Kelana Jaya juga membangkitkan isu atlet-atlet OKU atau Orang Kurang Upaya. Tetapi sekarang ini terdapat juga satu istilah yang agak baru, yang menggantikan OKU, iaitu orang yang dengan kelainan upaya, kelainan upaya. OKU juga, tetapi kelainan upaya. Suka saya maklumkan Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, sesungguhnya untuk atlet-atlet OKU layanan yang diberi kepada mereka itu sebenarnya tidak berbeza sangat, daripada layanan yang diberi kepada atlet-atlet yang lain, yang bukan OKU. Tetapi, apabila Yang Berhormat membangkitkan tentang beberapa perkara spesifik umpamanya elaun semasa latihan dan juga soal jurulatih, suka saya maklumkan Yang Berhormat bahawa atlet-atlet OKU sama seperti atlet-atlet yang lain juga.

Hanya akan diberi elaun yang dimaksudkan serta kemudahan jurulatih yang dimaksudkan sebelum mereka menyertai dalam mana-mana satu temasya sukan. Umpamanya Sukan Serantau ataupun Sukan Perlepih Asia dan bukannya pada off season dengan izin. Jadi di sini saya berharap Yang Berhormat bagi Kelana Jaya dapat membezakannya. Tetapi saya bersetuju dengan apa yang disebutkan tadi oleh

Yang Berhormat mengenai kemudahan yang sedia ada. Khususnya kemudahan sukan yang sedia ada, banyak di antaranya, bukanlah bersifat mesra OKU ataupun *Disabled-Friendly*, dengan izin. Itu memang kita tetap mempunyai ruang yang besar lagi untuk menambah baik kemudahan-kemudahan sukan kita khususnya dalam dimensi ini.

Tuan Loh Seng Kok: Tuan Pengerusi, terima kasih atas penjelasan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau dikatakan tidak ada perbezaan yang besar di antara ahli-ahli sukan OKU dan bukan OKU itu, saya ada sedikit pandangan yang berlainan kerana kita difahamkan bahawa di bawah program Gemilang, di mana pasukan simpanan apa yang disebutkan mereka dibayar elaun bulanan di mana ahli sukan biasa di bayar elaun untuk latihan RM500, elaun perumahan RM750, *outstation allowance*/elaun pengangkutan RM100 dan elaun makan RM200, elaun pemakanan (*food supplements*) RM150. di mana semua ini tidak dibayar kepada ahli-ahli sukan OKU.

Maka, jauh perbezaannya dan sememangnya ahli-ahli sukan OKU ini mereka juga menyertai pertandingan-pertandingan antarabangsa yang telah ditetapkan dan beri pengiktirafan oleh Majlis Paralympic Dunia. Maka saya rasa perkara ini patut dilihat lebih lanjut, sebab dari segi adanya latihan jurulatih, katakan. Sebenarnya OKU katakan bahawa mereka tidak ada jurulatih untuk melatih mereka berbanding dengan ahli-ahli sukan yang biasa dan tambahan lagi insentif-insentif yang diberikan kepada pemenang-pemenang pingat emas, pingat perak dan pingat gangsa.

Saya ada satu lampiran kadar program bina latihan dan program sokongan di mana ada sebut banyak kadar-kadar yang disenaraikan, elaun-elaun yang diberikan kepada ahli-ahli sukan, tetapi tidak diberikan kepada ahli-ahli sukan cacat anggota. Maka bezanya, inilah yang dikatakan menafikan hak pencapaian ahli-ahli sukan cacat anggota.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat cukuplah

Tuan Loh Seng Kok: Minta penjelasan.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas keprihatinan beliau tetapi di sini nampaknya apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu lebih merupakan kes-kes yang terkilan di mana atlet-atlet OKU itu tidak dapat apa yang sepatutnya mereka diberi dan bukannya terdapat perbezaan dalam kadar saraan hidup ataupun elaun dan sebagainya. Itu ada perbezaan yang agak ketara Yang Berhormat.

Jadi di sini suka saya menyarankan agar Yang Berhormat dapat memberikan pada saya kes-kes yang spesifik kalaulah terdapat kes-kes di mana mereka tidak menerima elaun-elaun yang telah pun dijanjikan mengikut peraturan seperti mana yang saya sebutkan.

Eloklah bawa kes-kes itu kepada saya sebab biasanya sebarang peruntukan dari kementerian saya itu disalurkan kepada mereka melalui Majlis Paralympic Malaysia. Jadi di sini saya pun kurang pasti apa yang disarankan tadi oleh Yang Berhormat sama ada ini merupakan perbezaan kadarkah ataupun mereka ini langsung tidak dapat apa yang dihasratkan.

Tuan Loh Seng Kok: Satu lagi Tuan Pengerusi terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, berdasarkan kepada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri menandakan bahawa memang ada peruntukan yang disalurkan melalui Majlis Paralympic Malaysia.

Akan tetapi mereka ahli-ahli sukan tidak terima, mungkin berlakunya sedikit penyelewengan, tidak tahulah pasti atau tidak tetapi saya mintak pihak kementerian pun juga semak bagaimanakah Majlis Paralympic Malaysia mengemukakan permohonan untuk mendapatkan peruntukan dan peruntukan apakah mereka ada menyertai senarai nama ahli-ahli sukan cacat anggota itu untuk mendapatkan elaun tersebut dan saya akan bawakan kes ini juga kepada pihak kementerian supaya dapat disiasatkan lebih lanjut agar semua anggota sukan itu diberi layanan yang sama. Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Terima kasih Tuan Pengerusi. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, sejak kementerian ini mengambil alih sukan untuk OKU ataupun Paralympic pada tahun 2002 setakat ini, jumlah peruntukan yang

diberikan melalui Majlis Paralimpik Malaysia baik yang berupa insentif mahupun untuk membiayai perbelanjaan kontinjen kita ke mana-mana temasya sukan paralimpik berjumlah RM22,545,000,00 ini saya kena jelaskan dan di antaranya termasuk juga insentif yang diberikan kepada atlet-atlet OKU yang berjaya meraih pingat dalam mana-mana temasya sukan yang berprestij itu pun menjangkau RM2.5 juta. Untuk menjawab Yang Berhormat, insentif untuk atlet-atlet OKU itu sebenarnya setakat ini kadarnya adalah sama seperti insentif yang diberikan kepada atlet-atlet yang lain.

Tidak ada perbezaan kadar dan kalaulah terdapat kes-kes yang kurang konsisten cubalah Yang Berhormat bangkitkan kepada saya ataupun kementerian saya, saya sanggup memberi bantuan yang sewajarnya.

Puan Chong Eng: [Bangun]

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri juga memberitahu Dewan ini adakah apa-apa elaun bagi atlet OKU ini semasa latihan dan bukan semasa pertandingan. Kerana saya rasa mereka golongan ini perlulah lebih banyak bantuan apabila mereka membuat persediaan untuk pertandingan mereka perlu latihan dan latihan ini mungkin tidak dijalankan di pusat dan di daerah masing-masing. Pada makluman saya mereka tidak diberi apa-apa elaun untuk jangka masa latihan ini, adakah kementerian boleh memberi bantuan seperti ini?

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, sesungguhnya elaun saraan hidup itu diberi kepada mereka semasa menjalankan *centralize training*, dengan izin. Tetapi apa yang Yang Berhormat sarankan itu saya faham iaitu pada *off season*, dengan izin, bila mereka dikehendaki menjalankan latihan peribadi dan bukannya secara berkelompok.

Sama ada elaun itu dapat atau tidak tetapi sukalah saya Yang Berhormat sebenarnya kita memang berharap semua ini dapat kita bantu tetapi memandangkan kekangan perbelanjaan yang sedia ada. Maka setakat ini apa yang boleh kita berikan itu sekadar elaun yang diberikan semasa *centralize training* dan bukannya *pada off season* dengan izin.

Puan Chong Eng: [Bangun]

Datuk Ong Tee Keat: Cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Saya rasa walaupun diberikan insentif apabila mereka berjaya sahaja tetapi kalau mereka tidak diberi galakan macam mana ada atlet OKU yang berjaya? Saya rasa adalah penting diberi untuk mereka yang *berpotential*. Mereka hanya menjalankan latihan berpusat apabila adakan pertandingan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, itu satu cadangan boleh dikemukakanlah.

Puan Chong Eng: ...kebangsaan tetapi ada juga pertandingan di peringkat negeri dan lain-lain, jadi saya rasa berilah bantuan yang sedikit lebih untuk golongan ini, bolehkah kementerian mempertimbangkan?

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi sebenarnya kita memang suka hendak mengambil kira semua yang dibangkitkan khususnya yang dapat membawa manfaat kepada pembangunan sukan negara kita. Bukan saya tidak setuju, sebenarnya saya setuju tetapi apa yang saya sarankan di sini adalah kekangan yang dihadapi sekarang. Kalaulah saya sekadar hendak buat janji sahaja, tabur janji tanpa mengambil kira status ataupun keadaan yang sebenarnya maka itu bukan jujur namanya. Jadi saya suka jelaskan perkara ini setakat ini sahaja.

Tuan Pengerusi, selanjutnya saya ingin juga menyentuh tentang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bera. Yang Berhormat menyentuh tentang kemudahan IKBN yang kononnya kurang mesra OKU. Sebenarnya setakat ini seperti mana yang saya sebutkan tadi masih lagi terdapat ruang yang besar, banyak lagi kemudahan-kemudahan baik di IKBN mahupun di stadium-stadium kita ataupun dalam kehidupan kita saban hari yang belum lagi dapat menerapkan unsur-unsur mesra OKU.

Kami akan mengambil berat tentang apa yang disarankan supaya nanti bukan sahaja atlet-atlet kita ataupun pelajar-pelajar IKBN kita dapat mengecapi khususnya mereka yang terdiri daripada golongan OKU dapat mengecapi kemudahan mesra OKU tetapi juga saya kira ianya akan juga dapat sedikit sebanyak membantu kita sebagai tuan rumah bagi *Tespac* tahun depan, *Tespac* ini sukan untuk OKU yang kita akan menjadi tuan rumah tahun depan. Yang Berhormat juga menyentuh tentang Akademi Sukan ataupun sekolah sukan. Sebenarnya sekolah sukan Yang Berhormat membangkitkan tentang keberkesannya dalam pembangunan sukan.

Suka saya maklumkan Yang Berhormat bahawa sesungguhnya sukan sekolah ini adalah di bawah bidang kuasa dan bidang tugas Kementerian Pelajaran dan bukannya di bawah Kementerian Belia dan Sukan.

Walaupun demikian selama ini pihak sekolah sukan di Bandar Penawar dan Bukit Jalil tetap memberikan pihak kementerian kerjasama yang diharap-harapkan dalam usaha membangunkan sukan negara. Dan itulah sebabnya bila saya sebut tadi bola sepak, acara bola sepak itu sebagai saya ambil sebagai salah satu contoh. Itu pun satu-satunya bidang yang kita mendapat kerjasama dari pelbagai pihak termasuk juga Kementerian Pelajaran untuk mencungkil bakat dan juga seterusnya memberi asuhan dan bimbingan yang sewajarnya kepada tunas-tunas baru kita. Yang Berhormat bagi Kuala Kedah...

Tuan Loh Seng Kok: *[Bangun]*

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: *[Bangun]*

Tuan Loh Seng Kok: Yang Berhormat...

Datuk Ong Tee Keat: Ya? Yang Berhormat bagi Kelana Jaya.

Tuan Loh Seng Kok: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebenarnya dalam perbincangan saya juga menyentuh tentang pendidikan untuk ahli sukan cacat anggota. Memandangkan Sekolah Sukan Bukit Jalil ditubuhkan, apakah Kementerian Belia dan Sukan juga boleh mencadangkan kepada pihak Kementerian Pelajaran supaya ditubuhkan satu sekolah sukan untuk mereka yang cacat anggota kerana mereka mempunyai potensi. Kalau tidak dapat ditubuhkan sebuah sekolah sukan untuk ahli sukan cacat anggota, adakan satu kelas khas di Sekolah Sukan Bukit Jalil dengan adanya cadangan daripada pihak Kementerian Belia dan Sukan. Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, seperti mana yang saya sarankan tadi setakat ini belum ada lagi. Belum ada lagi perancangan yang menjurus ke arah ini tetapi saya menyambut baik apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat sebab kalaulah kita hendak membangunkan sukan negara, ianya termasuk juga sukan paralimpik. Menjelang tahun 2006 bila kita menjadi tuan rumah pada Sukan Pasifik, saya kira apa yang Yang Berhormat bangkitkan itu adalah relevan. Saya beralih kepada Yang Berhormat bagi Kuala Kedah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bera.

Datuk Ong Tee Keat: Ya.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat, tadi saya cadangkan oleh kerana sekarang ini semua pembinaan padang bola di kampung-kampung diserahkan kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan seperti kita tahu, tumpuan KKLW ini lebih kepada pembangunan fizikal yang lain, jadi kadang-kadang soal padang dan sebagainya dikemudiankan. Jadi saya cadangkan tadi supaya pihak kementerian mengambil alih tugas yang diberi ini. Soal tanah dan sebagainya serahkan kepada kita bagi pihak wakil-wakil rakyat untuk mendapatkan tanah daripada pejabat-pejabat tanah dan pihak kementerian berikan peruntukan untuk dibina padang-padang bola ini. Sebab waktu sekarang apabila kita tulis surat kepada pihak kementerian, pihak kementerian kata itu bukan tanggungjawab kementerian, itu adalah tanggungjawab KKLW. Sedangkan semua pihak berpendapat padang bola melibatkan sukan oleh kerana padang bola dikaitkan dengan sukan, tentu sahajalah tanggungjawab di bawah ini Kementerian Belia dan Sukan. Jadi itu cadangan saya tadi.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Dan satu lagi yang saya bangkitkan ialah dari segi KSK tadi, Kompleks Sukan Komuniti. Siapa yang akan menguruskan apabila projek itu disiapkan? Dari segi *maintenance* jangka panjangnya, dari segi penyewaannya, siapa yang akan menentukan dari segi harga sewa, berapa harga sewa, *maintenancenya*, adakah majlis akan buat. Sebab kalau kita lihat banyak dewan majlis sekarang ini pun yang tidak disewa akhirnya rosak begitu sahaja. Saya boleh beri contoh beberapa contoh tetapi tidak apalah. Kuala Krau, misalnya. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri panjang lagi ke?

Datuk Ong Tee Keat: Ada separuh lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Segerakan Yang Berhormat.

Datuk Ong Tee Keat: Ya, Tuan Pengerusi. Sebenarnya tadi saya ada jawab, mungkin Yang Berhormat terlepas pandang...

Ir. Dr. Wee Ka Siong: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

Datuk Ong Tee Keat: Jadi ya, nanti dahulu.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat kata PBT tadi.

Datuk Ong Tee Keat: Tidak, tidak yang saya maksudkan, nanti dahulu Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Yang saya maksudkan itu sebenarnya sekarang ini terdapat ura-ura untuk mengkaji semula kemungkinan untuk mengurus dan juga mengawal selia semua kemudahan sukan, baik di bawah jagaan PBT mahupun di bawah jagaan JBS, Jabatan Belia dan Sukan Negeri. Dan itu pun merupakan satu-satunya titik tolak di mana kita mengambil kira apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat dalam Dewan. Dalam hubungan ini apa yang Yang Berhormat sarankan tadi itu, itu merupakan satu dimensi tambahan serta dimensi yang baru sebab ianya bukan di bawah jagaan PBT tetapi sebaliknya di bawah jagaan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah.

Jadi saya akan cuba menyusuli perkara ini supaya kita akan dapat mengurus dan mengawal selia semua *amenities*, dengan izin, ataupun semua kemudahan sukan khususnya di peringkat akar umbi ini supaya ianya dapat diguna pakai dengan sepenuhnya dan bukannya terbengkalai ataupun dalam keadaan yang daif dan uzur.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Yang Berhormat bagi Kuala Kedah yang menyentuh tentang perbelanjaan sebanyak RM1.5 juta untuk SUKMA tahun hadapan. Sesungguhnya wang sebanyak RM1.5 juta itu bukanlah untuk pembangunan prasarana menjelang SUKMA tahun hadapan yang akan berlangsung di negeri Kedah, tetapi ianya sekadar untuk membiayai kos urus setia dan juga penganjuran sahaja dan bukannya untuk menampung perbelanjaan pembangunan prasarana. Jadi di sini saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa bila kita menyentuh atau kita membahaskan perbelanjaan mengurus, ianya tidak berkaitan dengan pembangunan fizikal, itulah bezanya.

Yang Berhormat juga menyentuh tentang promosi SUKMA, walaupun SUKMA ini berkaitan dengan sukan tetapi setiap kali bila SUKMA berlangsung di mana-mana negeri, baik di Semenanjung Malaysia mahupun di negeri Sabah ataupun Sarawak, pihak kerajaan negeri tetap memainkan peranan yang utama dalam usaha mempromosikan sukan yang berkenaan. Itu yang saya hendak tegaskan di sini. Yang Berhormat juga menanya tentang...

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kepong bangun, Yang Berhormat.

Datuk Ong Tee Keat: Nanti Yang Berhormat, biar saya habis ini dahulu ya. Yang Berhormat juga menyentuh tentang hasil SUKMA. Untuk makluman Yang Berhormat, selama ini SUKMA tetap merupakan satu-satunya wadah untuk mencungkil

bakat-bakat dari kalangan belia remaja kita dalam pelbagai acara sukan dan saya yakin penuh bahawa SUKMA akan terus memainkan peranan yang sama untuk masa akan datang. Yang Berhormat bagi Puchong membawa kes yang membabitkan...

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Datuk Ong Tee Keat: Nanti Yang Berhormat, membawa kes yang membabitkan seorang pemain golf wanita. Suka saya maklumkan Yang Berhormat, walaupun apa yang dibawa tadi merupakan satu-satunya yang kita rasa sedih sebab beliau sebagai seorang *golfer* yang berprestij tidak dapat tajaan dari pihak MSN tetapi itu pun sedia maklumlah, Yang Berhormat, itu bukan dalam bidang kuasa kementerian. Walaupun demikian, walaupun demikian...

Tuan Lau Yeng Peng: *[Bangun]*

Datuk Ong Tee Keat: Nanti dahulu, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan, penjelasan.

Datuk Ong Tee Keat: Walaupun demikian, untuk makluman Yang Berhormat, *golfer* ataupun atlet golf wanita ini sebelum beliau menjadi *professional golfer*, beliau tetap mendapat bantuan daripada pihak MSN, Majlis Sukan Negara, tetapi sedia maklumlah semasa seseorang atlet itu menjadi atlet profesional, maka ianya tidak lagi di bawah bidang kuasa dan tugas MSN.

Tuan Lau Yeng Peng: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Datuk Ong Tee Keat: Nanti. Walaupun demikian, saya tetap mengharapkan Yang Berhormat dapat membawa kes itu kepada saya. Mudah-mudahan kita dapat membantunya sama ada amatir atau tidak, sebab kalaulah seseorang atlet itu dapat menunjukkan keahliannya, maka kita rasa terpenggil untuk memberikan beliau bantuan setakat mana yang mampu. Ya, Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Puchong, ya? Puchong dulu, Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng: Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya dulu hendak...

Tuan Lau Yeng Peng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kepong, Yang Berhormat bagi Kepong. Menteri bagi Kepong.

Tuan Lau Yeng Peng: Ehh, sudah, sudah.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana pula?

Datuk Ong Tee Keat: Yang Berhormat bagi Puchong, Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Puchong, Yang Berhormat bagi Puchong. Yang Berhormat bagi Kepong duduk.

Tuan Lau Yeng Peng: Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa yang saya bangkitkan isu ini kerana saya rasa beliau telah mengharum nama baik negara. Tetapi saya tidak sempat menjelaskan. Untuk memasuki WJA, kita terpaksa melalui *qualifying school* yang ketat. Bukan semua, saya ingat dia seorang *first Malaysian* yang dapat masuk WJA. Di mana kalau sesuatu pertandingan, terdapat ratusan juta orang menonton program ini. Hari itu, saya bagi sedikit perasaan saya. Bila saya nampak tentera Malaysia di skrin TV itu, saya rasa bangga. Tetapi malangnya ia mengalami masalah kewangan.

Saya berharap kementerian memberikan sedikit pertolongan dan juga panduan kepada beliau supaya dia naikan satu tahap yang lebih tinggi lagi supaya nama baik negara ini dapat diperluaskan ataupun *directly* di *world wide*. Itu cadangan saya. *In detail*, saya boleh bagi Yang Berhormat dan juga bagaimana cara kita dapat membantu beliau supaya mengharungi satu proses untuk mempertingkatkan lagi, bukan mutu golf sahaja di Malaysia tetapi untuk mengharumkan nama baik negara kita. Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, saya menghargai apa yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Puchong dan walaupun kes ini tidak semestinya dalam bidang kuasa pihak kementerian, tetapi saya rasa biasanya kalau sebagai individu, apalah salahnya kalau kita dapat bantu untuk mendapatkan tajaan, khususnya untuk mengharumkan nama negara kita.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sekarang boleh saya tanya Yang Berhormat?

Datuk Ong Tee Keat: Ya, Kepong.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Senyum]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan. Sebenarnya saya hendak sebutkan mengenai SUKMA. Yang Berhormat, saya hendak tanya tiap-tiap kali kita ada SUKMA, sama ada di Perlis ataupun di Melaka ataupun di Kuala Lumpur, berapa jumlah perbelanjaan untuk SUKMA? Perkara ini penting. Walaupun di Perlis, ia memanglah di papan pingat (*score board*) itu dia terbawah sekalilah, Perlis.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Terbawah sekali tentu dah. Walau bagaimanapun, apakah perbelanjaan setiap kali kita ada SUKMA? Kita mesti menyoal hal ini kerana sampai sekarang Sukan Komanwel, saya tidak ada laporan langsung berapa tahun dan kita tidak mahu hal ini berlaku dengan SUKMA juga, berpuluh juta ringgit di dalam SUKOM. Sekarang kita tidak tahu macam mana untung, rugi. Entahlah berapa tahun. Kalau itulah kita mengendalikan Komanwel, saya berharap amalan seumpama ini tidak diulangi dengan SUKMA dan sukan-sukan yang lain. Saya tidak nampaklah macam mana kita boleh capai prestasi yang baik kalau pengurusan tidak baik. Saya hendak tahulah bila kita ada satu laporan di sini untuk Sukan Komanwel. Sekian, terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, lain yang saya jawab, lain pula yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. *[Ketawa]* Walaupun Yang Berhormat memang faham tentang *complication* dengan izin, yang terbabit dalam SUKOM yang dimaksudkan. Itu pun membabitkan pihak yang ketiga, syarikat swasta yang berkenaan. Tetapi Yang Berhormat, dia sengaja hendak menghubungkaitkan dengan SUKMA ini. Sebenarnya tidak ada hubung kaitnya dan suka saya berbalik kepada jawapan saya tadi. Yang Berhormat, jikalau Yang Berhormat yang hendak bangkit perkara itu secara berasingan, saya memang layanlah tetapi sekarang ini kita tumpukan kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Puchong.

Yang Berhormat bagi Puchong juga bertanya tentang status perjalanan projek kompleks Rakan Muda daerah Petaling di Puchong, di kawasan beliau. Untuk makluman Yang Berhormat, sesungguhnya setakat ini hampir 98% projek itu telah pun disiapkan, melainkan masih terdapat kerja-kerja dalaman yang tertentu yang perlu diperkemaskan. Jadi saya berharap tidak lama lagi kalau boleh menjelang Januari tahun depan, ianya dapat diguna pakai dengan sepenuhnya. Itu pun saya pernah turun padang untuk menjenguk keadaannya. Saya berharap ianya dapat membawa manfaat kepada masyarakat setempat.

Yang Berhormat juga membangkitkan tentang Program Rakan Muda. Sebenarnya Program Rakan Muda pernah saya jawab di Dewan yang mulia ini bahawa Program-program Rakan Muda ini sekarang ini tidak semestinya bulat-bulat dikelolakan oleh pihak berkuasa ataupun kementerian saya melalui Jabatan Belia dan Sukan. Sedemikian juga pihak NGO misalnya, persatuan-persatuan belia ataupun persatuan-persatuan yang merupakan persatuan penduduk dan masyarakat setempat boleh juga mengusahakan Program-program Rakan Muda dengan sokongan pihak Jabatan Belia dan Sukan. Tetapi dalam hubungan ini, sukalah saya menyeru kepada rakan-rakan saya se Dewan supaya wakil-wakil rakyat kita, khususnya Ahli-ahli Parlimen, dapat mempelopori usaha-usaha untuk memperbanyakkan lagi program-program Rakan Muda khasnya untuk masyarakat setempat. Itu pun saya kira dengan adanya pegawai penggerak Rakan Muda nanti, ianya akan dapat berhasil.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [Bangun]

Datuk Ong Tee Keat: Ya, Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bercakap fasal Rakan Muda. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa Rakan Muda tidak mencapai sasaran dia, Program Rakan Muda itu kerana kita dapat lihat banyak masalah dadah, banyak masalah lumba haram dan sebagainya. Saya dapati bahawa kebanyakan belia ini yang menjadi huru-hara ini kerana mereka tidak ada satu hala tujuan, satu hala kepimpinan. Macam kita cakap, macam belia di kampung, dia tidak ada tempat untuk dia berekreasi, untuk dia bersukan. Belia di bandar duduk dalam keadaan begitu juga. Ini kerana, mungkin kita lebih menjejaskan pembangunan, kita melupakan kerja-kerja kita ini.

Jadi, saya kira Rakan Muda ini harus menambah ataupun mengubah sedikit persepsi dan juga hala tuju dia supaya bagaimana kita hendak mengatasi masalah anak-anak muda yang ada masa dan tenaga tetapi tiada tempat untuk mereka menggunakan tenaga dan fikiran mereka. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya supaya Rakan Muda ini di *revamp* semula untuk mencapai matlamat penubuhannya.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, sesungguhnya apa yang diamati oleh Yang Berhormat bagi Jerai itu, saya setuju separuh sebab memang sukar kita hendak menentukan keberkesanan sesuatu program. Kalaulah kita cuma meninjau dari segi berlakunya ataupun semakin bertambahnya kes-kes penyalahgunaan dadah dan sebagainya, saya kira itu bukanlah satu penyukatan yang menyeluruh. Walaupun demikian, saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa kita perlu memperbaharui pendekatan kita dari semasa ke semasa.

Saya kurang pasti sama ada Yang Berhormat rasa atau tidak dalam beberapa tahun kebelakangan ini terdapat juga satu perubahan yang agak ketara dalam pengelolaan program-program Rakan Muda, khususnya sejak tahun 2000. Sebab dengan adanya program-program atau pun acara-acara sukan yang baru umpamanya sukan lasak, X-games dan beberapa dimensi yang baru umpamanya program pemupukan semangat, volunteers atau sukarelawan, itupun merupakan salah satu dimensi perubahan yang saya maksudkan.

Di samping itu anugerah remaja perdana itu tetap merupakan satu-satunya anugerah yang dapat menarik minat belia remaja kita, khususnya mereka yang begitu aktif dan giat dalam bidang aktiviti Rakan Muda sebab setiap aktiviti yang mereka berkecimpung itu membawa markah yang tertentu dan ini akan membolehkan mereka merebut anugerah yang dimaksudkan.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [Bangun]

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi saya telah bahas bahawa yang penting sekali ialah kita mesti tahu apakah minat dan juga keperluan mereka. Mereka yang saya maksudkan ialah belia-belia yang ada *target* atau sasaran kita. Saya nampak apabila program ataupun perancangan Rakan Muda dilancarkan oleh Yang Berhormat bekas Menteri Belia dan Sukan, saya tahu mungkin macam satu ombak datang daripada pelbagai sudut sehingga menjadi satu perbualan yang aktif di kalangan belia-belia tetapi sekarang ini saya tidak nampak apa-apa pun. Lagi pun saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Jerai, kita mesti *revamp* satu program jangan kita buat satu program tadi saya cakap, jangan *top down*, kita mesti dari *bottom up*. Iaitu kita mesti tahu apakah minat mereka, hobi mereka dan kita *tackle* dari *angle* ini supaya program dapat jaya di masa akan datang. Tidak guna kalau kita hanya melancarkan satu program ini untuk satu komuniti di sini dan di sana tetapi keberkesananannya tidak dapat dicapai ataupun matlamat tidak tercapai, apakah komen daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Tuan Nasaruddin bin Hashim: [Bangun]

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]: Nanti dahulu Yang Berhormat bagi Parit, ya saya setuju sebenarnya pendekatan *top down* ini itu sudah berlalu dan sekarang ini kalau kita masih lagi berpegang teguh kepada pendekatan *top down* dengan izin, saya kira ini akan menghakis daya tarikannya

kepada kumpulan sasaran kita. Saya setuju tetapi apa yang lebih penting itu adalah inisiatif ataupun daya usaha dari kalangan aktivis kita di peringkat akar umbi dan bukannya kita setiap kali kita cuma mengharapkan penyaluran, peruntukan barulah kita bergerak.

Yang penting sekali kita kena mengenal pasti mana letaknya kumpulan sasaran kita dan juga apa strategi kita yang ada untuk menarik penyertaan mereka. Itu pun saya pernah dijemput berulang kali dan kerap kali untuk menjadi perasmi bagi program-program sedemikian rupa dan saya faham bahawa sememangnya terdapat banyak lagi NGO yang betul-betul berjiwa berdikari seperti ini. Saya amat setuju dengan Yang Berhormat. Saya berharap ini akan dapat diperluaskan perangkumannya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat boleh...

Datuk Ong Tee Keat: Ini patut dibudayakan...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat sedikit lagi Yang Berhormat!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat saya minta Timbalan Menteri menjawab yang ditimbulkan kalau menjadi dialog ini lambat nanti, tidak boleh siap.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi, ini adalah masalah negara Tuan Pengerusi, kalau kita tidak bercakap di Dewan Rakyat di mana lagi saya hendak cakap. Saya minta kita tahu, kedudukan belia hari ini dan negara masa hadapan adalah belia pada hari ini dan kita dapati masalah belia kita ini dia bercampur gaul dengan keadaan-keadaan yang cukup sukar hari ini.

Yang pelajar universiti cara hidup mereka belia-belia ini, yang di kampung cara mereka yang tidak berkelulusan tinggi yang berada di kampung. Yang di perjalanan yang tidak ada hala tujuan begitu juga, ini adalah tanggungjawab Kementerian Belia dan Sukan tetapi kalau kita lihat struktur Kementerian Belia, pegawai-pegawai belia di peringkat bawahan tidak mampu untuk menganjur program, tidak mampu untuk menjalankan tugas kerana tidak cukup pegawai dan juga kaki tangan.

Okey, kalau kita bercakap tadi Yang Berhormat Menteri kata dan Timbalan Menteri kata, duit, duit, duit. Kita sanggup berbelanja beratus juta untuk mengubat orang yang terlibat dalam dadah. Kenapakah duit itu kita tidak boleh ambil menghalang mereka ini daripada mengambil dadah dengan mengadakan program-program yang mereka terlibat dan seronok. Mereka tidak boleh dan tidak terfikir ke arah itu, jadi masalah ini, ketidakan ini jadi kita sanggup belanja beratus juta buat pusat serenti, apa sebab kita tidak boleh buat litar motor kah?

Program-program yang boleh..kalau mereka kaki motor, buat litar motor, pergi berlawan dalam itu, tidak apa. Ini apabila masuk hospital, kos kerajaan tanggung ubat, patah kaki, patah tengkuk, kalau mati itu tidak apa, ini yang hidup kita hendak kena bela oleh kerajaan. Saya hendak minta daripada kementerian dan kementerian tidak boleh kerana ini adalah tanggungan, nasib negara kita letak di kementerian belia bersama dengan Wakil Rakyat dan juga NGO-NGO...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya baru pergi rasmi Mesyuarat Agong MBM negeri Kedah yang dibuat di kawasan saya, yang datang itu adalah belia-belia yang tidak seberapa...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tanyalah, ini Yang Berhormat berucap.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya tengah tanyalah ini, tanya dan berucap itu lebih kurangnya. [Ketawa]

Beberapa ahli: [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak, panjang sangat Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri benda yang berlaku. Jadi fokus kita buka

sedikit dan Timbalan Menteri jawablah pada saya, adakah peruntukan yang hendak lebih atau Jabatan Perkhidmatan Awam hendak tambah pegawai. Kita bukan marah kementerian tetapi kita hendak beritahu bahawa tidak cukup jadi Jabatan Perkhidmatan Awam tambah kaki tangan. Tidak cukup, tambah duit, tidak cukup, pergi cari duit dan beri pada mereka untuk hendak jaga masa hadapan negara kita dan saya hendak hidup berapa lama? Arau pun berapa tahun dengan badan besar ini kan? Kita pun tidak tahu tetapi anak cucu kita, kita hendak pergi jaga. Terima kasihlah Timbalan Menteri.

Datuk Ong Tee Keat: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya memang tidak bangkang kalau terdapat ura-ura sedemikian rupa untuk mendapatkan lebih banyak lagi peruntukan untuk Kementerian Belia dan Sukan, demi kepentingan belia dan sukan tetapi di sini kena juga saya menyentuh satu, dua fenomena yang saya kira agak berleluasa di kalangan kaum belia kita iaitu yang pertamanya kurangnya sikap berdikari, khususnya aktivis kita yang masih ada lagi yang ramai mengharap-harapkan peruntukan ataupun bulat-bulat mereka ini bergantung kepada peruntukan. Kalau tidak ada peruntukan, peruntukan tidak sampai dan tidak tiba maka program itu tidak jalan, ini yang pertama.

Yang keduanya saya kira kita ini mungkin lebih mementingkan pada *ceremony*, khususnya *ceremony* yang terbabit dalam majlis perasmian. Kadangkala majlis perasmian itu memakan belanja yang sekian banyak sedangkan isi kandungannya tidak ke mana. Ini yang saya hendak tegaskan di sini.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sabak Bernam Yang Berhormat.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Yang Berhormat ...

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Sedikit, sedikit sahaja Tuan Pengerusi. Ya, dengan maaf terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya hendak minta supaya Timbalan Menteri *qualified* bila Timbalan Menteri membuat kenyataan bahawa masalah kita ialah masalah belia dan pimpinan belia. Saya harap pihak Timbalan Menteri dapat menghalusi dahulu pegawai dan kakitangan belia. Pada dasarnya saya bersetuju dengan jerai, ada kawasan yang kekurangan pegawai dan kaki tangan tetapi ada kawasan umpamanya negeri Selangor, kita rasa kita mempunyai pegawai dan kaki tangan yang mencukupi. Tetapi saya rasa di sini, latihan dan kemahiran bagi mereka dan untuk mereka menjadi seorang yang proaktif itu harus diberikan perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, sebenarnya apa yang saya jawab tadi itu sebenarnya saya ingat Yang Berhormat hendak mempertikaikannya, sebenarnya apa Yang Berhormat bangkitkan itu adalah perkara yang saya rasa cukup bernas tetapi biar saya menjawab kemudian apabila saya menjawab ke butiran yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Saya beralih kepada..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat, boleh saya sentuh sedikit yang fasal Yang Berhormat kata tadi, belanja lebih banyak dan besar daripada majlis perasmian.

Datuk Ong Tee Keat: Itu pengamatan saya Yang Berhormat!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yalah, saya setuju Yang Berhormat tetapi kadang-kadang tidak akanlah kalau tetamu datang, Menteri kah, Timbalan Menteri kah kami hendak bawa minum di gerai. Boleh, kami setuju kalau boleh sanggup Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen tetamu kita bawa minum di gerai, biar bercampur dengan orang ramai. Di situ pula mereka boleh bertanya pula apa masalah-masalah yang mereka hadapi takut nanti tetamu kita tidak tahan. Maklumlah kalau ramai sangat, kalau itu yang dipersetujui kita tidak ada masalah, memang itu yang kita hendak mengurangkan perbelanjaan yang dikatakan membazir, tidak perlu beri cenderahati kalau buat majlis perasmian.

Tetapi kadang-kadang, kita dah jadi budaya kita. Ini budaya kita, seni kita kalau itu kehendak Kementerian Belia dan Sukan ok kita boleh buat supaya bila majlis

akan datang jangan ada jamuan apa-apa, rasmi, kalau nak bawa minum kita bawalah menteri baik timbalan menteri baik, setiausaha Parlimen baik, kita pergi berjalan tidakkah itu menjadi budaya kita?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat tak payahlah, Yang Berhormat tak payahlah hurai panjang sangat. Cukuplah, fahamlah itu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya minta Yang Berhormat Menteri tolong huraikan balik.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Isunya senang sahaja...

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi. Sebenarnya kalau saya menyentuh tentang soal perbelanjaan untuk *ceremony* itu takkanlah kita kena menghabiskan perbelanjaan yang besar semata-mata untuk mendapat *venue* yang berprestij misalnya di *five star* hotel ataupun *six star* hotel kalau ada. Itu pun saya kira bukan budaya kita. Kalaulah Yang Berhormat kata tadi kalaulah terpaksa melayan menteri ataupun timbalan menteri di warung kopi dan sebagainya saya rasa tak salah. Apa salahnya kalau menteri ataupun timbalan menteri berjiwa rakyat ataupun bersemuka dengan rakyat di warung-warung kopi itu memang sebahagian daripada budaya politik kita. Sepatutnya sedemikian rupa dan bukannya kita buat secara yang saya kiralah kurang berhemah.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Yang Berhormat Bentong. Yang Berhormat Bentong membangkitkan tentang pengambilan pelajar yang agak berkurangan di IKBN-IKBN yang tertentu. Suka saya memaklumkan Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kalau kita buat satu bandingan dari segi perangkaan, perangkaan pengambilan pelajar bagi program latihan kemahiran bagi tahun 2005 dan tahun depan. Suka saya maklumkan Yang Berhormat, selain daripada pelajar-pelajar yang mengikuti kursus sepenuh masa di IKBN yang setakat ini terdapat 14 buah IKBN yang tengah beroperasi dan satu lagi IKTBN ataupun Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara di Sepang.

Kesemuanya terdapat 4,789 orang pelajar yang baru, pelajar baru yang diambil dalam tahun 2005, sedangkan bilangan pelajar-pelajar ataupun peserta-peserta yang mengikuti kursus separuh masa, kursus jangka pendek, Kursus Jitra IKBN, kursus Bahasa Inggeris dan juga pelajar-pelajar yang mengikuti program kerjasama dengan sektor industri dan sebagainya perantisan dan sebagainya kalaulah semua ini diambil kira maka, maka bilangan peserta ataupun pelajar yang terbabit itu mencecah 18,372 orang tahun 2005 ini sedangkan tahun depan dijangka bilangan ini akan meningkat menjadi 29,531 orang. Jadi di sini terdapat satu kadar peningkatan yang agak ketara dan kalaulah terdapat kes-kes yang dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat bagi Bentong, misalnya di IKBN yang tertentu kononnya terdapat bilangan pelajar yang kecil umpamanya di IKBN Kuala Perlis dan sebagainya, komen saya ialah kita boleh berikhtiar untuk memperbanyakkan lagi program-program separuh masa dan sebagainya untuk supaya kita dapat membawa manfaat kepada ramai lagi beliawan dan beliawanis kita dalam bidang kemahiran.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengucapkan tahniahlah jumlah pelajar yang mengikuti kursus di IKBN. Soalan saya ialah mengenai kursus yang telah ditawarkan di IKBN. Saya nampak kadang-kadang ini ada satu pertindihan di antara IKBN dengan ILP di mana di Kementerian Sumber Manusia dan juga kursus-kursus yang ditawarkan itu bagi saya, saya tak tahu saya nak sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa adakah ini kursus yang telah yang diminati ataupun yang diperlukan di sektor industri. Sebagai contoh sektor kimpalan ataupun *welding*.

Ini merupakan kursus yang baik bagi saya kerana saya difahamkan dalam sektor *oil and gas* kita menggunakan banyak *welders* tetapi kadang-kadang saya nampak ada IKBN yang menawarkan kursus-kursus yang bagi sayalah yang kurang menarik pun pada masa kini, so apakah perancangan kementerian adakah kementerian mempunyai satu perancangan atau satu *study* satu analisis bahawa apakah keperluan negara yang pelatih-pelatih ini akan diserapkan di dalam perindustrian di masa *let say* lima tahun ataupun sepuluh tahun dari sekarang dan kita memberi *a focus* kepada kursus yang diperlukan oleh negara. Apakah pendapat Yang Berhormat?

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi. Sesungguhnya setiap kursus yang disediakan oleh pihak IKBN itu adalah bersesuaian dengan keperluan pasaran guna

tenaga semasa. .Jini dapat kita membuat satu kesimpulan sedemikian rupa berasaskan kepada adanya satu panel ataupun satu jawatankuasa penasihat khas untuk IKBN kita yang dianggotai oleh wakil-wakil dari pihak korporat ataupun swasta dan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu saya kira setakat ini masih lagi terdapat ciri-ciri persamaan yang tertentu kalau kita bandingkan kursus-kursus IKBN dengan ILP, itu memang benar tetapi ILP itu biasanya kapasiti dia itu lebih besar dan dapat menampung keperluan *part timers* dengan izin. Saya berbalik pada..... ya Yang Berhormat bagi Bera.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat terima kasih. Dari segi kursus di IKBN tadi adakah pihak kementerian boleh memantau bekas-bekas pelatih atau pelajar yang keluar daripada IKBN berapa peratus yang keluar itu memperoleh pekerjaan ataupun membuka perniagaan sendiri dan sebagainya adakah ada jawatankuasa yang memantau?

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, bersabit dengan soal ini suka saya maklumkan Yang Berhormat bahawa setakat ini, setakat ini lebih daripada 85 peratus daripada pelajar-pelajar lepasan IKBN kita yang dapat bekerja sama ada sebagai kerja sendiri ataupun digaji kan oleh pihak industri, sektor industri. Itu secara anggaranlah tetapi secara khusus secara terperinci pihak kementerian sebenarnya telah pun mencadangkan agar satu alumni, Persatuan Alumni untuk pelajar-pelajar IKBN itu dapat ditubuhkan dan ia tengah diusahakan dan saya berharap dengan adanya Persatuan Alumni ini nanti kita akan dapat memantau dan memperolehi banyak lagi maklumat yang dihasratkan khususnya yang berkenaan dengan pekerjaan mereka semasa sama ada mereka ini diupah oleh sektor swasta ataupun sebaliknya.

Yang Berhormat Bentong dan Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, mereka berdua menyentuh tentang peruntukan untuk aktiviti kecergasan di setiap kawasan Parlimen dan peruntukan itu seperti mana yang kita sedia maklum ianya berjumlah RM20 000. Suka saya maklumkan Yang Berhormat bahawa aktiviti kecergasan itu kenalah kita pantau dan kita pastikan bahawa ianya betul-betul supaya membawa manfaat kepada rakyat yang kita wakili. Berhubung dengan rintihan yang disuarakan oleh Yang Berhormat Bentong sukalah saya menyarankan agar sebarang pertanyaan ataupun sebarang maklumat tentang peruntukan itu sama ada ia dapat diguna pakai dengan sepenuhnya atau tidak atau sebaliknya bolehlah Yang Berhormat menghubungi pegawai Jabatan Belia dan Sukan negeri dan dalam hubungan ini saya sebagai Timbalan Menteri saya sanggup memberikan mana-mana seorang Ahli Yang Berhormat untuk mendapatkan maklumat semasa tentang peruntukan yang diberikan kepada setiap kawasan Parlimen itu. Yang Berhormat...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Apa lagi Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Ada masalah tentang peruntukan ini, belum kita merancang dah habis tak ada peruntukan dah siapa guna tak tahu. Bolehkah kementerian lihat ada dua tiga orang kawan rakan Ahli Parlimen baru nak rancang tak dan nak buat lagi dah. Buka mulut dah tak ada dah. Ke mana pergi peruntukan ini? Kalau disalahgunakan apakah tindakan pihak kementerian dalam hal ini? Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Itulah yang saya maksudkan Yang Berhormat. Saya bagi pihak kementerian saya menyatakan bahawa ini tetap kita pandang berat dan kita nak pantau secara rapi supaya ianya dapat digunakan seelok mungkin dan sekiranya terdapat *anomaly*, dengan izin yang tidak diingini itu sila laporkan kepada pihak kementerian supaya kita dapat bertindak. Yang Berhormat bagi Jerai membangkitkan tentang program ekonomi belia. Sesungguhnya suka saya maklumkan Yang Berhormat apa yang tertera dalam bajet tahun depan tahun 2006 mengenai pembangunan ekonomi belia itu sebenarnya ianya lebih merupakan ada yang merupakan geran ada yang merupakan pinjaman dan sememangnya ia tidak dapat menampung 100 peratus keperluan semua pemohon.

Ada yang dapat mungkin ada yang tidak dan suka saya menyarankan agar belia kita menggunakan geran ataupun wang pinjaman yang diperolehi itu, itu bukan sebagai modal tetapi itu sebagai satu bantuan. Bantuan yang membolehkan mereka berdikari dalam bidang perniagaan dan setakat ini aktiviti-aktiviti perniagaan itu

banyaknya tertumpu pada ICT dan juga perniagaan kecil. Itu pun sudah lama bertapak, bukannya sekarang tiba-tiba kita membangkitkan kembali aktiviti-aktiviti yang disebutkan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, saya faham. Dahulu dipanggil Belia Niaga di bawah Program Belia Niaga bermakna untuk berniaga macam-macam. Belia-belie ini diberi geran dan peruntukan kemudian saya difahamkan ia dijadikan pinjaman dan sebagainya. Saya hendak tahu dari pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri berapa banyak dah yang berjaya? Daripada peruntukan-peruntukan yang kita bagi yang sudah 5 hingga 6 tahun tu sekarang ni sudah berapa ramai yang kita boleh tunjukkan bahawa daripada usaha bantuan Kementerian Belia dan Sukan, belia yang kita asuh ini berjaya.

Dan kita ada juga Kementerian, macam MARA ini kita pun buat latihan juga untuk belia-belie dan usahawan. Jadi kita ada dua tiga kementerian yang banyak sangat buat tetapi kita tidak nampak kejayaan-kejayaan tertentu. Kalaulah sekarang ini dengan masalah pekerjaan yang begitu mendesak di mana belia-belie tidak ada kerja, jadi ini akan menjadi masalah kepada negara. Jadi kalau kita ada duit ini kita salurkan mereka ke arah perniagaan. Saya ingat dengan cara ini kita membina ekonomi kepada masyarakat di kampung dan juga di bandar. Dengan peruntukan yang saya lihat itu sudah tentu tidak mencukupi malah kalau kita hendak beri kepada seorang belia RM2,000 hendak mula pun tidak cukup. Jadi macam mana? Adakah kementerian kalau hendak sesuatu biar kalau sudah peruntukan sikit tetapi bagi hidup, tak banyak pun sikit, tetapi berjaya supaya kita boleh tunjuk: Nah! Ini daripada pinjaman belia dahulu hari ini dia dah jadi orang yang senang, orang yang berjaya dan boleh tolong orang lain pula. Ini maksud cadangan saya tadi, Yang Berhormat.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, wang peruntukan sekian banyak memang tidak cukup kalau kita cuba hendak menampung keperluan setiap orang belia yang hendak berniaga. Tetapi apa yang lebih penting itu saya kira adalah *exposure*, dengan izin, ataupun pendedahan kepada alam perniagaan. Yang kita harap kumpulan sasaran akan dapat mengalami sebelum mereka ini berniaga.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat tadi, setakat ini berapa orang yang berjaya, memang setakat ini belum kita dapat satu perangkaan yang menyeluruh. Walaupun demikian, suka saya maklumkan kepada Yang Berhormat dari perangkaan yang sedia ada di sini, terdapat 48% daripada peminjam-peminjam sahaja. Peminjam-peminjam baik di bawah program Tabung Ekonomi Belia ataupun program-program yang lain yang dapat mengembalikan sepenuhnya wang pinjaman itu. Ini bermaksud bahawa yang bakinya mungkin ada yang tengah menjelaskan wang pinjamannya dan mungkin ada yang kurang berjaya. Itu yang saya ada maka saya beritahu Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat telah menjawab selama dua jam lebih, sila gulung.

Datuk Ong Tee Keat: Baik, saya akan gulung. Minta maaf Tuan Pengerusi sebab banyak soalan yang dibangkitkan. Kalau saya tidak bagi jalan pun rasa tak sampai hati sebab Yang Berhormat mewakili rakyat Yang Berhormat bagi Parit juga menyentuh tentang soal yang sama iaitu soal ekonomi belia.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, yang saya tanya fasal peruntukan SUKMA Kedah tu, terlupakah?

Datuk Ong Tee Keat: Ya, baik, saya akan jawab. Sebelum saya beralih kepada soal yang lain Yang Berhormat Jerai juga menyoal tentang peruntukan SUKMA. Setahu saya Kerajaan Negeri Kedah memohon peruntukan sebanyak RM86 juta dan Yang Berhormat juga menyentuh tentang *aquatic centre* yang tengah berjalan. Untuk makluman Yang Berhormat, pada pengetahuan saya projek itu sebenarnya setakat ini pembiayaan perbelanjaannya itu belum lagi diputuskan sama ada ia dibiayai oleh pihak Perbendaharaan ataupun pihak lain sebab ia tidak terangkum dalam bajet kementerian saya. Ini saya kena jelaskan sebab Yang Berhormat bangkitkan *aquatic centre*. Sebab apa yang disarankan oleh pemimpin negara kita adalah kita cuba menaik taraf kemudahan sukan yang sedia ada. Setakat mana yang boleh kita cuba menggunakan pakai apa yang sedia ada dan bukannya kita membina yang baru. Itu memang pesanan dan arahan yang kami semua terima.

Yang Berhormat bagi Parit...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi Kedah dapat banyak mana Datuk?

Datuk Ong Tee Keat: Ya, apa dia?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kedah dapat banyak mana?

Datuk Ong Tee Keat: Maklumat yang lanjut saya belum lagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tolak *Aquatic Centre*?

Datuk Ong Tee Keat: Kolam itu saya sudah cakap tadi, ya! Tetapi jumlah tu Yang Berhormat saya sudah sebut tadi tetapi berapa yang diputuskan itu mungkin ada lagi yang tokok tambah. Saya belum lagi dapat yang lengkap.

Yang Berhormat bagi Parit menunjukkan keprihatinan beliau terhadap pemilihan peserta-peserta kita yang berkecimpung dalam program pembangunan ekonomi belia. Itu memang relevan saya rasa sebab apa yang penting itu bukan sahaja dapat pastikan bahawa mereka yang betul-betul minat dalam bidang perniagaan itu dapat bantuan yang kita salurkan tetapi kadang kala ini banyak bergantung kepada budi bicara pegawai kita yang mengendalikan misal kata temu ramah dan sebagainya. Saya berharaplah ini sedikit sebanyak akan dapat membantu siswazah kita yang menganggur sekarang walaupun peruntukan yang diberikan itu bukanlah lumayan sangat tetapi ia sedikit sebanyak akan dapat membantu kita dalam usaha ini.

Yang Berhormat bagi Kuala Krau menyentuh tentang soal peruntukan yang saya kira beliau bermaksud peruntukan bagi pengupayaan pertubuhan belia. Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat, tahun lalu peruntukan sebanyak RM3,000 untuk setiap pertubuhan belia yang dianggap lesu di mana-mana satu daerah akan disalurkan kepada persatuan belia berkenaan melalui Majlis Belia Daerah, dan kalau tidak silap saya setiap daerah itu diberikan wang peruntukan sebanyak RM36,000 untuk menampung keperluan 12 buah persatuan belia yang dianggap lesu. Tetapi tahun ini pula program pengupayaan pertubuhan belia ini tidak diteruskan sebab untuk mengupayakan pertubuhan belia, pihak kementerian sebenarnya telah pun merubah pendekatannya, iaitu dengan merekrut pegawai-pegawai penggerak Rakan Muda. Itu pun mereka ini merupakan pegawai-pegawai kontrak yang betul-betul berjiwa muda, berjiwa belia dan untuk membantu dalam pengupayaan pertubuhan belia di peringkat akar umbi.

Datuk Ong Tee Keat: Yang Berhormat...

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kuala Krau.

Datuk Ong Tee Keat: Ya, sila.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya juga ada menimbulkan mengenai permohonan persatuan belia yang menggunakan borang PB1 yang mana dahulu peruntukan diserahkan kepada Pejabat Belia Negeri sejumlah RM100,000 setahun, dan pada tahun 2005 ini tidak ada langsung persatuan belia yang telah diluluskan peruntukan melalui borang PB1 kerana amalannya pada tahun-tahun sudah diberikan kuasa kepada Pengarah Belia Negeri, tapi kali ini nampaknya diberi kuasa kepada kementerian melalui Yang Berhormat Menteri sendiri. Apakah tindakan ini wajar dan untuk memberikan kegiatan persatuan ini lebih aktif lagi.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, sebenarnya borang yang disebutkan tadi itu saya kurang pasti. Cuma setakat ini setiap tahun geran tahunan yang berjumlah tetap diteruskan penyalurannya kepada persatuan-persatuan belia khususnya persatuan-persatuan yang menganggotai MBM. Ini sebagai satu geran tahunan, sedangkan apa yang tadi disarankan oleh Yang Berhormat iaitu yang berjumlah RM100,000 itu saya kurang pasti. Tapi kuasa untuk meluluskan peruntukan khasnya untuk badan-badan belia di peringkat negeri itu memang sekarang ini sedang dalam pertimbangan pihak kementerian.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada persoalan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Saya setuju dengan saranan Yang Berhormat Sabak Bernam tadi di mana kepegawaian tetap merupakan satu-satunya permasalahan ataupun kekangan yang

masih lagi dihadapi oleh pihak kementerian saya. Dalam hubungan ini saya juga setuju bahawa sebarang pegawai belia dan sukan termasuk juga pegawai-pegawai penggerak Rakan Muda yang ditugaskan ke setiap kawasan Parlimen perlu diberi pendedahan dan latihan yang sewajarnya sebelum mereka diberi tanggungjawab untuk menjalankan tugas masing-masing.

Yang Berhormat juga menyentuh tentang keberkesanan IKN berbanding dengan Pusat-pusat Giat MARA dan sebagainya. Walaupun seperti mana yang kita sedia maklum bahawa IKN, ILP dan juga Pusat Giat MARA dan sebagainya banyak mempunyai ciri-ciri persamaan tertentu. Ada kalanya terdapat juga pertindihan dari segi jenis kursus yang ditawarkan. Tapi dalam hubungan ini saya kira memandangkan bahawa permintaan dari kalangan belia kita semakin meningkat, memandangkan bahawa bilangan rakyat kita yang dalam lingkungan usia belia iaitu di antara 16 hingga 40 tahun semakin meningkat. Maka saya kira pewujudan IKN, ILP serta Pusat-pusat Giat MARA yang dimaksudkan itu sebenarnya ini belum lagi dapat menampung keperluan dengan sepenuhnya.

Yang Berhormat juga mengesyorkan supaya pegawai belia dan sukan dapat ditempatkan di stadium-stadium ataupun kompleks-kompleks Rakan Muda sepanjang masa iaitu kalau boleh 24 jam. Setakat ini seperti mana saya sebutkan tadi ianya masih lagi menghadapi kesulitan yang tertentu memandangkan kekangan yang saya sebutkan tadi. Walaupun demikian, saya memang bersetuju bahawa biasanya terdapat permintaan dari kalangan rakyat khususnya mereka yang suka bersukan ataupun beriadah selepas waktu pejabat. Mereka ini mengharapkan agar kemudahan sukan khususnya di peringkat akar umbi ini dapat diguna pakai oleh mereka. Kalau terdapat pegawai yang ditugaskan selepas waktu pejabat, itu sedikit sebanyak akan dapat membantu tahap penggunaan kompleks-kompleks sukan di peringkat akar umbi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sampai sahaja Sri Gading terus hendak tanya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ha, bidang dia.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dah gulung dah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak bertanya ataupun berikan pendapat Tuan Pengerusi. Timbalan Menteri ini seorang yang berpengalamanlah. Seorang yang saya kagumi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak boleh beri pendapat Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yalah, ini ulasan saya kepada beliau kerana kelebihan-kelebihan dialah. Saya simpati dengan Kementerian Belia dan Sukan. Bertahun-tahun dah Menteri bertukar Menteri. Menteri bertukar Menteri. Peruntukan ditambah tahun demi tahun tapi sayang seribu kali sayang Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tidak dapat kita nafikan atas kelesuan persatuan-persatuan belia. Tidak dapat hendak disalahkan lagi pihak Menteri, Kementerian Belia dan Sukan tidak dapat disalahkan lagi kerana dah bersungguh-sungguh. Berpuluh tahun, berbelas tahun Menteri tukar Menteri. Peruntukan bertambah tahun demi tahun tapi kelesuan persatuan belia jelas ketara di seluruh negara.

Saya hendak bertanya, apakah faktor-faktor ini antaranya melemahkan. Satu, perlembagaan badan-badan belia ini yang di kampung-kampung itu tidak sesuai lagi dengan peredaran zaman. Kadang-kadang persatuan belia macam saya, persatuan belia gabungan dahulu sebuah persatuan yang digabung kita mulakan tahun 1965...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tidak payahlah berucap Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak. Ini biar Menterinya jelaskan Tuan Pengerusi, apa permasalahan yang tidak selesai.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Peraturan kita dalam ini tidak boleh berucap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Memang tidak berucap Tuan Pengerusi. Ini cuma sebagai pertanyaan. Hingga sekarang 40 tahun sudah. Perlembagaan itu tidak pernah bertukar Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tanya sahajalah. Cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Itu yang saya maksudkan. Apakah itu salah satu puncanya. Kemudian apakah punca pemimpin yang berumur 40 tahun yang tidak ada lagi semangat belia masih hendak bernafsu memimpin belia menyebabkan dia sudah tidak sesuai lagi. "Tidak ngam", kata orang Cina dengan izin. Jadi, apakah faktor-faktor itu. Saya tidak hendak menyalahkan kementerian. Saya tahu, saya dahulu pun seorang yang aktif dalam persatuan belia. Bersungguh-sungguh tapi inilah. Jadi sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, sesungguhnya saya kira Yang Berhormat sebagai seorang veteran yang berpengalaman luas dalam bidang pertubuhan belia, pembangunan belia memang dapat jawapannya. Tuan Pengerusi, seperti mana yang pernah saya jawab dalam Dewan yang mulia ini, kelesuan sesebuah pertubuhan belia itu tidak semestinya dapat diubah dengan sepenuhnya dengan peruntukan. Peruntukan itu memang mustahak. Tetapi peruntukan itu tidak menjamin keberkesanan ataupun pengupayaan sesebuah pertubuhan.

Dan saya cukup setuju dengan Yang Berhormat bagi Sri Gading, iaitu perlembagaan. Perlembagaan sesebuah pertubuhan belia kena juga dirombak mengikut keperluan semasa dan bukan selama-lamanya ita pegang pada perlembagaan yang asal. Itu memang satu fakta, satu hakikat yang perlu kita hadapi.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Di samping itu, saya kira jenis program atau aktiviti yang dianjurkan dari semasa ke semasa itu cukup mustahak. Kalau kita hendak pastikan ianya berdaya tarikan kepada kumpulan sasaran kita, maka kita kena juga ambil kira kecenderungan anak-anak muda kita dan bukannya kita bulat-bulat bergantung pada pengalaman kita, khususnya pengalaman masa lampau. Apa yang kita pernah alami, tahun-tahun ataupun dekad lalu, tidak semestinya *relevant* lagi. Itu termasuk pengalaman peribadi saya. Tuan Pengerusi, saya beralih kepada...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagikah?

Datuk Ong Tee Keat: Sedikit lagilah, tidak banyak lagilah. Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, beliau membangkitkan soal AUKU iaitu Akta Universiti dan Kolej Universiti. Beliau memanglah sedia maklum bahawa ini bukanlah dalam bidang kuasa Kementerian Belia dan Sukan.

Walaupun demikian, saya tetap berpendapat bahawa kita bukan sahaja hendak menarik penyertaan belia IPT, baik di IPTA mahupun di IPTS untuk menyertai program-program belia dan juga persatuan-persatuan belia supaya mereka ini mempunyai pendedahan ataupun *exposure*, dengan izin, yang secukupnya sebelum mereka menghadapi cabaran di luar kampus nanti. Itu pun saya kira kalau kita dapat menganjurkan program-program yang melibatkan siswa siswi IPT kita dengan menerusi...

Ir. Dr. Wee Ka Siong: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

Datuk Ong Tee Keat: Ya.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri. Saya rasa dalam soal ini, memang hasrat kementerian itu memang betul untuk membenarkan mahasiswa ini berkecimpung dalam aktiviti belia. Tetapi pada realitinya Akta Universiti Kolej Universiti 1971, pindaan 1974, seksyen 15 dan 16 tidak membenarkan pelajar didengari ataupun kelihatan mengambil bahagian dalam mana-mana aktiviti termasuk persatuan belia.

Saya rasa ini adalah sesuatu yang konflik. Adakah kementerian bersedia untuk berunding kepada kementerian yang berkenaan supaya perkara ini boleh dimansuhkan kerana itu sudah lapuk. Dan saya rasa adalah tepat kerana 650,000

mahasiswa ini memang menanti kitalah untuk mereka menyertai aktiviti-aktiviti belia dan ini memang hasrat kementerian untuk berbuat demikian. Minta penjelasan.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, sememangnya perkara ini pernah dibangkitkan dan dibawa kepada Kementerian Pendidikan pada satu ketika dahulu. Itu pun semasa saya masih lagi menyandang jawatan sebagai Ketua Pemuda MCA Kebangsaan. Setakat ini, apa yang saya nampak, walaupun masih terdapat kekangan yang disarankan tadi oleh Yang Berhormat, kekangan dari segi adanya AUKU terhadap penglibatan belia IPT dalam program-program belia, saya rasa apa yang penting sekarang ialah setakat mana kita dapat mengambil kira, kita dapat *strike the right balance*. dengan izin, di antara kekangan yang saya sebutkan tadi dengan kemahuan belia semasa.

Itu bukan sesuatu yang mudah tetapi sekurang-kurangnya pada ketika ini, sebelum AUKU ini dapat dipertimbangkan semula, saya rasa kita kenalah meneruskan segala usaha kita untuk menarik minat belia IPT kita dalam program-program belia yang diusahakan. Yang sebenarnya setakat ini memang terdapat banyak program yang dianjurkan bersama oleh mahasiswa-mahasiswi kita dengan kerjasama persatuan-persatuan belia di luar kampus. Apa yang saya hendak ingatkan siswa-siswi kita adalah mereka ini kenalah dapat persetujuan daripada pihak HEP ataupun Timbalan Naib Canselor HEP buat ketika ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat kita alih kepada tajuk lain?

Datuk Ong Tee Keat: Ya, Yang Berhormat bagi Ledang membangkitkan tentang program Rakan Muda, sama ada program Rakan Muda sekarang ini masih lagi subur ataupun sebaliknya. Sebenarnya program Rakan Muda tidak pernah berhenti walaupun terdapat peralihan kepimpinan kementerian beberapa kali.

Dan setakat ini masih lagi terdapat sembilan gaya hidup yang telah pun digariskan. Saya kira apa yang berbeza kalau berbanding dengan masa lampau adalah penglibatan NGO sekarang ini kalau berbanding dengan masa lampau adalah aktif dan saya berharap kita dapat merubah takuk minda kita supaya bila kita hendak menganjurkan sesuatu program Rakan Muda, kenalah kita berinisiatif dan bukannya kita bulat-bulat mengharap bantuan kerajaan.

Dalam erti kata lain, pihak kerajaan khususnya Kementerian Belia dan Sukan, dia sanggup memainkan peranan sebagai fasilitator di dalam menjayakan program-program Rakan Muda dan tidak semestinya Jabatan Belia dan Sukan khususnya di peringkat negeri yang bulat-bulat memainkan peranan sebagai penggerak, penganjur dan sebagainya.

Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bertanya tentang peruntukan untuk Majlis Sukan Negeri Kelantan. Sebenarnya di kalangan semua negeri, di Semenanjung dan di Sabah dan Sarawak, pada pengetahuan saya hanya negeri Kelantan sahaja, majlis sukan negerinya yang dapat peruntukan ini. Ini pun kerana setakat ini Majlis Sukan Negeri Kelantan tidak pernah mendapat sebarang bantuan daripada kerajaan negeri yang berkenaan. Dan pihak Kerajaan Pusat tidak sekali-kali hendak menghampakan rakyat Kelantan khususnya dalam bidang pembangunan sukan.

Itu sebabnya kita rasa terpanggil untuk memberikan bantuan walaupun bantuan yang dihulurkan itu tidak semestinya lumayan tetapi ianya buat ketika ini cukuplah untuk menampung keperluan pengurusan dan pentadbiran majlis sukan negeri. Akhir sekali...

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Lipis, apa henda tanya?

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Peruntukan, peruntukan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri jawab, sudah jawab, cukuplah, cukuplah.

Datuk Ong Tee Keat: Sudah jawab. Tuan Pengerusi, akhir sekali sukalah saya....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat, tadi saya ada timbul satu pertanyaan tentang RM1 juta untuk tugas luar negara, Yang Berhormat belum jawab lagi. Minta sikit penjelasan apakah tujuan wang tersebut?

Datuk Ong Tee Keat: Baik, sebelum saya beralih kepada Yang Berhormat bagi Rembau, suka saya menjawab apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Larut iaitu RM1 juta untuk bertugas di luar negara. Sebenarnya bertugas di luar negara ini, ini tidak bermaksud bahawa makan angin sepertimana yang disebut tadi oleh Yang Berhormat. Sebaliknya peruntukan ini adalah untuk menampung perbelanjaan pihak kementerian khususnya, menteri, timbalan menteri dan pegawai-pegawainya apabila bertugas rasmi di seberang laut.

Umpamanya, sekarang ini, kita bukan sahaja kena buat lawatan ke seberang laut untuk menghadiri mesyuarat, umpamanya mesyuarat WADA iaitu *the World Anti-Doping Association* dan sebagainya. Jadi dalam hubungan ini, RM1 juta ini adalah untuk menampung segala perbelanjaan anggota pentadbiran dan juga pegawai kementerian, tidak termasuk MSN. semasa mereka terpaksa bertugas di seberang laut.

Saya beralih kepada Yang Berhormat bagi Rembau...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Maksud Yang Berhormat itu tidak termasuk MSN?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukuplah.

Datuk Ong Tee Keat: Tidak termasuk MSN.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Maksudnya untuk MSN ada peruntukan lain?

Datuk Ong Tee Keat: MSN itu, itu tidak termasuk Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Bukan untuk tujuan kejohanan.

Datuk Ong Tee Keat: Tidak, tidak, tidak.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Okey.

Datuk Ong Tee Keat: Itu untuk cuma tugas rasmi. Yang Berhormat bagi Rembau membangkitkan senario di mana belia sekarang kelihatan tidak begitu minat dalam menyertai persatuan. Ini saya sudah jawab tadi bila saya memberi komen terhadap apa yang dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Tuan Pengerusi, setakat ini saja saya sudah jawab panjang lebar, walaupun ambil masa sekian lama, tetapi nampaknya masih terdapat butir-butir yang kemungkinan tercicir daripada perhatian saya. Saya minta maaf dan kiranya terdapat pertanyaan selanjutnya, saya minta kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat supaya dapat membangkitkannya kepada saya ataupun Yang Berhormat Menteri dan rakan Setiausaha Parlimen saya, supaya butiran atau pertanyaan itu dapat kita tangani dengan seelok mungkin.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM276,289,200 untuk Maksud Kepala B.45 Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2006 jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM276,289,300 untuk Maksud B.45 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM312,70,000 untuk Maksud P.45 yang disebutkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2006 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM312,700,000 untuk Maksud P.45 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2006.

Maksud B.46 [Jadual]**Maksud P.46 [Anggaran Pembangunan 2006]**

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B46 dan Kepala Pembangunan P46 di bawah Kementerian Sumber Manusia dibuka untuk dibahas. Santubong, sila.

6.44 ptg.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangkit bagi Butiran 02030 - Perancangan dan Pembangunan Vokasional Kebangsaan. Saya nak tanya soalan, berapa banyakkah MLVK ini, kepunyaan usahawan Bumiputra, berpecah dengan orang Melayu dan Melayu berapa banyak dan bumiputera lain daripada Sarawak dan Sabah berapa banyak?

Yang kedua soalnya ialah bertanya cerita yang sama, berapa banyakkah mereka ini masih beroperasi sekarang dan dalam pandangan kementerian bolehkah mereka ini bertahan dan berapa lama mereka ini boleh bertahan? Dan kalau itu, apakah sokongan dan bantuan daripada pihak kementerian dalam membangun atau pun melaksanakan supaya pihak bumiputera yang terlibat dengan MLVK ini boleh maju dan terus maju dan boleh menandakan dasar negara.

Jadi, Tuan Pengerusi banyak cerita dan persepsi mengatakan cerita-cerita usahawan bumiputera dan Melayu terlibat dengan MLVK ini telah gagal oleh kerana kepimpinannya, pengurusanannya dan berbagai-bagai lagi. Berhubung itu juga saya ingin bertanya kepada pihak kementerian - terima kasihlah Timbalan Menteri sendiri yang hadir, apakah sebab kegagalan pihak bumiputera ini. Adakah kegagalan ini oleh kerana kegagalan pihak kementerian memberi bantuan dan sokongan atau pun sebenarnya kegagalan daripada pengurusan usahawan bumiputera ini di bidang pendidikan vokasional.

Yang kedua, saya juga ingin bertanya, Tuan Pengerusi, di bawah Keselamatan, Kesihatan dan Kesejahteraan Pekerjaan. Ini di bawah 040000, semualah termasuk 040100 - Pengurusan, 040200 - Operasi. Baru-baru ini disebar luas, berhubung dengan penyakit-penyakit yang melibatkan pekerja dan banyak pekerja-pekerja telah mendapat sakit dan apakah tindakan Kementerian yang khusus kepada pihak majikan dan adakah tindakan ini telah dilaksanakan kerana kita tidak mahu pekerja khususnya mereka yang tidak mempunyai pendidikan dan pengalaman hanya bekerja di tempat yang mana mereka boleh menyara hidup tapi dalam masa yang sama mereka ini tidak mengetahui kenapa mereka jadi sakit.

Dalam yang sedemikian, pihak doktor-doktor yang dilantik untuk menjaga keselamatan mereka ini menerusi agensi-agensi PERKESO dan sebagainya, tidak melaksanakan pemeriksaan yang khusus yang rapi yang boleh mengesan penyakit-penyakit yang sedemikian. Tidak sebagaimana yang berlaku di negara maju, berpuluh tahun lepas, berhubung dengan asbestos umpamanya, hinggalah asbestos boleh diharamkan menjadi sumber perkakas perumahan dan dibawa ke tempat-tempat di mana manusia diami.

Di sini banyak perkara ini dibangkit dalam akhbar, di kalangan pekerja-pekerja, tetapi malangnya pekerja kita ialah mencari rezeki untuk menyara hidup mereka tapi dalam masa lindungan yang sepatutnya wujud oleh pihak-pihak yang tertentu, kementerian dan sebagainya tidak mendatangkan sasar dan sistem bantuan oleh PERKESO itu sendiri telah mendatangkan satu masalah. Baru-baru ini, kes yang dibangkitkan dalam akhbar, saya cukup yakin kementerian mengetahui opsyen-opsyen yang telah diberi, ditawarkan kepada mereka ini yang tidak menentu dan akhirnya, mereka yang sepatutnya mendapat pencen yang boleh menyara sepanjang hidup dalam masa mereka tidak boleh bekerja lagi telah tidak didapati oleh pekerja ini.

PERKESO sepatutnya mengambil berat, jangan hanya melepas batuk di tangga, menguruskan sumber kewangan yang telah di kumpul oleh pihak PERKESO menerusi pekerja semasa mereka bekerja. PERKESO sepatutnya pro-aktif dalam mengetahui penyakit-penyakit yang dihadapi, yang mungkin akan dihadapi dan kebijaksanaan pekerja-pekerja kita, bukan semua pekerja-pekerja kita macam pekerja-

pekerja di negara-negara yang maju yang mempunyai pendidikan yang tinggi dan sebagainya, mengetahui penyakit-penyakit yang boleh melibatkan mereka. Tetapi pekerja kita masih banyak mereka ini tidak mempunyai pendidikan yang tinggi. Jadi, mereka di tempat kedudukan yang tertentu mestilah mempunyai satu pemikiran yang lebih pro-aktif untuk mengetahui dan menyelamatkan pekerja-pekerja ini daripada penyakit-penyakit kronik, penyakit yang boleh mendatangkan beban seumur hidup kepada pekerja-pekerja yang terlibat.

Jadi Tuan Pengerusi, saya tidak mahu bercerita panjang, hanya dua perkara tapi saya memohon kepada pihak Timbalan Menteri untuk menjawab dengan secara penuh. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ipoh Barat.

6.50 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin bangkitkan beberapa perkara. Saya mulakan dengan satu perkara iaitu Butiran 04300 - Institut Latihan Perindustrian Nibong Tebal.

Nombor satu Tuan Pengerusi, saya nampak tahun ini nama N.T.S. Arumugam Pillai tidak disebut di institut tersebut. Ini bukan satu institut yang biasa, satu institut yang luar biasa di mana sumbangannya adalah dari masyarakat India dan tahun 1999 kerajaan telah memberi aku janji bukan sahaja akan memberi bantuan dan mendirikan satu institut di sana, tetapi namakan itu N.T.S. Arumugam Pillai. Tahun ini nampaknya nama itu pun tidak ada, lama-lama orang pun tak tahu siapa memberi tanah tersebut, tanah itu berharga berjuta-juta ringgit sekarang. Saya harap ini akan dibetulkanlah.

Selain dari itu, pada tahun 1999, aku janji telah diberi oleh kementerian, dua aspek. Satu di antaranya iaitu pengambilan pelajar-pelajar ke institut tersebut dan nombor dua tenaga kerja di institut tersebut. Kedua-dua itu, aku janji tidak disimpan oleh kerajaan. Nombor satu pada *intake* Januari, tidak satu pun masyarakat minoriti telah diambil di N.T.S. Arumugam Pillai. Pada *intake* Julai 2005, saya nampak ada sikit *improvement*, daripada 66 pelajar lebih kurang 30 pelajar adalah masyarakat India. Tetapi yang lebih mustahak pada pandangan saya adalah bukan setakat pelajar sahaja tetapi juga pekerja-pekerja di institut tersebut. Walaupun di institut itu ada 58 kakitangan dan satu pengarah, 41 tenaga pengajar latihan, pentadbiran 16 orang, hanya seorang saja dari masyarakat India dan ini pun saya ingat adalah pencuci longkang ataupun *toilet* di sana.

Walaupun tanah itu diberi oleh - disumbangkan oleh masyarakat India dan kerajaan telah mengakui memberi aku janji kepada masyarakat umum di Malaysia pada tahun 1999, mereka tidak menghormatinya. Saya harap sesuatu tindakan diambil supaya sekurang-kurangnya seperti yang dijanjikan 50% ke atas, semua tenaga pengajar latihan dan pelajar-pelajar di sana adalah dari masyarakat minoriti. Dan juga saya ingin tahu apakah tindakan yang telah diambil. Saya telah membangkitkan perkara ini pada bulan Mac tahun ini, pada tahun dulu Menteri sendiri telah mengatakan bahawa dia akan *advertise*, dengan izin dalam surat khabar-surat khabar Tamil. Adakah perkara ini telah dibuat? Saya difahamkan ini tidak beberapa efektif oleh kerana surat khabar Tamil Namban dan Tamil Kural yang baru-baru ini, itu pun tidak ada apa-apa *advertisement*. Di radio dan TV, kita perlu adakan dan perlu hantar orang-orang ke estet-estet, ke luar bandar supaya memberitahu kepada masyarakat India, kamu tidak ditinggalkan, kita tidak melupakan awak, kita mahu you dalam sistem ekonomi yang tergempar di sini, kita perlukan semua. Kenapa semua ini tidak dibuat? Saya harap kerajaan jangan jadi setakat aku janji, sila *get down to the ground*, dengan izin dan buat apa yang diperlukan.

Selain dari itu Tuan Pengerusi, saya ingin bangkitkan mengenai PERKESO, ini saya ingat satu perkara yang kerajaan dan kementerian perlu mengambil perhatian. Apakah sebab PERKESO ditubuhkan? *Why was SOCSO formed?* Adalah untuk masyarakat, untuk pekerja-pekerja yang tercedera, atau *occupational disease* atau sesuatu yang terjadi semasa bekerja. Tetapi niat dan apa yang dibuat oleh SOCSO bukan yang patut dibuat, di antaranya kita semua tahu pada tahun ini, tahun dulu, 183 orang sahaja yang layak dapat dalam sistem *occupational disease*. Walhal di United Kingdom (UK), lebih kurang 68 ribu yang layak. Kalau kita ambil satu *industrial accident* kepada satu *occupational disease*, Malaysia sangat berbeza. Apa terjadi? Ini

adalah kerana SOCSO tidak prihatin, tidak mengambil inisiatif untuk memberi tahu kepada pekerja-pekerja bahawa mereka layak untuk mendapat *benefit-benefit* yang tertentu. Kita tahu *Hume Industries* adakan ratus-ratus pekerja di Ipoh, pekerja-pekerja di Asbestos, saya telah bangkitkan perkara ini dengan syarikat tersebut, *union* tersebut sendiri beritahu bahawa ada ramai di antaranya yang patut, layak, mendapat PERKESO, dilindungi olehnya tetapi tidak ada.

Semalam di laporkan di Australia, sebanyak 2.4 bilion *Australian Dollars*, telah diagihkan oleh syarikat *Asbestos Company* kerana ada *potential claim* kepada pihak-pihak yang bekerja di syarikat tersebut. Di Malaysia adakah? Adakah kerajaan atau kementerian mengarahkan syarikat tersebut? Kita punya standard bukan sedemikian, serupa dengan apa yang ada di Australia, walhal sedemikian. Di Australia dia mewajibkan, ada sesuatu yang tidak kena, saya rasa PERKESO bukan saja jangan duduk di pejabat, dia perlu turun padang, pergi tengok, ambil tahu apakah sebab perkara-perkara macam ini terjadi. Dan lagi satu, apakah situasi yang terkini mengenai *coverage* SOCSO? Di mana bila pekerja ulang alik dari tempat bekerja, bila mereka keluar dari jalan yang mereka selalu gunakan, mereka tidak ada *coverage*, mana boleh masuk akal, ini satu terma yang dikenakan oleh SOCSO?

Dan kerap kali dalam perkara macam ini, saya ada satu kes yang spesifik di Tapah di mana seorang wanita berumur 40 tahun. Semasa pergi bekerja, dia telah pergi minum kopi di kedai dan bila dia keluar dia telah dilanggar, lebih kurang dalam sistem *paralysis* sekarang. Tetapi tidak ada apa-apa pertolongan yang dibuat oleh PERKESO walaupun dia telah bekerja di syarikat tersebut berpuluh-puluh tahun. Adakah ini munasabah? Tetapi saya rasa akta tersebut tidak berniat sedemikian, akta itu berniat untuk menolong orang-orang yang tercedera dan sebagainya, tetapi pihak SOCSO menyeksa, mengadakan beberapa *filtering system* seperti mengelak, macam PERKESO menjalankan satu perniagaan swasta, di mana kalau dia membayar pampasan, dia rasa dia rugi. Itu salah faham, salah tafsir, yang kita perlu tahu adalah kita patut pergi menolong mereka memberi pertolongan, mengambil tahu macam mana kita boleh tolong.

Tuan Chow Kon Yeow: Penjelasan. Belakang sini.

Tuan M. Kula Segaran: Oh, ya sila, sila.

Tuan Chow Kon Yeow: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Ipoh Barat. Perkara ini memang saya juga ada bangkitkan dalam sesi-sesi yang lepas dan juga mendapati bahawa ada beberapa kes keputusan mahkamah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ringkaskan sebab masa.

Tuan Chow Kon Yeow: Ya, yang sudah membuat keputusan bahawa mereka memang layak untuk mendapat pampasan walaupun mengalih dari perjalanan yang selalu dipakai. Jadi mengapa dalam segi ini SOCSO tidak mahu *standardize* tuntutan ataupun menerima pakai alasan ini sebagai satu tuntutan yang sah?

Tuan M. Kula Segaran: Saya setuju kepada pandangan Tanjong. Biar saya baca dengan izin apa yang tertulis dalam nota ini dengan izin. Di mana *comparison* di antara apa yang seorang bayar kepada SOCSO dan seorang yang bayar kepada insurans biasa dengan izin. *For the same amount personal accident, insurance offers 24 hours coverage while SOCSO only covers work site accident or while traveling to and from work with most employers having group insurance policies for their staffs. That is a growing feeling that SOCSO is redundant and ought to be change to be more conducive to workers and their dependents.*

Tuan Pengerusi, saya ingin juga memberitahu apa yang telah dikatakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Tuan M. Kula Segaran: Ya, apa yang dikatakan oleh Setiausaha MTUC dengan izin, MTUC *Financial Secretary* A. Sivanathan said, *While the rich and affluence sign up for private and expensive health schemes, most low incomes earners had no access to such scheme.*

Prompt and proper health care has become a costly affair. It is now beyond the rich of many. I have taken the workers to government hospitals and seen them wait for hours and some times days for treatment. If SOCSO can take over the role,

premiums can be maintain at the very low level as employers will also be contributing and the government guarantees would always with them.

Tuan Pengerusi, saya harap dalam hal ini satu pemantauan diambil dan tindakan terus diambil. Saya juga ingin menunjuk satu lagi kes yang spesifik dalam kes V. Rajoo a/l Vananda Rajoo. Apabila pejabat Tempatan Pertubuhan Keselamatan Sosial. Pada 1/8/2002, mengatakan sedemikian, walaupun dia layak untuk mendapat SOCSO, jawapan ini macam ini, Tuan Pengerusi, *"Merujuk kepada perkara di atas dimaklumkan bahawa tuan telah hadir di sidang Jemaah Doktor pada 29/7/2002 di Hospital Ipoh dan Jemaah Doktor telah mengesahkan tuan adalah seorang ilat di bawah Seksyen 16. Walau bagaimanapun, pihak pertubuhan ini tidak berpuas hati dengan keputusan Jemaah Doktor pada hari tersebut dengan demikian kes tuan adalah dirujuk kepada Jemaah Doktor Rayuan untuk keputusan semula."* Tahun 2002, sekarang dia sudah retire, apa akan jadi? Jangan seksa merekalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup, Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran: Lagi sedikit, dua hal sahaja. Satu saya akan terus. Satu itu mengenai kes-kes di Mahkamah Perusahaan. Ada cadangan oleh kerajaan Menteri, yang mengatakan ia terhadkan kepada pendapatan sebanyak RM10 ribu. Saya harap ini satu analisis yang dalam dibuat kerana ini adalah satu salah tafsir kerana Mahkamah Perusahaan bukan macam mahkamah biasa, *Civil Court*. Dalam *Civil Court* tidak ada *recourse* untuk *reinstatement*. Hanya untuk *damagers*.

Dalam Mahkamah Perusahaan, hanya dia seorang boleh mendapat *reinstatement*. Ia undang-undang yang beza, nombor satu. Nombor dua, jika kita mengehakkan kepada RM10 ribu sahaja, ini membawa satu sistem diskriminasi, di mana seorang yang lebih dari RM10 ribu dipaksa untuk pergi ke kes *Civil Court* di mana berpuluh-puluh tahun perlu tunggu. Nombor tiga, apakah taksiran, apakah sistem, apakah yang telah diambil tahu, berapa peratus kes-kes lebih RM10 ribu yang ada di Mahkamah Perusahaan. Saya difahamkan tidak sampai 3%. Dan, soalan akhir.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup.

Tuan M. Kula Segaran: Soalan akhir, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada 05000 - Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Perak. Saya ingin tahu apakah kursus-kursus yang diberi dalam pusat latihan ini dan juga 01200 - Institut Latihan Perindustrian Ipoh, Perak. Di mana ia terletak? Saya sendiri tidak tahu. Apakah kursus yang diberi? Apakah kemudahan? Berapa pelajar yang belajar di sana? Apakah tenaga kerja di sana? Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Dato' Razali bin Ismail: [Bangun]

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Bangun]

Tuan Chow Kon Yeow: [Bangun]

Puan Teresa Kok Suh Sim: Satu sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sana satu sahajalah. Okeylah, setiap orang lima minit. Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Sepuluh minit. Situ tidak mahu bercakap, sini mewakili.

Beberapa Ahli Pembangkang: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah Yang Berhormat bagi Bukit Bintang. Lima minit. Hah, lima minit. [Disampuk] Ucaplah Yang Berhormat, kalau tidak mahu ucap boleh duduklah. Masa tidak cukup.

7.03 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya suka merujuk Butiran 010600 - Dasar Sumber Manusia.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh masalah pekerja yang dinotiskan berhenti oleh majikan-majikan tanpa diberikan gaji dan pampasan yang mencukupi sebelum mereka meninggalkan premis majikan dan terpaksa membuat aduan sendiri atau melalui khidmat pihak lain ke Jabatan Buruh. Malangnya, setelah aduan dibuat

dan tuntutan difailkan oleh Pegawai Jabatan Buruh, terdapat majikan yang enggan mematuhi keputusan kehakiman yang dikeluarkan oleh Jabatan Buruh.

Majikan memberi pelbagai alasan sama ada enggan hadir perbicaraan dan jika hadir pun setelah penghakiman tuntutan dikeluarkan mereka enggan menyelesaikannya. Ini menyebabkan pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja atas sebab seperti dakwaan melanggar tata tertib atau mengurangkan kos pekerja tidak mendapat pembelaan yang hadir. Mereka tidak dapat meneruskan tuntutan *civil* ke atas majikan atas keengganan atau keingkaran.

Tuan Pengerusi, saya tidak ada angka yang tepat kes-kes sedemikian tetapi dari semasa ke semasa pejabat saya masih menerima aduan tersebut, terutama dari pekerja-pekerja yang tidak berpersatuan. Mereka itu biasanya pekerja bawahan yang teraniaya dan tidak ada pihak yang sanggup membantu mereka kecuali mereka mendapatkan khidmat pejabat wakil rakyat untuk diminta menjadi orang tengah bagi membuat tuntutan. Ini pun ada yang berjaya ada yang tidak berjaya.

Kita percaya Akta Kerja tahun 1955 sudah lengkap dan cukup untuk membawakan keadilan kepada pekerja-pekerja yang ditamatkan bekerja sesuka hati oleh majikan tanpa notis yang cukup atau pampasan kerja yang memuaskan. Akan tetapi, sebenarnya akta itu masih kurang berkesan untuk membantu dan melindungi para pekerja. Ada majikan yang membubarkan syarikatnya dan kepentingan perniagaan ditukar kepada nama syarikat baru.

Meninggalkan pekerja dalam keadaan tertekan dan serba salah. Ada pekerja yang diberhentikan kerana majikan mengambil pekerja asing yang boleh mengajikan lebih murah. Tuan Pengerusi, kita tidak ada undang-undang yang lebih tegas untuk membawa majikan ke muka pengadilan dan mengenakan hukuman yang lebih keras. Itu sebab, dari masa ke semasa para pekerja dijadi mangsa majikan yang tidak bertanggungjawab, ini semakin bertambah. Saya ingin bercadang, peruntukan lebih keras hendaklah diguna pakai ke atas majikan yang sengaja ingkar atas arahan Mahkamah Buruh.

Keduanya, cadangan kerajaan untuk mengurangkan penggantungan negara kepada pekerja asing nampaknya masih jauh dari menjadi kenyataan. Meskipun tindakan menghantar balik pekerja asing tanpa izin ke negara asal telah menyusahkan sektor perniagaan dan industri negara ini, tetapi kerajaan jangan lupa bahawa kita mempunyai ramai penganggur siswazah lepasan sekolah yang sama sukar mendapat pekerjaan atau memilih pekerjaan. Walaupun, ada skim pelajar untuk biasiswa penganggur tetapi skim ini mendapat tarikan kerana elaun yang disediakan dan jaminan bayaran yuran oleh kementerian...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Fong Kui Lun: Saya akan gulung. Yang Berhormat, sejauh manakah kursus ini telah berjaya memperbaiki mutu dari seseorang pelajar. Saya tidak pasti ada laporan penilaian prestasi mereka pernah dibuat. Sumber Manusia Malaysia hendaklah merupakan sumber guna tenaga yang mahir, berketerampilan dan bersemangat tinggi serta disiplin bukan sebaliknya.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin membangkitkan di sini, tentang *charge* bayaran pemeriksaan kilang dan jentera yang lebih telah dinaikkan mulai 1 hari bulan 2004 yang menyebabkan ramai pekilang dan pekedai percetakan mengeluh kerana dikenakan *charge* pemeriksaan yang tinggi. Misalnya di kawasan saya, sebuah syarikat percetakan sebelum di kenakan *charge* hanya RM45 sahaja setahun tetapi pada tahun 2005, dikenakan *charge* RM293 iaitu hampir 600%.

Ini satu angka yang terlalu tinggi. Bagaimanakah pula jika sesebuah kilang atau kedai mempunyai lebih mesin dan lebih keluasan, maka angka tersebut bertambah ganda. Sudah pasti kenaikan ini mencetuskan kemarahan pekedai kerana mereka tidak diberitahu lebih awal dan kadar kenaikan tinggi pula. Saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri apakah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik cukup Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun: Sedikit sahaja, satu...apakah perlu kenaikan ini yang begitu tinggi dikenakan kepada pekilang dan pekedai sedangkan sebelum ini kadar pemeriksaan kilang di bawah 1399 meter persegi ialah RM20 sahaja tetapi ini sebanyak

RM193 dan inilah tidak termasuk *charge* pemeriksaan mesin dan sebagainya, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, lima-lima saya beri peluang berucap dan menteri boleh jawab, Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Wah!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa? Suka ya?

Beberapa Ahli: [Bersorak]

7.11 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan satu kes mengenai berkenaan dengan Akta Perhubungan Industri, *Industrial Relations Act*. Tuan Pengerusi pertama sekali saya ingin merujuk kepada keputusan kes mahkamah di antara Hotel Istana dengan Encik Nor Azam bin Baharin seorang bekas pekerja hotel tersebut yang telah dipecat oleh hotel itu.

Nor Azam kemudian membawa kes itu ke Mahkamah Perusahaan tetapi beliau mati sebelum kes itu didengar oleh Mahkamah Perhubungan Industri. Bapa si mati ini kemudian mewakili anaknya dan meneruskan sut tuntutan mahkamah tersebut tetapi Pengerusi Mahkamah Perusahaan kemudian memutuskan bahawa bapa si mati itu tidak berhak untuk mewakili si mati dalam tuntutannya berdasarkan satu keputusan Mahkamah Persekutuan yang mana telah memutuskan bahawa estet pekerja yang telah mati tidak boleh meneruskan sut tuntutannya berdasarkan *maxim action personalize morato come* pesona yang bermaksud tuntutan orang yang sudah mati di mana kes mahkamahanya juga berakhir dengan kematiannya.

Walau bagaimanapun saya rasa agak menarik untuk membaca keputusan Pengerusi Mahkamah Perusahaan tersebut, yang mana beliau kelihatan terpaksa membuat keputusan sedemikian kerana keputusan Mahkamah Persekutuan pada awalnya telah menetapkan pendirian sebegini. Pengerusi Mahkamah Perusahaan ini kelihatan tidak setuju dengan pendirian Mahkamah Persekutuan sebelum itu. Oleh itu Pengerusi Mahkamah Perusahaan itu membuat cadangan kepada Parlimen untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan supaya mengetatkan Seksyen 27 (i). Kerana beliau berpendapat peruntukan dalam seksyen ini adalah agak kabur.

Selain itu Pengerusi Mahkamah Perusahaan juga mengatakan bahawa beliau percaya hakim di Mahkamah Persekutuan mungkin telah pun membuat kesilapan dari segi menginterpretasikan seksyen tersebut dalam undang-undang berkenaan.

Tuan Pengerusi, dengan izin saya rasa apa yang termaktub dalam keputusan mahkamah ini adalah agak menarik yang mana ia berbunyi "*It is a humble of opinion of this court that judges in the superior court may have misread or misconstrue the intention of Parliament. It is hope that the time has come for the social activist reformers and all concerned parties to prompt Parliament, to debate further this matter so that the true intention of Parliament's can be ascertain and if appropriate review and amend the law accordingly.*"

Further it is hope that the application of the principals of natural justice they encourage to row more fury...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak payah bacalah masa tidak cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *...in the industrial court and to act set itself in the manner and deceits by the creator...*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat gulung, gulung.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *...of the Industrial Act 1967.*

Tuan Pengerusi, ini adalah satu kes ada *certain* isu lagi saya ingin minta Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa dengan *Construction Labor Exchange Central Berhad*, CLEB yang menguruskan pengambilan pekerja asing untuk majikan dan syarikat tersebut kononnya dari maklumat khabar angin diterima telah diberi beribu-ribu

kuota untuk menggaji pekerja asing. Saya ingin minta Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi satu penjelasan dengan ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: ...perkara ini kerana adalah didapati...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Pengerusi kerana ini satu kes bukan yang saya terima daripada agensi-agensi pekerjaan swasta berdaftar Malaysia dan berharap aduan mereka boleh dibentangkan di Parlimen, jadi bagi saya beberapa minit lagi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sudah bentangkan perkara ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri akan jawab nanti.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Beberapa minit untuk membentangkan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat sebab saya sudah buat keputusanlah 5 minit.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya saya faham Tuan Pengerusi, jadi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia suruh berikan peluang kepada Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya hendak hanya minta dua minit lagi kerana ini isu rakyat, ini isu yang saya telah letak atas meja saya selama satu bulan untuk dibaca kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adalah tidak baik kalau Tuan Pengerusi kacau saya macam ini dan kita bazirkan lebih masa.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tarik balik.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Kerana saya terpaksa agih...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tarik balik.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tarik apa itu?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Perkataan kacau itu, tarik balik.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Mengganggu, saya gantikan dengan mengganggu ucapan saya. Terima kasih Tuan Pengerusi, ada dibaca dengan ini saya akan dengan cepat habiskan ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cepat-cepatlah bagilah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bahawa CLEB dan pihak berkuasa disyaki melanggar undang-undang di bawah Seksyen 23 Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 Jabatan Tenaga Rakyat, Kementerian Sumber Manusia dan disyaki berlakunya penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa kerana satu, beroperasi tanpa lesen dari Jabatan Tenaga Kerja dan Jabatan Imigresen.

Dimaklumkan syarikat ini masih beroperasi sekawasan dengan cawangan Jabatan Imigresen dan balai polis yang berdekatan dengan berlainan blok bangunan sahaja yang mengambil masa satu, dua minit dengan jalan kaki dari balai polis dan Jabatan Imigresen di Damansara.

Soalannya mengapakah pihak penguat kuasa tidak mengambil tindakan penyiasatan menyeluruh terhadap aktiviti CLEB yang beroperasi haram tanpa lesen dari Jabatan Tenaga Kerja. Syarikat ini telah membawa masuk minimum 150 pekerja asing dan didapati sebanyak 216 syarikat majikan telah berdaftar dengannya. Syarikat ini juga disyaki berkemungkinan mengandungi ahli-ahli palsu, latar belakang yang tidak diingini dan sebagainya yang perlu disiasat dengan teliti dan menyeluruh dan dibersihkan senarai ahli-ahli sebab pengambilan pekerja asing berkenaan adalah berkenaan keselamatan negara.

Jika tidak terkawal, boleh menggoncang dan mengancam keselamatan sosial dan negara, kini didapati sekurang-kurangnya 800,000 pendatang tanpa izin dibawa masuk oleh sindiket dan sebagainya yang sudah membangkitkan kesan negatif sebab tidak mempunyai sistem secara atur. Pelantikan CLEB pada pendapat mereka adalah tidak adil dan saksama kepada...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ..agensi pekerjaan swasta berdaftar, jadi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...saya ingin Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penjelasan dan juga soalan para pengoperator agensi pekerjaan swasta berdaftar ini juga ingin tanya kementerian...

Timbalan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat lain kali buat notalah tidak payah bawa tekslah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...kementerian adalah mengapakah agensi-agensi berdaftar yang sudah mematuhi arahan dan peraturan yang dikeluarkan selepas memohon dan menunggu lebih 10 tahun masih tidak diberi peluang untuk pengambilan pekerja asing pelbagai sektor dan mereka juga rasa agak dukacita di mana agensi-agensi pekerjaan swasta sudah dirombak lebih 10 tahun tanpa diberi peluang tersebut. Sehingga hari ini hak mereka telah pun diabaikan, jadi permintaan mereka adalah pihak kerajaan akan memberikan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...lesen asal pengajian pekerja asing pelbagai sektor secara automatik. Akhirnya saya juga ingin hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, kenapakah agensi pekerjaan swasta diberikan mengikut tempat, kalau tempat itu sudah ada agensi pekerjaan swasta maka yang baru itu lesen yang tidak akan diberi kepada mereka.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik!

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tetapi di kawasan lain yang para operator agensi pekerjaan swasta ini berasa ini adalah tidak adil pada mereka, sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cakap tanpa baca lagi cepatlah, Yang Berhormat Puchong 3 minit.

Beberapa Ahli: [Bersorak] [Menyampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tiga minit cakap ya?

7.19 ptg.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin membahaskan ada dua perkara sahaja, iaitu saya terus kepada satu perkara iaitu 060200 iaitu Perluasan Dasar Sedia Ada Program Kemajuan Guna Tenaga.

Tuan Pengerusi kalau kita baca objektif-objektif kementerian kita dapati bahawa objektif utama ialah satu kementerian dan perancangan dan pembangunan sumber manusia mengikut keperluan industri. Perhubungan perusahaan yang berharmoni, meningkatkan produktiviti tenaga pekerja dan meningkatkan daya saing ekonomi negara. Saya ada satu persoalan yang asas iaitu *basic* soalan iaitu saya hendak tanya adakah kementerian sampai hari ini mempunyai satu unjuran penggunaan sumber manusia negara mengikut profesion-profesion ataupun sektor-sektor tertentu.

Saya bangkitkan ini kerana saya tahu kebanyakan perancangan dan juga strategi-strategi di bawah kementerian ini adalah secara *ad-hoc*. Sebagai contoh di masa sebelum krisis kewangan 1997, saya masih ingat semasa itu penggunaan sumber manusia terutama graduan-graduan daripada universiti tempatan dan juga luar negara ini mengharap satu permintaan yang tinggi. Maka ada satu dasar kerajaan untuk mengurangkan kursus-kursus ataupun jangka masa kursus-kursus di universiti-universiti tertentu daripada empat tahun ke tiga tahun.

Sekarang pula ada satu cadangan ataupun rancangan untuk memanjangkan kursus ini kerana ramai graduan yang tidak dapat kerja di pasaran iaitu kadar pengangguran yang tinggi. So, saya ingin tahu dan saya juga bercadang kepada kementerian bahawa mesti bekerjasama dengan kementerian-kementerian yang lain sebagai contoh di MITI, di mana industri *master plan* tiga yang akan diumumkan dan

saya haraplah kementerian boleh memberi satu perancangan atau satu unjuran bahawa penggunaan sumber manusia di Malaysia ini begitu profesional.

Sebagai contoh kalau sampai tahun 2020 berapa jumlah doktor kita perlukan, berapa *lawyer* ataupun *technician* mengikut sektor tertentu, kerana kalau kita tidak ada satu perancangan atau unjuran yang begini bagaimana kita boleh merancang penggunaan tenaga Malaysia untuk mencapai Wawasan 2020 kita ataupun menjadi satu negara yang maju. So, saya hendak tanya, adakah kementerian sudah ada perancangan ini ataupun masih dalam proses untuk mendapatkannya atau tiada, jadi saya cadang kepada kementerian mempercepatkan lagi perkara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng: So yang kedua. Okay, itu pendek sahaja iaitu penubuhan institusi keselamatan dan juga kesihatan pekerja iaitu Butiran 02200. Mengenai keselamatan di kawasan pembinaan ataupun kerja. Dan seperti mana yang saya tahu yang sedia maklum bahawa baru-baru ini empat pekerja daripada negara Indonesia telah mati kerana kren yang telah patah di kawasan saya. Dan saya hendak tanya adakah satu jawatankuasa atau satu jabatan di bawah kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri yang khusus untuk mengawal penggunaan kelengkapan ataupun peralatan pembinaan ini khususnya yang *second hand*.

Saya difahamkan sekarang semasa krisis kewangan tahun 1997 banyak kren ataupun kelengkapan-kelengkapan lain yang telah disimpan lama, tetapi kerana ada permintaan sekarang ini mereka gunakan kren-kren itu ataupun kelengkapan-kelengkapan yang dikatakan *second hand* ini. Dan bagaimana untuk mengawal supaya ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng:ciri-ciri keselamatan dapat dipertingkatkan. So, ini adalah persoalan yang saya hendak tanya kepada kementerian, saya harap kementerian dapat memberi satu penjelasan yang lebih jelas lagi. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah tepat tiga minit. Kuala Terengganu.

7.23 ptg.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 02000 iaitu Kemajuan Guna Tenaga Manusia dengan saya memberi fokus kepada aktiviti perkhidmatan latihan. Saya kira adalah amat elok sekarang ini kita *stocktaking* ataupun *taking stock* apa yang telah berjaya kita buat untuk kita bergerak ke hadapan dalam usaha kita menyediakan tenaga kerja mahir dan juga daya saing kita.

Saya ingin tarik perhatian dan juga menarik perhatian kementerian ini supaya merujuk kepada buku IMD *World Competitiveness Year Book 2005* yang menunjukkan kepada kita bahawa daya saing Malaysia dalam konteks peranan kementerian ini sudah merosot. Kalau pada tahun 2001 kedudukan Malaysia ini di tangga 28, tahun 2002 - 24 naik bagus, 2003 - 21 daripada 60 buah negara, 2004 ke tangga 16, 2005 merosot 12 tangga jatuh ke tangga 28. Ini menunjukkan kepada kita bahawa sesuatu perlu dibuat oleh kementerian ini. Sebab fungsi utama kementerian ini adalah untuk menunjukkan daya saing kita. Kita hanya bukan hendak berdaya saing *competitiveness* malah kita perlu berada di tangga yang lebih istimewa lagi bukan sekadar *to compete but to* - untuk mengatasi lagi *beyond competition*. Dan usaha ini harus dilakukan oleh kementerian ini kalau sekiranya kita hendak meletakkan negeri kita ini di mercu dan di martabatnya untuk menjadi jaguh dunia global ini.

Saya juga ingin tarik perhatian sejauh manakah sekarang ini, kementerian ini telah berjaya memberi latihan. Sebab yang kita lihat sekarang ini ialah lebih ramai dan semakin ramai pendatang haram datang untuk bekerja di tempat ini. Sejauh manakah ianya telah berkesan untuk beri latihan kepada remaja-remaja kita khususnya yang telah tamat persekolahan juga kepada graduan-graduan kita sekarang ini. Ini harus diberi perhatian yang serius. Dan saya hendak tahu juga sejauh manakah kejayaan Institut Latihan Perindustrian dalam memainkan peranannya. Berapa banyak ILP ini? Selain daripada itu juga berapakah kapasiti yang dapat diserapkan oleh ILP, ADTEC,

CIAST dan juga JMTI, yakni *Japan-Malaysian Technology Institute* ini. Dan saya juga mencadangkan kalau boleh satu ILP diwujudkan di Terengganu ataupun di kawasan Timbalan Menteri kita sendiri di Marang ini. Sebab kawasan di Pantai Timur itu agak terasanya kurang sedikit dari segi kehadiran institusi-institusi serupa ini.

Akhir sekali saya ingin tarik perhatian ialah sejauh manakah kementerian ini memiliki satu standard tinggi kualiti pekerja Malaysia. Sebab ini adalah merupakan satu rangka ataupun standard yang perlu ada pada kita untuk kita bersaing dan berada nombor satu di dunia ini. Apa yang ada ialah yang disebut sebagai NOSS ataupun *National Occupational Skill Standards* sahaja, saya rasa tidak cukup untuk kita berada nombor satu. Kita perlu kepada *standard* tinggi kualiti pekerja Malaysia ini. Dan saya juga berharap supaya kementerian ini berbuat sesuatu juga untuk memastikan kurikulum latihan yang ada di institusi-institusi yang sedia ada itu diperbaiki supaya kita boleh berdepan dengan cabaran-cabarannya.

Isu yang timbul sekarang ini ialah kita telah membina MSC, kita juga telah mengadakan gagasan bioteknologi tetapi tenaga kerjanya *manpower*nya itu tidak ada. Ini menunjukkan kegagalan kita menyediakan *projection* seperti mana yang wakil sebelum ini bercakap – Puchong, yang ini kita gagal menyediakan satu perancangan unjuran tenaga yang diperlukan. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah empat minit. Baik Tanjong. Orang tiga minit boleh, Tanjong tiga minit pun boleh.

7.27 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Pengerusi Butiran 01000 - Pengurusan Kementerian. Tadi kita memperdengarkan beberapa aduan berhubung dengan PERKESO dan kita mendapati bahawa para pekerja amat memerlukan perlindungan PERKESO dan mengharapkan lebih banyak faedah daripada PERKESO. Tetapi kita nampak ada kekurangannya dan kita juga nampak PERKESO bercadang untuk membelanjakan RM142 juta dalam mengambil alih tanah untuk membina lima ibu pejabat negeri di Kuala Lumpur, Kota Bharu, Petaling Jaya, Johor Bahru dan Pulau Pinang.

Saya ingin tahu sama ada bangunan-bangunan ini, pada masa siangnya bangunan-bangunan ini akan dapat membantu PERKESO mendapat hasil daripada sewaan bangunan-bangunan ini selain daripada ruang yang digunakan oleh PERKESO sendiri. Sebab pencarum amat memerlukan faedah khususnya dalam kadar bayaran rawatan perkhidmatan mesin hemodialisis yang dibayar oleh PERKESO kepada NGO-NGO yang menawarkan kemudahan itu kepada pencarum PERKESO. Jadi saya ingin tahu, apakah PERKESO bercadang untuk naikkan kadar bayaran ini ataupun sama ada PERKESO ada rancangan untuk mengoperasikan pusat-pusat khidmat mesin hemodialisis untuk membawa faedah kepada pencarum-pencarum. Kita juga mendapati bahawa beribu-ribu pekerja telah hilang untuk mendapat faedah PERKESO sebab wujudnya masalah *under diagnosis* oleh jemaah doktor PERKESO berhubung dengan penyakit pekerjaan, di mana dalam senarai PERKESO ada 48 penyakit ini. Tetapi oleh sebab *under diagnosis* oleh jemaah doktor, beribu-ribu pekerja tidak mendapat perubatan (*medical*), pampasan dan juga faedah kurang upaya.

Jadi saya berharap PERKESO dapat mengkaji semula perkara yang amat penting ini. Saya juga mendapat tahu bahawa hampir kira-kira 40,000 majikan dikesan melesapkan jutaan ringgit dengan tidak membuat caruman untuk pekerja yang layak menerima perlindungan insurans di bawah PERKESO. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, setakat ini berapakah majikan sudah pun didakwa ataupun dibawa ke mahkamah oleh PERKESO supaya ini akan memberi amaran kepada majikan-majikan ataupun bakal majikan supaya lebih bertanggungjawab untuk membuat caruman bagi pihak pekerja-pekerja yang amat memerlukan.

Saya juga ingin tahu dari kementerian, apakah tindakan yang diambil untuk memastikan tuntutan-tuntutan insurans PERKESO ini yang nampaknya ada unsur-unsur *fraudulence* yang merupakan 10% hingga 15% dari segala tuntutan ini mengandungi unsur-unsur *fraudulence*. Apakah tindakan yang akan diambil oleh PERKESO untuk mengatasi masalah ini dan berkenaan dengan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, saya ingin tahu dari kementerian, bilakah kod amalan kualiti udara dalaman akan diwartakan sebagai satu peraturan wajib sebab...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Chow Kon Yeow: ...kementerian sendiri telah menyatakan bahawa 50% dari semua bangunan di dalam negara ini adalah bangunan yang tidak sihat sebab tidak memenuhi piawaian udara dalaman bangunan antarabangsa sebab mengandungi *pollutant* kimia dan mekanikal dan sebagainya. Jadi saya ingin tahu, bilakah kod amalan kualiti udara dalaman ini akan menjadi peraturan yang wajib. Kita juga dapat tahu yang akhirnya dalam Laporan Audit Negara telah mendapati bahawa wujudnya *discrepancy* sebanyak RM98 juta di antara sistem proses elektronik PERKESO dengan buku tunainya.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Discrepancy ini juga wujud dalam tahun 2002, dan tahun 2003. Jadi, apakah alasan wujudnya *discrepancy* ini? Adakah ini disebabkan oleh projek *computerization* yang menghadapi kegagalan pembekal mengintegrasikan projek komputer ini dengan sistem-sistem yang wujud dalam PERKESO dan masalah ini dikesani pada tahun 1996. Mengapa lewatnya PERKESO mengambil tindakan untuk menggantikan pembekal ini?

Akhirnya saya ingin tahu di bawah pentadbiran undang-undang kita tadi, kita dengar persaingan negara kian merosot. Jadi, saya ingin tahu apakah undang-undang buruh yang akan diulang kaji supaya menjadikan pasaran buruh kita lebih fleksibel supaya Malaysia dapat mempertingkatkan kadar persaingannya di persada dunia. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bandar Kuching, selepas itu Menteri menjawab.

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baru sediakah, Yang Berhormat?

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Bandar Kuching.

7.33 ptg.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh *Sarawak Labor Ordinance* kerana di bawah *Sarawak Labor Ordinance*, semua pekerja *non-manual worker* yang gaji bulanannya tidak melebihi daripada RM2,500 akan dilindungi oleh *Sarawak Labor Ordinance*. Tetapi, semasa ia dikuatkuasakan pada 1 Oktober, *Minister* telah mengumumkan bahawa *non-manual workers* yang gaji bulanannya tidak melebihi RM2,000 sahaja yang akan dilindungi oleh ordinaran itu khususnya mengenai *overtime*. *Non-labor workers* yang gaji bulanannya melebihi daripada RM2,000 sebulan tidak akan layak untuk dibayar *overtime pay*. Apakah justifikasi menteri untuk membuat satu pertukaran walhal akta sudah memperuntukkan bahawa semua pekerja yang gaji bulanannya tidak melebihi RM2,500 akan diperlindungi oleh *Sarawak Labor Ordinance*.

Saya ingin memetik satu pandangan daripada MTUC yang mengatakan *why the ceiling of RM2,500 is more than justify?* Ini adalah pandangan mereka:

"The ceiling in the Employment Act was RM1,000 in 1984, increase to RM1,250 five years later in 1989 and another RM250 five years later in 1995. It is due to the review and the federal government has indicated that will review it soon. Since the ceiling has been increased by RM250 every five years and last review was 10 years ago, it will be reasonable to expect that new ceiling for the Employment Act will be at least RM2,000. Please take cognizance that of the fact that, the federal government, state government, government agencies and statutory bodies pay a regional allowance ranging between 15% to 35% of the basic salary to all government, employees irrespective further they are transfer from Peninsular or Sarawakian or employees who are serving in Sarawak because of the higher cost of living in Sarawak. For the private sector employees in the banking, Telekom, Petronas and SHELL are also paid similar cost of living allowance. So, if the Employment Act ceiling is to be reviewed to at least RM2,000, then the ceiling in Sarawak should be 2,000 times 25% which is RM2,500."

Saya ingin tahu apakah justifikasi untuk Menteri menukarkan *price ceiling* yang diperuntukkan di dalam *Sarawak Labor Ordinance* dan keduanya di...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen: Saya akan sebutkan perkara kedua yang *also* mengenai itu *price ceiling*. Bilakah kerajaan akan *review price ceiling* untuk pekerja di Semenanjung Malaysia daripada RM1,500 ke RM,2000 atau yang lebih kerana yang terakhir sekali ia ditukarkan adalah 10 tahun lalu. Sudah sampai masa untuk dinaikkan supaya pekerja-pekerja kita akan diberikan *fairer treatment*. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor, yang akhirlah Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat. Ipoh Timor.

Puan Chong Eng: [Menyampuk]

7.38 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Pengerusi, beberapa perkara sahaja. Yang pertama ialah, kita ada dengar mengenai *industrialization*. Kita tahu bahawa sudah berapa lama ada ura-ura mengenai pindaan kepada undang-undang buruh. Tetapi kita mahu tahu apa keadaannya sekarang dan nampaknya semangat *tripartite* tidak begitu dipatuhi oleh pihak kerajaan. *Tripartite* ialah kerajaan, majikan dan pekerja. Kalau kita mahu menghormati semangat *tripartite* kita perlu *institutionalize* semangat ini. Antara lain ialah bahawa perlu melantik pekerja-pekerja, wakil-wakil daripada MTUC melantik pemimpin, wakil mereka duduk dalam Dewan Negara. Adakah ini akan diterima sebagai satu *institutionalization* semangat *tripartite*.

Kedua, mengenai *Registrar Trade Unions* (RTU). Masalah rumit ialah mengenai pengiktirafan kesatuan-kesatuan. MTUC ada buat kompelin bahawa tahap *organizational* dan hak mereka untuk *collective bargaining* begini khasnya untuk lebih daripada 8,000 pekerja-pekerja yang terbanyak daripada syarikat-syarikat perkilangan tidak dihormati.

Adakah usaha-usaha dibuat oleh kementerian ini untuk memberi pengiktirafan dan hak *organizational* yang lebih mudah, khasnya dalam sektor-sektor yang sehingga sekarang tidak dibenarkan untuk *organize* pekerja-pekerja dan mengenai *occupational safety* dan *health*. Memandangkan bahawa dalam sedekad selepas *Occupational Safety and Health Act* di mana majikan-majikan atau syarikat-syarikat diberi tanggungjawab untuk *self-regulation* mengenai memberi peruntukan untuk menjaga *occupational safety* dan *health* pekerja-pekerja tidak berkesan. Adakah usaha untuk meminda dan mengkaji *occupational health and safety legislation* supaya masalah *occupational safety* di mana boleh dikatakan di Malaysia pekerja-pekerja atau kadar *occupational accident* sangat tinggi. Apa usaha untuk mengurangkan *occupational accident rate* ini?

Mengenai pindaan kepada undang-undang *labour*, adakah usaha untuk memberi pengiktirafan kepada pekerja-pekerja yang dipecat ada had untuk *recourse* kepada *Industrial Court*, oleh sebab sampai sekarang tidak ada hak untuk pekerja-pekerja yang *subject dismissal* terus untuk pergi *Industrial Court* untuk dapat *remedy* dan adakah antara lain usaha untuk memanjangkan cuti *maternity* sama ada sektor swasta atau awam untuk beri 90 hari *maternity leave* untuk negara kita, 90 days *mandatory maternity leave* ataupun peruntukan untuk *child care facility*. Adakah peruntukan untuk membaiki perkara ini?

Akhirnya mengenai *sexual harassment* undang-undang. Apa usaha ada dibuat oleh kementerian mengenai kes Beatrice, MAS? Sungguhpun ini kes yang berasing tetapi mereka ada pergi mahkamah dan kalah tetapi daripada segi untuk mempertingkatkan kesedaran mengenai menentang *sexual harassment*, bukannya kalau usaha dibuat oleh kementerian ini untuk memberi bantuan dalam kes ini, khasnya untuk memujuk MAS ambil tindakan untuk memberi keadilan kepada Beatrice, tidak ada langkah yang lebih baik untuk mempertingkatkan kesedaran masyarakat kita mengenai hak-hak dalam perkara ini untuk mengelakkan masalah-masalah yang berbangkit daripada *sexual harassment*. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bukit Mertajam, ringkaskan.

7.43 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, terima kasih saya cuma hendak bertanya satu perkara sahaja. Kementerian Sumber Manusia mengatakan akan meminda Akta Pekerja untuk memasukkan gangguan seksual *guidelines* di dalamnya. Jadi saya hendak tanya kalau untuk wanita atau lelaki yang gaji mereka melebihi RM2,500 di bawah gaji ini dilindungi akta ini. Kalau mereka melebihi gaji ini tetapi juga diganggu secara seksual, jadi di mana mereka boleh mengadu? Jadi saya rasa ini tidak mencukupi. Adakah kementerian akan menimbang semula untuk mengadakan satu akta anti-gangguan seksual supaya boleh melindungi semua wanita dan juga lelaki. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sila memberi jawapan.

7.45 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Pertamanya saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah bangkitkan banyak perkara yang menyentuh tentang Kementerian Sumber Manusia.

Saya ingin memulakan dengan pandangan yang pertama yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Santubong mengenai dengan kedudukan MLVK, khususnya dari segi kedudukan bumiputera dan juga tentang status dan sebagainya, termasuklah dasar-dasar untuk membanyakkan keseimbangannya. Suka saya jelaskan bahawa jumlah pusat bertauliah MLVK ialah sebanyak 1,400 dan ini termasuk 400 institusi latihan di bawah pelbagai kementerian ataupun agensi awam. Daripada jumlah itu terdapat 60% ataupun 600 buah milik pengusaha bumiputera termasuk 50 pemilik bumiputera di Sabah dan di Sarawak.

Keduanya, saya juga ingin jelaskan bahawa yang aktif ataupun yang masih cergas menguruskan pengambilan pelatih ialah dalam lingkungan 400 buah dan terdapat juga pusat-pusat bertauliah yang tidak aktif. Ini disebabkan oleh beberapa perkara. Pertamanya kerana pengurusan yang kurang cekap dengan tenaga pengajar yang juga tidak begitu komited dan masalah kualiti pengurusan yang kurang baik. Walau apa pun kita dapati secara umumnya pusat-pusat majlis latihan vokasional ini terus beroperasi dan pihak Kementerian Sumber Manusia sentiasa memberikan sokongan malah kita telah pun mempunyai satu tabung yang dikenali sebagai Tabung Perbadanan Pinjaman Kemahiran yang akan terus membantu penyelia-penyelia latihan untuk mengendalikan soal-soal yang berkaitan dengan latihan di bawah Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bera bangun Yang Berhormat..

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat, saya dapat tahu ada beberapa MLVK ditutup sebelum pelajar-pelajar itu memperoleh sijil-sijil dan apabila pelajar-pelajar tersebut cuba mendapatkan sijil di MLVK tersebut, tentulah MLVK tersebut tidak dapat mengeluarkan sijil-sijil. Jadi apakah nasihat daripada pihak kementerian jika kes ini berlaku?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih. Kita mengambil tindakan terhadap mana-mana MLVK yang telah diberikan peruntukkan ataupun lesen untuk beroperasi tetapi tidak menghabiskan usaha-usaha untuk memberikan latihan kepada pelajar-pelajar. Kita juga dalam masa yang sama menasihatkan pelajar-pelajar supaya berhati-hati dalam memilih penyelia-penyelia latihan di seluruh negara.

Perkara kedua yang saya hendak sebutkan di sini iaitu mengenai dengan..

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat, Yang Berhormat bukan nasihat sebelum masuk. Ini dia sudah masuk belajar, tidak sempat, dia sudah keluar kemudian dia hendak ambil balik sijil, tempat itu sudah ditutup.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Kita minta supaya pelajar-pelajar berkenaan memberikan laporan penuh kepada pihak Kementerian Sumber Manusia supaya tindakan boleh kita ambil kepada majikan yang berkenaan.

Yang keduanya kita..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Sri Gading, Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Nanti saya habiskan sekejap ya. Yang keduanya kita juga pindahkan pelajar berkenaan kepada MLVK ataupun penyediaan latihan yang lain. Sila, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya dapat sepucuk surat daripada pekerja-pekerja dari ILP. Institut Latihan Perindustrian Perai telah pun diswastakan kepada sebuah syarikat, tidak payah sebut nama dan pihak yang menjalankan swasta ini gagal mengendalikan ILP Perai ini. ILP Perai ini dijangka akan ditutup pada bulan April 2006. Jadi pekerja-pekerja di sini....

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Seorang Ahli: Apa fasal cakap perlahan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Haiya, cakap kuat salah, cakap perlahan salah. Jadi ada atau tidak maklumat yang Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sudah malam bateri kurang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ...tentang perkara ini mereka mengharapkan sangat pembelaanlah daripada pihak kementerian atas kedudukan mereka yang akan ditamatkan, penswastaan ini akan tamat, jadi ILP di Perai ini akan ditutup pada April 2006. Minta sedikit penjelasan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya ingat Yang Berhormat Sri Gading boleh memberikan laporan penuh kepada saya supaya tindakan itu boleh disegerakan. Perkara yang seterusnya, yang dibangkit oleh Yang Berhormat Santubong iaitu mengenai dengan penyakit melibatkan pekerja-pekerja semasa bekerja, apakah tindakan para majikan bagi menangani perkara ini. Suka saya jelaskan di sini bahawa Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan sentiasa mengadakan pemeriksaan ke tempat-tempat kerja bagi memastikan bahawa penyakit-penyakit pekerjaan dapat dikawal, dikesan dan seterusnya dibuatkan tindakan.

Yang keduanya jabatan juga telah mengadakan garis panduan yang dikenali sebagai *Occupational Health Services* bagi diguna pakai oleh industri dalam memastikan bahawa perkara-perkara berhubung dengan penyakit perusahaan di tempat kerja dapat dikawal. Sejauh ini penyakit-penyakit yang dikatakan wujud di tempat-tempat kerja, iaitu penyakit-penyakit industri masih terlalu kecil dan dapat dikawal, umumnya berlaku dalam soal yang melibatkan kulit pekerja-pekerja itu sendiri. Seterusnya saya ingin menjelaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan caj pemeriksaan yang tinggi yang telah dibangkitkan oleh Bukit Bintang.

Sukalah saya menjelaskan di sini, bahawa kenaikan caj ataupun kadar yang telah diluluskan itu adalah merupakan kadar daripada keputusan pihak Kabinet itu sendiri setelah dibuat satu kajian yang begitu mendalam dan begitu teliti sekali. Caj pemeriksaan ini dibuat perubahan setelah ia diguna pakai dan belum dipinda begitu lama. Bukan sekadar 10 tahun, bukan 20 tahun tetapi kira-kira selama 34 tahun. Terkejut Sri Gading 34 tahun.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bukit Bintang bangun.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa kadar dinaikkan sebanyak 600 peratus dulunya dibayar RM45 sahaja, tetapi tahun ini 2005 dinaikkan 600 peratus dari RM45 hingga RM293. . Ini satu perbezaan kepada pekedai percetakan ataupun pekedai-pekedai yang berkenaan. Adakah ini akan membebaskan mereka ini, adakah kementerian menimbang semula bahawa ini boleh menurunkan kadar sebanyak 100 peratus sahaja – tidak akan naik 500 peratus. Ini

boleh menolong SMI bahawa mereka boleh membangunkan *business* mereka dengan lebih baik. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya mengakui bahawa caj yang dinaikkan itu berganda iaitu tidak sampai tujuh lapan kali ganda, tetapi sekadar dalam empat kali ganda sahaja dan caj ini adalah merupakan caj yang telah diteliti oleh beberapa majlis-majlis dialog dan juga bertukar fikiran terutama oleh pihak JKPP dengan beberapa pihak majikan termasuklah MBF itu sendiri. Jadi caj ini sebagaimana yang telah saya sebutkan adalah merupakan caj yang rendah dan jika dibandingkan dengan negara-negara lain, caj yang dikenakan ini adalah merupakan caj yang rendah lagi, maknanya tidaklah keterlaluan dan masih dikategorikan sebagai rendah dan memang mampu dilaksanakan oleh pihak majikan itu sendiri.

Selain daripada itu juga saya nak respons kepada Yang Berhormat Bukit Bintang mengenai dengan pekerja diberhentikan kerja tanpa mendapat pampasan. Mengikut Akta Kerja 1955, pada masa ini sudah cukup untuk menjaga kepentingan dan juga perlindungan pekerja. Jadi tak nampak berlaku satu penyelewengan ataupun penganiayaan kepada pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja. Juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Bintang mengenai dengan pekerja yang tidak diberi pembelaan sewajarnya. Sebenarnya akta ini juga telah memberi peruntukan yang sangat jelas iaitu sebarang aduan akan diambil tindakan segera. Sekiranya ada aduan pekerja diberhentikan tanpa notis, maka kesnya akan dibicarakan di Mahkamah Buruh.

Perintah akan dikeluarkan jika majikan enggan patuhi perintah, maka tindakan seterusnya diambil kepada mahkamah lebih tinggi seperti Mahkamah Seksyen dan juga Mahkamah Tinggi. Sehingga kini untuk makluman Yang Berhormat Bukit Bintang tiada masalah dalam menyelesaikan atau mengendalikan kes-kes tuntutan pekerja. Sekiranya ada ataupun terdapat kes-kes serius boleh kita merujuk kepada Jabatan Tenaga Kerja, dan Akta Kerja 1955 sebenarnya dalam proses pindaan untuk dikemaskinikan dan akan dibentangkan di Parlimen. Kita ada tiga akta yang akan dibentangkan dan salah satunya Akta Kerja 1955 yang memberikan kekemasan kepada hak-hak majikan dan juga pekerja. Sila Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri saya nak sedikit penjelasan berkenaan dengan VSS ini. Sekarang ini banyak syarikat sama ada *merger* bank, sama ada GLC, sama ada badan-badan perniagaan kerana hendak mengurangkan kos, pentingkan *bottom line* keuntungan, maka mereka VSS secara terhormat meminta seseorang itu berhenti daripada perkhidmatan walaupun kadang-kadang kita kata dia tak paksa, tetapi kita kena faham kalau dia tak mahu terima VSS mungkin dia akan ditukar ke satu tempat, ini menyusahkan dia dan keluarga dia.

Kadang-kadang orang itu bekerja di situ lama dah ada rumah, anak sekolah dan sebagainya. Jadi saya lihat Telekom VSS, Tenaga VSS, bank-bank yang depa *merge* pun VSS. Jadi kita kena ingat kerana dari segi ini ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, apa isu dia Yang Berhormat, tanyalah apa isu dia.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Isu itu saya nak sampai...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, panjang sangat Yang Berhormat ...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tunggu, tiap-tiap malam 10.30 saya tunggu. Jadi Tuan Pengerusi kalau tak bagi saya bercakap, jauh hati saya Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, terus tanya soalan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, boleh tak pihak kementerian Yang Berhormat memastikan bahawa kalau depa nak VSS pastikan pekerja itu boleh melaporkan kepada kementerian dan kalau kawan ini tolak VSS, kawan ini tidak akan dianiayai kerana kalau kita buat macam ini macam BERNAS pun VSS, pekerja daripada 4000 tinggal 1000 lebih, kerana *bottom line* sedangkan saya difahamkan Tuan Pengerusi, saya minta seminit, saya difahamkan saya nak ambil mesej ini kerana penting ini, saya kata tak ambil tak boleh pasal saya ada mesej.

Mesej ini berkaitan dengan VSSlah jadi Tuan Pengerusi sat Yang Berhormat bagi seminit saja...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat. Nak tunjuk telefon Yang Berhormat di sini buat apa?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bukan telefon, ini VSS yang saya nak kena cerita ha ini ada. Ok, CEO TNB dia akan dapat 1.2 *million shares*, TNB dia dapat 0.6 *million shares* dalam kontrak dia. Jadi dia kena buktikan untung. Untuk mencapai keuntungan *first burden* yang dihadapi ialah tenaga kerja, maka VSS kurangkan tenaga kerja. Jadi kita sekarang Yang Berhormat Tuan Pengerusi, masalah pekerja baru baca tentang pekerja, hak dok ada dah kita nak suruh berhenti jadi di mana...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat dahlah Menteri hendak menjawablah Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi huraian panjang sangat cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, tak apa saya puas hati dah terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya lihat apa yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Jerai itu cukup baik, iaitu mempunyai pandangan yang agak bernas supaya syarikat-syarikat tidak mudah memberhentikan atau mengesyorkan pekerja-pekerjanya berhenti secara sukarela VSS itu. Jadi saya di sini sama jugalah dengan hasrat Yang Berhormat iaitu tidak menggalakkanlah majikan-majikan membuat sesuka hati untuk memberhentikan kerja-kerja, cuma apa yang diberikan ini adalah merupakan sekadar pandangan tidak ada soalan yang dinyatakan.

Keduanya, saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bukit Bintang

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sila.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi jawapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan majikan tidak menunaikan apa yang dijanji seperti pekerjaanya dipecat tanpa membayar gaji.

Oleh kerana mereka mengambil pekerja asing lebih murah gajinya inilah satu kes saya hendak kemukakan kepada Jabatan Buruh untuk mengambil tindakan Mahkamah sebab pekerja tempatan dipecat dan mengambil pekerja asing menggantikan mereka. Ada satu restoran yang dimiliki oleh orang asing di kawasan saya. Saya berharap kes ini boleh diambil tindakan terhadap pemilik restoran ini kerana pekerja tempatan dipecat dan mereka mengambil pekerja asing. Inilah satu perkara yang tidak boleh diterima oleh semua masyarakat kita. Saya haraplah kementerian boleh mengambil tindakan terhadap pemilik restoran ini. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih. Satu pandangan yang baik. Kalau sekiranya mana-mana pihak majikan yang memecat pekerja-pekerja tempatan disebabkan untuk mengambil pekerja asing itu dah salah. Tetapi kebanyakan pemecatan yang dilakukan kepada pekerja-pekerja tidak kira asing atau tempatan disebabkan mereka itu tidak mempunyai keupayaan, tidak berkualiti, tidak boleh buat kerja dan sebagainya. Tetapi secara umumnya tidak kita terima satu laporan ataupun dakwaan bahawa dipecatnya pekerja tempatan itu untuk digantikan dengan pekerja asing. Tetapi mungkin mempunyai sebab-sebab lain yang lebih spesifik. Oleh hal yang demikian saya minta Yang Berhormat untuk mengemukakan kepada kita restoran mana, siapa yang dipecat dan apakah asas-asas yang mengatakan dipecatnya pekerja tempatan kerana untuk mengambil pekerja asing. Sila beri kepada saya kemudian.

Saya juga ingin berkisar kepada apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Puchong mengenai dengan kemalangan kren dan juga ada seorang lagi Yang Berhormat. Saya hendak jelaskan bahawa kejadian kemalangan kren itu adalah yang berlaku pada 26hb November dan apabila kemalangan itu berlaku pihak Kementerian Sumber Manusia terus mengadakan siasatan iaitu pada 26hb November hari itu juga dan kontraktor utama iaitu PNN Construction Sdn. Bhd. Shah Alam, *developer* nya iaitu

Utara Ria Development Sdn.Bhd. dan pemilik kren itu ialah Techon Machinery Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.

Jenis kemalangan kren itu roboh ataupun patah dan mangsa yang terlibat 4 orang, seorang pemandu kren itu sendiri dan tiga yang lain pekerja-pekerja Indonesia. Nama-nama pekerja itu ada semua pada saya. Tindakan-tindakan yang telah kita ambil iaitu memberhentikan serta-merta ataupun *stop work order* kepada kerja-kerja yang ada itu dan pihak Jabatan kita JKKP terus membuat siasatan mengenai dengan punca kemalangan.

Yang keduanya kita telah pun mengarahkan pemilik kren mengemukakan rekod pemeriksaan dan senggaraan kren dan yang keempatnya kita telah mengarahkan pemilik kren untuk membuat pemeriksaan menyeluruh ke atas semua kren-kren yang dimiliki oleh pemilik di tapak kerja yang sama. Kelima menimbangkan agar perumahan kongsi yang kren itu jatuh yang melibatkan orang dalam rumah itu mati untuk dialihkan daripada tapak bina kepada tapak yang lain. Perkara ini sebenarnya tiada di dalam undang-undang penguatkuasaan JKKP dan ini perlu dilihat dan juga disemak kembali.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, seorang Timbalan Menteri yang bersemangat dan sesuai sangatlah naik pangkat jadi Menteri. Dengan ini pun kurang Menteri.

Saya hendak bertanya apa rasional, apa munasabahnyanya, apa logiknya MAS membuang memberhentikan pegawai-pegawai perempuannya pramugari apabila berumur 40 tahun sedangkan perempuan bagi sayalah 40 tahun ke ataslah lebih menarik. Tak tahulah selera Yang Berhormat Timbalan Menteri *[Disorak]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tadi tidak timbul, tadi bahas sahaja.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yalah, tak tahu Yang Berhormat Tuan Pengerusi selera tak tahu, ini selera saya. Dia masih gagah masih kuat. Apakah MAS hanya mementingkan kecantikan. Apakah perempuan berumur 40 tahun ke atas bagi MAS tidak cantik. Ini satu pandangan yang amat sempit. MAS harus agaknya berubah paradigmanya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat. Dah tanya tu cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak perjuangkan fasal itu sebab apabila MAS menganaktirikan wanita, MAS anti wanita sedangkan penumpang MAS 50% wanita dan orang wanita yang berumur 40 tahun atau 50 tahun tengok di bendang dan di ladang-ladang umur 60 tahun boleh menoreh getah lagi. Ini takkanlah mengangkat sedulang air umur 50 tahun tidak boleh. Tak mengapalah berhenti sampai umur 55 tahun. Kita hendak bela juga wanita Tuan Pengerusi. Wanita jangan kita diskriminasi dia. MAS sebagai satu GLC kerajaan yang terbesar yang mana wang ini daripada rakyat, rakyat negara ini separuh wanita mengapa MAS mendiskriminasikan wanita. Tak boleh. Biarlah sampai umur 55 tahun. Macam kita punya Menteri MITI 62 tahun masih gagah lagi Kita punya Menteri Wanita saya ingat sudah lebih setengah abad tetapi dia punya cun kalah umur 25 tahun *[Disorak] [Dewan riuh]*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ya, ya. Bagi Menteri jawablah Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Dewan semakin riuh]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sini bukan Bukit Mertajam, sini Seputeh ho. Betapa cantik dia *[Ketawa]*. Yang Berhormat bagi Batu Gajah memang muda lagilah. Ini serius Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum 40 tahun Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini serius kerana mereka telah berkhidmat dengan MAS begitu gemilang bila 40 tahun dibuang walaupun masih sihat wal'afiat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Masih gagah. MAS kena tukar dia punya sikap kepada wanita, jangan mendiskriminasikan wanita. Ini sudah macam menyeksa wanita dan menafikan hak wanita. Seluruh wanita di Malaysia akan sokonglah Tuan Pengerusi untuk MAS benarkan pekerja-pekerja wanita kerja sampai umur 55 tahun. Tuan Pengerusi setuju?

Puan Chong Eng: Ya, saya sokong.

Cik Fong Po Kuan: Saya pun sokong.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, saya ingat dia hendak tanya soal kren tetapi dia pergi ke MAS. *[ketawa]* Saya tengah seronok dok cakap soal kren ke MAS pula, tak apalah. Tak apalah boleh jugalah. Saya hendak maklumkan bahawa kebanyakan sikap ataupun apa yang telah dibuat oleh MAS itu adalah untuk memastikan bahawa pekerja-pekerja mereka itu aktif, cergas dan bertenaga. Sebagai mana lazimnya kita sedar mereka yang telah berumur 40 tahun kurang tenaga. Kedua mempunyai tanggungan termasuk *family* dan sebagainya hendak beranak dan sebagainya. Keempatnya bahawa kita sedar terdapat orang baru untuk masuk untuk menjadi pramugari dan pramugara ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya tidak dapat terima Yang Berhormat Timbalan Menteri kata perempuan umur 40 tahun ke atas kurang tenaga sedangkan umur hayat wanita di Malaysia ini lebih tinggi wanita daripada lelaki. Maknanya kesihatan wanita lebih baik daripada lelaki. Pada sayalah, kalau tidak tak kan umurnya panjang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: 76 ye Yang Berhormat?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tetapi sudah tentulah mereka yang berumur di antara 20 tahun sehingga 39 tahun lebih kuat tenaganya daripada 40 tahun dan ke atas. Itu mesti diakui, ok? Hujah itu tidak boleh Yang Berhormat Sri Gading sangkal lagi, tepat, padat dan kemas *[Ketawa]*. Saya hendak berbalik kepada soal kren tadi ...

Puan Chong Eng: Penjelasan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Hal krenkah atau hal MAS?

Puan Chong Eng: MAS.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: MAS nanti dahulu, sabar.

Puan Chong Eng: MAS nanti dahulu ka?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sabar sekejap, saya hendak habiskan kren ini.

Puan Chong Eng: Okey, bagi ye?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya bagi, saya bagi.

Puan Chong Eng: Okey.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Operator kren menara ini sebelum mereka menjadi operator mereka hendaklah berlesen dan lulus kursus-kursus mengendalikan kren dan mestilah berdaftar dengan Jabatan Keselamatan dan juga Kesihatan Pekerjaan. Lulus peperiksaan ini dan diberi sijil oleh pihak NIOSH bagi memastikan mereka benar-benar berkualiti.

Yang jatuh tu bukanlah bererti operator itu tidak berkelayakan dan berpengalaman tetapi kren itu angkat satu beban yang kuat tetapi beban di tanah tersangkut. Bila tersangkut operator yang di atas itu dia tarik lagi mungkin tidak menyedari ia tersangkut jadi di tengah-tengah itu patah, condong dan terhempap ke atas satu rumah. Ini bukan kepada kerosakan kren tetapi beban angkut yang ditarik daripada tanah itu begitu berat maka tersangkut. Itulah keadaan yang berlaku.

Tuan Lau Yeng Peng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Puchong.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila.

Tuan Lau Yeng Peng: Saya tanya pasal kren . Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian Yang Berhormat kerana tindakan yang pantas dan tindakan yang baik.k

Tetapi satu persoalan mengenai *maintenance crane*. Operator memang saya ingat berkecualan dan mendapat sijil tertentu tetapi bagaimana kalau satu tindakan di mana kren-kren yang saya sebut tadi *second hand* sebagainya sebelum digunakan di kawasan-kawasan tempat pembinaan yang baru. Bagaimana masalah persoalan *maintenance* kerana saya difahamkan bahawa kebanyakan kren yang akan digunakan di kawasan tertentu kemudian besar kren ini dibawa daripada gudang-gudang tertentu atau kawasan simpanan tertentu di mana penggunaannya tidak di *maintain* dengan sempurna sehingga satu waktu mungkin 2 atau 3 tahun atau 4 tahun mereka terus digunakan. Apakah komen daripada Yang Berhormat?.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Satu permintaan soalan yang begitu baik sekali. Saya hendak jelaskan di sini bahawa pihak Jabatan Keselamatan dan juga Kesihatan Pekerjaan Malaysia tidak menghalang mana-mana peralatan kren termasuk yang sudah dipakai ataupun Mat Salleh panggil *second hand* untuk digunakan asalkan pertamanya dibenarkan oleh pihak Kastam kalau ia daripada luar negara dan kalau di dalam tak payahlah pihak Kastam.

Keduanya pihak Jabatan Keselamatan Kesihatan melalui pegawai-pegawai penguat kuasanya memastikan bahawa integriti jentera berkenaan adalah menepati standard yang diperlukan seperti reka bentuk, seperti ciri-ciri keselamatan, seperti ketahanan dan sebagainya. Untuk kren-kren Yang Berhormat, saya hendak beritahu setiap 15 bulan maka diperiksa, kalau gagal tidak berfungsi maka Sijil Kelayakan Keselamatan tidak sama sekali dikeluarkan.

Setakat hari ini kemalangan yang berlaku kren ini, itu sahajalah yang beratnya, itu pun bukan kerana kerosakan kren tetapi sebutkan kerana tersangkut satu beban yang berat dan tidak disedari. Oleh yang demikian saya ingin jelaskan bahawa kren perlu dioperasi oleh operator yang berdaftar dengan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

Tanpa daftar, tanpa kelulusan pembawa kren tanpa sijil itu mereka tidak dibenarkan beroperasi di bangunan-bangunan yang tinggi atau rendah. Sebab itu kita tengok ada bangunan 20 tingkat, 30 tingkat 40, tingkat kren duduk di atas kita tidak bimbang dan tidak ada cerita-cerita rosak atau jatuh, tidak ada disebabkan ada pemeriksaan yang begitu baik dan rapi oleh JKPP Kementerian Sumber Manusia.

Seterusnya saya ingin menjelaskan mengenai dengan Yang Berhormat Ipoh Barat yang banyak bertanya mengenai pengambilan pelajar India di Institusi Latihan Armugam Pillay. Kementerian ini dengan kerjasama Malaysian Indian Congres (MIC) dan Yayasan Strategik Sosial untuk meningkatkan bilangan pengambilan pelajar India di Institusi Latihan Armugam Pillay, kita telah pun banyak buat iklan malah iklan itu dibuat di kuil-kuil sekali Yang Berhormat, bukan kita tidak buat. Tetapi kehadiran pelajar-pelajar India begitu sedikit sekali dan ternyata bila kita adakan itu mana-mana India ni tidak kiralah asalkan dia cukup kelulusan minimum syarat dia boleh ada SPM kita ambil tidak kira DAP ke MIC ke kita ambil kerana kita hendakkan ramai pelajar-pelajar India itu sendiri.

Kedua kursus di ILP Ipoh. Kursus-kursus yang ditawarkan oleh ILP Ipoh adalah *computer network* dan pada masa kini walau bagaimanapun kursus-kursus ...

Tuan M. Kula Segaran: [Bangun]

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sekejap lagi ye. Seperti teknologi percetakan, kursus komputer dan juga elektrik akan diadakan apabila peralatan pengajaran baru diterima. Sila Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran: Terima Yang Berhormat. Mengenai pengambilan pelajar-pelajar di Institut NTPS, Armugum Pillay yang telah saya hujah di Dewan ini sebelum ini, adalah kita perlu ekspedisi atau perlu pergi ke estet- estet atau membuat penyebaran secara radio yang ramai di antara masyarakat India luar bandar yang

dengan itu. Itu yang mereka tidak dapat tahu bahawa ada peluang untuk masuk di institut tersebut dan juga saya ada bertanya mengenai kursus-kursus yang sedia diberi di institut tersebut. Apakah kursus-kursus dan manfaat, *benefit* kepada penuntut-penuntut yang akan dapat belajar di sana dan juga mengenai tenaga kerja, tidak ada langsung dari masyarakat India. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya nak maklumkan bahawa di ILP Ipoh ini, sekarang ini kita dapat ...

Tuan M. Kula Segaran: Yang Berhormat bagi Nibong Tebal

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: *No, I mean the ILP Ipoh.*

Tuan M. Kula Segaran: *I am mentioning about the Nibong Tebal.*

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Yang Berhormat bagi Nibong Tebal, kita mempunyai pelbagai kursus di tawarkan di sana seperti kursus *electrical, mechanical civil*, logam, bukan logam, *furniture*, gas, arca dan sebagainya dan kalau Yang Berhormat inginkan satu senarai kursus-kursus yang ada, boleh saya berikan. Kalau hendak disebut, memang banyak dan saya ingat tak tersebut di sini. Kerana kursus-kursus dalam bentuk persijilan kita ada lebih kurang 35 kursus dan diploma kita ada lebih kurang 36 kursus. Kursus-kursus ini berjalan dengan baik sekali dan kita dapati sambutan yang diberikan oleh pelajar-pelajar pun begitu bagus dan buat masa kini institusi-institusi latihan termasuk *Advance Technology Centre*, termasuk CIAS, termasuk *Institute Japanese Malaysia Technical*, kita dapat menampung kira-kira 17,000 orang pelajar dan diambang 2006, iaitu menjelang Rancangan Malaysia Kesembilan, kita hendakkan sekurang-kurangnya ada pertambahan 5,000 menghasilkan 23,000 pelajar setahun. Ini usaha-usaha kita.

Selain dari itu, saya juga hendak respond kepada Yang Berhormat Ipoh Barat mengenai dengan PERKESO, iaitu dibangkitkan kenapa sebab ditubuhkan, sudah barang tentulah ...

Tuan M. Kula Segaran: Saya ada tanya mengenai tenaga pengajar di sana di mana ruangan tidak diberi kepada masyarakat minoriti langsung.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tidak, saya faham soal tenaga pengajar ni dia bukan berasaskan perkauman tetapi di berasaskan kepada kebolehan dan juga kelayakan. Kalau kita ikut ratio dari segi orang Melayu, sebenarnya orang Melayu ini ada 65% di Malaysia, orang Cina 25% kemudian India ada 6-7%. Tetapi banyak dalam sektor-sektor terutama dalam sektor pendidikan dan ekonomi ia tidak mencerminkan keadaan sebenar keadaan komposisi kaum di negara ini, kerana kita berdasarkan kepada kebolehan dan merit. Begitu juga apa yang berlaku di tenaga pengajar yang ada di institut latihan perindustrian, kita tidak mengambil tenaga pengajar itu berasaskan perkauman tetapi berasaskan kepada kebolehan. Puas hati, sila, tambah lagi.

Tuan M. Kula Segaran: Tambah sikit.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tambahlah, tambah banyak pun tak apa.

Tuan M. Kula Segaran: Tetapi pada tahun 1999, bila menteri menjawab, memberi aku janji bahawa tenaga pengajar ada majoriti dari masyarakat India. Itu yang, aku janji setakat itulah yang kita patut seberapa yang boleh kita patuhi. Saya tidak cakap di institut-institut yang lain, saya tau, itu asing, ini adalah di mana tanah itu kepunyaan masyarakat India yang diambil untuk mendirikan sebuah institut, itu sedikit luar biasa. Saya harap, ada sejarah yang tertentu pada institut ini.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ha, mungkin Menteri sebutkan itu sebagai usaha atau pun saranan supaya lebih banyak lagi tenaga minoriti ini ke mari, tetapi kalau dah tak datang nak buat macam mana? Cuba Yang Berhormat jawab sendiri. Kita nak katakan 41%, *what ever*lah, 30 ke 50 tetapi kalau dah tak datang, kita takkan nak paksa, ambil orang, ah...kena cukup. Begitu juga bumiputera di institut-institut pengajian tinggi, kita nak banyak ni, kita nak orang Cina banyak ini, tetapi tak cukup, nak buat apa?

Tuan M. Kula Segaran: Jangan salah faham apa yang saya cakap. Yang saya maksudkan tidak ada apa-apa inisiatif yang dibuat oleh pihak-pihak yang berkenaan untuk mengambil pihak minoriti. Saya tahu, mungkin ada kesusahan yang tertentu macam *intake* pada Januari, masa itu saya tahu bahawa tidak ada masyarakat

minoriti yang telah masuk untuk mendapat tempat di institut di sebut, tetapi masa telah bertukar dan ada pihak-pihak yang berkecualan, saya harap mereka diberi galakan untuk masuk dan terlibat dalam hal institut ini.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, kita terima baik saranan itu dan kalau sekiranya Yang Berhormat mendapati ada orang-orang yang tertentu terutama kaum India, sekiranya didiskriminasi, dan ada bukti-bukti tertentu beri tahu kepada saya, untuk kita ambil tindakan. Boleh Yang Berhormat, boleh? Terima kasih.

Saya juga hendak menyebut dakwaan Yang Berhormat mengenai dengan kononnya tidak ada *coverage* untuk pekerja pergi balik. Sebenarnya, *committing accident* ni memang ada. Mereka yang pergi kerja, dapat kemalangan pun dibayar pampasan, rehat, waktu kerja dia berehat, katakan rehat kat sini, tiba-tiba bumbung sailing jatuh, dia pun cedera atau mati pun dibayar, walau pun masa itu rehat. Dia balik daripada kerja, katakan kerja habis pukul 5.00, dia balik ke Klanglah, tempat kampung Yang Berhormat tiba-tiba di tengah jalan *accident*, mati, sedangkan bukan masa dia kerja, masa pulang, pun dibayar Yang Berhormat.

Tidak ada satu pun pekerja yang membayar caruman dengan PERKESO yang *accident*, yang mati, yang kemalangan masa pergi kerja, berehat, balik kerja tidak dibayar. Kalau Yang Berhormat dakwa Yang Berhormat cakap tak betul atau pun Yang Berhormat disalah informasikan. Setakat hari ini tidak ada seorang pun pekerja-pekerja pergi atau balik atau berehat yang mendapat kemalangan tidak dibayar, kalau ada buktikan dan saya boleh buktikan kepada Yang Berhormat beribu sudah orang-orang yang dalam kemalangan (*accident*) ketika pergi dan balik iaitu dalam kadar 25% daripada jumlah keseluruhan *accident* yang telah kita bayar. Sila.

Tuan M. Kula Segaran: Ada sesuatu yang tak kena, nombor satu, menteri sendiri mengakui, ada beberapa perkara yang tidak kena dengan PERKESO kerana ramai di antara yang membuat *claim* tidak diberi walau pun layak untuk mendapatnya. Di antaranya ialah pihak-pihak pekerja, yang ulang alik, bukan setakat ulantg alik, saya tahu, seperti yang saya sebelum ini, ada peraturan yang nyata bahawa bukan secara A ke B, yang menjadi masalah adalah di antara A dan B, dia pergi minum *off the road*, lepas itu bila dia berada di sana kemalangan terjadi, dia tidak *coverage*. Yang saya tanya dan saya harap ini teruslah faham, bahawa adakah mereka *coverage* di mana-mana saja asalkan dia semasa dia masuk kerja dan keluar tak kisah jalan mana dia ambil balik ke rumah. Yang jadi masalah adalah dia diwajibkan bahawa di antara A dan B jalan A ke jalan B dia perlu ikuti jalan tersebut sahaja bukan jalan yang lain, itu yang menjadi masalah, betul bukan?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Memang benar bahawa mereka yang di *discover* di dalam kemalangan ketika kerja dan balik itu ialah jalan-jalan yang biasa diiktiraf atau pun dirasmikan sebagai laluan untuk bekerja. Katakan kita nak pergi kerja dari Klang ke KL, tiba-tiba kita pergi jalan jauh, jalan yang tidak untuk jalan ke tempat kerja, memang ini perkara-perkara yang tidak diiktiraf ataupun tidak direstui oleh pihak PERKESO sebab berlaku banyak penyelewengan dia tak pergi kerja tapi dia pergi tempat lain, dia kata tempat lain yang dia lalu dan ini kita nak elakkan daripada dakwaan-dakwaan, penipuan dan sebagainya. Tetapi secara umumnya, dakwaan-dakwaan yang ada itu, kalau ada pun terlalu kecil dan saya minta Yang Berhormat sekali lagi memberikan nama kepada saya termasuklah yang dikatakan wanita di Tapah 40 tahun minum kopi, *paralise*, tapi tak ada apa-apa.

Sebenarnya untuk kita beri satu-satu pampasan dia mesti mengikuti syarat-syarat tertentu, umpamanya, kalau kerja itu mesti 24 bulan, kalau bekerja tidak sampai 24 bulan pampasan tidak ada. Yang keduanya, kita beri dan ganti tu mengikut syarat-syarat yang betullah. Kalau dia tak mencarum, tak boleh. Ramai yang tak mencarum. Kerja tiga bulan *accident*, minta pampasan. Ramai yang tidak mencarum minta pampasan. Banyak majikan yang tidak mencarum, tidak bayar 1.75 % dia minta dibayar pampasan.

Jadi, perkara-perkara yang terkeluar daripada undang-undang dan peraturan tak boleh kita layan. Tetapi satu-satu perkara yang sah dalam peraturan dan undang-undang, dan hak pekerja, boleh kita beritahu kepada KSN iaitu kepada PERKESO ini itu sendiri. Jadi dakwaan-dakwaan itu Yang Berhormat adalah dakwaan-dakwaan yang tidak benar. Satu lagi saya nak betulkan dakwaan Yang Berhormat iaitu mengatakan bahawa kita ni ada orang sakit 183 orang sahaja sedangkan di UK ada 68,000 orang. UK itu YB besar, penduduk dia berapa juta jika dibandingkan dengan penduduk kita?

Saya ingat penduduk dia dekat 70 juta, kita baru 25 juta dan kita tak boleh nak ramaikan orang sakit kerana kita tak sakit, mungkin di segi penjagaan kilang, tempat pengawasan dan sebagainya, jauh lebih baik daripada UK walau pun dia UK, contoh, London itu sendiri terutama di Soar, United Kingdom jauh lebih kotor, buruk daripada Kuala Lumpur walau pun Kuala Lumpur itu lebih kecil daripada Kota London. Jadi, kita tidak boleh mengambil kesimpulan, UK ini banyak orang sakit, maka Malaysia pun mesti banyak orang sakit, tak betul Yang Berhormat. Tak betul dakwaan Yang Berhormat itu. Persepsi ini kena betulkan dan kena pastikan bahawa apa-apa yang hendak didakwakan itu ialah dakwaan yang sihat. Saya juga, ya..sila..

Tuan M. Kula Segaran: Terima kasih Yang Berhormat. Apa saya kata bukan atas satu pilihan saya atau saya cakap seperti tarik dari angin saya cakap. Saya cakap dengan asas. Saya petik apa yang dikatakan oleh *President Malaysian Medical Association*, Datuk Dr. Teow Sin Chin. Dan dikatakan bahawa ini adalah masalah di negara ini di mana *occupational disease*, ini sedikit luar biasa Yang Berhormat di mana *occupational disease* yang mana doktor-doktor dirujuk *the first initial doctor* yang selepas itu, walau pun mengetahui bahawa ada sesuatu yang serius dalam penyiasatan tersebut, tidak merujuk dia kepada pakar seperti Menteri Human Resources sendiri mengakui bahawa ramai di antaranya adalah pesakit-pesakit telinga yang bekerja di kilang-kilang yang lepas 55 atau 65 umur, baru sedar bahawa mereka layak untuk mendapat *occupational diseases, benefit-benefit*. Jadi, ini ada beberapa perkara tertentu.

Bila saya kata figure UK, ia mengikut satu *accident* dengan satu *occupation disease*, puratanya, kalau ikut dari Malaysia, sekurang-kurangnya on everigelah, kita satu negara yang sedang membangun lebih kurang sepatutnya, lebih kurang lingkungan 10,000. Jadi itulah sebab menteri sendiri berkata, saya sendiri nak menyasat kerana saya berfikir ada sesuatu yang tak kena.

Jadi, saya pohonlah, nombor satu saya harap kementerian akan menulis atau menghubungi semua pekerja-pekerja yang sudah *retire* atau sedang dalam proses tersebut memberi tahu hak mereka. Tolong PERKESO, jangan kita mengelak dari kewajipan kita. Saya tahu, mungkin menteri, timbalan menteri betul-betul niat untuk menolong tetapi saya rasa PERKESO bukan sedemikian. Pegawai-pegawai PERKESO bertindak sebagai satu syarikat swasta, ingat kalau ada apa-ala *claim* itu sendiri rugi, saya harap, itu saya pohon.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] Cukuplah Yang Berhormat

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sebenarnya dakwaan Yang Berhormat itu dakwaan yang tidak betul dan berasaskan kepada cakap-cakap atau pun khabar-khabar saja. Saya nak beri tahu, pegawai-pegawai PERKESO antara pegawai kita yang terbaik. Mereka turun padang dan mereka ini telah bekerja berhempas pulas. Tahukah Yang Berhormat, 99.7% kes-kes PERKESO yang menuntut pampasan dapat diselesaikan. Seratus kali ganda lebih baik daripada kerja DAP, *sorry to say that*.

Tuan M. Kula Segaran: [Bangun]

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Nanti, nanti sekejap, saya nak beri contoh lagi, duduk, duduk, saya nak puas hati

Tuan M. Kula Segaran: *You do know our statistics , our statistic is 110%*

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: You don't have any PERKESO. Bising aja. Saya nak beritahu *figure*,

Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP: [Bising]

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Alah...cuit sikit marah, relax la..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, kalau tak banyak isu lagi, boleh gulung.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: PERKESO 2004 orang yang terlibat iaitu lebih kurang 255,000 dan 2004, sehingga Oktober tahun ini, kita jangkakan pampasan dibayar lebih daripada RM830 juta melibatkan lebih daripada 260,000. PERKESO tak kerja ke? You ambil kerja, contoh orang perempuan di Tapah dengan satu isu, you nak gulung semua, PERKESO tak baik, *who are you?*

Ini tidak ada satu *figure* yang lengkap dan baik. Saya mempunyai *figures*, bukan saya cakap omong, bukan saya cakap dengan perasaan. *Figures* ini menjelaskan kepada kita betapa komitednya kakitangan kita, PERKESO. *You* kata tak turun tak padang, lebih daripada 500 penguat kuasa yang kita ada hari ini dengan PERKESO yang turun padang, yang buat kerja bukan hanya kritikan dan cakap semata-mata. Okay, Yang Berhormat? Okay?

Berbalik pada MAS tadi, nak tanya boleh tanya lepas ini. [Ketawa].

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Apa lagi, Yang Berhormat?

Tuan M. Kula Segaran: Sikit lagi. Saya ada bangkitkan lagi satu isu mengenai seorang bernama V. Rajoo. Itu satu kesimpulan sahaja kerana bila membuat... [Disampuk] Tuan Pengerusi, masalah yang kita hadapi di negara ini, saya ingat kalau Menteri sendiri telah mengatakan bahawa apa-apa doktrin bila seorang membuat memohon pampasan. Nombor satu dia dirujuk kepada doktor, doktor mengatakan dia perlu mendapat *benefit incapacity*. Lepas itu PERKESO tidak puas hati, dia rujuk kepada jemaah doktor, bila jemaah doktor sudah membuat keputusan - jemaah doktor adalah dari Kementerian Kesihatan - sudah membuat keputusan, lagi tak cukup. Dia hendak merayu. Itu hak merayu dari segi undang-undang saya tahu, tetapi banyak kes dirayu.

Macam kes ini, sudah hampir lepas 3 tahun tidak ada apa-apa jawapan dan saya rasa ini bukan satu luar biasa, saya membuat kes-kes SOCSO dan kes-kes mahkamah perusahaan. Banyak yang saya dapat, saya rasa mereka perlukan pertolongan dan perlukan macam apa yang dikatakan Yang Berhormat Menteri, a *striking lightning force must be taken*. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa sesuatu yang perlu dibuat serta-merata?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, saya tahu kes Raju a/l Vandarajoo yang bertarikh 29 Julai 2002. Saya ingat kes-kes yang sebegini boleh Yang Berhormat kumpulkan kepada kita untuk kita lihat dan juga kita tengok secara lebih teliti. Saya tak nak layan banyak perkara-perkara ini kerana dia terkeluar daripada tajuk butiran-butiran yang ada. Maknanya kes-kes yang begini boleh Saudara Yang Berhormat kumpulkan untuk kita ambil tindakan. Tak guna kita bahas panjang-panjang kerana kes-kes satu, dua, tiga ini, kes-kes yang tidak relevan dengan butiran tajuk perbincangan bajet kita pada hari ini.

Saya hendak berkisar pada Sri Gading yang bercakap tentang MAS tadi, sebenarnya umur 40 tahun itu adalah umur yang telah menjadi persetujuan oleh pihak MAS...

Tuan M. Kula Segaran: Sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: ...dan juga pihak Kesatuan Sekerja MAS.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau ada hal spesifik ... [Disampuk]

Tuan M. Kula Segaran: Mahkamah Perusahaan akan dijawab dengan Ipoh Timor atau sekarang? Mahkamah Perusahaan?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Mahkamah Perusahaan?

Tuan M. Kula Segaran: Ha, *later*?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Apa you nak tanya?

Tuan M. Kula Segaran: Saya ada bangkitkan mengenai *capping of* RM10,000. Mungkin sekejap lagi?

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Puan Chong Eng: Ha, okey, boleh!

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sekejap lagilah saya jawab, ya?

Saya ingin pergi kepada Kuala Terengganu iaitu *standard quality* pekerja *National Occupational Skills Standard (NOSS)* yang dikatakan tidak mencukupi. Perlu

saya jelaskan bahawa NOSS telah dibangunkan oleh Majlis Latihan Vokasional di bawah Kementerian Sumber Manusia untuk memastikan bahawa latihan kemahiran menerusi kualiti pekerja mahir yang diperlukan oleh industri negara.

Saya juga nak jelaskan di sini bahawa kita ...

Puan Chong Eng: Penjelasan, penjelasan. Tadi Yang Berhormat katakan *maybe* hendak jawab tentang isu MAS?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tadi saya dah jawab. Tadi saya dah beritahu, 40 tahun. Baru sekejap. Yang Berhormat tidur ke?

Puan Chong Eng: Tak, awak tak jawab, awak terus ke tajuk yang lain. Bukan MAS, awak pergi NOSS.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: MAS saya sudah jawab, saya kata umur 40 tahun bersara. Itu dipersetujui di antara pihak pengurusan MAS dan juga Kesatuan Sekerja MAS.

Puan Chong Eng: Oh, itu saja?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Dah tu? *You* tak tanya apa-apa.

Puan Chong Eng: Penjelasan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ha, *you* tanyalah.

Puan Chong Eng: Penjelasan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Orang suruh tanya, dia tidur.

Puan Chong Eng: Orang tak tidurlah! Kalau duduk sini mana boleh tidur? Kalau Yang Berhormat sekarang duduk, tidur kah?

Jadi dulu apabila ia ada perjanjian seperti ini, Perlembagaan Persekutuan Perkara 82 belum dipinda, dia pada tahun 2001 sudah dipinda. Jadi kalau Perlembagaan pun telah dipinda, kata tidak boleh diskriminasi berdasarkan *gender*. Jadi saya rasa kerajaan mesti hormat kepada Perlembagaan. Kalau tidak, kerajaan juga tidak hormat kepada Perlembagaan. Jadi seolah-olahnya Perlembagaan ini tidak guna dan MAS ini ialah GLC. Dia ini kalau GLC dan kerajaan tidak hormati Perlembagaan, nanti ia akan menjadi satu imej yang tidak baik kepada negara. Saya rasa kita hendak jaga nama baik kerajaan dan juga negara kita yang kita sangat cinta ini.

Jadi adalah baik seperti apa yang dikatakan oleh Sri Gading, kita perlu. Sri Gading lebih tua daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tapi minda dia sudah maju, mengikut masa. Kita semua seluruh wanita di negara ini, bukan MAS sahaja, pekerja wanita di MAS sahaja yang mengharapkan Timbalan Menteri untuk membela nasib dan juga hak asasi kami. Jadi apakah kata Timbalan Menteri supaya kita mengikut masa dan juga menghormati Perlembagaan? Jangan mendiskriminasikan kepada wanita ini, sekarang wanita boleh hidup sampai 74 tahun, lelaki hanya 69 tahun.

Tuan Pengerusi: Ya.

Puan Chong Eng: Jadi saya merasa bahawa kerajaan Barisan Nasional mengatakan dia sangat prihatin, peka kepada hak asasi wanita dan juga nak memperkasa kedudukan wanita dan juga hendak *promote gender equality*. Jadi kalau ini tidak diamalkan, bukankah ini cakap tak sama bikin? Adakah kerajaan Barisan Nasional macam ini? Tak baiklah Timbalan Menteri seorang yang tidak mahu membuat, mengikut atau menghormati Perlembagaan, dia menjatuhkan nama seluruh negara. Ini tidak baik! Jadi tolonglah jaga hak asasi wanita.

Tuan Pengerusi: Timbalan Menteri, jawab.

Puan Chong Eng: Kawasan Yang Berhormat pun ada wanita, kan?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Cukuplah tu, mengarut banyaklah!

Tuan Pengerusi: Banyak lagi Yang Berhormat?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ada lagi, tapi banyak diganggu.

Tuan Pengerusi: Yalah, berapa lagi?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tebal juga lagi ni.

Tuan Pengerusi: Cepatlah sikit.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak cepat, tapi DAP ganggu.
[Ketawa]

Sebenarnya persetujuan boleh dicapai di antara pihak Kesatuan Sekerja dengan pihak MAS itu sendiri, dan kita pun pernah mengadakan perbincangan di antara Kementerian kita, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Wanita, tapi setakat ini kesemua Kementerian yang telah kita perbincangkan bersetuju supaya had umur itu dikekalkan kepada 40 tahun kerana... [Disampuk] Nantilah kejap! 40 tahun kerana untuk mewujudkan satu kompetitif MAS dan juga syarikat-syarikat penerbangan lain dalam dunia sebab syarikat-syarikat lain pun berbuat demikian.

Namun demikian mereka yang lebih pada 40 tahun itu, mereka boleh dan juga diberikan tawaran lain yang berkaitan dengan MAS itu sendiri yang boleh dimonitor ataupun diberikan bantuan dari masa ke semasa.

Okay, berbalik kepada *standard quality* tadi, setuju *standard* perlu dipertingkatkan lagi, ini termasuk usaha ...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Penjelasan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Menanda aras *benchmark* dengan *standard* peringkat antarabangsa.

Puan Chong Eng: Penjelasan!

Puan Teresa Kok Suh Sim: Penjelasan!

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya sudah tidak bagi sebab Tuan Pengerusi nak suruh saya cepat tu.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Penjelasan!

Puan Chong Eng: Ini perkara yang penting!

Puan Teresa Kok Suh Sim: Yang Berhormat prihatin kepada wanita.

Puan Chong Eng: Ini hak asasi.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Dah prihatin dah tu, tapi nampak *you* tak faham-faham lagi dan dia tidak banyak kaitan dengan butiran kewangan yang kita bincang ini.

Puan Chong Eng: Fahamkanlah.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Dia tidak ada kaitan dengan butiran yang ada tapi kebanyakannya pergi ke lain, kebanyakannya merapulah. Tapi kalau nak juga, bolehlah, tak ada apa, tak ada masalah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Siapa? Seputeh?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Bolehlah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebenarnya saya rasa Kementerian Sumber Manusia mempunyai peranan dari segi ini, kita tidak selalu kata itu adalah perjanjian di antara MSU dengan pihak pengurusan MAS. Tetapi kalau yang perjanjian itu sebagai GLC bercanggah dengan Artikel 8(2) dalam Perlembagaan Persekutuan, ini adalah satu perkara yang harus diambil perhatian oleh pihak kementerian. Kerana ini telah menjadikan satu teladan yang buruk kepada GLC dan juga syarikat-syarikat swasta yang lain. Ini nombor satu. Dan juga kita lihat, kalau kita kaji dari segi sudut *competitiveness*, kita lihat *airline* yang lain, syarikat penerbangan lain, Air India - 60. Nippon Airways juga 60. Yang lain 55. Jadi kalau wanita hari ini sampai 40, kita bukan lemah.

Dari segi badan fizikal, saya rasa kita masih kuat dan juga pengalaman yang terkumpul itu boleh melayan lebih pelanggan dengan lebih teliti. Orang tua seperti Yang Berhormat bagi Sri Gading dia memang suka wanita yang lebih matang dan juga tahu jaga keperluan pelanggan untuk melayannya. Satu lagi sudut, kalau sekarang kita

baca, MAS ada kerugian yang begitu banyak, berjuta-juta. Sebenarnya kos untuk latihan terhadap pramugari yang baru itu, lebih tinggi daripada mengekalkan pramugari yang sedia ada. Jadi saya rasa kalau kita hendak cakap Islam Hadhari, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh jadi saya rasa keadilan untuk semua ini haruslah juga dilaksanakan dalam GLC kita.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, baiklah biarlah dia jawab. Sila jawab. Yang Berhormat, apabila sudah jawab, berubah ke lain, kecuali...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak ubah ini.

Tuan Pengerusi: Hendak jawab, tidak jawab kepada penjelasan terpulang kepada Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Oklah, saya hendak sebutkan bahawa...

Tuan Pengerusi: Selepas jawab, boleh berubah ya. Tidak boleh jawab-menjawab, tidak boleh ya.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Oklah, saya pindah kepada yang lain.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Mana boleh....

Tuan Pengerusi: Tidak, beri ulasan dahulu...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya sudah beri ulasan tadi bahawa mereka yang berumur 40 tahun ini juga diberikan tawaran untuk bekerja di pejabat, di kantor-kantor MAS, kementerian-kementerian dan juga tempat-tempat yang lain. Saya telah jawab tadi bahawa untuk mengekalkan kompetitif MAS dengan syarikat-syarikat penerbangan yang lain. Saya berpindah kepada Yang Berhormat bagi Tanjong mengenai dengan kod amalan...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: ... kualiti udara dalaman, *indoor air quality*.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Yang Berhormat...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: ...kod amalan kualiti udara...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Penjelasan-penjelasan...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: ... dalaman pada masa ini...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit lagi penjelasan. Penjelasan, sedikit lagi.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tidak payahlah, duduklah. You banyak sentuh tentang MAS rugi, tidak ada kaitan dengan kementerian saya. Ini di bawah Kementerian Pengangkutan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Jangan tidak cerdik sangat tanya ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Yang Berhormat juga bahagian MAS.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Kita tanya mesti cerdik menepati benda...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: ...menepati benda, menepati butiran, kalau sudah MAS rugi bukan butiran Kementerian sumber Manusia.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Seputeh, duduk.

Seorang Ahli: ... tidak faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi....

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Cerdiklah sedikit kita ini, bijaklah sedikit.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi saya...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Dan kalau saya katakan...

Puan Chong Eng: Yang Berhormat bagi Sri Gading sudah bangun.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ah, duduk. Macam itu kan ok.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi, saya minta Timbalan Menteri sabar sedikit. Ini soal pramugari ini, banyak saudara-mara Tuan Pengerusi, orang Melayu yang bekerja sebagai ini, memang merintih. Sampai umur 40 tahun berhenti. Jadi sedangkan badan tengah sihat, jadi beginilah Yang Berhormat Timbalan Menteri, tidak usah kita hendak bergaduhlah sini, ambil pandangan di Parlimen ini jadikan satu rumusan. Cuba bawa berunding balik, semula tengok balik, kalau boleh dipinda ialah penerbang-penerbang lain sampai 55, 60 bawa air, saya pergi haji, naik kapal terbang Australia, umur 60 tahun Tuan Pengerusi, molek sahaja lagi. Gagah sahaja lagi. Kalau kita hendak kata wanita yang berumur lebih daripada 40 tidak kuat, *nurse, nurse* kat... hospital kalau, umur 55 tolak troli lagi, alangkan dia boleh. Kerja tengah malam.

Kalau hendak diperbandingkan di antara beban kerja, ramai wanita yang beban kerjanya lebih berat daripada pramugari, yang umurnya lebih daripada 50 tahun, masih gagah. Jadi, marilah saya minta Timbalan Menteri tidak usah hendak tolak pandangan yang ada di Parlimen ini, mari kita ambil sebagai satu rumusan bagaimana cara hendak menyelesaikan rintihan, memang disuarakan oleh...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat tolak ke tidak tadi?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak tolaklah, tetapi nampak macam marah pula. Jadi itu salah... ini kita bercerita dengan sumber manusia macam ini, Ahli Parlimen kerja sampai pukul 10 malam ini, kan? Ini macam Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam umur 50 lebih juga, sampai 12 jam kerja tahan... *[Ketawa]*

Puan Chong Eng: Muda lagi...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Suara pun lagi tinggi lagi, kan?

Puan Chong Eng: *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Maknanya wanita sama kuat dengan lelaki kan?

Tuan Pengerusi: Baik Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini jalan tengah Tuan Pengerusi, jalan tengah.

Tuan Pengerusi: Dia ulas.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya tidak pernah tolak, tetapi Tuan Pengerusi minta saya ulas sedikit, itu yang saya ulas. Kalau pandangan jernih, cara tertib, baik macam Yang Berhormat bagi Sri Gading itu, kita terimalah tidak ada masalah apa.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ini bagus, bagus. Saya hendak puji sedikit.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tidak apalah, tidak payah pujilah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Hendak puji sedikit.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tidak payahlah, tidak payah pujilah, duduklah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Puji sahaja.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya tidak..

Puan Teresa Kok Suh Sim: 30 saat puji sahaja.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tidak payah puji-pujilah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Pengerusi, saya hendak tanya sedikit berkaitan dengan itu dan minta Yang Berhormat tolong sedikit.

Tuan Pengerusi: Ada sedikit dia?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Itu bekas pramugari MAS yang mengambil tindakan undang-undang terhadap MAS itu, sekarang diminta untuk bayar ganti rugi RM100 ribu kos mahkamah. Ini dia sudah dibuang kerja kerana ada anak. Lepas itu dia dipecat dan dia bawa kesnya ke mahkamah, rugi pada Mahkamah Persekutuan, sekarang dia kena bayar kos. Saya hanya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri tolonglah dia. Ini wanita yang sudah hilang kerja ini, dia tidak harus diminta untuk bayar kos mahkamah lagi.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Baik, kita akan ambil perhatian, terima kasih. Kod amalan kualiti udara dalaman (*indoor air quality*), kod amalan kualiti udara dalaman pada masa ini tidak...

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Perkara yang pertama...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: ... tidak buat. Kejap ya Yang Berhormat, saya hendak habiskan sedikit. Ini *air quality*.

Tuan Lim Kit Siang: Sebelum alih...

Puan Chong Eng: Tajuk ini...

Tuan Lim Kit Siang: Sebelum alih kepada tajuk itu, boleh satu penjelasan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sila.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat kata bahawa akan ambil perhatian. Kita kata terima kasih, Tuan Pengerusi ini sangat serius. Yang Berhormat bagi Seputeh ada sebut untuk Beatrice lebih daripada RM100 ribu dan MAS sebagai GLC. Sungguhpun baru-baru ini kita tengok ada kerugian MAS meningkat RM367 juta satu angka yang besar, tetapi tidak patutlah MAS begitu *desperate* sehingga mahu paksa mendapat sedikit keuntungan daripada Beatrice. Kalau saya tidak silap, bekas CEO yang *resign* baru-baru ini, beberapa bulan ini dapat dekat RM1 juta. Ini menunjukkan satu teladan, satu model *employer*. Satu model GLC di mana mengenai Beatrice - RM100 ribu ini diwaivekan, di kecualikan. Saya harap bolehlah diambil perhatian yang...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya boleh ambil perhatian, tetapi saya ulang suara, iaitu kes Beatrice itu tidak ada kena-mengena sebenarnya dengan butiran perbelanjaan yang kita hendak buat, itu soal MAS.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ada rumah...

Tuan Chow Kon Yeow: Sumber manusia...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Berbalik pada kod amalan kualiti udara tadi, pihak JKPP merasakan bahawa pada masa ini, kod amalan ini dikuatkuasakan secara sukarela untuk beberapa tahun bagi menggalak dan memberi pengetahuan awalan kepada pihak-pihak yang terlibat sebelum ianya dijadikan sebagai sebuah peraturan. Yang Berhormat bagi Seputeh bertanya, bolehkah agensi pekerjaan swasta yang berlesen beroperasi di kawasan atau tempat lain.

Sebenarnya di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981, mana-mana agensi pekerjaan swasta adalah dibenarkan beroperasi di tempat lain dengan syarat mendapat kelulusan daripada Jabatan Tenaga Kerja. Dengan lain perkataan agensi pekerjaan swasta boleh membuka cawangan di tempat lain dengan mematuhi atau memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti mempunyai premis yang sesuai. Permohonan membuka cawangan adalah dikira permohonan lesen baru. Yang Berhormat bagi Bukit bintang mencadangkan supaya...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan. Saya tanya tentang ini.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Pengerusi, dan juga Yang Berhormat bagi Timbalan Menteri. Saya sebenarnya dapat aduan daripada operator agensi - pemohon pekerjaan swasta yang berdaftar, yang mana mereka kata, kalau mereka disyaratkan untuk beroperasi di tempat yang mana tidak ada agensi pekerjaan swasta. Misalnya kalau Kuala Lumpur di sesuatu tempat sudah ada 2, 3 jadi mereka tidak dibenarkan untuk membuka syarikat itu di tempat itu.

Jadi mereka rasa tidak adil kerana tempat macam Kuala Lumpur ini ramai orang memang perlu perkhidmatan daripada mereka. Tidak akan mereka kena buka pejabat mereka di tempat yang begitu jauh daripada bandar yang mana mungkin tidak ada pelanggan. Jadi mereka hanya mintalah mungkin pihak kementerian Yang Berhormat boleh mempertimbangkan. Selagi mereka ada kelayakan yang memenuhi semua syarat yang ditetapkan oleh kementerian, mereka boleh dibenarkan untuk membuka pejabat di mana-mana tempat pun walaupun tempat itu mungkin sudah ada syarikat agensi pekerjaan swasta.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ditegaskan tadi bahawa mengikut agensi ataupun Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981, mana-mana agensi pekerjaan swasta dibolehkan beroperasi di tempat lain dengan syarat mendapat kelulusan daripada Jabatan Tenaga Kerja. Tidak ada kata tidak boleh dibenarkan, tidak ada. Jadi ini kena faham betul-betullah ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Sekarang kementerian tidak lulus permohonan mereka dengan alasan bahawa kawasan itu sudah ada agensi pekerjaan swasta, jadi saya hanya minta ini dikaji semulalah.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tidak, memang saya tegaskan boleh buka dengan syarat memenuhi syarat-syarat yang digariskan, jadi tidak bertindih dengan apa yang saya sebut tadi, dengan apa yang Yang Berhormat sebutkan.

Yang Berhormat bagi Bukit Bintang cadangkan supaya peruntukan dalam Akta Kerja 1955 lebih keras supaya mereka yang ingkar keputusan mahkamah dapat diambil tindakan. Kementerian Sumber Manusia sedar tentang perkara ini. Sehubungan dengan itu kementerian telah mencadangkan beberapa pindaan terhadap akta ini di mana kuasa penyerahan saman telah dipermudahkan. Sebagai contohnya, kalau mengenai dengan saman itu boleh diserahkan kepada ahli keluarga lelaki dan dicadangkan diperluaskan kepada semua ahli keluarga bukan sahaja lelaki, termasuk pembantu rumah. Ini supaya majikan-majikan dapat dibawa ke muka pengadilan dengan lebih cepat dan juga lebih mudah.

Tuan Pengerusi, juga disebutkan mengapa *construction labor exchange* ataupun CLEX dibenarkan membawa masuk pekerja asing, ini pun daripada Yang Berhormat bagi Seputeh. CLEX merupakan satu institusi yang ditubuhkan di bawah persetujuan Jawatankuasa Kabinet mengenai dengan pekerja asing dan telah diletakkan di bawah CIDB. Kementerian Kerja Raya tujuannya bagi membantu majikan-majikan di sektor pembinaan yang kekurangan pekerja untuk mendapat pekerja dengan lebih cepat dan memenuhi keperluan industri itu sendiri. Kuota kelulusan pekerja asing kepada CLEX ini adalah berdasarkan keperluan dan juga permintaan industri dan mereka juga perlu mematuhi syarat-syarat seperti mana majikan lain yang membawa masuk pekerja asing.

Daripada Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, juga disebut tentang Mahkamah Perusahaan, sekarang saya jawab mengapa Mahkamah Perusahaan perlu menghadkan kepada mereka yang berpendapatan RM10 ribu dan ke bawah. Sebagai jawapannya, perkara ini merupakan salah satu cadangan dan cadangan ini akan difikirkan bagi mengurangkan beban Mahkamah Perusahaan. Kementerian berpandangan mereka yang berpendapatan lebih RM10 ribu adalah boleh mengemukakan ataupun menggunakan saluran lain seperti saluran sivil untuk membela hak-hak mereka. Ini wujud supaya mereka yang berpendapatan lebih pada RM20 ribu menggunakan saluran ini dan dengan ini menyebabkan pekerja yang perlu pembebasan, pembelaan terabai. Ini adalah merupakan masih lagi di peringkat cadangan dan bukanlah merupakan satu keputusan yang telah pasti.

Daripada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bertanya mengenai dengan self regulation concept, sama ada kerajaan ada mengambil tindakan untuk meminda OSHA 1994. Untuk jawapan Yang Berhormat, pihak JKPP sentiasa membuat kajian ke atas keberkesanan undang-undang yang dikuatkuasakan dalam proses untuk meminda peruntukan undang-undang yang ada. Keduanya tentang kadar kemalangan dengan penguatkuasaan OSHA 1994 telah berjaya menurunkan kadar kemalangan kalau 10 tahun dahulu lebih daripada 19 orang untuk 1,000 pekerja tetapi dengan adanya Akta OSHA dan juga penguatkuasaan yang baru, kadar kemalangan itu telah diturunkan ke angka yang lebih rendah.

Sebagai contoh untuk tahun 1993 kadar kemalangan 6.9% kepada 1,000 pekerja dan hari ini kadar kemalangan itu dapat diturunkan lagi daripada 6.9% untuk 1,000 kepada 6.7% untuk 1,000 orang dan ini memperlihatkan bahawa usaha meminda OSHA 1994 itu telah berjaya dan keprihatinan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor itu kita ucapkan sebanyak terima kasih dan penekanan untuk mengurangkan kadar kemalangan akan diteruskan dari masa ke semasa.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, tadi Yang Berhormat kata bahawa proses kajian satu proses berterusan, kita rasa kita mahu satu jawapan yang lebih konkrit. Apa akan dipinda atau apa fasal-fasal, peruntukan-peruntukan dalam proses kajian dan bukan satu *general of the continuing process*, apa itu *continuing process*? Apa konkritnya? Apa peruntukan, apa fasal-fasal dan di peringkat apa?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Memang kita buat satu yang berterusan seperti amalan-amalan keselamatan, kod-kod amalan kesihatan dan pekerjaan terus kita lancarkan di majikan-majikan, di samping itu penguatkuasaan juga diteruskan, peranan majikan juga dipertingkatkan dalam usaha keselamatan. Begitu juga kesedaran oleh pekerja-pekerja ditingkatkan. Ini adalah merupakan kandungan-kandungan umum dalam akta tersebut dan ini ternyata berkesan apabila diikuti oleh kempen-kempen keselamatan dan juga kesedaran. Saya sendiri terlibat secara langsung selaku Pengerusi Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan mengadakan promosi-promosi ini bukan sahaja di peringkat majikan-majikan tetapi juga di peringkat sekolah dan juga institut pengajian yang lain.

Selain daripada itu Yang Berhormat Ipoh Timor juga membangkitkan tuntutan pengiktirafan 8,000 pekerja.

Tuan M. Kula Segaran: Penjelasan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: .dinafikan hak untuk berkesatuan. Sila.

Tuan M. Kula Segaran: Terima kasih. Sebelum ini Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu bahawa angka ini adalah angka kemalangan di *factory* dan sebagainya adalah pada tahun 1993. Apakah ia terkini? *What is the latest situation on this?* Nombor satu.

Nombor dua, mengenai kemalangan-kemalangan, walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri ini pengerusi, bukannya kita semua nampak di merata-rata tempat bahawa pekerja-pekerja atau majikan tidak ada satu *safety system of work*, di antaranya mewajibkan pekerja-pekerja memakai *helmet*, menggunakan *gloves* dan ada kasut yang tertentu. Kenapa perkara-perkara ini tidak ada *enforcement* oleh kementerian supaya pihak-pihak majikan dibawa dan diheret ke mahkamah dan tindakan diambil terhadap mereka supaya kemalangan-kemalangan semacam ini dapat dielakkan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sebenarnya soal *helmet*, soal pakaian, kasut, *goggles* dan sebagainya sudah lama dilaksanakan dan dipraktikkan cuma Yang Berhormat sendiri mungkin tidak sedar sebab asyik dekat sini sahaja ataupun soal-soal politik sahaja, tetapi soal-soal pekerjaan kita mempunyai pegawai penguat kuasa yang begitu ramai, lebih pada 500 orang untuk menguatkuasakan pelbagai akta. Selain daripada akta-akta yang ada itu, kita juga mempunyai 23 akta yang melibatkan majikan dan juga pekerjaan di bawah Kementerian Sumber Manusia bagi memastikan bahawa kepentingan pekerja dari segi keselamatan itu akan terus berjalan baik dan juga berjalan dengan lancar.

Saya berbalik kepada tuntutan pengiktirafan, 8000 pekerja dinafikan hak untuk berkesatuan. Sebagai jawapannya untuk makluman Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja (KPKS) diberi kuasa untuk membuat keputusan sama ada suatu kesatuan sekerja layak atau tidak layak mewakili pekerja-pekerja sesuatu syarikat.

Sekiranya kesatuan sekerja yang berkenaan tidak berpuas hati dengan keputusan KPKS iaitu Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja mereka perlu memfailkan kes di Mahkamah Tinggi bagi tujuan semakan kehakiman ataupun *judicial review* ini dan ini merupakan perkara yang sentiasa ada dan diteruskan.

Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga membangkitkan soal cadangan meminda akta kerja untuk menaikkan kadar cuti bersalin daripada 60 hari kepada 90 hari. Sila.

Tuan M. Kula Segaran: Mengenai *Trade Union* dengan izin, saya tahu seperti Timbalan Menteri kata kita boleh pihak yang tidak diiktiraf oleh pertamanya oleh majikan lepas itu oleh pihak-pihak yang tertentu boleh mendapat *judicial review*. Tetapi adakah kesedaran atau tindakan yang baru - *mind set* yang baru kerana ada banyak di antara *union* ini yang ingin mendapat pengiktirafan (*recognition*), Tuan Pengerusi. Ada baru-baru ini satu kes di *Federal Court* 23 tahun lagi belum di register hingga member-member *trade union* pun telah *retire* dari *trade union* tersebut. Ini adalah di antara *red tape* dalam sistem tersebut. Kita tahu DG kepada *Trade Union Congress* dan apa kelakuannya bila NPW dan masalahnya hingga mendapat arahan yang diwajibkan oleh Mahkamah Persekutuan baru membuat sesuatu. Tetapi yang lebih besar adalah mengenai pengiktirafan. Saya rasa adakah undang-undang itu akan disemak dan digubal undang-undang yang tertentu supaya pengiktirafan dapat dibuat seberapa cepat yang mungkin supaya *Trade Union movement* dapat lebih aktif dalam negara ini.

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: *Trade Union* ini merupakan soal yang sentiasa diberikan tumpuan oleh Kementerian Sumber Manusia. Kita ada Jabatan Kesatuan Sekerja di JTU, dalam bilik ini pun ada pegawai kita itu yang berambut putih, *handsome* itu, yang saya hendak sebutkan di sini bahawa soal *Trade Union* ini kita tidak abaikan. Daripada beratus-ratus Kesatuan Sekerja saya ingat ada satu masalah sahaja yang lambat di selesaikan iaitu NUBE dan ini telah pun dapat diselesaikan dengan baik lain daripada itu tidak adalah mogok ke apa-apa. Dan untuk makluman Dewan kita mempunyai ahli-ahli Kesatuan Sekerja ini tidak kurang daripada 700,000. Kalau ada yang berbangkit yang telah dibangkitkan itu ada satu yang kata 20 tahun bawa ke sinilah, kita selesailah, tidak usah kita panjang-panjang lebar kalau ada dan ini boleh dibincangkan untuk mendapat penyelesaian bagi hal yang berkenaan.

Tetapi ada juga beberapa keadaan yang kita tidak boleh benarkan, umpamanya pihak pengurusan kita tidak benarkan tubuh *Trade Union* dia. Ini mungkin akan menghuru-harakan dari segi pentadbiran dan sebagainya tetapi nyata apabila kita tidak benarkan keadaan kesatuan-kesatuan begitu aman dan kesatuan-kesatuan sekerja di Malaysia merupakan antara kesatuan terbaik dalam dunia dari segi kurangnya kes-kes mogok, .piket dan sebagainya.

Saya berbalik kepada cuti 60 hari kepada 90 hari...

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Sebelum itu...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya sila.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat berkata bahawa jumlah keanggotaan dalam kesatuan-kesatuan lebih kurang 700,000, betul?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ahli, ahli.

Tuan Lim Kit Siang: Ahli, ahli. Anggota, ahli, ahli. Sebenarnya ini bukan satu angka yang besar, tidak sampai 10% *organize labor* daripada *working population* mungkin 8% sahaja dan sangat rendah. Adakah *target* atau sasaran untuk mempertingkatkan peratus itu sehingga pada permulaan 20% supaya kita ada pekerja-pekerja ada *percentage organized labor* yang lebih tinggi.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Tetapi masalah kita pekerja ini kerana dia tengok aman, elok, majikan bayar gaji bagus, bonus dia baik, dia tidak perlu ada lagi *Trade-union*. Yang banyak ada hendak *Trade Union* ini mereka yang tidak puas hati supaya umpamanya di negara-negara membangun. Kalau macam Malaysia ini tidak payahlah Yang Berhormat tetapi kalau - saya sangat bersetuju untuk meningkatkan ahli-ahli kesatuan sekerja bukan sahaja pada angka 700 lebih ini tetapi lebih banyak lagi 20 ke 30 pun. Dan ini memang menjadi galakan supaya hak-hak pekerja diambil berat supaya mereka, pekerja ini tidak di ke sampingkan ataupun tidak di anak tirikan ataupun tidak diberi layanan yang adil. Dan ini adalah merupakan usaha Jabatan Kesatuan Sekerja di JTU untuk melaksanakan perkara-perkara ini dan sedang berjalan dengan baik sekali.

Tuan Lim Kit Siang: Ya...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Berbalik...

Tuan Lim Kit Siang: ..Ya, kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju bahawa itulah patut menjadi *target* dan objektif kementerian untuk mempertingkatkan kadar keahlian dalam kesatuan-kesatuan mengapa ada 8000 pekerja-pekerja hak mereka untuk *organize* untuk *collective bargaining* tidak diiktirafkan. Bukankah perlu memudahkan proses untuk *organize* pekerja-pekerja untuk mengiktiraf kesatuan-kesatuan untuk memberi pengiktirafan untuk *collective beginning* dan ini mungkin perlu pindaan kepada undang-undang buruh.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi kalau ada 8,000 pekerja sekiranya tidak puas hati dengan keputusan Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja mereka boleh memfailkan kes itu di mahkamah. Ini disebabkan ada setengah-setengah itu memang tidak layak dan bertentangan dengan Akta Kesatuan Sekerja, maka tidak dibenarkan untuk berbuat demikian. Balik pada 60 hari kepada 90 hari Kementerian Sumber Manusia pada masa ini tidak mempunyai cadangan untuk meminda Akta Kerja untuk menaikkan kadar tersebut. Walau bagaimanapun Kementerian Sumber Manusia akan meneliti cadangan Yang Berhormat itu supaya perkara ini sekiranya ada keperluan yang lebih mendesak lebih sesuai di masa akan datang. Yang Berhormat Bandar Kuching mengenai Ordinan Buruh Sarawak...

Tuan M. Kula Segaran: Penjelasan sedikit.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya sila.

Tuan M. Kula Segaran: Mengenai *maternity leave* dengan izin ,yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk memberitahu bahawa sistem akta buruh kita adalah yang sangat lama dan luputlah, macam *out dated*. Banyak peruntukan-peruntukan itu pun sudah *out dated*. Tetapi yang mustahak macam di New Zealand dan di Australia dan negara-negara maju di mana wanita-wanita yang mendapat *maternity leave* tiga bulan selepas itu dibenarkan mengambil cuti selama sembilan bulan, satu setengah tahun supaya mereka dapat menyusu anak mereka, memberi masa dan tumpuan kepada anak mereka dan balik lepas itu kerja. Bolehkah perkara itu juga diambil kira kerana ini saya rasa ada satu perkara yang mustahak supaya wanita-wanita dapat perhatian yang patut dia dapat dalam negara yang maju seperti Malaysia.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Kita tidak payah ambillah negara maju, negara barat ke cuti tiga bulan sebab kebanyakan negara barat tidak sampai pun tiga bulan. Yang Berhormat cakap sahaja tetapi tidak ada bukti. Saya minta negara mana barat ini yang dikatakan ada tiga bulan kebanyakan negara dalam dunia ini semuanya 60 hari.

Puan Chong Eng: [Bangun]

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Nanti sekejap. Saya hendak beritahu saya hendak ambil negeri sayalah, negeri Terengganu tidak payah barat. Negeri Terengganu ini pernah diperintah oleh PAS. Dalam pilihan raya 1999 dia menang, 2004 dia kecundang. Antara perkara yang dia lakukan ialah memberi cuti daripada 60 hari ke 90 hari kepada pekerja-pekerja wanita mereka. Hasilnya produktiviti begitu merudum jatuh menurun sekali, jatuh dengan parti-parti dia sekali pun habis. Ini menunjukkan petanda produktiviti itu mainkan peranan penting berdasarkan kepada jumlah hari. Kalau semua hendak cuti sampai 90 hari mana ada pekerja? Bukan senang hendak cari ganti. 90 hari itu cukuplah kita jangan hendak jadi juara hendak bela pekerja ini tetapi tidak mempunyai asas yang kuat dan kukuh. Kita mengekalkan 60 hari berasaskan kepada kajian-kajian yang dilakukan sama ada di luar dan khususnya di tempatan kita sendiri. Sila.

Puan Chong Eng: Apa yang dikatakan oleh Timbalan Menteri dia pun juga tidak berasas. Bolehlah *check* dengan India dan China, ini bukan negara yang sangat maju, Pakistan. Negara-negara yang mengamalkan sosialisme, *democratic socialism*. Negara-negara ini semuanya *maternity leave* tiga bulan dan ini juga adalah dicadangkan oleh *International Labor Organization* di mana negara kita juga menjadi ahli kepadanya. Dan kalau kita hendak menjadi sebuah negara yang membangun yang pada tahun 2020 - standard kita patut juga kepada *international standard*. Tidak boleh kita pilih-pilih, kita hanya katakan kita hendak jadi satu negara maju tetapi ada standard

kepada pekerja kita tidak mahu ikut. Saya rasa kita patutlah berusaha untuk mematuhi kepada *international standard* barulah kita boleh katakan sudah maju.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Yang Berhormat, kalau kita hendak berbasah jangan ambil negara tidak maju, India, Pakistan dan sebagainya [Disampuk] Tidak Yang Berhormat dari segi Pakistan dan India – duduk dahulu, jangan emosi, steady lah, duduk - [Disampuk] Saya hendak minta Yang Berhormat kaji, berapa banyak cuti bersalin yang diberikan oleh Amerika, Australia, Perancis, UK, Sweden, Norway, Jepun, Korea? Apakah tiga bulan? Cuba check betul-betul. Yang Berhormat hendak cakap *international standard* tapi knowledge Yang Berhormat tak ada. [Disorak] Yang Berhormat tidak betul, tidak standard lah hujah itu.

Jadi itulah perkara-perkara kalau kita hendak bercakap dalam Dewan ini kita mesti mempunyai bukti-bukti yang kuat dan kukuh. Kalau Amerika, Australia, Perancis, UK, Sweden, Norway tidak bagi sampai tiga bulan, kenapa mesti kita kena bagi kalau kita hendak berdasarkan negara-negara maju. Don't talk about India dan Pakistan.

Puan Chong Eng: Kalau negara yang kurang maju kita pun tidak boleh contoh dari aspek ini apa cakap negara yang maju, tapi tak apalah tidak kira negara lain buat apalah kita ada acuan sendiri. Jadi kemajuan kita bagaimana kita mendefinisikan kemajuan, pada tahun 2020 kita hendak menjadi negara yang maju. Apakah definisi nya negara maju pada masa itu, adakah maju itu maksudnya kita mesti terus korbankan wanita supaya bekerja, jangan beri mereka cuti, *international* punya standard. Inikah kalau mentaliti seperti Timbalan Menteri seperti ini. Macam mana kita hendak maju pada tahun 2020.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Kalau kita tidak mementingkan wanita, masakan kita tubuh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Kalau kita tidak mementingkan wanita, masakan kita meletakkan wanita sebagai Gabenor Bank Negara. Kalau kita tidak mementingkan wanita, masakan Yang Berhormat wanita juga jadi Yang Berhormat, termasuk wanita-wanita kita. Kita tidak pernah mengadakan diskriminasi. Saya bercakap tadi dari segi kesesuaian masa iaitu 60 hari sudah cukup berasaskan kepada yang dilakukan oleh negara-negara maju. Apakah kita hendak berbalik kepada negara-negara yang kurang maju untuk kita jadikan model. Takkanlah kalau kita hendak cerdik, kita hendak tiru yang tidak cerdik?

Kalau kita mahu jadi cerdik, kita mesti tiru orang yang cerdik juga. Kalau kita hendak maju, mesti kita tiru maju juga. Marah sikitlah, tetapi bukanlah marah sangat. Jadi..[Ketawa]

Puan Chong Eng: [Bangun]

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Cukuplah, saya ingat cukuplah. Banyak lagi...

Puan Chong Eng: Penjelasan, penjelasan. Kerajaan ini mesti konsisten. Kalau hendak tiru negara yang maju, tiru semua. Janganlah di sini dia kata tidak mahu tirulah, bukan dia negara maju atau tidak maju, ialah di mana ataupun amalan yang baik kita belajar daripada dia. Jadi, saya rasa yang di sini ialah untuk memberi *maternity* kepada tiga bulan, itu adalah trend, masa abad 21. Kita patutlah ada tujuan untuk arah ke sana dan bukan kata kena terus supaya wanita tidak diberi...

Tuan Pengerusi: Baik.

Seorang Ahli: Cukuplah itu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, boleh beralih.

Puan Chong Eng: ... saya rasa Timbalan Menteri ini, fikiran tidak mengikut kemajuan masa...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Hmmm, sedapnya kata orang.

Puan Chong Eng: ... kerana apa, *argument* beliau mengatakan kerana kita pentingkan wanita...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Cukuplah itu.

Puan Chong Eng: ... ada seorang Gabenor bank. Saya rasa walaupun menunjukkan wanita juga diberi tempat tetapi wanita tidak diberi hak asasi yang sama.

Tuan Pengerusi: Baiklah.

Puan Chong Eng: Wanita tidak diberi...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Lari tajuk itu. Orang cakap butiran belanja, dia hak asasi dah.

Puan Chong Eng: Kepada semua dasarnya, wanita tidak diberi kepentingan dari dasarnya, bukan kepada seorang, dua orang, tiga orang individu. Tetapi kepada seluruh...

Tuan Pengerusi: Ya, baik.

Puan Chong Eng: ... penduduk wanita di dalam negara ini.

Tuan Pengerusi: Dia faham dah, Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Dia merapulah. Saya tidak layanlah. Daripada Yang Berhormat bagi Kuching, menyentuh tentang Ordinan Buruh Sarawak, pekerja bukan manual bergaji antara RM201 dan RM2,500 tidak boleh dibayar *overtime* iaitu bayaran kerja lebih masa. Untuk menjawabnya saya ingin menyebut bahawa Perintah Penggajian Pengecualian 2005 berkuat kuasa 1 Oktober. Dari segi peruntukannya mengecualikan pemakaian peruntukan beberapa seksyen dalam ordinan sahaja. Antaranya 105 berhubung *hours of work*. S105(6) menjelaskan kadar minimum bayaran kerja lebih masa melalui Perintah Penggajian Pengecualian ini, pekerja yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuching terkeluar daripada pemakaian peruntukan ini yang bermaksud mereka dan majikan adalah bebas untuk bersetuju atas apa-apa terma mengenainya dalam kontrak perkhidmatan mereka.

Yang Berhormat bagi Bandar Kuching juga membangkitkan apakah justifikasi Yang Berhormat Menteri untuk mengehadkan kod kawalan Ordinan Sarawak kepada mereka RM2,000, dengan itu menyebabkan mereka tidak layak untuk menuntut *overtime*. Sebenarnya keputusan ini diambil ataupun dibuat setelah kementerian mendapat pandangan daripada Kerajaan Negeri Sarawak itu sendiri yang berpandangan bahawa buat masa ini adalah sesuai had ditetapkan pada kadar RM2,000 bagi mengekalkan *competitiveness* majikan-majikan di Sarawak, terutama dalam memastikan kos pengeluaran industri di Sarawak sentiasa *competitive*.

Namun perkara ini hanya mengecualikan mereka itu dalam golongan manual sahaja. Jadi, keputusan pihak kementerian bukanlah keputusan tersendiri tetapi setelah berbincang serta mengambil pandangan daripada pihak kerajaan negeri itu sendiri. Yang Berhormat bagi Tanjong ada juga membangkitkan mengenai dengan bangunan yang dibeli oleh PERKESO. Semuanya diguna pakai untuk keperluan sendiri dan juga di bawah agensi Kementerian Sumber Manusia. Mengenai dengan pendakwaan PERKESO pada tahun 2001 telah mendakwa begitu banyak majikan iaitu 85 majikan yang gagal mematuhi peruntukan akta kita iaitu 1969 dan pada tahun 2004, bilangan ini telah naik sebanyak 320 majikan.

Aktiviti penguatkuasaan sering dijalankan oleh PERKESO terutamanya mengenai dengan pesanan majikan yang layak berdaftar tetapi tidak berdaftar melalui pemeriksaan pintu ke pintu. Juga ditanya mengenai langkah-langkah bagi mengatasi masalah.

Mahkamah Perusahaan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh tadi telah pun saya jawab iaitu dalam kes tuntutan pekerja di Mahkamah Perusahaan, tamat dengan kematiannya dalam kes yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh, Pengerusi Mahkamah Perusahaan terpaksa berpandukan kepada keputusan yang telah dibuat oleh Mahkamah Persekutuan dalam isu yang sama mengikut amalan prosiding mahkamah. Walau bagaimanapun, kementerian sedang mengkaji pindaan undang-undang untuk menangani isu ini dengan lebih kemas lagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Yang Berhormat...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya difahamkan pindaan itu akan dibentangkan di Parlimen pada sesi yang akan datang. Jadi, adakah ini akan dimasukkan dalam rang undang-undang baru?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Dalam masa yang akan datang, ada tiga rang undang-undang akan dibentangkan. Satunya mengenai dengan apa yang disebutkan tadi dan akan diperbincangkan. Satu lagi perkara yang dibangkitkan iaitu mengenai dengan perkara sekiranya Akta Kerja 1955 dipinda dengan memasukkan gangguan seksual di dalamnya, maka bolehkah pekerja bergaji melebihi RM2,500 sebulan membuat aduan mengenai aduan seksual. Ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Untuk jawapannya, pada masa ini kita tidak ada peruntukan kos di bawah Akta Perburuhan untuk menangani kes-kes gangguan seksual. Cuma, Kementerian Sumber Manusia mempunyai garis panduan menangani gangguan seksual di tempat kerja.

Persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat akan diambil perhatian sewajarnya dan peruntukan untuk memasukkan gangguan seksual di dalam Akta Kerja 1955 masih dalam peringkat pindaan. Tetapi untuk makluman yang bertanya, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, kes-kes gangguan seksual ini begitu rendah sekali dan untuk makluman, pada tahun 2004 kes gangguan seksual ini hanya berlaku pada enam kes sahaja. Pada 2003 tidak lebih daripada 20 kes dan ini walaupun begitu rendah, kita mengagap ianya penting. Sebab itulah garis panduan kita perkenalkan untuk menjadi panduan kepada majikan-majikan dan juga pekerja. Itulah sahaja...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Penjelasan, penjelasan...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: ... Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Sikit lagilah, ini sikit lagi.

Tuan Chong Chieng Jen: Penjelasan. Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Bagi?

Tuan Chong Chieng Jen: Penjelasan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, hendak bagi laluan?

Seorang Ahli: Penjelasan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya ingat sudah habis.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Belum, belum lagi. Ada...

Tuan Lim Kit Siang: ... daripada apa yang...

Puan Teresa Kok Suh Sim: ...gangguan seksual.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya.

Tuan Lau Yeng Peng: [Bangun]

Seorang Ahli: Hendak beri laluan?

Tuan Pengerusi: Siapa hendak bagi?

Seorang Ahli: Saya, saya...

Tuan Lau Yeng Peng: [Bangun]

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terpulanglah. Saya sebenarnya tidak ada soalan dah. Saya berhentilah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ada, ada.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tidak, saya...Ya, sila Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng: Okey, okey terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Ooh, dia dahululah. Okeylah.

Tuan Lau Yeng Peng: Okey. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai adakah Kementerian mempunyai satu fokus atau unjuran mengenai dasar penggunaan negara iaitu selaras dengan industri *master plan* yang akan di bentang di Dewan yang mulia ini. Adakah Kementerian akan sedia ada satu maksud saya ialah mengikut profesion, maksud saya ialah mesti mengikut sebagai contoh kalau kita menggunakan sumber manusia sehingga tahun 2020, berapa jumlah lawyer yang kita hendak, atau engineer ataupun sebagai doktor dan sebagainya, adakah satu dasar atau satu pelan atau perancangan untuk mendapatkan semua database ini?

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Memang kita sentiasa meletakkan kepentingan dasar perumahan ataupun dasar manusia ini di garis yang teratas dan memang dibincangkan secara terperinci mengenai dengan keperluan tenaga kerja di semua sektor, di semua peringkat, di semua bidang dan kita juga melatih tenaga-tenaga kerja dan juga tenaga-tenaga baru berdasarkan kepada keperluan termasuklah dasar-dasar untuk memperlengkap serta mempersiapkan tenaga-tenaga kerja negara yang boleh mengisi tempat-tempat ;

- (i) segi pekerja asing;
- (ii) ekspatriat dagang asing

Ini kita lakukan mudah-mudahan negara tidak lagi bergantung pada banyak yang luar tenaga asing tetapi boleh mampu negara sendiri mengeluarkan tenaga-tenaga kerjanya sendiri. Malah di peringkat Kabinet juga telah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, iaitu menubuhkan satu jawatankuasa pekerja asing dan dalam masa yang sama untuk kita tingkatkan serta lahirkan pekerja-pekerja kita sendiri. Memang ada Yang Berhormat, terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat ada mengatakan bahawa Yang Berhormat dari Bukit Mertajam bahawa bangkit hal maternity leave tidak tahu, tidak ada maklumat yang sebenar dan cabar Yang Berhormat mana ada negara yang ada 90 hari maternity leave ...

Puan Chong Eng: Final!

Tuan Lim Kit Siang: Saya ada di sini LO, yang baru search [*sambil menggunakan dan menunjukkan kepada dewan laptopnya*] ..immediate search yang menunjukkan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang sendiri tahu, tengok di sini Austria - 16 minggu, maternity, Belgium - 15 minggu dan Denmark – 15 minggu, Finland – 16 minggu. Untuk Norway yang saya proud the page...

Puan Chong Eng Bukit Mertajam: Negara majulah!

Tuan Lim Kit Siang: Norway yang ada disebut khasnya 52 minggu..

Puan Teresa Kok Suh Sim: Waah!

Tuan Lim Kit Siang: 52 minggu, paternity leave atau maternity leave, apa maternity leave? Portugal itu tidak ada, inilah kalau boleh mahu tengok bukan saya reka, ini kalau mahu tengok apa itu URL ialah ILO, apa penjelasan? Minta menunjukkan kita boleh *refer*...

Tuan Pengerusi: Ya. Baik, baik Yang Berhormat boleh semak.

Tuan Lim Kit Siang: Hah, semaklah, semak, semak!

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tidak apalah saya akan semaklah.

Puan Chong Eng: [*Ketawa*]

Tuan Lim Kit Siang: Turki; 12 minggu....itu Turki...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tidak apalah, seratus minggu pun letaklah!

Beberapa ahli: [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi: Ya, ada apa lagi?

Puan Teresa Kok Suh Sim: [*Bangun*]

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi, sebenarnya saya masih tunggu jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mana belum menjawab soalan saya tentang kenapakah agensi pekerjaan swasta berdaftar itu tidak dibenarkan untuk mengambil pekerja asing pelbagai sektor.

Sehingga sekarang semua majikan mereka sendiri pergi buat permohonan di pihak Imigresen, itulah salah satu sebab di mana negara kita, mempunyai begitu ramai pekerja asing yang kadang-kadang tanpa dokumen kerana banyak penyelewengan dan juga korupsi telah pun berlaku dalam proses ini. Kalau kita ikut undang-undang dahulu yang mana agensi pekerjaan swasta ini dibenarkan untuk mengimport pekerja asing pelbagai sektor jadi kita akan kelihatan ada satu kawalan terhadap pekerja asing kerana semua ini adalah berdaftar. saya

Saya pernah baca bahawa Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia ini juga pernah bersungut bahawa kementerian ini tidak ada kuasa kepada pekerja asing. Adakah kementerian akan berbincang dengan pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam isu ini supaya yang Kementerian

Tuan Pengerusi: Ya, cukup. Cukup

Puan Teresa Kok Suh Sim: Sumber Manusia ini mempunyai kawalan dan juga kuasa dalam pekerja asing yang isu lagi ialah tentang gangguan seksual itu. Saya juga hendak tanya tentang garis panduan gangguan seksual ataupun undang-undang gangguan seksual yang akan datang itu, adakah itu juga *apply* pada pekerjaan *civil servant*.

Tuan Pengerusi: Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim:Pegawai kerajaan yang mana kita lihat balai polis sekarang gangguan seksual selalu berlaku, apabila pegawai polis lelaki mereka menyoal yang *suspek* perempuan itu selalunya kata-kata yang penuh dengan seksual *connotation* itu selalu dikeluarkan oleh mereka dan kita lihat itu visual MMS dalam *Mobil phone* bergerak kita itu telah pun menunjukkan bahawa gangguan seksual selalu juga berlaku dalam balai polis...

Tuan Pengerusi: Baik, baik Yang Berhormat, Timbalan sudah faham Timbalan hendak jawab. Ya Yang Berhormat Timbalan Menteri ulaslah nanti.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tidak apa, cukuplah itu.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Jadi ada apa-apaditetapkan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Isi pendek tetapi soalan panjang, jenis suka bersyarat. Sebenarnya agensi pekerjaan swasta, hanya dibenarkan untuk di bawah Kementerian Sumber Manusia ini untuk mengambil amah (pembantu rumah) sahaja. Itu pun kena minta daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Untuk pelbagai sektor-sektor yang lain, pihak Kementerian Sumber Manusia tidak mengeluarkan lesen ataupun kebenaran.

Semuanya ini di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tetapi bila mereka sudah menjadi pekerja maka soal penggajian, kebajikan hak-hak terma-terma yang lain di bawah Kementerian Sumber Manusia. Ini disebabkan sebagaimana yang saya jelas terdahulu soal-soal keselamatan seperti pengenalan, latar belakang dan sebagainya memang sewajarnya diletakkan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi: Minta gulung Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Kedua, mengenai dengan gangguan seksual.

Puan Chong Eng: Sedikit sahaja lagi...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: *Civil Servant*, sekejap...

Puan Chong Eng: Okey.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Iaitu ianya dikenakan kepada semua pihak dari segi takrif gangguan seksual ini, ada dalam kod amalan dan kalau Yang Berhormat mahu saya akan bagi satu buku garis panduan seksual harassment ini, sila.

Tuan Pengerusi: Ya, sila

Puan Chong Eng: Penjelasan sedikit.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: *I'll give you tomorrow.*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Baik.

Puan Chong Eng: Okey.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: *Or next week* kalau tidak sempat, sila.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, hendak beri kah?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sedikit, sedikit....dia sudah bagi.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya rasa....

Tuan Pengerusi: Baik.

Puan Chong Eng: Ini untuk memberi makluman kepada Timbalan Menteri supaya beliau lebih berilmu antarabangsa. Ini mengikut laman web ILO dengan izin *currently 119 countries mix the standard of 12 weeks with 62 those country providing for 14 weeks or more. Just 31 countries mandate maternity leave of less than 12 weeks.* Jadi ramai dan banyak negara...

Tuan Pengerusi: Ya, baik, baik Yang Berhormat...

Puan Chong Eng: Jadi negara kita, kita di Malaysia ialah minoriti dalam aspek ini....

Tuan Pengerusi: Tadi sudah jawab.

Puan Chong Eng: Jadi saya rasa Timbalan Menteri perlulah ...

Tuan Pengerusi: Baik, baik.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Kita...

Puan Chong Eng: Bawa ini kepada Kabinet supaya kita dapat menjaga hak-hak pekerja wanita di negara ini.

Tuan Pengerusi: Saya faham Yang Berhormat, tadi sudah jawab.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Yang Berhormat Bukit Mertajam, negara kita mesti kita kiblatkan kepada keperluan latar belakang negara kita.

Beberapa ahli: *[Menyampuk dan ketawa]*

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Kita tidak boleh berkiblatkan kepada perkara-perkara yang ada dan rangka yang diberikan 119 itu saya kena semak dan kena cek. Secara kesimpulannya saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada ahli-ahli..

Tuan Chong Chieng Jen: Satu lagi soalan, satu lagi soalan!

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Kepada ahli-ahli Yang Berhormat kerana yang saya tidak dapat jawab....saya rasa tidak payahlah!

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]* Bandar Kuching, Bandar Kuching...

Tuan Chong Chieng Jen: Mengenai employment act, mengenai employment act dan saya tengok beliau langsung tidak sentuh...

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Chong Chieng Jen: *Ceiling salary, salary ceiling* di bawah employment act adalah RM1,500 dan ini semenjak tahun 1995 hingga sekarang belum di review. Bilakah kerajaan akan review salary siling?

Tuan Pengerusi: Ya, baiklah.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya akan ambil pandangan Yang Berhormat dan akhirnya saya ucap terima kasih kepada semua Yang Berhormat-Yang

Berhormat termasuk daripada DAP yang begitu baik, aktif sekali mengambil bahagian, terima kasih, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM413,760,400 untuk Maksud B.46 di bawah Kementerian Sumber Manusia jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM413,760,400 untuk Maksud B.46 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM315,749,700 untuk Maksud P.46 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2006 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM315,749,700 untuk Maksud P.46 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2006.

Maksud B.48 [Jadual]

Maksud P.48 [Anggaran Pembangunan 2006]

Tuan Pengerusi: Kepala B.48 dan P.48 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, terbuka untuk dibahas. Gelang patah.

9.31 mlm.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai perkara Butiran 010300 - Dasar Wanita dan Keluarga.

Saya ingin menarik perhatian para Ahli Parlimen mengenai betapa pentingnya program kaunseling pra perkahwinan. Untuk makluman Tuan Pengerusi, negara kita telah membangun dengan pesat. Rakyat dapat menikmati kekayaan melalui usaha sendiri. Berkemungkinan besar di bawah dasar globalisasi yang ketara, remaja kita tidak sedar tentang kepentingan perkahwinan.

Masalah akan berlaku apabila bilangan permohonan bagi kes bercerai meningkat pada setiap tahun. Tuan Pengerusi yang saya hormati, di negeri Johor, program kaunseling pra perkahwinan telah dilaksanakan dengan begitu jaya sekali khasnya di kalangan umat Islam. Program ini sudah menampakkan ada perubahan yang besar di kalangan kaum Melayu. Malangnya program ini merupakan satu program khas bagi umat Islam sahaja sementara program ini merupakan satu program pilihan bukan satu program paksaan.

Ramai pengantin yang muda akan berasa manfaat selepas menghadiri program ini. Kesan yang kita akan lihat ialah bilangan kes bercerai akan menurun dan masalah sosial akan berkurangan kerana mengikut statistik Pejabat Kebajikan Masyarakat 90 per cent anak atau remaja bermasalah adalah dari rumah tangga yang bermasalah atau perhubungan keluarga yang tak baik. Saya harap Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berhasrat untuk melaksanakan program ini dengan secara besar-besaran. Mengikut pandangan saya, bangsa yang lain juga sedia menerima program tersebut, kerana mereka tahu bahawa program ini akan membawa kebaikan kepada semua pengantin yang sedia memulakan kehidupan yang baru.

Dalam pada ini saya juga ingin mengambil kesempatan untuk menyeru kerajaan supaya mengambil kira program kaunseling pra perkahwinan ini. Di samping hak asasi wanita dapat dijamin bilangan bercerai akan menurun sekiranya dilaksanakan di seluruh Malaysia. Tuan Pengerusi, selain itu saya juga ingin menarik perhatian para Ahli Parlimen tentang isu ibu tunggal. Sebagaimana yang kita tahu ibu tunggal masih

merupakan satu isu sosial yang hangat dibincangkan. Kemudahan atau bantuan yang disalurkan oleh kerajaan masih tidak mencukupi.

Contohnya kami semua sedar bila satu permohonan penceraian dipohon, prosesnya atau kelulusannya memakan masa sekurang-kurangnya tiga tahun sampai lima tahun dan ramai suami mengambil peluang menghalang dari menanggung nafkah hidup. Isteri terpaksa menanggung semua perbelanjaan sendiri. Keadaan ini membawa kesulitan hidup mereka. Keadaan yang akan bertambah lebih teruk ialah apabila mereka mendapat ugutan daripada suaminya dan dukacitanya tidak satu akta atau undang-undang yang dapat menolong mereka. Saya amat simpati...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan, penjelasan. Saya sangat setuju dengan apa yang dikata oleh Yang Berhormat Gelang Patah saya rasa kita ada akta yang boleh pakai, kalau tidak memberi nafkah kepada kanak-kanak. Itu adalah di bawah *Child Act*, saya rasa itu adalah satu kecuaiian sebagai seorang bapa, tetapi selama ini tidak diguna pakai akta ini untuk mendakwa bapa yang tidak menanggung nafkah kanak-kanak. Jadi saya rasa Tuan Pengerusi pun *lawyer* juga bolehkah pakai akta ini?

Saya rasa kementerian patutlah menimbang untuk mengguna pakai akta ini untuk mendakwa bapa yang tidak menanggung nafkah anak-anak mereka. Adakah Yang Berhormat Gelang Patah setuju?

Puan Tan Ah Eng: Ya, saya amat bersetuju dengan cadangan daripada Yang Berhormat Bukit Mertajam. Ya, ramai wanita memang kurang ilmu dan saya harap kementerian akan mengumpul peguam-peguam untuk memberi perhatian dalam perkara ini. Tuan Pengerusi saya amat simpatilah kepada mereka dan menyeru kementerian menyalurkan bantuan yang cukup kepada ibu tunggal supaya mereka dapat hidup dalam keadaan yang selesa. Dengan ini saya mohon menyokong, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Jerai.

9.37 mlm.

Datuk Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun Tuan Pengerusi untuk bercakap tentang Butiran 060400 - Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Pertamanya saya nak ucap terima kasih kepada kerajaan dan kementerian yang prihatin dengan menaikkan bantuan kebajikan masyarakat yang lebih daripada mereka dapati pada satu ketika dahulu. Ini setandinglah dengan kos peningkatan hidup dan kos perbelanjaan hidup. Tuan Pengerusi kita menghormati wanita kerana wanita dicipta Allah S.W.T ini *special* Tuan Pengerusi.

Special kerana pertamanya kita dapat melihat wanitalah bertanggungjawab untuk membina institusi rumah tangga. Jadi untuk membina sebuah rumah kadang-kadang anak sampai 10 dan saya dapat lihat mereka boleh mendidik anak, jaga anak bagi makan apa semua hinggalah kadang-kadang anak itu berjaya.

Tetapi apabila sampai ketika dan waktu ibu itu tua, 10 anak ini tidak mampu menjaga seorang ibu. Jadi di sini saya melihat supaya kerajaan dari segi konsep kursus-kursus kepada anak-anak, keluarga dan sebagainya harus dipertingkatkan dan menjadi tanggungjawab. Kadang-kadang kita berasa sedih di mana anak-anak ini sanggup menghantar ibu mereka, bapa mereka, ke rumah kebajikan masyarakat sedangkan mereka bukan susah tetapi kerana ibu bapa ini menyusahkan mereka kononnya - terpaksa jaga mereka dan sebagainya - maka diserahkan kepada kerajaan untuk menjaga ibu bapa mereka sebelum mati. Sisa-sisa hidup sikit itu mereka hantar. Ini adalah anak-anak yang tidak bertanggungjawab.

Jadi dari segi untuk membangunkan seminar-seminar untuk membangunkan, dan ini bukan hanya kepada orang yang tidak berpelajaran, malah anak-anak yang berpelajaran yang mempunyai kerja-kerja yang besar pun mempunyai sikap...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kepong? Ha, hendak keluar. Saya ingat hendak tanya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bercakap dengan penuh emosi dan marah]* Tuan Pengerusi, minta laluan sikit Yang Berhormat Jerai. Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Jerai. Tuan Pengerusi, ini masalah. Yang dibangkitkan oleh Jerai ini masalah. Dari segi agama memang salah, dari segi budaya Melayu memang salah, dari segi budaya orang Malaysia pun memang salah. Boleh tak kementerian gubal undang-undang di mana ibu bapa yang dihantar ke pusat-pusat orang tua ini kalau dia ada anak lagi, anaknya dihukum supaya datang tiap-tiap hari, jengah dua jam? Jengah ibu bapa yang dihantar ke pusat-pusat orang tua ini untuk bagi perkhidmatan! Dengan itu dia rasa bahawa apabila dia hantar sewenang-wenangnya ibu bapanya ke pusat orang-orang tua dia tahu dia ada satu tugas yang berat, maka dengan itu mungkin dia tak hendak hantar, maka dia akan simpan dan bela di rumahnya. Buat undang-undang! Kalau kita nasihat jenis ini jenis itu, memang tidak dengar. Kalau ibu bapanya pun boleh dinyahkannya, ini jenis manusia tidak berakal, tidak ada budi bahasa! Tidak mengenang budi! Kita kena hukum dia! Buat undang-undang! Negara kita boleh buat undang-undang! Bawa ke Parlimen, semua orang akan sokong!

Tuan Pengerusi: Jerai sudah faham tu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Faham, faham! *[Ketawa]* Kuih malam kuih naik angin! *[Ketawa]*

Cuma saya hendak tambah sikit lagi, yang mana hantar ke rumah kebajikan ini dia kena tanggung belanja, bukan kerajaan. Pak hang, mak hang, pergi hantar ke situ, fasal apa kerajaan hendak tanggung? Bukan dia susah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi, kita kena ajar manusia yang tidak bertanggungjawab ini!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia naik angin lagi tu!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bercakap dengan penuh emosi dan marah]* Kita kena ajar mereka, Tuan Pengerusi! Kita kenakan undang-undang supaya jangan sewenang-wenangnya anak-anak ini - anak-anak yang derhaka ini - hantar ibu bapa ke pusat orang tua, lepas itu dia lepas tangan! Apa? Dia ingat kerajaan ini jadi dia punya anu? Ooo, banyak sedap dia punya muka! Ajar dia, Tuan Pengerusi! Saya minta kementerian gubal undang-undang, kita luluskan di Parlimen ini, jadikan undang-undang! Kita laksanakan, baru padan muka orang ni semua!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sabar, sabar Sri Gading. Sabar, kejap lagi nak balik dah.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, saya minta kementerian wanita ni macam ini. Wanita dalam apa kerja dia buat pun dia serius. Kalau kita bagi modal sikit untuk dia berniaga pun dia tahu berniaga, fasal dia bertanggungjawab. Dia komited. Kalau dia boleh komited kepada keluarga, apa lagi komited tentang perniagaan untuk menampung pendapatannya? Jadi kepada ibu-ibu tunggal dan sebagainya pihak kementerian...

Ada kes kapal terbang tidak habis lagi tu. *[Ketawa]*. Jadi saya harap tambah sikit peruntukan, beri modal kepada ibu-ibu tunggal ini dan beri sedikit kursus, seminar dan sebagainya. Di kawasan saya ramai ibu tunggal yang minta acuan buat kuihlah, mesin uli tepunglah apa semua, dan bila kita bagi sekali, dia tak mai lagi dah. Fasal apa? Dia tahu dapat mesin dia uli tepung pergi berniaga jual kuih dan sebagainya. Tetapi orang lelaki - bukanlah hendak kata - depa kadang-kadang pergi tahan burung, dok pergi sana pergi sini, duduk di kepala jalan, sementara yang di rumah jenuh dok uli tepung hendak berniaga, hendak tolong besarkan anak. Jadi saya harap adakan wanita niaga. Peruntukan yang cukup untuk wanita-wanita dan ibu-ibu tunggal yang miskin untuk berniaga supaya dia boleh tidak bergantung selama-lamanya kepada kerajaan.

Tuan Pengerusi, saya amat memahami kerana terutama di kawasan luar bandar, dia orang ni, tak tahu. Kadang-kadang mati suami, besok dia orang dah tak tahu nak buat apa. Sehari dua orang datang bersedihlah, lepas tu anak-anak ni siapa hendak jaga? Jadi kita harap pihak kementerian, Jabatan Kebajikan Masyarakat, saya hendak minta sekali lagi cukup-cukup...

Puan Chong Eng: Minta penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bolehlah.

Puan Chong Eng: Terima kasih. Saya rasa ibu tunggal ini kalau bagi modal pun dia ambil masa untuk memajukan perniagaannya. Jadi bantuan yang paling perlu sekali ialah tempat untuk menjaga anak-anaknya. Jadi yang penting untuk kementerian untuk ialah mewujudkan pusat penjagaan kanak-kanak untuk anak-anak dari keluarga seperti ini dan keluarga yang miskin. Adakah Yang Berhormat bagi Jerai setuju?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat Bukit Mertajam, dari segi ini ada banyak NGO dan badan-badan kebajikan macam Rumah Anak-anak Yatim, Rumah Kebajikan dan sebagainya. Cuma kalau peruntukan tidak mencukupi, kita tambah. Tetapi apa yang hendak saya tekankan di sini, Tuan Pengerusi, ialah pemberian kebajikan masyarakat. Saya hendak minta sekali lagi. Fasal kadang-kadang yang datang jumpa saya, ini yang saya sendiri berpengalaman, kadang-kadang anak dia pun dapat kerja tetapi kerja yang dapat itu pun hanya cukup untuk diri dia sahaja. Diri dia pun tak lepas. Cukup. Kadang-kadang kerjanya pun bukanlah apa sangat - kerja kuli, kerja itu ini sahaja. Tetapi apa bantuan Kebajikan Orang Tua ini dah dipotong. Kesian mereka! Saya fikir dah, kalau anak tu kerja besar seperti pegawai kerajaan, yang itu okay lah tanggungjawabnya. Tetapi yang kerja kampung ni kadang-kadang kerja buruh, kerja di kilang bolehlah, cukup makan. Emak seorang, anak 8 orang dan seorang sahaja yang bekerja pun maka pihak Kebajikan Masyarakat kata anak yang seorang ini kena jaga emak dia. Emak dia kena jaga 7 orang lagi.

Tuan Pengerusi: Masa dah cukup, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Tuan Pengerusi: Masa dah cukup dah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sikit lagi, Tuan Pengerusi. Ini kebaikan kita semua. Fasal kita pun ada anak-anak. Jadi saya hendak sekarang ini banyak anak-anak perempuan lari, dilarikan dan sebagainya. Pihak kementerian kena fikir satu cara. Pusat Pemulihan mereka ini kena disusun dengan begitu rapi. Kita suntikkan dengan ilmu agama. Kadang-kadang mereka tidak boleh belajar lagi dah, mereka jem tentang pendidikan tetapi kemahiran dan sebagainya, supaya mereka tidak tercicir dan terbiar. Banyak berlaku di mana anak-anak perempuan ini, yang muda-muda ini, merayau tidak tentu hala. Semua mereka ini akan menjadi seorang ibu di masa depan dan kalau mereka bermasalah, orang perempuan kalau dia bermasalah dalam negara kita, maka akan menanggung akibat di akhirnya. Jadi kita minta pihak kementerian, pusat-pusat yang kita buat ni kita latih mereka betul-betul supaya bila mereka keluar dari tempat terlibat dengan dadah, keluar tak patah balik dah ke situ lagi.

Inilah harapan saya, Tuan Pengerusi, dua tiga perkara ini saya hendak menyampaikan rintihan-rintihan ibu tunggal, orang-orang miskin dan sebagainya. Saya doakan Menteri dan semua Kementerian Kebajikan Masyarakat ini Tuhan beri pahala kerana menolong orang miskin dan orang susah ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Bukit Gantang.

9.48 mlm.

Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh butiran 010300 Dasar Wanita dan Keluarga. Tuan Pengerusi, hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita untuk melihat 30% penyertaan wanita sebagai penggubal dan pembuat dasar dan kesaksamaan *gender* ini dapat tercapailah. Tetapi sejauh manakah tindakan kementerian pula untuk memastikan semua Kementerian, Jabatan serta agensi kerajaan di negara kita dapat mengambil pekerja wanita sebagai penggubal dan pembuat keputusan seperti yang dihasratkan oleh Perdana Menteri kita? Adakah kementerian akan merangka akta untuk dibawa ke Kabinet dan Parlimen agar semua agensi kerajaan dan swasta akan mengambil 30% daripada pekerjaannya adalah wanita sebagai penggubal dan pembuat keputusan seperti yang pernah dibuat oleh negara India di mana kini terdapat 33% penyertaan wanitanya di negaranya?

Tuan Pengerusi, kita tahu 48% wanita pada hari ini dalam lingkungan tenaga kerja yang tidak dapat bekerja kerana halangan keluarga untuk menjaga anak-anak

yang kecil. Tenaga kerja wanita memang kita tidak dapat nafikan dalam sumbangan pembangunan ekonomi negara.

Maka, saya di sini saya ingin menyeru kepada kementerian bahawa Pusat Asuhan Kanan-Kanak ini amat diperlukan untuk membolehkan wanita bekerja, berdikari, memberi sumbangan kepada ekonomi negara. Dan, dengan adanya penyertaan wanita dalam dunia pekerjaan ini, setidak-tidaknya ia akan mengurangkan pengambilan pekerja asing di negara kita.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh sedikit Butiran 040300 – Perkaunselan dan 040600 - Perundangan dan Advokasi. Tuan Pengerusi, seperti yang di bangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai, bahawa pada hari ini banyak anak gadis kita mempunyai masalah, ibu tunggal, wanita-wanita yang mempunyai tekanan emosi kerana gangguan seks, penceraian, masalah rumah tangga dan sebagainya. Masalahnya ialah mereka tidak ada tempat untuk meluahkan perasaan-perasaan mereka ini. Oleh itu, ia adalah amat penting bahawa Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat melihat kepada wujudnya Pusat Kaunseling dan juga peguam-peguam yang akan membantu wanita-wanita yang bermasalah ini.

Saya juga ingin menyentuh sedikit tentang Butiran 01001 - Pembinaan Pusat Jagaan Harian Warga Tua, 01002 – Pembaikan dan Pembelian Peralatan Rumah Warga Tua. Tuan Pengerusi, kita dapati bahawa banyak warga tua di kampung-kampung dalam keadaan terbiar, terlantar, uzur dan tanpa penjagaan anak-anak. Memang seperti yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi bahawa kita menggubal undang-undang untuk menghukum anak-anak tetapi kita dapati sejauh mana akta ini dapat digubal dengan segera kita belum tahu lagi.

Apa yang penting sekarang ini ialah bahawa rumah-rumah orang tua ini sebenarnya tidak cukup dan harus ditambah lagi. Sebab, kalau kita lihat orang tua di kampung-kampung memang kita melihatnya pun kita akan menitiskan air mata, anak tak ada, mereka keseorangan tanpa dijaga, itu pun atas belas kasihan jiran tetangga. Di sini kita harapkan kementerian dapat menambahkan lagi rumah orang-orang tua ini. Dan, seperkara lagi, rumah orang tua yang ada sekarang ini sebenarnya juga dalam keadaan daif, alat-alat perubatan tidak ada, pemulihan dan sebagainya. Oleh itu, saya amat mengharapkan ...

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Gantang. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Bukit Gantang tadi, bahawa banyak kes begini dan setuju atau tidak Yang Berhormat bagi Bukit Gantang supaya pihak kementerian membuat kajian yang menyeluruh bilangan mereka yang betul-betul memerlukan, mereka yang patut duduk di rumah orang tua ini. Dengan mengambi kira, bagi mereka yang mempunyai anak yang berkemampuan kita tidak menggalakkan tetapi yang betul-betul sebatang kara dan tidak mampu. Boleh atau tidak kita cadangkan supaya kementerian membuat kajian dan baru kita tahu keperluan sebenar rumah orang tua ini.

Cik Tan Lian Hoe: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Parit. Sebenarnya saya memang bersetuju tetapi seperkara lagi yang saya tidak setuju ini ialah anak-anak yang mampu di mana ibu bapa yang uzur itu kalau tidak diberi layanan untuk dimasukkan dalam rumah orang tua. Sebab masalahnya pada hari ini ialah walau pun anaknya mampu, disebabkan anaknya bekerja dan tidak ada pengasuh dan mereka ada di Kuala Lumpur, ibu bapanya ada di kampung, tinggal seorang diri tanpa jagaan yang rapi. Oleh itu, saya amat mengharapkanlah bahawa pihak kementerian akan melihat perkara ini secara keseluruhannya dan harap juga alat-alat perubatan, pemulihan dan kalau boleh menghantar seorang pakar, doktor, sebulan sekali ke rumah orang-orang tua ini supaya mereka dapat diperiksa dari segi kesihatan mereka. Dengan ini, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Padang Terap. Yang Berhormat bagi Padang Serai, sorry.

9.55 mlm.

Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh berkenaan Butiran 00100 - Pusat Perkhidmatan Wanita. Saya dapati dari Bajet yang telah dibentangkan untuk tahun 2006, tidak ada peruntukan untuk pusat khidmat wanita ini. Seperti yang telah dimaklumkan bahawa Menteri sendiri telah pernah mengumumkan bahawa tiap-tiap kawasan Parlimen akan dapat diadakan pusat khidmat wanita ini.

Kita lihat bahawa pusat wanita ini memang adalah satu cara yang amat penting dan baik untuk kita membantu dengan lebih dekat lagi wanita-wanita yang memerlukan perkhidmatan dan juga masalah-masalah yang mereka hadapi. Jadi, saya harapkan pihak kementerian boleh mengambil berat berkenaan dengan penubuhan pusat khidmat wanita ini di tiap-tiap kawasan Parlimen.

Berkenaan dengan Butiran 00200 - Penyelidikan Hal Ehwal Wanita. Saya lihat daripada anggaran Bajet yang telah di peruntukan adalah lebih kurang RM3 juta, tetapi dalam tahun-tahun yang lepas ini, kita lihat tidak ada perbelanjaan. Maksudnya duit ini tidak digunakan langsung. Saya nak minta sedikit penjelasan kenapa perkara ini berlaku. Ini kerana kita dapati bahawa Penyelidikan Hal Ehwal Wanita itu memang sangat-sangat penting. Untuk merancang sesuatu, kita perlu mempunyai data-data yang cukup. Kalau kita tidak mempunyai, kementerian tidak mempunyai atau pun tidak menggunakan kaedah penyelidikan ini, maka kita tidak dapat rancang dengan baik sebab kita tidak mempunyai butir-butir ini.

Jadi sebenarnya, kita patut memperuntukkan lebih lagi untuk bidang ini supaya kita boleh dapat semua maklumat yang perlu berkenaan dengan hal ehwal wanita. Dengan maklumat-maklumat itu, baru kita dapat tahu dengan lebih total berkenaan dengan masalah yang sebenarnya dan keadaan yang sebenarnya. dan daripada maklumat itu, baru kita boleh rancang dengan lebih sempurna, polisi-polisi yang boleh membawa untuk membangunkan atau pun membantu wanita di negara kita ini.

Berkenaan dengan dasar wanita yang terdapat sekarang, kita sangat-sangat berharap, saya memang menyokong apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Gantang tadi, berkenaan dengan 30% untuk wanita dalam *decision making*. Kita lihat, Perdana Menteri kita begitu prihatin sekali dan telah memberikan peluang supaya kita dapat mengadakan satu ruang untuk mencapai matlamat ini. Tetapi dalam keadaan yang sedemikian, kita perlukan banyak bantuan, terutama sekali sama ada daripada peruntukan undang-undang atau pun secara dengan polisi yang tertentu supaya perkara ini dapat dicapai dengan lebih awal lagi. Ini kerana dalam keadaan sekarang, kita memang '*handicap*', kita memang perlukan '*handicap*' ini supaya kita mempunyai *level playing ground* yang sama dengan kaum lelaki supaya kita boleh sama-sama memainkan peranan untuk membantu menyumbang tenaga wanita ini untuk kebaikan dan pembangunan negara.

Terima kasih Tuan Pengerusi, itu saja yang saya nak bangkitkan dan harap mendapat penjelasan daripada pihak kementerian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Bera.

9.59 mlm.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Secara ringkasnya saya ingin merujuk kepada Butiran 040100 - Pengurusan Kebajikan Masyarakat, 040500 - Perundingan dan Khidmat Masyarakat.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah menaikkan bantuan kepada penerima-penerima kebajikan seperti OKU, orang tua, ibu tunggal dan sebagainya. Bagaimana pun, cara pengeluaran, penyaluran bantuan kepada penerima-penerima ini telah menimbulkan kesulitan dan kesusahan.

Pada hari ini bantuan-bantuan disalurkan melalui Bank Simpanan Nasional. Seperti kita tahu tentu sajalah Bank Simpanan Nasional terletak di bandar-bandar. Ini bermakna setiap penerima terpaksa berulang alik ke bandar untuk mengeluarkan bantuan-bantuan yang disalurkan kepada mereka. Ini tentu sahaja menimbulkan kesusahan, sudahlah mereka orang tua, misalnya uzur, mereka yang cacat, OKU dan sebagainya terpaksa beratur berjam-jam di BSN untuk mengeluarkan wang dan kerana kemiskinan mereka, tentu sahaja mereka tidak mempunyai kenderaan sendiri. Jadi ada

kalanya mereka terpaksa untuk berulang alik ke bandar mengeluarkan wang mereka, terpaksa menyewa kenderaan-kenderaan seperti van dan sebagainya.

Jadi cadangan saya walaupun niat kita baik tapi kalau caranya tidak baik, tentu sahaja niat kita menjadi seolah-olah tidak baik. Jadi saya mencadangkan supaya diwujudkan Akaun Amanah yang dipegang oleh JKK di setiap kampung supaya setiap bulan duit dimasukkan ke dalam akaun JKK tersebut dan JKK ditugaskan untuk menghantar wang-wang tersebut terus kepada penerima-penerima bantuan kebajikan masyarakat.

Yang keduanya, buat masa ini borang-borang permohonan JKM 17 iaitu untuk bantuan kewangan orang miskin, orang tua, bantuan kanak-kanak dan anak yatim dianggap sulit dan tidak boleh dikeluarkan. Pihak yang memohon perlu pergi ke Pejabat Kebajikan Masyarakat, perlu di *interview* dan disiasat, baru borang boleh dikeluarkan. Alasannya sulit kerana ada butir-butir peribadi yang melibatkan kewangan, saya kira ini tidak munasabah kerana borang PPRT juga untuk orang miskin tidak dianggap sulit dan boleh diberi kepada sesiapa sahaja. Dengan itu saya mencadangkan borang-borang dikeluarkan, diberi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat misalnya untuk diedarkan kepada golongan yang miskin dan selepas diisi dan sebagainya barulah pihak pegawai kebajikan boleh menyiasat sebelum diberikan bantuan.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Penjelasan Yang Berhormat bagi Bera. Baru-baru ini Kabinet telah menubuhkan Majlis yang keputusan Kabinet telah mengarahkan supaya ditubuhkan Majlis Kebajikan Masyarakat peringkat Daerah di mana Majlis ini dipengerusikan oleh Ahli Parlimen. Tidakkah majlis ini menjadi satu majlis yang bertindak untuk membuat penilaian dan seterusnya membuat keputusan untuk memberi mereka yang layak. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Sebenarnya fungsi Majlis tidak seperti itu tapi kalau kita boleh mencadangkan untuk mempermudah supaya Majlis Kebajikan Masyarakat yang dipengerusikan oleh Ahli Parlimen boleh membantu pihak kebajikan dari segi mempercepatkan proses dan juga pengedaran borang-borang yang dianggap sulit tadi. Satu perkara lagi ialah bantuan untuk kanak-kanak dan OKU misalnya, tidak boleh diluluskan di peringkat daerah. Saya beri contoh Bera misalnya, apabila diterima permohonan, borang itu akan disiasat dan ianya mengambil masa dua, tiga minggu dan sebagainya.

Selepas itu, perlu pula dihantar ke Kuantan, ibu pejabat Kebajikan Masyarakat Peringkat Negeri dan biasanya Kuantan akan mengambil masa selama dua bulan sebelum diluluskan. Jadi waktu tiga bulan adalah panjang bagi golongan yang memerlukan pembelaan seperti orang-orang miskin ini. Bagi mereka RM100 atau RM200 besar ertinya, jadi saya mencadangkan supaya Pejabat Kebajikan Daerah diberikan kuasa untuk meluluskan setiap permohonan yang diberi tanpa menerima kelulusan daripada pihak negeri. Dengan itu ia boleh menyingkatkan masa kelulusan.

Satu lagi Yang Berhormat Tuan Pengerusi, ialah dari segi Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK). Saya ingin memaklumkan bahawa gaji guru-guru PDK adalah terlalu rendah iaitu RM500 sebulan. Jika ditolak EPF, gaji mereka hanya tinggal RM445. Ini berbeza dengan guru tadika KEMAS yang sekarang ini telah dinaikkan kepada RM800 sebulan. Saya nak maklumkan bahawa mengajar kanak-kanak OKU bukanlah mudah, jadi mereka perlu diberikan pertimbangan supaya dinaikkan gaji sekurang-kurangnya sama tarafnya dengan guru-guru KEMAS iaitu RM800. Sekarang pembayaran juga dibuat melalui ibu pejabat di Kuala Lumpur. Saya nak maklumkan di Bera, kerana lambatnya diterima daripada Kuala Lumpur, kadang-kadang guru PDK terpaksa menunggu sehingga lima bulan untuk menerima gaji mereka. Jadi saya berharap perkara ini diberi pertimbangan.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, akhir dua kali fasal saya ada dua lagi Tuan Pengerusi, ya. Yang pertama, ialah mengenai kurangnya tempat-tempat tumpangan bagi kes-kes keganasan rumah tangga. Di Pahang, tiada. Mereka yang mengalami keganasan rumah tangga hanya menumpang di RKK iaitu Rumah Kanak-kanak Tengku Ampuan Fatimah. Tidak ada khusus untuk mereka yang menerima, yang menjadi mangsa kepada keganasan rumah tangga. Saya harap pihak Kementerian mewujudkan lebih banyak pusat perlindungan rumah tangga terutamanya bagi isteri-isteri yang menghadapi keganasan rumah tangga dan menunggu perceraian. Sebab bagi orang Islam misalnya, perempuan Islam misalnya, apabila keganasan rumah

tangga berlaku, jika mereka lari sebelum perceraian dibuat, mereka akan dianggap derhaka iaitu *nusyuz* dan ini akan menimbulkan masalah dari segi pembahagian harta dan sebagainya. Jadi wujudkan perkara ini.

Dan akhir sekali terima kasih Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi: Terakhir? Yang terakhir.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terakhir, ini betul-betul terakhir iaitu mengenai bengkel pemulihan latihan vokasional untuk OKU. Soalan saya apakah jaminan mereka tidak di diskriminasi selepas keluar daripada kursus-kursus latihan bengkel pemulihan? Apakah ada pena diwujudkan untuk memantau OKU yang sudah menjalani kursus daripada bengkel-bengkel pemulihan tersebut? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Bukit Mertajam.

10.07 mlm.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya sangat kecewa kerana Menteri tadi ada datang tapi sekarang tak ada, ya. Bajet 2006 telah memperuntukkan pelepasan cukai sebanyak RM5,000 kepada individu yang mempunyai anak yang kurang upaya yang belajar di institusi-institusi pengajian tinggi. Akan tetapi keluarga yang akan mendapat faedah ini adalah sangat kurang, ini disebabkan oleh kebanyakan keluarga masih tidak berkemampuan untuk memberi pendidikan asas yang baik kepada anak-anak yang kurang upaya.

Untuk mengasuh dan mendidik seorang kanak-kanak kurang upaya bukan sahaja memerlukan wang banyak tetapi ia juga memerlukan banyak masa dan usaha. Oleh sebab kurangnya kemudahan asas dan awam untuk mengasuh dan mendidik kanak-kanak kurang upaya ini, tanggungjawab dan tugas untuk mengasuh dan mendidik kanak-kanak kurang upaya ini pada masa kini terletak hampir semata-mata di bahu ibu bapa mereka sahaja. Untuk mereka yang berpendapatan sederhana dan rendah, ia menjadikan satu beban yang berat. Saya berpendapat kerajaan seharusnya membantu keluarga-keluarga yang mempunyai anak-anak kurang upaya ini dari segi menaikkan taraf kehidupan mereka dan juga membekalkan pendidikan dan latihan asas dari peringkat awal.

Kementerian harus mengenalpastikan bantuan-bantuan yang diperlukan oleh mereka yang mengalami cabaran-cabaran fizikal secara khusus. Kanak-kanak yang mengalami kecacatan pada tubuh badan memerlukan bantuan dari segi pengangkutan serta kerusi roda. Kanak-kanak yang menghadapi *autistic* memerlukan bantuan dari segi peralatan, teknik dan informasi latihan. Untuk kanak-kanak *autistic*, kerajaan juga harus mendirikan pusat-pusat informasi bagi melatih ibu bapa mereka supaya mereka dapat mendidik dan mengasuh kanak-kanak *autistic* secara berkesan. Memandangkan ramai ibu bapa masih mempunyai pengetahuan yang terhad terhadap penyakit *autistic*, maka kerajaan harus memberi peruntukan kewangan untuk menjalankan kempen kesedaran dan latihan kepada para kakitangan perubatan supaya mereka dilengkapi cara untuk memeriksa dan mengesan tanda-tanda *autistic* pada kanak-kanak pada peringkat lebih awal.

Ini adalah untuk membolehkan rawatan dan latihan yang lebih berkesan jika penyakit ini dikesan lebih awal. Oleh sebab setiap cabaran fizikal melahirkan keperluan terhadap jenis bantuan yang berlainan, maka Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat harus mengadakan pendaftaran mengikut jenis cabaran fizikal. Pendaftaran ini adalah tidak sesuai di mana *autistic* terencat akal dan *down syndrome* didaftarkan sebagai masalah pembelajaran. Tidak dapat membayangkan bagaimana Kementerian Pendidikan dapat membuat peruntukan yang tepat bagi menyediakan keperluan pendidikan asas, menyediakan pelatih dan merangka latihan apabila data-data yang lengkap tidak dapat diperolehi. Begitu juga dengan Kementerian Kebajikan kerana ia juga tidak dapat memberi bantuan yang sesuai.

Matlamat untuk membantu kanak-kanak kurang upaya ialah mengharapkan mereka dapat hidup berdikari seperti orang biasa agar mereka juga dapat mendirikan keluarga dan menyumbang kepada pembangunan masyarakat. Untuk tujuan ini, persepsi terhadap kanak-kanak kurang upaya ini haruslah berubah. Bantuan bukannya cuma setakat kebajikan ataupun jasa baik sahaja, tetapi ia adalah hak kanak-kanak

kurang upaya ini untuk mendapat pendidikan dan kerjaya yang saksama. Bantuan tambahan untuk mereka adalah perlu supaya mereka dapat bersaing dengan kanak-kanak yang sempurna fizikal. Ini adalah selaras dengan prinsip keadilan masyarakat.

Tuan Pengerusi, Setiausaha Parlimen Kementerian ini pernah mengatakan beliau atau kementerian akan mengambil perhatian tentang permintaan untuk mendaftarkan kanak-kanak *autistic* dan juga *down syndrome* mengikut kecacatannya, tetapi sampai hari ini dia belum melaksanakan. Saya tidak lihat kerja ini ada begitu susah sehingga dia tidak dapat dilaksanakan kerana dia hanya memerlukan untuk mewujudkan satu borang lagi *specifically* untuk kanak-kanak *autistic*. Saya harap kementerian akan lebih peka kepada keperluan ini.

Saya juga ingin bertanya bagaimana dengan kedudukan *disability laws* yang diminta oleh orang-orang kurang upaya supaya mengadakan akta yang spesifik untuk membantu mereka. Adakah kerajaan akan melaksanakan?

Tuan Pengerusi, dalam satu jawapan bulan September tahun ini, kementerian telah mengatakan bahawa projek perintis analisa bajet *gender* di bawah lima buah kementerian perintis telah dilaksanakan dan kelima-lima kementerian perintis diwajibkan membuat analisa bajet mengikut keperluan *gender* bagi program-program tertentu di bawah bajet mengurus mulai bajet tahun 2006 dan 2007. Jadi ialah bajet yang kita sekarang bahaskan. Jadi saya ingin mendapat penjelasan atau maklumat di mana program yang mana di bawah lima kementerian ini yang telah dijalankan analisa mengikut *gender*. Saya membaca ucapan dalam bajet ini, ucapan Yang Amat Berhormat, dia tidak langsung menyentuh bahawa telah dilaksanakan.

Umpamanya pada muka surat 41, saya ingin mengambil contoh ini, supaya nanti Setiausaha Parlimen boleh memberitahu Dewan ini bagaimana dia telah di *analysed*. Iaitu di projek *program prospects* siswazah yang akan dilaksanakan untuk menggalakkan siswazah menceburi bidang keusahawanan. Sebagai permulaan, seramai 200 graduan akan dibantu memulakan perniagaan pada tahun 2006 dengan pembiayaan sehingga RM50 ribu setiap usahawan.

Jadi dalam program ini, macam mana dia telah di *analysed* mengikut *gender*? Adakah telah dibuat rancangan berapa ramainya ialah siswazah wanita dan berapa ramainya ialah siswazah lelaki? Kalau dia ada buat analisa mengikut *gender*, dia patut ada rancangan sekarang.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini kita menikmati banyak kes penyalahgunaan kuasa pegawai polis terhadap wanita, sama ada wanita kita diri sendiri ataupun wanita negeri China ataupun wanita minoriti, *transsexual*. Saya rasa ini kerana kekurangan kesedaran *gender* dan juga memandangkan wanita sebagai saksama dan melihat bahawa wanita juga mempunyai hak asasi. Sepatutnya apabila kementerian ini diwujudkan pada awalnya, dia ialah pembangunan wanita dan keluarga.

Di bawah peruntukan bajet, dia ada satu Butiran ialah Latihan *Gender*. Selepas kementerian ini diperluaskan menjadi Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Butiran ini telah tidak ada lagi dalam Bajet 2006. Jadi saya rasa khuatir. Pada masa sekarang memang kita memerlukan program ini dan kalau ia tidak dijalankan, kita akan terus menghadapi masalah penyalahgunaan kuasa terhadap wanita dan mencabuli hak asasi mereka.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Penjelasan sedikit Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Okey.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Pada hemat saya, yang *interrogate* wanita itu, wanita juga. So wanita menyalahgunakan kuasa mendiskriminasikan wanita. Bagaimana situasi ini boleh berlaku? Lainlah kalau lelaki yang *interrogate* wanita.

Puan Chong Eng: Itu soalan yang sangat baik. Itu menunjukkan bahawa kuasa itu *corrupt*. Apabila wanita di kedudukan yang berkuasa, dia juga boleh mencabuli hak asasi atau boleh menganiayai wanita atau lelaki yang kurang berkuasa daripada dia. Jadi...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Itu sudah lari topik. Dah lain!

Puan Chong Eng: Itulah keganasan keluarga ataupun gangguan seksual. Itu selalunya ialah kerana ketidaksaksamaan perhubungan kuasa, itu memang ada *gender*. *It's part of the gender* kerana...

Tuan Pengerusi: Cukup, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: ...kerana *gender relationship* selalunya ialah wanita *subordinate* kepada lelaki.

Tuan Pengerusi: Masa cukup.

Puan Chong Eng: ...wanita yang tidak begitu berkedudukan tinggi seperti wanita.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa cukup, Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Jadi wanita tidak boleh diberi kuasalah, Yang Berhormat. Kalau wanita diberi kuasa, dia salah gunakan kuasa. Betul?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, masa cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Sedikit sahaja.

Puan Chong Eng: Sedikit sahaja.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya hanya hendak tanya Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, kalau orang macam Yang Berhormat bagi Sri Gading, Yang Berhormat bagi Tangga Batu...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Tangga Batu, duduk!

Puan Teresa Kok Suh Sim: ...setiap kali sebelum mereka masuk ke Parlimen, mereka harus tanggal baju semua di hadapan pegawai lelaki, sukakah? Apakah perasaan Yang Berhormat bagi Sri Gading dan juga Yang Berhormat bagi Tangga Batu? Apakah pandangan Yang Berhormat?

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Puan Chong Eng: Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat bagi Seputeh sudah salah bikin soalan inilah!

Puan Chong Eng: Saya rasa kita semua tidak sukalah, Yang Berhormat bagi Sri Gading pun tidak suka, Yang Berhormat bagi Tangga Batu pun tidak suka.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Belum tahu! [Ketawa]

Puan Chong Eng: [Ketawa] Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu itu, bukan tidak memberi kuasa kepada wanita, tetapi memberi kuasa, kuasa itu mesti disemak sama ada wanita atau lelaki. Kuasa itu mesti disemak, nanti kalau *absolute power*, dia *corrupts absolutely*!

Tuan Pengerusi: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah.

Puan Chong Eng: Jadi saya ingin sedikit lagi, saya mencadangkan supaya kementerian untuk program yang jangka masa pendek, dia mesti memulihkan, mengembalikan kursus atau program latihan kesedaran *gender* dan untuk jangka masa panjang, kita mesti menyemak balik semua *including textbooks* di sekolah. Saya rasa ini telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sendiri sewaktu beliau adalah seorang *backbencher*. Jadi saya rasa beliau tahu dan beliau sekarang telah diberi kuasa untuk melaksanakan. Saya harap beliau akan melaksanakan dan menjalankan tugas ini, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Baik, Yang Berhormat bagi Santubong.

10.19 mlm.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih, ini penutup malam, jangan ganggu saya. Wanita, kalau hendak pembelaan. Saya membahaskan Butiran ini di bawah 020000 Pembangunan Wanita.

Yang pertama, Tuan Pengerusi, saya hendak menyokong supaya wanita diberi peluang dan ruang untuk mengisi kuota yang dikatakan 30% dalam satu kedudukan membuat keputusan dalam negara. Kalau kita lihat nisbah wanita dan lelaki di negara kita sudah melebihi 50:50 sedemikian. Jadi adalah adil bagi kita menyokong tindakan supaya wanita diberi keadilan dari segi penglibatan dalam *decision making* dalam kerajaan dan jabatan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Penjelasan, Yang Berhormat bagi Santubong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sedikit, sedikit sahaja.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Ya, kenapa 30? *Why not 50? Why not 60?* Saya tanya kenapa 30, Tuan Pengerusi.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Belum habis Yang Berhormat, saya hendak sebut, kalau saya berbincang dengan pegawai UNDP semasa berada di luar negeri, saya diberi maklum bahawa negara semacam Iceland sudah sampai 48% wanita *in position of decision making*. Begitu juga di Norway sudah sampai 42% dan begitulah juga di mana-mana *Nordic country*, ia sampai *achieve* 40%. Jadi dalam keadaan yang sedemikian kalau kita hendak membuktikan bahawa kita tidak ada diskriminasi dan kita telah menjangkau ke tempat yang maju, kita sepatutnya menyokong tindakan ini. Permintaan daripada wanita ini adalah *modest* sekali iaitu kesederhanaan sekali iaitu 30% sahaja.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Penjelasan, penjelasan

Tuan Pengerusi: Yang mana satu?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Siapa?

Puan Chong Eng: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam hendak tolong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya hendak bagi dengan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, dengar kawan ini.

Puan Chong Eng: Ya, saya cuma hendak menjelaskan mengapa 30% itu dilihat sebagai satu *critical mess*. Kalau ia tidak sampai 30%, suaranya tidak cukup kuat dan itu adalah permintaan minimum dan selepas itu ia boleh capai 50%, okey?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Kalau jawapan itu sebenarnya macam ini, Yang Berhormat, sebab oleh kerana kita mesti *go by progression*. Jadi *United Nation* pun tidaklah begitu orang Sarawak kata "temahak" sangat, hendak minta banyak-banyak sangat. 30% itu diiktiraf oleh *United Nation* sebagai *benchmark* untuk kenaikan buat sementara ini, mungkin 2005. 2010 kita hendak naik tingkat lagi supaya kita dinampakkan sebagai negara yang maju yang mengiktirafkan kedudukan wanita sebagai ibu, sebagai anak supaya dapat menjaga institusi keluarga. Dalam keadaan sedemikian, kita menyokong.

Jadi satu perkara yang kita mempersoalkan, saya juga menyokong soalan *gender perspective*. Saya pernah dihantar oleh Parlimen untuk menghadiri satu perbincangan soal bajet *gender perspective* di Philippines. Saya orang lelaki mewakili wanita. Jadi kita mesti melihat soal ini sama ada kementerian telah mendapat sokongan daripada Kabinet supaya memberi peruntukan yang mencukupi, bukan sahaja dalam bidang pendidikan, bidang kuasa dalam kerajaan, tetapi juga dalam bidang ekonomi dan *commerce* supaya peruntukan-peruntukan yang tertentu diberi peruntukan yang tertentu untuk wanita ini memajukan mereka sendiri.

Jadi dia tidak lagi bersaing dengan pihak lelaki yang dianggap telah maju dalam bidang ini dan kriteria-kriteria untuk menilai mereka apabila meminta sokongan juga tidak diperbandingkan di antara wanita dan lelaki. Inilah yang dikehendaki oleh pihak IPU dalam persidangannya, persoalan *gender perspective* dalam *budgeting* yang diadakan di Manila dua tahun lepas.

Tuan Pengerusi, saya pernah dahulu daripada ini sebelum kementerian ini ditubuhkan bertanya apakah kerajaan telah menilai undang-undang yang diadakan di negara kita. Saya pernah bertanya dengan kementerian ini dan kementerian ini telah

diwujudkan oleh kerajaan. Saya bertanya sekali lagi di bawah 040600 – Perundangan dan *Advocacy*. Di bawah persoalan ini saya hendak tanya, sudahkah kementerian membuat satu penilaian yang terperinci untuk melihat daripada segi undang-undang negara, melihat daripada peraturan-peraturan negara, melihat amalan-amalan di pejabat dan di mana-mana sahaja negara yang mendiskriminasikan wanita.

Kalau ada, minta senarai itu dihuraikan di Dewan ini supaya kita membuat cadangan di mana kelemahan undang-undang yang patut dipinda di Parlimen, mana kelemahan peraturan yang patut dipinda di pejabat...

Tuan Nasaruddin bin Hashim: [*Bangun*]

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: ...mana amalan yang kurang kita hendak ajarkan pegawai-pegawai jangan mendiskriminasikan wanita. Sila, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Yang Berhormat, kita ini selalu minta tambah undang-undang baru dan sebagainya, tetapi undang-undang yang ada pun bukan sahaja dalam konteks kementerian ini pun kita tidak laksanakan sepenuhnya. Jadi, saya berpandangan Yang Berhormat kalau boleh sebelum kita keluarkan atau gubal undang-undang baru, lebih baik kita menggunakan pendekatan kaunseling. Mereka yang bermasalah ini kita bagi kaunseling dahulu kerana kaunseling ini boleh memberi kesedaran kepada mereka yang berkenaan dan jika kita gubal undang-undang nanti, mereka boleh menerima undang-undang ini dengan lebih baik dan sebagainya. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sebenarnya saya mengatakan undang-undang yang telah wujud, peraturan yang telah wujud kalau dia mendiskriminasikan. Umpamanya peraturan yang kita sudah adakan dahulu telah tidak dipakai lagi. Kalau seseorang itu hendak minta passport, dia mesti ditandatangani oleh bapa, ibu tidak boleh tandatangani. Maknanya kalau sudah bercerai mesti hendak cari si ayah ini, kalau ayah ini *belligerent* sedikit tidak bolehlah dapat, anak ini tidak bolehlah pergi sekolah pun tidak boleh. Jadi, kita pernah mendesak kerajaan supaya perkara ini diubahsuai, supaya wanita diberi kuasa, ibu diberi kuasa, jadi banyak perkara yang lain yang patut kita selidiki undang-undang yang telah ada yang diguna pakai. Ini perlu kita perbaiki supaya jangan mendiskriminasikan.

Yang akhir, Tuan Pengerusi ialah soal 01001 – Pembinaan Pusat Jagaan Harian Warga Tua. Di Sarawak, Tuan Pengerusi, banyak orang tua yang berumur 59, 80, 60 ini melepak, orang tua melepak, Tuan Pengerusi, di satu kawasan pekan dinamakan *Electra House*, sampai polis suruh orang tua ini lari-lari sebab tidak ada tempat riadah, tempat mereka bermain, berbincang sesama sendiri. Jadi kalau diwujudkan pembinaan pusat jagaan harian warga tua ini disediakan dengan televisyen, ruang untuk membaca surat khabarnya, ruang untuk bermain *billiard*, apa sahaja permainan yang dibolehkan, diadakan di tempat yang strategi, janganlah tempat yang jauh sangat.

Tuan Pengerusi, kalau di tempat yang jauh sudah naik basikal tidak boleh, naik motor, tidak boleh naik kereta, tidak boleh lagi dia kena jalan kaki, gunakan bas. Jadi, saya minta kepada kementerian mewujudkan sumber kewangan yang lebih besar lagi untuk kegunaan ini diberi tiap-tiap negeri dan bandar-bandar yang besar di seluruh negara. Tuan Pengerusi, saya ucap berbanyak-banyak mengatakan terima kasih dan menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Ledang.

10.27 mlm.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak cakap pendek sahaja iaitu Butiran 10000 dan yang berkaitan.

Tuan Pengerusi: Masa pun sudah pendek.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: [*Ketawa*] Tuan Pengerusi, dahulu kerajaan ataupun kementerian ini selalu menyebut tentang taman asuhan kanak-kanak yang perlu dibina dan yang juga telah dibina di pejabat-pejabat kerajaan, di kilang-kilang, di

pejabat-pejabat swasta dan sebagainya. Tetapi sehingga ini kita, saya masih lagi tertanya berapakah yang telah dibina oleh pihak kerajaan, khususnya di kompleks-kompleks pejabat ataupun jabatan-jabatan kerajaan. Malahan di Putrajaya pun saya tertanya-tanya. Yang saya ingat di Jalan Duta ada, dahulu di Kompleks Kewangan.

Begitu juga saya masih tertanya-tanya berapakah dari segi statistik pusat-pusat jagaan kanak-kanak yang telah pun dibina oleh pihak swasta, khususnya oleh pihak korporat sama ada oleh syarikat-syarikat yang disenaraikan di BSKL, sama ada syarikat yang ada kaitan dengan kerajaan, GLC dan juga syarikat-syarikat lain juga syarikat-syarikat yang besar tetapi belum lagi ataupun tidak disenaraikan di BSKL.

Saya menyatakan demikian, Tuan Pengerusi, sebab saya melihat bahawa hubungan di antara ibu atau bapa terutama ibu sebab ramai wanita yang bercakap tentang hak wanita tadi perlu sentiasa rapat dengan anak-anak mereka. Terutamanya bagi ibu yang masih lagi menyusukan anak. Saya rasa Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bersetuju dengan saya. Walaupun wanita di Malaysia yang bersalin diberikan hak bercuti selama 2 bulan, tetapi pada pandangan saya hubungan mereka dengan anak-anak yang baru dilahirkan mestilah diteruskan dan diberi peluang untuk mereka kerap menyusukan susu mereka kepada anak-anak mereka yang masih bayi sehingga umur 2 tahun.

Seorang Ahli: Susu apa?

Ir. Haji Hamim bin Samuri: *[Ketawa]* Sehingga umur 2 tahun. Jika ini boleh diamalkan, Tuan Pengerusi, saya yakin kanak-kanak yang baru mula hendak membesar akan turut mendapat belaian kasih sayang dan akan merasa bahawa mereka sentiasa rapat dengan ibu, tidaklah mereka terputus susuan ibu sehinggakan mereka lebih banyak menyusu susu lain selain daripada susu ibu. Jadi, Tuan Pengerusi, saya mengesyorkan supaya perkara ini dilihat dan biarlah pembinaan pusat-pusat asuhan kanak-kanak tersebut diteruskan di seluruh negara. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat setakat itu sahajalah untuk malam ini ya, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Khamis, 1 Disember 2005.

Dewan ditangguhkan pada jam 10.31 malam.